

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SEJARAH SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA  
1957-1989**

**SHARIPAH AINI BINTI JAAFAR**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SEJARAH SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA  
1957-1989**

**SHARIPAH AINI BINTI JAAFAR**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: SHARIPAH AINI BINTI JAAFAR

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 120001

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH  
SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA 1957-1989**

Bidang Penyelidikan: **SEJARAH MALAYSIA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan ekstrak rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juu bentuk atau dengan apa juga cara sekali pun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:  
Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah sekolah-sekolah di Malaysia dari tahun 1957 sehingga 1989. Pelaksanaan kajian ini berikutan semangat jati diri dan perasaan sayangkan negara belum begitu terkesan dalam kalangan warganegara ini. Hal ini disusuli pula dengan keputusan peperiksaan SPM peringkat nasional yang kurang memberangsangkan. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengkaji sejauh mana pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dari aspek dasar, sukanan pelajaran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam tempoh tersebut. Selain itu, untuk mengenal pasti dan menganalisis permasalahan berkaitan cabaran dan halangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Objektif kajian ini juga turut mengupas langkah-langkah dan strategi dalam menangani permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sekolah-sekolah di Malaysia dari tahun 1957 hingga 1989. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang meliputi penyelidikan perpustakaan dan temu bual terbuka dengan orang perseorangan. Penyelidikan perpustakaan dibuat bagi meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer seperti fail-fail, rekod-rekod rasmi dan surat-surat persendirian di samping merujuk sumber-sumber sekunder seperti buku, akhbar dan majalah. Skop kajian ini bermula pada tahun 1957 setelah Malaysia mencapai kemerdekaan dan langkah pertama negara mencorakkan kepimpinan mengikut acuan sendiri. Kajian ini diakhiri pada tahun 1989 setelah mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai subjek teras. Dapatkan kajian menunjukkan beberapa dasar bagi mata pelajaran Sejarah dibentuk demi meningkatkan semangat jati diri dan perpaduan kaum. Selain itu, terdapat pelbagai cabaran dan halangan sepanjang pelaksanaan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah. Antaranya berkaitan sistem pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan semata-mata, ketidakcukupan edaran buku teks, kelemahan kandungan dan ketepatan fakta dalam buku teks selain pembelajaran Sejarah yang berpusatkan guru. Justeru, pelbagai langkah dan strategi telah dilakukan oleh pihak kementerian serta badan NGO

seperti strategi pengesanan dan penilaian, program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, kajian semula kurikulum dan buku teks serta kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia dengan KPM dalam usaha menangani masalah yang dihadapi sehingga mata pelajaran ini diangkat menjadi subjek teras pada tahun 1989.

University Of Malaya

## **ABSTRACT**

This research discusses on the implementation of teaching and learning History in Malaysian schools from 1957 to 1989. The implementation of this research is due to the fact that individual identity and love for the country among Malaysian citizens are not up to par. This is followed by the unsatisfactory results of the SPM examination nationwide. Therefore, the objective of this research is to study how far the implementation of History is foundation-wise. Apart from that, it also covers the syllabus and the teaching and learning methods of History during that specific time period. Furthermore, it is to identify and analyze the setbacks connected to challenges and obstacles in the implementation of teaching and learning History. The objective of this research broadens its area to unfolding the steps and strategies in dealing with setbacks in teaching and learning History in Malaysian schools from 1957 to 1989.

This research is a qualitative research which touches on library research and open individual interviews. Library research is done to study and analyze primary sources such as files, official records, and personal letters apart from secondary sources such as books, newspapers, and magazines. The scope of this research starts in 1957 after Malaysia gained its independence and took its first step in shaping its own leadership style. This research ends in 1989 after History became a core subject. The research findings show that a number of policies for History have been made to improve individual identity and unity among races. It is noted that there were several challenges and obstacles during the implementation of History in schools. These include the learning system which is solely examination-based, insufficient circulation of textbooks, flaws in the content and accuracy of facts in textbooks, and also the teaching method of History which is teacher-oriented. With all being said, numerous steps and strategies have been taken by the Ministry and NGOs such as detection and evaluation strategies, Student Integration Plan for Unity (RIMUP) programme, re-evaluation of curriculum and textbooks, plus the co-operation between Malaysian

Historical Society and the Ministry of Education (MOE) in dealing with the setbacks faced until this subject is recognized as a core subject in 1989.

University Of Malaya

## PENGHARGAAN

Bismil 'lāhir' rahmānnir' Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, tesis penyelidikan ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu, terutamanya penyelia tesis iaitu Dr. Arba'iyah bt Mohd Noor dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya di atas bimbingan, nasihat, teguran dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh menjayakan tesis penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang beliau berikan banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini.

Selain itu, tidak lupa juga saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan Sejarah, Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan yang banyak membantu saya semasa menjalankan penyelidikan bagi menyiapkan laporan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar, semangat dan bantuan daripada mereka, amatlah sukar untuk saya melaksanakan penyelidikan. Demikian juga terima kasih saya ucapkan kepada guru-guru yang terlibat dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri Perak dan Pengarah Pendidikan Daerah kerana memberikan kebenaran kepada saya menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah sekitar Perak. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada responden kajian yang memberi kerjasama semasa kajian dijalankan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga yang banyak membantu memberikan semangat dan dorongan kepada saya meneruskan pengajian di peringkat ini, terutama adik saya Nor Adiffara kerana dengan sokongan beliaulah saya berjaya merealisasikan impian arwah ibu dan bapa saya. Keprihatinan, galakan dan semangat yang diberikan beliau sepanjang menjalankan penyelidikan, menemani sepanjang pengajian tidak dapat dibalas sepanjang hayat.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah sahaja yang dapat membala segala jasa yang dicurahkan. Semoga segala usaha ini diberkati Allah *subhanawata'ala*.

Wassalam

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Perakuan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	vii
Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	xi
Senarai Graf	xii
Senarai Simbol dan Singkatan	xiii
Senarai Lampiran	xvi

## BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Permasalahan Kajian	3
Objektif Kajian	5
Skop Kajian	5
Kepentingan Kajian	6
Ulasan Literatur	9
Kaedah Penyelidikan	30
Batasan Kajian	34
Pembahagian Bab	35

## BAB 2: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH SEBELUM MERDEKA

Pengenalan	37
Latar Belakang Pembelajaran Sejarah Zaman Tradisional	39
Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	56
Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Melayu	58
Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Inggeris	64
Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Cina	71
Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Tamil	79
Kesedaran Pembelajaran Sejarah Masyarakat Melayu	85
Kesimpulan	98

## BAB 3: DASAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH

Pengenalan	100
Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	101
Dasar Satu Sistem	103
Sukatan Pelajaran Sejarah Selepas Merdeka (1957-1973)	105
Sukatan Pelajaran Sejarah Baru (1973-1989)	114
Kandungan Sukatan Pelajaran Sejarah Baru	117
Dasar Penggunaan Sukatan KPM	125
Dasar Kesejagatian	126
Dasar Penyeragaman Sukatan Pelajaran	128
Dasar Lulus Sejarah Prasyarat ke Institut Perguruan	131
Dasar Sejarah Sisipan Objektif Rukun Negara	133
Dasar Sejarah Sebagai Disiplin Ilmu	134

Dasar Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Teras	136
Faktor Perubahan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	140
Tidak Memenuhi Matlamat dan Kehendak Negara	142
Kesan Tragedi 13 Mei 1969	143
Faktor Perubahan Politik	146
Kesan Perakuan-Perakuan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet	148
Saranan dan Laporan Jawatankuasa Pusat Kurikulum	149
Keperluan Tentang Sejarah Tempatan	151
Kepentingan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	153
Membentuk Kesepaduan Dalam Masyarakat	154
Peluang Sama Rata Kepada Semua Kaum	155
Kurikulum Berorientasikan Tempatan	156
Panduan Induk dalam Pembelajaran Sejarah	157
Meningkatkan Kualiti Profesionalisme dalam Pembelajaran Sejarah	157
Sejarah Silam Sebagai Aspirasi Perpaduan	158
Peranan Tokoh Penggerak Dasar Pembelajaran Sejarah	160
Kesimpulan	170

#### **BAB 4: KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH**

Pengenalan	172
Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	173
Kaedah Tradisional Pembelajaran Sejarah	178
Pendekatan dalam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	195
Pendekatan Penyampaian dan Penerimaan	196
Pendekatan Kemahiran Asas KBSR	198
Pendekatan Tradisional Berpusatkan Guru dan Lisan	200
Pendekatan Berorientasikan Peperiksaan	202
Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	209
Kelemahan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	220
Kesan dalam Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah	230
Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Sejarah Berpandukan KPM	249
Kesimpulan	260

#### **BAB 5: CABARAN DAN HALANGAN DALAM PEMBELAJARAN SEJARAH**

Pengenalan	261
Cabaran dan Halangan Berkaitan Sikap Pelajar	262
Pelajar Kurang Minat	263
Kesukaran Memahami Istilah dan Ayat Panjang	268
Sejarah Tiada Nilai Ekonomi	271
Kandungan Kurikulum	273
Cabaran dan Halangan Berkaitan Buku Teks	275
Cabaran dan Halangan Berkaitan Guru	295
Cabaran dan Halangan Berkaitan Kurikulum	308
Kesimpulan	315

## **BAB 6: LANGKAH DAN STRATEGI MENANGANI MASALAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH**

Pengenalan	316
Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1960-an	318
Perencanaan Kementerian Pendidikan Malaysia	318
Penubuhan Persatuan Sejarah Malaysia 1953	322
Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1970-an	325
Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Malaysia	325
Sumbangan Persatuan Sejarah Malaysia	332
Penubuhan Bahagian Khas Sekolah	334
Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1980-an	335
Program Kementerian Pendidikan Malaysia	336
Peranan Pusat Perkembangan Kurikulum	348
Peranan NGO dan Usaha Badan Luar dalam Pembelajaran Sejarah	350
Kredibiliti Guru Sejarah	358
Kesimpulan	367
<b>BAB 7: KESIMPULAN</b>	369
<b>BIBLIOGRAFI</b>	379

## **Lampiran**

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1	Mata Pelajaran Sejarah Bagi Sekolah Vernakular Melayu 1936	62
Jadual 3.1	Profil Akademik Calon yang ditawarkan Kursus Perguruan Sejarah	132
Jadual 4.1	Analisis Temu bual Jenis Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah dalam Kalangan Guru dan Bukan Guru	175
Jadual 4.2	Perbandingan Falsafah Pendidikan Sejarah 1950-an hingga 1980-an	177
Jadual 4.3	Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah SRP dan SPM Tahun 1978-1988	231
Jadual 4.4	Analisis Mata Pelajaran Sejarah SPM Peringkat Nasional 1980-1989	231
Jadual 4.5	Analisis Responden Temu bual Berdasarkan Aliran	233

## **SENARAI GRAF**

<b>Graf</b>		<b>Muka Surat</b>
Graf 4.1	Statistik Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah SRP dan SPM 1979-1988	232

## **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

( )	Unsur di dalamnya bersifat pilihan
%	Peratus
ADD	Akhbar Dalam Darjah
ASEAN	Association of South-East Asian Nation
BBT	Biro Buku Teks
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
CAI	Computer Assisted Instruction
CBI	Computer Based Instruction
CDC	Curriculum Development Centre
CMI	Computer Manage Instruction
C.O.S.C	Cambridge Overseas School Certificate
C.L.E	Cambridge Local Examination
C.L.J.E	Cambridge Local Junior Examination
C.L.S.E	Cambridge Local Senior Examination
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DPK	Dasar Pelajaran Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
G.C.E	General Certificate of Education
H.S.C	The Higher School Certificate
IAHA	International Association of Historian of Asia
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JMBRAS	Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
JNSP	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
JPN	Pusat Pendidikan Negeri

JPK	Jawatankuasa Perkembangan Kurikulum
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDC	Program Kursus Dalam Cuti
KGGMMB	Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPS	Kurikulum Pendidikan Sejarah
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
NAZIRAH	Nazir Ziarah
NGO	Non-Governmental Organizations
PPD	Pusat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PSM	Persatuan Sejarah Malaysia
PSPN	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
SITC	Sultan Idris Training College
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMR	Sekolah Menengah Rendah
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPM/MCE	Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysia Certificate of Education
SPS	Sukatan Pelajaran Sejarah
SRP/LCE	Sijil Rendah Pelajaran
SSE	State Scholarship Examination

SSM	Seminar Sejarah Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UEC	United Examination Certificate
UMNO	United Malays National Organisation
UTP	Unit Teknologi Pendidikan

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Surat Kelulusan JPN Perak
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
Lampiran C	Soalan Temu bual
Lampiran D	Borang Sesi Temu bual
Lampiran E	Analisis Keputusan SRP dan SPM 1979-1989
Lampiran F	Kertas Persidangan
Lampiran G	Salinan Jurnal
Lampiran H	Salinan Bab dalam Buku
Maklumat Tambahan	

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan pendidikan merupakan aspek yang melibatkan pemahaman untuk berfikir secara formal atau tidak formal dalam proses perolehan ilmu. Dalam kajian pendidikan, aspek pembelajaran merupakan aspek asas untuk memperoleh sesuatu ilmu khususnya yang berkait dengan masa silam. Pemerolehan ilmu yang melibatkan masa silam terkandung dalam mata pelajaran Sejarah. Mata pelajaran Sejarah adalah ilmu tentang asal-usul dan perkembangan peristiwa yang telah terjadi. Pembelajaran Sejarah merupakan proses internalisasi nilai-nilai, pengetahuan, dan keterampilan kesejarahan dari serangkaian peristiwa yang dirancang dan disusun sebaik mungkin untuk mempengaruhi dan mendukung terjadinya proses pengajaran dan pembelajaran. Proses mempelajari dan mendalami ilmu sejarah membawa kita mengenal akar umbi ketamadunan bangsa, manakala sejarah moden tanah air yang berkembang pada abad ke-19 dan 20-an pula adalah untuk memupuk semangat identiti dan jati diri yang kukuh untuk disematkan dalam diri setiap jiwa rakyat negara ini. Aspek-aspek kesejarahan ini disisipkan dalam mata pelajaran Sejarah untuk proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah.

Selepas merdeka, mata pelajaran Sejarah menjadi alat didikan yang sangat diutamakan dalam usaha menanam dan memupuk nilai serta pemikiran para pelajar generasi muda terhadap masyarakat dan negara. Malahan melalui pelajaran Sejarah juga proses mengindokrinaskan nilai-nilai yang dianggap serasi, sepadan dan bersesuaian dengan hasrat negara dapat dilaksanakan. Justeru pemahaman terhadap sejarah perlu dimiliki agar dapat mengetahui dan memahami makna dari peristiwa masa lampau untuk menghadapi kenyataan pada masa sekarang dan menentukannya pada masa akan datang kerana sejarah adalah hak preogratif manusia.

Pelaksanaan mata pelajaran ini pada peringkat awal antaranya melibatkan aspek dasar, sukanan pelajaran dan juga kaedah pengajaran. Dalam konteks pendidikan sejarah, pelaksanaan merupakan kegiatan yang dilaksanakan secara berencana, teratur dan terarah untuk mencapai tujuan yang diharapkan.<sup>1</sup> Pelajaran Sejarah sebagaimana yang diisi dalam kurikulum-kurikulum lebih banyak menampakkan pertimbangan-pertimbangan yang bersifat moralistik. Pertimbangan ini lebih menitikberatkan kepada pemilihan aspek-aspek sejarah yang dianggap boleh membawa iktibar kepada pelajar setelah mereka mempelajarinya. Maka tidak mustahil, pembelajaran Sejarah khususnya dalam sistem pendidikan sentiasa melalui perubahan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Perubahan yang berlaku adalah untuk mendapatkan pendekatan terbaik dalam usaha memantapkannya sebagai mata pelajaran yang amat berkepentingan sebagai saluran mewujudkan perpaduan bangsa.<sup>2</sup>

Justeru, kedudukan dan kepentingan mata pelajaran Sejarah hari ini sebenarnya akan lebih bermakna jika ditinjau dalam konteks latar belakang, perubahan dan cabaran sepanjang tempoh pelaksanaannya, strategi dan langkah memperkasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta aspek-aspek yang bertalian dengannya sejak sekian lama. Sebelum mencapai tahap perkembangan sebagaimana hari ini mata pelajaran Sejarah telah melalui beberapa tahap perubahan iaitu dari zaman tradisional, zaman pemerintahan British (1900-1957), zaman selepas merdeka (1957-1979) dan pendidikan sejarah dalam KBSR dan KBSM (1980-1989).<sup>3</sup> Mata pelajaran Sejarah dalam KBSM adalah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar dalam tempoh lima tahun pada peringkat sekolah menengah. Ini selaras dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang menekankan perkembangan yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pengajaran dan pembelajaran Sejarah bukan hanya merujuk kepada pemerolehan ilmu pengetahuan

<sup>1</sup> Syukur Abdullah, ‘Study Implementasi Latar Belakang Konsep Pendekatan dan Relevansinya dalam Pembangunan’, *Kumpulan Makalah Persadi*, Ujung Pandang, 1987, hlm. 40.

<sup>2</sup> Mohd Ayob Abd Razid, ‘Sejarah Bantu Kita Fahami Akar Umbi Tamadun Bangsa’, <http://www.bharian.com.my.b.harian/articles/sejarah/articles> (tarikh diakses 01 Nov.2010).

<sup>3</sup> Ismail Said, *Kepentingan Sejarah Perkembangan Negara dalam Pembinaan Negara Bangsa*, Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd, 2010, hlm. 4.

semata-mata, tetapi juga ke arah perkembangan kemahiran belajar dan pemupukan serta penghayatan nilai-nilai.<sup>4</sup>

Perubahan ini jelas menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah menggarap pemikiran dan wawasan generasi muda terhadap negara dari zaman tradisi sehingga kini. Walau bagaimanapun pada zaman tradisi, sejarah tidak dapat dikemukakan dengan suatu cara yang benar-benar objektif dan tepat, tetapi kesan daripada perubahan dan anjakan waktu yang diikuti dengan wujudnya unsur kesedaran dalam diri, Sejarah kini dipelajari secara lebih kritis sebagai mata pelajaran yang memberi pedoman dan iktibar kepada sesuatu bangsa bagi tujuan merancang perubahan masa depan.

### **Permasalahan Kajian**

Tahun 1918 merupakan titik tolak kepada pengenalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Tanah Melayu yang mula dipelopori oleh golongan berpendidikan Melayu. Pendidikan ini yang dikenali sebagai mata pelajaran *Tawarikh* bermula di Maktab Melayu Melaka telah dijadikan sebagai salah satu daripada sukatan pelajaran di maktab pada ketika itu.<sup>5</sup> Semenjak pengenalan itu sehingga negara bebas daripada cengkaman penjajah pada tahun 1957, pembelajaran ini sentiasa mengalami pasang surut dari aspek perkembangannya. Perubahan demi perubahan terus berlaku sama ada dari aspek dasar, sukatan pelajaran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran berikutnya sepanjang pelaksanaannya terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi. Perubahan dan perkembangan ini berlanjutan sehingga pada tahun 1989 mata pelajaran Sejarah telah diangkat menjadi mata pelajaran teras sekolah-sekolah di Malaysia.<sup>6</sup>

Walaupun telah sekian lama mata pelajaran ini diperkenalkan, namun tidak kelihatan begitu jelas semangat jati diri dan sayangkan negara terkesan dalam diri setiap warganegara ini. Mata pelajaran ini hanya dianggap untuk lulus peperiksaan

<sup>4</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Taraf Pelajaran di Sekolah-Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 3.

<sup>5</sup> Siti Zainun Mat, ‘Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia’, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm.16.

<sup>6</sup> Berita Minggu, 9 Februari 1986, hlm. 6.

sahaja. Oleh sebab itu, berdasarkan keputusan peperiksaan sama ada Sijil Rendah Pelajaran (SRP) maupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mata pelajaran ini tidak mengalami peningkatan yang ketara, malah terdapat turun naik peratus peningkatannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembelajaran Sejarah ini seolah-olah tidak terserap dalam diri pelajar sepanjang mengikutinya di peringkat sekolah. Hal ini yang menimbulkan persoalan mengapa perkara ini berlaku. Adakah permasalahan ini bertitik-tolak daripada dasar atau kaedah pengajaran yang digunakan, sikap guru dan pelajar atau kurikulum yang telah dibentuk?

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa persoalan yang akan dijawab. Pertama, apakah bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah sekolah-sekolah di Malaysia selepas merdeka sehingga 1989? Kedua, sejauh manakah cabaran dan halangan yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah dalam tempoh tersebut? Ketiga, bagaimanakah strategi dan langkah pihak berwajib dalam usaha menangani permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah pada ketika itu? Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjawab setiap persoalan yang mana setiap persoalan itu akan dikukuhkan dengan fakta dari pelbagai sumber primer dan sekunder. Pendekatan lain bagi menangani persoalan utama kajian adalah melalui pengelompokan maklumat yang diperoleh melalui dapatan temu bual sebelum data dianalisis. Struktur kajian yang disediakan ini berkesan memandangkan kajian ini melakukan penerokaan dan penelitian mendalam mengenai maklumat yang diperoleh melalui temu bual. Hal ini berikutan soalan yang dikemukakan kepada setiap responden adalah sama, namun dapatan maklumat adalah pelbagai dan berbeza-beza. Maklumat ini yang akan dianalisis untuk mendapatkan fakta yang sahih. Justeru, tujuan utama setiap persoalan dalam kajian ini dirangka bagi mendapatkan suatu hasil kajian yang spesifik dan berfokus agar tidak tersasar daripada skop yang ditetapkan khususnya berkaitan tajuk yang dibincangkan.

## **Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dari tahun 1957 sehingga 1989. Pelaksanaan kajian ini berikutan kesan daripada mata pelajaran Sejarah yang masih gagal mencapai objektifnya sebagai suatu mata pelajaran yang berkepentingan untuk menyuntik semangat perpaduan dan jati diri dalam jiwa setiap warganegara ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- (1) mengkaji sejauhmana pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dari aspek dasar, sukanan pelajaran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran pada ketika itu.
- (2) mengenal pasti dan menganalisis permasalahan berkaitan cabaran dan halangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang melibatkan buku teks, pelajar, guru dan kurikulum dalam tempoh tersebut.
- (3) mengupas langkah-langkah dan strategi bagi menangani permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sekolah-sekolah di Malaysia dari tahun 1957 hingga 1989.

## **Skop Kajian**

Dalam menyelami permasalahan perubahan dan perkembangan yang melibatkan cabaran dan halangan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia sepanjang pelaksanaannya, skop kajian ini dimulakan selepas merdeka iaitu pada tahun 1957 dan berakhir pada tahun 1989. Tahun 1957 dimulakan berikutan tahun tersebut, Malaysia mencapai kemerdekaan dan langkah pertama negara mencorakkan kepimpinan dalam pelbagai bidang termasuk dalam pendidikan mengikut acuan sendiri. Walau bagaimanapun terdapat sedikit sentuhan berkaitan pembelajaran Sejarah zaman tradisional berikutan akan kepentingan dalam mengkaji dan memahami persejarahan negara pada peringkat akar umbi pembelajaran Sejarah. Kajian ini diakhiri pada tahun 1989 setelah mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai subjek teras dan pelajar perlu mengikutinya selama lima tahun di sekolah menengah, malahan tahun 1989 juga mata

pelajaran Sejarah KBSM mula diajar kepada pelajar tingkatan satu di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian ini hanya melibatkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada peringkat sekolah sahaja memandangkan sekolah berperanan lebih penting berikutnya semua pelajar wajib mempelajari dan mengikuti mata pelajaran ini.

Tempoh melewati lebih 30 tahun ini sudah cukup jelas untuk melihat akan sejauh mana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah terutamanya melibatkan aspek dasar, sukanan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, cabaran dan halangan dalam pembelajaran Sejarah serta langkah-langkah dan strategi untuk menangani masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di peringkat sekolah. Fokus kajian ini pada era selepas merdeka (era awal) 1957-1969, era pengukuhan 1970-1979 dan era kemas kini 1980-1989 (KBSR dan KBSM). Pengelasan zaman ini jelas menunjukkan bahawa kajian ini ditinjau dari sudut kedudukannya yang bermula dari era awal merdeka sehingga 1989.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan berikutnya mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran penting untuk mewujudkan semangat jati diri dan cintakan negara dalam diri pelajar. Selain itu, tujuannya untuk memberikan galakan kepada pelajar mengenali asal-usul dan sejarah negara serta memberikan iktibar daripada peristiwa-peristiwa lampau. Kajian ini dijalankan selaras dengan tujuan pendidikan sejarah iaitu untuk memupuk dan memperkuuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia amnya. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan, para pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Selain itu, melalui pembelajaran

Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, sepanjang pengenalannya mata pelajaran ini masih belum mencapai suatu tahap pencapaian yang memuaskan terutama dari aspek jati diri dan perasaan sayangkan negara, malahan permasalahan cabaran dan halangan sepanjang pelaksanaannya beriringan bersama terutama apabila kebanyakan pelajar lebih memilih aliran sains untuk memasuki tingkatan empat dengan tujuan untuk mengelak daripada belajar Sejarah.<sup>8</sup> Keadaan ini diburukkan lagi apabila keputusan peperiksaan di peringkat SPM yang kurang memberangsangkan,<sup>9</sup> sehingga pada tahun 1986 mata pelajaran ini hampir luput dalam sistem pendidikan negara. Apabila timbul permasalahan ini, maka pentingnya kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di peringkat sekolah serta kepentingan mata pelajaran Sejarah pada ketika itu. Justeru fokus utama kajian ini adalah dari aspek dasar, sukanan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran sehingga kepada persoalan cabaran dan permasalahan-permasalahan lain yang bertalian dengannya sejak sekian lama serta usaha dalam memartabatkan dan memperkasa mata pelajaran ini.

Kajian ini juga penting dan berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya berikutan kebanyakannya kajian terutamanya berkaitan pendidikan lebih berfokus kepada kajian di sekolah dengan menggunakan borang soal selidik yang belum tentu terbukti kesignifikan maklumat yang diperoleh sama ada soal selidik yang diedarkan itu dijawab secara telus atau sebaliknya. Namun berbeza dengan kajian ini yang menjurus

<sup>7</sup> Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002.

<sup>8</sup> Pandangan daripada temu bual beberapa responden yang terdiri daripada orang awam, guru aliran sains dan sastera yang mengikuti persekolahan pada tahun-tahun 1960-an, 70-an dan 80-an. Guru-guru yang terlibat ini merangkumi kaum Cina, India dan Melayu bagi mendapatkan pandangan masyarakat pelbagai kaum. Antaranya guru yang mengajar mata pelajaran Fizik iaitu Thamilselvi dari SMK Seri Manjung, guru bahasa Inggeris iaitu Tan Ai Kiew dari Methodist ACS Sitiawan, guru Matematik iaitu Azlina Anuar dari SMK Tok Perdana, Jasimah dari SMK Pangkalan TLDM serta lain-lain guru yang terlibat dalam kajian ini. Guru mewakili responden terbesar dalam temu bual yang dilakukan kerana mereka ini secara tidak langsung terlibat sama dalam pendidikan.

<sup>9</sup> Keputusan Peperiksaan diperolehi melalui Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1980, Laporan Tahunan 1980, Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1978, Laporan Tahunan 1981, Laporan Tahunan 1979, Laporan Tahunan 1982-1985, Laporan Tahunan 1986-1989, Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

kepada kajian sejarah sepenuhnya yang disokong oleh dokumen-dokumen sahih meskipun skop kajian masih dalam bidang pendidikan. Selain itu, kajian ini turut berfokus kepada strategi dan langkah untuk memantapkan dan memperkasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam menangani cabaran dan halangan berkaitan perubahan dasar, persoalan yang melibatkan buku teks, kurikulum, guru serta masalah pelajar yang dikupas secara mendalam selepas negara merdeka sehingga 1989. Walau bagaimanapun, di awal pengkajian ini zaman tradisi turut disentuh bagi mendapatkan gambaran awal tentang mata pelajaran Sejarah dan pelaksanaannya.

Perbezaan turut dilihat apabila kajian ini melibatkan temu bual terbuka dengan orang perseorangan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berbentuk struktur atau separa struktur dan sama untuk setiap responden. Namun setiap soalan itu akan memperoleh maklumat yang pelbagai sama ada dari aspek buku teks, kaedah pengajaran, bahan yang digunakan, masa yang diperuntukkan dan sebagainya. Justeru, maklumat yang diperoleh akan dianalisis untuk mendapat kesahihan fakta yang lebih tepat serta terperinci, sementelah pula apabila dibuktikan dengan dapatan-dapatan kajian dan penemuan terdahulu. Temu bual ini melibatkan kalangan guru dan orang awam yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tempoh kajian 1957-1989.

Justeru, adalah amat perlu kajian ini dijalankan agar rentetan permasalahan ini sekurang-kurangnya dapat membantu perancang dan pembina kurikulum untuk melihat asas atau akar kelemahan dalam mata pelajaran Sejarah di negara ini yang mana sistemnya lebih berorientasikan peperiksaan, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang masih bercorak konservatif serta kelemahan isi kandungan dan persembahan buku teks yang kurang menarik. Selain itu, kajian ini juga berkemungkinan dapat digunakan dan diaplikasikan oleh pihak-pihak berwajib terutamanya jentera pentadbir negara untuk mengambil tindakan seterusnya bagi mencari strategi berkesan dan alternatif terbaik yang boleh digunakan bagi mencapai matlamat dalam mata pelajaran Sejarah pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan untuk generasi

masa hadapan dan menjadi pedoman untuk masa-masa mendatang. Sementelah pula, pengetahuan masa lepas ini juga akan memberi kesedaran tentang pentingnya mata pelajaran ini yang kini telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras pada tahun 1989.

### **Ulasan Literatur**

Pelbagai kajian telah dilakukan oleh para sarjana dan penyelidik-penyalidik terdahulu sama ada tempatan atau luar negara yang berkaitan dengan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Kajian yang dijalankan pastinya berbeza-beza dan mencakupi olahan idea yang pelbagai dengan aspek-aspek dan isu-isu yang melibatkan mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Justeru dalam kajian yang melewati 30 tahun ini, pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah terbukti melalui pelbagai ranjau dalam memperkuuh kedudukannya sebagai salah satu alat penyatuan bangsa dan perpaduan rakyat. Oleh yang demikian, bagi mengukuhkan kajian ini maka tinjauan ke atas kajian-kajian terdahulu dibuat untuk menyingkap tentang sejauh mana kajian tersebut telah dilaksanakan serta dapat membantu dalam mengukuhkan kajian yang dijalankan ini.

Didapati kajian-kajian berkaitan persoalan tajuk kajian telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik, namun hanya meliputi beberapa aspek tertentu sahaja seperti penulisan lebih berbentuk buku, kertas kerja dan artikel. Kebanyakan artikel ini pula melibatkan pengupasan idea secara sepintas lalu dalam aspek-aspek yang dibincangkan sahaja dan amat terbatas. Demikian juga kurangnya kajian dalam penulisan ilmiah berkaitan cabaran, langkah dan strategi menangani masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara khusus di Malaysia, malahan yang ditemui pula hanya menyentuh dari sudut luaran sahaja. Walau bagaimanapun secara tidak langsung dapat membantu dalam memberi suatu cetusan idea untuk mengolah dan melaksanakan kajian yang sedang dijalankan.

Kajian mengenai pendidikan Sejarah telah diutarakan oleh beberapa penulisan. Artikel Arba'iyah Mohd Noor bertajuk "Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia

dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden” membincangkan tentang pendidikan sejarah sejak awal kedatangan Islam ke Alam Melayu. Aspek yang disentuh dalam kajian tersebut boleh dimanfaatkan di bahagian awal kajian ini misalnya sejarah awal berkaitan pendidikan sejarah Islam. Perbincangan aspek pendidikan sejarah Islam boleh dijadikan panduan untuk mengembangkan kajian ini. Malahan pentingnya kajian tersebut terhadap pengkajian ini adalah berkaitan kupasan pembangunan sejarah di Malaysia yang bermula pada awal era Kesultanan Melayu Melaka.<sup>10</sup>

Dalam kajian tersebut juga turut menyentuh berkaitan pembelajaran Sejarah yang telah mengalami beberapa perubahan dari zaman tradisional sehingga ke versi moden yang menjadi rujukan hari ini. Selain itu, kepentingannya turut dilihat terutama berkaitan dengan pendidikan awal pada abad ke-20 yang menyaksikan beberapa perubahan dalam dasar pendidikan kolonial terhadap sekolah Melayu sehingga mata pelajaran Sejarah tidak dianggap penting kerana dibimbangi akan menggugat pemerintahan British. Walau bagaimanapun, aspek yang dibincangkan adalah secara sepantas lalu sahaja, namun sedikit sebanyak dapat membantu mengembangkan lagi pengkajian yang dijalankan terutama pada bahagian awal kajian. Ini berikutan kajian perlu kepada pemahaman yang lebih jelas berkaitan pembelajaran mata pelajaran yang hendak dikaji dari peringkat awal kewujudannya agar kajian yang dilaksanakan lebih meyakinkan.

Pemahaman dan gambaran awal berkaitan mata pelajaran ini akan memberi suatu garis panduan yang lebih luas agar kajian yang sedang dijalankan ini dapat menelusuri aspek persoalan kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk melihat sejauh mana kajian tersebut telah dilaksanakan dari aspek lontaran idea, maklumat, data dan fakta serta kekuatan dan kelemahan kajian tersebut dengan kajian yang sedang

---

<sup>10</sup> Arba’iyah Mohd Noor, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden’, *Sejarah*, No.17, 2009, hlm. 46-47.

dijalankan ini sama ada dalam aspek pendidikan sejarah, kurikulum, buku teks, kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta cabaran dalam pelaksanaan mata pelajaran tersebut.

Justeru itu, antara kajian berkaitan dengan persoalan kajian yang sedang dijalankan ini ialah kajian latihan ilmiah oleh Norrizan Seman yang membincangkan tentang “Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia 1874-2002”.<sup>11</sup> Kajian yang dibincangkan antaranya berkaitan pengertian sejarah, kepentingan pendidikan sejarah di Semenanjung, pendidikan sejarah semasa pemerintahan British, pendidikan sejarah selepas merdeka, sejarah dalam KBSR dan KBSM dan pendidikan sejarah menjelang tahun 2003 serta cabaran dan cadangan dalam pendidikan sejarah. Aspek berkaitan kepentingan pendidikan sejarah yang dibincangkan boleh dimanfaatkan dalam mengukuhkan fakta kepada persoalan perubahan dasar dalam kajian ini selain aspek cabaran yang turut dibincangkan dalam kajian tersebut. Namun aspek-aspek lain tidak diketengahkan kecuali aspek berkaitan persoalan buku teks yang hanya dibincangkan secara sepintas lalu sahaja.

Walau bagaimanapun, perbincangan berkaitan perkembangan pendidikan sejarah selepas merdeka dapat membantu dalam mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Selain itu, sentuhan idea berkaitan persoalan perubahan dasar juga dapat dimanfaatkan dalam bahagian kajian berikutnya. Namun olahan idea berkenaan langkah kepada permasalahan dan cabaran yang dikaji adalah kurang mendalam dan tidak menyeluruh kerana banyak membincangkan sejarah menjelang 2003. Malahan dapatan utama kajian juga dibincangkan secara umum dan tidak diperincikan berdasarkan dekad-dekad utama pembentukan evolusi perkembangan pendidikan sejarah sebelum merdeka, selepas merdeka dan sejarah menjelang 2003. Hal ini kerana tumpuan banyak diberikan kepada pendidikan sejarah menjelang tahun 2003 iaitu berkaitan dengan nilai dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang masih

<sup>11</sup> Norrizan Seman, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia 1874-2002’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 59-127.

kurang berkesan. Sehubungan dengan itu, apa yang membezakan antara kajian ini dengan kajian tersebut adalah dari segi konteks masa. Walaupun tahun yang dibincangkan bermula 1874, namun tiada perbincangan tentang pendidikan sejarah dari sudut tradisional yang membawa kepada kajian yang lebih mendalam, yakni penerokaan dari peringkat akar umbi agar kajian itu lebih relevan dan terperinci. Kajian selepas kedatangan British lebih diberi keutamaan, maka sejarah dari sudut tradisional hanya dibincangkan secara sepintas lalu sahaja yang menjurus kepada karya kesusasteraan seperti nama-nama hikayat. Malahan tiada perbincangan berkaitan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah pondok, Inggeris, vernakular Melayu, Cina dan India. Meskipun demikian, susunan idea dalam kajian tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan penulisan ini.

Walau bagaimanapun, kajian tersebut turut menyatakan bahawa pembelajaran Sejarah tidak banyak berubah dan masih bersifat tradisional. Demikian juga tentang masalah kurang minat dan persepsi negatif terhadap mata pelajaran Sejarah yang dianggap tidak relevan dengan kehidupan sehingga menyumbang kepada kegagalan untuk menyemat semangat perpaduan. Namun kajian yang dibincangkan hanya sepintas lalu sahaja, tetapi idea yang disumbangkan dapat diketengahkan dalam kajian yang sedang dijalankan ini berkaitan cabaran dan halangan dalam pembelajaran Sejarah.

Seterusnya kajian oleh Siti Zainun Mat iaitu “Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Semenanjung Malaysia 1948-1970-an: Satu Tinjauan”.<sup>12</sup> Kajian ini lebih menjurus kepada kepentingan mata pelajaran Sejarah dan pendidikan sejarah di sekolah-sekolah vernakular. Kajian ini juga turut membincangkan berkaitan Sukatan Pelajaran Sejarah (SPS) yang diolah dari tahun 1948-1970-an. Malahan terdapat juga perbincangan berkaitan perubahan mata pelajaran Sejarah selepas merdeka iaitu perbincangannya bercampur aduk dengan sedikit olahan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK), perbincangan dari aspek Biro Buku Teks (BBT) serta permasalahan yang wujud

<sup>12</sup> Siti Zainun Mat, ‘Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Semenanjung Malaysia 1948-1970an: Satu tinjauan’, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi ,1998.

dalam pendidikan sejarah. Idea yang dikupas dalam kajian ini sedikit bercampur aduk dan tidak konsisten. Maka dengan ini menampakkan kelemahan dalam kajian tersebut apabila idea yang dikemukakan itu tidak diolah secara terperinci dan berterburu, malahan sukar untuk mendapatkan dan memahami aspek yang hendak dirungkaikan dalam kajian yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, idea yang disumbangkan terutama berkaitan Sukatan Pelajaran Sejarah (SPS) selepas merdeka dapat dimanfaatkan pada bahagian pertengahan kajian yang sedang dijalankan ini. Secara umumnya, didapati kajian tersebut tidak mengklasifikasikan setiap idea itu secara teratur dan tersusun, tetapi bercampur aduk dengan olahan idea lain. Selain itu juga, kajian tersebut hanya disasarkan untuk tempoh masa selama 22 tahun sahaja, maka kajian turut terbatas kerana masa yang singkat sedangkan kajian yang sedang dijalankan ini dilihat dalam skop kajian yang lebih luas iaitu melewati masa lebih 30 tahun. Ini bermakna, masa itu amat sesuai untuk melihat setiap cabaran dan ranjau yang dilalui ketika berlakunya perubahan dan perkembangan sepanjang pelaksanaannya bersama usaha-usaha yang dilakukan selepas merdeka.

Berikutnya perbincangan dari sudut pendidikan sejarah ini dilihat melalui artikel Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia oleh Mohd Syed Hj Mohd Razi yang membincangkan aspek kepentingan pendidikan sejarah dalam membina bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, selain dilihat dari sudut kepentingan, aspek cabaran turut di rungkai dalam penulisan tersebut. Meskipun sentuhan terhadap isu cabaran adalah secara sepintas lalu dan terbatas, namun susunan ideanya dapat membantu mengembangkan lagi kajian yang dijalankan. Selain itu, artikel tersebut turut memfokuskan Sukatan Pelajaran Sejarah Baru iaitu Sukatan Pelajaran Sejarah selepas

tahun 1978.<sup>13</sup> Sesungguhnya perbincangan tersebut dapat membantu dalam mengembangkan idea ketika melaksanakan kajian ini.

Selain daripada yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, kajian berkaitan sukatan pelajaran di peringkat ini juga telah dibincangkan oleh Asiah Abu Samah iaitu “Perkembangan Sukatan Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia”,<sup>14</sup> dalam Kongres Sejarah Malaysia 1978, berkaitan keperluan sejarah dalam memberi pendidikan budaya khususnya untuk kanak-kanak sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa dalam pembelajaran Sejarah, masih terdapat kelompongan dari aspek kandungannya dan keperluan ini perlu dirombak, diubah dan ditambah untuk pemantapannya kerana ilmu sejarah itu tergolong dalam lain-lain mata pelajaran. Namun demikian, apabila dibuat suatu perubahan atau penambahbaikan, maka akan memberi suatu cabaran baru untuk mengaplikasikannya bersesuaian dengan rombakan yang dilakukan. Persediaan dari aspek fizikal dan mental perlu dalam menjayakan strategi yang dirancang agar mencapai matlamat yang digagaskan. Justeru, aspek cabaran itu yang cuba dikupas dalam kongres tersebut, akan tetapi kupasannya sangat terhad dan tidak mendalam. Walau bagaimanapun, perbincangan dari aspek perkembangan sukatan pelajaran dapat dimanfaatkan dalam mengembangkan kajian yang sedang dilaksanakan.

Seterusnya kajian oleh Santhiram R.Raman iaitu “The Development of History Teaching in Schools Peninsular Malaysia 1905-1978: An Examination of the Syllabus and Textbooks”.<sup>15</sup> Kajian tersebut berkaitan sukatan baharu bagi mata pelajaran Sejarah untuk dilaksanakan mulai tahun 1978 secara berperingkat-peringkat. Penekanannya jelas terhadap kepentingan kesedaran dan kesepaduan nasional serta kesefahaman antarabangsa dalam konteks yang lebih luas terutama berkaitan kepentingan bangsa dan

<sup>13</sup> Mohd Said Hj Mohd Razi, ‘Sukatan Pelajaran Sejarah Baru’, *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, Jilid xxvii, keluaran 63, Jun 1982.

<sup>14</sup> Asiah Abu Samah, ‘Perkembangan Sukatan Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia’, Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, dalam Zainal Abidin Abdul Wahid *Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press Sdn. Bhd, 1979, hlm. 349.

<sup>15</sup> R.K. Santhiram, ‘The Development of History Teaching in Schools Peninsular Malaysia 1905-1978: An Examination of the Syllabus and Textbooks’, Tesis sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1978.

negara Malaysia dalam membangkitkan kesedaran terhadap warisan dan perpaduan nasional. Kajian tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian utama, antaranya mengkaji tentang sistem pelajaran di Semenanjung Malaysia semasa pemerintahan penjajah British dan tujuan mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah.

Seterusnya pengkajian turut berfokus kepada tujuan pelajaran Sejarah yang disediakan oleh pihak British, sistem pelajaran British dan dasar pelajaran kebangsaan berteraskan satu bahasa dan satu rupa sukanan pelajaran. Berikutnya berkaitan pengajaran Sejarah zaman penjajah sehingga kemajuan dalam kursus Sejarah bagi sekolah-sekolah Malaysia dan sukanan baharu mata pelajaran Sejarah untuk tahun 1978. Selain itu, terdapat juga sedikit olahan berkaitan cabaran dan halangan berkenaan buku teks yang dibincangkan secara sepantas lalu berikutnya tumpuan banyak diberikan kepada perubahan Sukatan Pelajaran Sejarah 1978 yang menampakkan ketidakseimbangan dalam pengembangan kajian. Walau bagaimanapun, kajian tersebut dapat membantu dalam mengukuhkan kajian yang sedang dijalankan ini terutama dari aspek sukanan pelajaran, cabaran dan halangan yang boleh diaplikasikan pada bahagian pertengahan kajian ini.

Selain perbincangan dari aspek Sukatan Pelajaran Sejarah dan pendidikan sejarah secara amnya, kajian yang menjurus kepada aspek kurikulum pula telah dijalankan oleh Jamaliah Shaik Abdullah iaitu “Perubahan Kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Tahun 1978-2000”.<sup>16</sup> Perbincangan berfokus kepada perkembangan Kurikulum Pendidikan Sejarah bermula selepas negara merdeka, kepentingan pendidikan sejarah, Sukatan Pelajaran Sejarah dan matlamat, pendidikan sejarah dan pembentukan nilai serta pendidikan sejarah dan cabaran dalam Wawasan 2020. Kajian tersebut juga mengaitkan perbandingan tema dalam Sukatan Pelajaran Sejarah selain turut mengaitkan kurikulum Sejarah dengan dasar dan sistem pendidikan negara secara umum. Aspek-aspek lain tidak dibincangkan dalam kajian tersebut, dan

<sup>16</sup> Jamaliah Shaik Abdullah, ‘Perubahan Kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Tahun 1978-2000’, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2005, hlm. 79.

keadaan ini berbeza dengan kajian yang sedang dijalankan ini memandangkan kajian ini akan mengupas secara terperinci aspek dasar yang merujuk kepada dasar dalam mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Walau bagaimanapun, aspek perubahan kurikulum dan Sukatan Pelajaran Sejarah yang dibincangkan selepas tahun 1978 dapat membantu dalam mengembangkan olahan idea. Idea yang disumbangkan dapat memantapkan lagi kajian yang dijalankan ini terutama dalam mengukuhkan persoalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dari aspek perkembangan dan perubahan kurikulum sehingga membawa kepada pendidikan sejarah menjadi subjek teras.

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa pada setiap kajian terdahulu, walaupun terdapat sedikit sentuhan idea, namun ia dapat menyumbang kepada perkembangan pemikiran dalam memantapkan kajian yang dijalankan. Aspek yang sama turut dibincangkan oleh Aini Hassan dan Siti Hawa Abdullah (editor) dalam buku yang bertajuk “Perkembangan Kurikulum Sejarah Malaysia”<sup>17</sup> serta dalam jurnal tulisan Haris Md. Jadi yang bertajuk “Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaannya”.<sup>18</sup> Secara jelas dapat dikatakan bahawa kajian-kajian lepas dapat membantu dalam melaksanakan kajian yang sedang dijalankan ini bagi membuat perbandingan idea berikutnya fakta yang diperoleh adalah sama, kecuali berbeza dari sudut olahan yang telah dikembangkan.

Selain kajian yang menjurus kepada pendidikan sejarah, sukatan pelajaran dan kurikulum secara amnya, fokus perbincangan juga berdasarkan kajian berkaitan buku teks Sejarah yang boleh dilihat antaranya melalui kajian Gunasekaran a/l Karapaya iaitu “Pendidikan Sejarah Sekolah Menengah Rendah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sejauh mana Buku Teks Sejarah Menepati Matlamat Pendidikan Sejarah”.<sup>19</sup> Kajian

<sup>17</sup> Aini Hassan, Siti Hawa Abdullah (editor), *Sejarah Perkembangan Kurikulum Sejarah Malaysia*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008, hlm. 430-431.

<sup>18</sup> Haris Md Jadi, ‘Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaannya’, *Jurnal Pendidikan II*, 1993, hlm. 1- 4.

<sup>19</sup> Gunasekaran a/l Karapaya, ‘Pendidikan Sejarah Sekolah Menengah Rendah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sejauh mana Buku Teks Sejarah Menepati Matlamat Pendidikan Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Jun 1997.

oleh Gunasekaran hanya tertumpu kepada peranan buku teks Sejarah Menengah Rendah (SMR), matlamat dan kepentingan pendidikan sejarah. Namun aspek-aspek lain tidak diberi penekanan dalam kajian tersebut, melainkan hanya untuk menjelaskan dan menerangkan kupasan idea bagi memantapkan aspek penulisan sahaja. Walau bagaimanapun, kelemahan yang terdapat dalam buku teks turut dapat dilihat dalam kajian tersebut bahawa buku teks sekolah menengah rendah gagal menampilkkan sumbangan rakyat Malaysia dengan jelas, kurang menekankan usaha menimbulkan semangat perpaduan serta penglibatan aktif antara masyarakat pelbagai kaum dalam aspek ekonomi, sosial dan politik. Dapatkan ini selari dengan dapatkan oleh Sewall (1987) dan Vitz (1986) yang mendapati buku teks dipenuhi oleh isi kandungan ‘superficial’, sejarah naratif dan kurang seimbang serta kurang unsur historiografinya dan kurang menekankan wira atau negarawan serta pemantapan sosialisasi politik.

Perbezaan yang jelas antara kajian ini dengan kajian tersebut berkenaan tumpuan kepada persoalan kajian. Kajian tersebut sepenuhnya membincangkan aspek peranan buku teks Sejarah, matlamat dan kepentingannya. Malahan sumber-sumbernya juga hanya merujuk kepada Sukatan Pelajaran Sejarah (SPS) berpandukan silibus-silabus yang digunakan pada ketika itu. Rujukan kepada rekod-rekod lama berkaitan kandungan buku teks Sejarah tidak disentuh secara langsung, khususnya bagi melihat aspek isi kandungan penulisan lepas dengan kajian yang dibuat. Hal ini demikian kerana idea dan kandungan dalam buku teks perlu dilihat secara lebih mendalam untuk menjawab setiap persoalan mengapa buku teks sentiasa berubah-ubah. Sementelah pula buku teks memainkan peranan bagi mencapai objektif pendidikan sejarah sebagai salah satu alat penyatuan bangsa, tetapi kajian tersebut tidak mengetengahkannya dan hanya membincangkan berkaitan buku teks terkini.

Namun berbeza dengan kajian yang sedang dijalankan ini berikutkan kajian terperinci berkaitan kelemahan-kelemahan dalam buku teks Sejarah di pelbagai peringkat dikupas dan dirungkai setelah dilihat kedudukan buku teks yang sentiasa

berubah-ubah. Tujuan mengenal pasti permasalahan yang dikatakan berlingkar dengan buku teks Sejarah ini berikutan pembelajaran tersebut tidak terkesan dalam diri pelajar, malah gagal menyematkan semangat jati diri sebagai warga yang lahir dari generasi negara yang dijajah.

Namun tidak dinafikan, kajian tersebut turut menyentuh berkaitan pemilihan dan pelaksanaan kaedah pengajaran Sejarah yang dikatakan masih bersifat stereotaip iaitu dengan menggunakan kaedah memberi nota, bercakap dan menulis, bergantung kepada buku teks, penekanan kepada mengingat dan menghafal serta tidak melibatkan pelajar secara aktif. Kajian ini selari dengan kajian yang sedang dijalankan bilamana hampir semua responden menyatakan guru-guru pada ketika itu menghadapi masalah untuk mempelbagaikan kaedah yang sesuai dalam usaha untuk memupuk semangat patriotisme sebagaimana yang digariskan dalam sukanan pelajaran. Sesungguhnya, kajian tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mengembangkan olahan dan idea dalam kajian yang sedang dilaksanakan ini. Setiap aspek yang dikaji akan dibuat perbandingan untuk memperoleh kesahihan dan kesahan fakta terutama kajian dari sudut kaedah pengajaran guru dan perkembangan buku teks.

Seterusnya kajian merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang telah dijalankan oleh Rabiya Mohamad Sultan iaitu “Persepsi Guru-Guru Sejarah tentang Ciri-Ciri Guru Sejarah yang Efektif”. Kajian tersebut memberi fokus kepada kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan hanya berfokus kepada satu pendekatan sahaja iaitu kaedah progresivisme.<sup>20</sup> Aspek-aspek lain tidak disentuh dalam kajian tersebut. Walau bagaimanapun, sedikit sentuhan berkaitan kaedah pengajaran guru Sejarah pada ketika itu memberi pendedahan dan manfaat untuk dimasukkan dalam kajian yang dijalankan ini. Namun yang jelas, kajian tersebut begitu lemah berikutan kajian hanya melibatkan kajian soal selidik tentang ciri-ciri guru Sejarah yang efektif sahaja dan tiada aspek lain diketengahkan. Malahan kurangnya

<sup>20</sup> Rabiya Mohamad Sultan, ‘Persepsi Guru-Guru Sejarah Tentang Ciri-Ciri Guru Sejarah yang Efektif’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

rujukan yang melibatkan penggunaan rekod-rekod dan dokumen-dokumen sokongan lain yang lebih sahih dan sukar untuk dipertikaikan. Sungguhpun demikian, idea berkaitan kaedah pengajaran guru Sejarah pada awal kajian tersebut dapat diaplikasikan pada bahagian pertengahan kajian ini.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran progresivisme turut dilakukan oleh Rosly Mohd Sani iaitu “Progresivisme dalam Kaedah Pengajaran Sejarah, Implikasi Terhadap Pencapaian Pelajar Tingkatan Lima”.<sup>21</sup> Kajian tersebut lebih berfokus kepada sikap pelajar serta pengaruh guru terhadap sikap pelajar sehingga mendorong untuk melaksanakan pendekatan dalam pengajaran menggunakan kaedah progresivisme. Aspek-aspek lain tidak disentuh dalam kajian ini melainkan fokus utama kepada pendekatan yang digunakan bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari Sejarah. Walau bagaimanapun, idea yang dipaparkan dalam kajian ini dapat membantu berkaitan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah serta pengaruh dan peranan guru untuk menarik minat pelajar terhadap Sejarah. Kaedah yang digunakan boleh dimanfaatkan dalam aspek cabaran dan halangan serta strategi pada bahagian akhir kajian yang sedang dijalankan.

Kajian oleh Rosly ini hampir sama dengan kajian oleh Rabiya Mohamad Sultan yang turut tidak menggunakan dokumen-dokumen rasmi dan rekod-rekod lama bagi mengukuhkan data yang diperoleh, tumpuan kajian hanya kepada analisis data yang diperoleh dalam soalan soal selidik sahaja. Walau bagaimanapun, kajian tersebut dapat membantu dalam mengukuhkan fakta terhadap kajian yang sedang dijalankan ini terutamanya berkaitan cabaran tentang sikap dan tanggapan pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Seterusnya kajian berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran juga turut dilakukan oleh Abdul Rahim Ahmad iaitu “Tanggapan Guru dalam Perancangan dan

---

<sup>21</sup> Rosly bin Mohd Sani, ‘Progresivisme dalam Kaedah Pengajaran Sejarah: Implikasi Terhadap Pencapaian Pelajar Tingkatan Lima’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

Pelaksanaan Kurikulum Sejarah".<sup>22</sup> Kajian tersebut berkaitan perancangan guru yang sebenar sebelum masuk ke bilik darjah untuk mengajar Sejarah. Kajian melibatkan 12 buah sekolah menengah di daerah Muar dengan menggunakan 58 orang guru Sejarah sebagai sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan responden kurang memahami bagaimana pengajaran Sejarah harus dijalankan. Justeru, hasil dapatan kajian terutamanya berkaitan kelemahan yang terdapat dalam kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat membantu mengukuhkan fakta pada bahagian pertengahan kajian yang sedang dijalankan ini.

Selain itu, kajian tersebut juga dapat memberi manfaat dan membantu mengukuhkan fakta bahawa kelemahan kaedah pengajaran guru antara punca mata pelajaran Sejarah kurang diminati. Malahan dikatakan pembelajaran Sejarah hanya berfokus untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan semata-mata tanpa mengambil kira aspek lain khususnya matlamat sebenar mata pelajaran Sejarah diperkenalkan. Namun demikian kajian ini hanya tertumpu kepada aspek yang dinyatakan sahaja dan sangat terbatas, berbanding dengan kajian yang sedang dijalankan ini yang berfokus dalam pelbagai aspek. Demikian juga, dapatan maklumat untuk kajian yang sedang dijalankan ini adalah konkret memandangkan data yang diperoleh adalah dari Pusat Perkembangan Kurikulum berkaitan peperiksaan, analisis dari temu bual, dokumen-dokumen rasmi, fail-fail dan rekod-rekod yang diperoleh dari sumber yang sahih, akhbar-akhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian tersebut dapat membantu dalam meluaskan dan mengembangkan idea berkaitan kajian yang sedang dijalankan.

Demikian juga kajian oleh Ahmad bin Talib yang turut melaksanakan kajian yang merangkumi aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu "Penyediaan Guru untuk Melaksanakan Kurikulum Sejarah KBSM".<sup>23</sup> Hasil dapatan kajian beliau

<sup>22</sup> Abdul Rahim Ahmad, 'Tanggapan Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 39.

<sup>23</sup> Ahmad bin Talib, 'Penyediaan Guru untuk Melaksanakan Kurikulum Sejarah KBSM', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994.

menunjukkan masih ramai guru yang kurang faham atau tidak faham dengan beberapa kaedah yang disyorkan untuk mengajar Sejarah seperti kaedah simulasi, main peranan dan sebagainya. Hal ini menyebabkan guru-guru masih mengamalkan kaedah-kaedah tradisi seperti kaedah syarahan dan memberi nota. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar. Kajian beliau ini hampir sama dengan yang telah dilakukan oleh Abdul Rahim Ahmad iaitu berkaitan dengan kelemahan guru untuk melaksanakan kaedah mengajar mata pelajaran Sejarah. Dapatan kelemahan yang diperoleh dapat mengukuhkan dan memantapkan hujah dalam kajian yang dijalankan kini bahawa kelemahan guru antara faktor mata pelajaran Sejarah sehingga kini masih belum tersemat kukuh semangat jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar dan warganegara ini. Sementelahan pula, aspek-aspek lain tidak disentuh dalam kajian tersebut, memandangkan kajian sepenuhnya menganalisis dapatan daripada kaedah soal selidik.

Seterusnya aspek kelemahan guru ini juga boleh dilihat sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Rogers iaitu “History Needs a Revolution” yang menyatakan guru Sejarah tidak berminat untuk memperbaiki diri sendiri dalam pengajaran, tetapi lebih mengutamakan peperiksaan. Pengajaran Sejarah lebih tertumpu untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang telah disusun sepanjang tahun. Kejayaan dalam peperiksaan mendorong sikap dan tingkah laku guru mengutamakan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Keadaan ini diperkuuhkan lagi dengan kriteria yang diletakkan bagi mengukur seseorang guru dalam tugas mereka berdasarkan peratusan kelulusan pelajar dalam peperiksaan. Oleh sebab itu, kaedah pengajaran guru lebih berpusatkan guru.<sup>24</sup> Walau bagaimanapun idea yang disumbangkan dapat dimanfaatkan pada bahagian pertengahan kajian ini iaitu berkaitan kaedah dan cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

---

<sup>24</sup> K.W. Rogers., *History Needs a Revolution*, The Teacher: London, 1967, hlm. 7.

Justeru, berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini, menunjukkan bahawa secara keseluruhan kajian berkaitan dengan kaedah pengajaran guru adalah kurang berkesan. Hakikatnya kajian-kajian tersebut berbeza dengan kajian yang sedang dijalankan ini berikutan kajian ini berfokus dari peringkat akar umbi pembelajaran Sejarah beserta dengan kupasan dasar dalam mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, aspek yang dibincangkan itu amat bermanfaat untuk diperincikan pada bahagian pertengahan kajian berkaitan kelemahan kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah selepas merdeka.

Berikutnya kajian Abdul Rahim Abd. Rashid dalam buku beliau yang bertajuk “Strategi Pengajaran Sejarah KBSM” yang berpendapat pengajaran Sejarah terlampau bersifat tradisional. Guru bergantung sepenuhnya kepada kapur dan papan tulis untuk mengajar Sejarah. Malahan pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak berpusatkan pelajar, tetapi secara keseluruhannya adalah berpusatkan guru. Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bercorak hafalan. Pelajar dikehendaki menghafal fakta-fakta sejarah. Maka, berikutan corak pengajaran Sejarah yang masih bersifat tradisional menyebabkan matlamat pembelajaran Sejarah tidak tercapai. Keadaan ini menunjukkan bahawa sehingga kini pendekatan secara tradisional telah membelakangkan matlamat sebenar pendidikan sejarah.<sup>25</sup> Sebagaimana kajian Shimmerlicks yang telah mengkritik pengajaran Sejarah sebagai satu bentuk syaran yang diikuti oleh beberapa soal jawab dan kerja tulisan. Beliau berpendapat ...*A short lecture supported by a question and answer routine and written work is the staple teaching method.*<sup>26</sup>

Namun begitu, kupasan idea dalam buku ini dapat membantu meluas dan mengembangkan kajian yang sedang dijalankan iaitu berkenaan kaedah tradisional yang digunakan oleh guru-guru Sejarah semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kupasan maklumat yang diperoleh melalui temu bual

<sup>25</sup> Abdul Rahim Abd.Rashid, *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1989, hlm. 23-30.

<sup>26</sup> S.M. Shimmerlick., ‘Organization Theory and Memory for Prose, A Review of Literature’, *Review of Educational Research*, 1978, hlm. 103-120.

terbuka dalam kajian ini akan dikupas secara terperinci meskipun idea yang diperoleh dalam hasil analisis temu bual hampir sama dengan idea yang tertulis dalam buku tersebut, namun berbeza dari aspek pengolahan idea yang lebih mantap dan kukuh berdasarkan bukti-bukti yang diperoleh dari pelbagai sudut kajian.

Selain dari aspek-aspek di atas, kajian ini juga merujuk kepada aspek cabaran dan halangan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia oleh pengkaji terdahulu. Antaranya ialah kajian oleh Rohana Zubir iaitu “The History Teacher’s Dilemma”. Kajian tersebut berpendapat bahawa kepesatan kurikulum, keperluan peperiksaan, kekurangan bahan pengajaran dan sumber-sumber lain, keadaan persekitaran dalam bilik darjah serta masalah pelajar ditimbulkan sebagai batu penghalang kepada pengajaran Sejarah yang berkesan. Menurut beliau, guru-guru sentiasa mengadu bahawa pelajar tidak mempunyai minat terhadap mata pelajaran Sejarah.<sup>27</sup> Dalam kajian tersebut, fokus utama yang diberikan adalah faktor pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran Sejarah serta saranan kepada guru dalam meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak menyentuh berkaitan langkah yang perlu dilaksanakan secara terperinci bagi menangani permasalahan yang dialami berbanding dengan kajian ini yang mengetengahkan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak berwajib dalam usaha mengatasi masalah yang timbul. Selain itu, turut disentuh berkaitan Sukatan Pelajaran Sejarah yang baru, tetapi hanya secara sepintas lalu sahaja. Walau bagaimanapun, faktor pelajar tidak berminat terhadap pembelajaran Sejarah ini boleh dimanfaatkan pada bahagian pertengahan kajian berkaitan cabaran dan halangan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Kajian berkaitan persoalan cabaran ini juga dapat dilihat dalam penulisan Siti Zainun Mat iaitu “Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di

---

<sup>27</sup> Rohana Zubir, ‘The History Teacher’s Dilemma: Fact or Fiction’, *Majalah Pendidikan*, Jilid.9, 1982, hlm. 87-93.

Malaysia".<sup>28</sup> Kepentingan ini dilihat dari aspek pengetahuan yang terkandung dalam lain-lain mata pelajaran seperti Sains, Agama, Geografi dan sebagainya. Sejarah bukan sahaja mata pelajaran, tetapi meliputi lain-lain pelajaran yakni pengetahuan individu akan menjadi lebih luas dan mencakupi pelbagai bidang. Aspek ini antara yang memberi cabaran dalam pelaksanaannya bagi melihat kepentingan itu mencapai matlamat dan sasaran yang dituju.

Selain itu, pelajaran Sejarah juga dapat memberitahu apa yang seharusnya diketahui oleh manusia seperti sejarah kejadian sesuatu ciptaan, kewujudan bangsa, perkembangan negara, revolusi dan sebagainya. Tidak kurang pentingnya juga ialah peranan sejarah dalam memberikan teladan supaya peristiwa pahit yang pernah dilalui oleh negara ini tidak akan berulang lagi. Penjajahan Inggeris dan Peristiwa 13 Mei 1969 adalah antara contoh yang menunjukkan bagaimana perpecahan rakyat telah memberi kesan kepada keamanan negara. Aspek ini turut memberi cabaran dan halangan apabila ia turut melibatkan persoalan dalam sukanan pelajaran dan buku teks yang perlu dirombak semula agar bersetujuan dengan matlamat yang hendak dicapai.

Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa peranan pelajaran Sejarah adalah sangat penting dalam melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, bangga, bertanggungjawab sebagai warganegara dan mempunyai sifat nasionalis terhadap negaranya. Malah melalui pembelajaran Sejarah, pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat dapat dibentuk. Namun apa yang membezakan antara kajian ini dengan kajian yang sedang dijalankan adalah dari aspek susunan maklumat dan idea yang disisipkan kurang teratur serta bercampur aduk dengan idea lain. Walau bagaimanapun, kajian tersebut boleh dimanfaatkan pada bahagian pertengahan kajian, terutamanya dalam aspek cabaran dalam kurikulum dan buku teks Sejarah.

Demikian juga kajian oleh Haminah Suhaibo yang berfokus kepada penelitian amalan guru dalam "Pemupukan Patriotisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran

---

<sup>28</sup> Siti Zainun Mat, 'Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia', *Malaysia dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm. 2-4.

Sejarah”<sup>29</sup> dari segi kognitif, afektif dan tingkah laku. Kajian tersebut juga turut membincangkan patriotisme dalam kurikulum Sejarah yang disemak semula, pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan implikasi untuk kajian berikutnya. Namun, aspek amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut boleh dimanfaatkan pada bahagian akhir kajian iaitu berkaitan strategi dan langkah mengatasi cabaran dalam pembelajaran Sejarah. Selain itu juga, kajian kecekapan dan peranan guru dalam memupuk patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta kelemahan dan kebolehan pengajaran dan pembelajaran guru dalam memupuk unsur-unsur patriotisme dapat membantu kajian ini mengembangkan idea pada pertengahan kajian berkaitan dengan cabaran dan halangan dalam pembelajaran Sejarah. Begitu juga perbincangan berkaitan faktor yang menghalang semangat patriotisme atau jati diri yang membawa kepada pembelajaran Sejarah semakin kurang diminati. Justeru, aspek ini antara yang akan dikupas secara mendalam dalam kajian ini terutamanya berkenaan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka.

Walau bagaimanapun kajian ini hanya berfokus kepada pelaksanaan kurikulum Sejarah yang disemak semula untuk pelajar tingkatan satu mulai tahun 2003, penumpuan kepada pelaksanaan pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah tingkatan satu, patriotisme dalam huraiann sukatan Sejarah dan buku teks tingkatan satu. Sampel guru hanya guru-guru tingkatan satu dan pengumpulan data hanya melalui kajian soal selidik yang hanya akan mendapat gambaran menyeluruh peranan pendidikan sejarah dalam pemupukan unsur patriotisme tetapi sukar untuk mendalami kefahaman sebenar serta melihat bagaimana aplikasinya di bilik darjah. Namun terdapat sedikit temu bual, tetapi bergantung kepada kerjasama dan kebenaran daripada guru-guru terbabit. Hal ini berbeza dengan kajian yang sedang dijalankan berikutnya temu bual adalah khusus dan melibatkan soalan-soalan yang telah

<sup>29</sup> Haminah Suhaibo, ‘Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu’, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007, hlm. v.

disediakan, malahan terdapat temu bual yang diatur pertemuan khas untuk mendapat maklumat yang diperlukan. Hakikatnya tidak dinafikan bahawa olahan fakta dan idea kajian lepas dapat membantu mengembangkan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan kajian yang sedang dijalankan.

Berikutnya kajian oleh Abd. Rahim Abd. Rashid yang menghuraikan perkembangan pendidikan sejarah sebagai langkah rekonstruksi diri dan pengaruh elemen nasionalisme serta patriotisme dalam mencorakkan hala tuju perkembangan negara.<sup>30</sup> Aspek ini boleh dirujuk sebagai wawasan pendidikan yang dibentuk selepas merdeka yang bertujuan untuk mengukuhkan rekonstruksi bangsa khususnya pembangunan pendidikan. Apatah lagi, sekiranya berkait dengan kesan daripada dasar pendidikan penjajahan yang bersifat pecah dan perintah serta pengasingan kaum yang telah menimbulkan pelbagai masalah kepada proses mengonstruksi diri dan membina jati diri bangsa. Justeru, cabaran dan permasalahan untuk mengukuhkan rekonstruksi bangsa ini yang akan dirungkai dalam pembelajaran Sejarah agar matlamat dan objektif yang digagaskan dalam pendidikan sejarah sebagai salah satu alat penyatuan bangsa untuk membentuk dan menanam semangat jati diri dalam setiap warganya dapat dicapai. Hal ini sebagaimana maklum bahawa, pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka bertujuan untuk membina ciri-ciri dan unsur-unsur kefahaman, kekuatan, keyakinan diri, rasa kebanggaan, kesetiaan, pengorbanan dan cintakan negara. Namun begitu, sejauh mana pembelajaran Sejarah dapat mengatasi permasalahan dan cabaran yang muncul pada ketika itu. Maka, perubahan besar telah dilakukan dalam Kurikulum Pendidikan Sejarah (KPS) bagi menggapai hasrat yang diinginkan.

Oleh itu, kekuatan pada kajian tersebut adalah kemantapan lontaran idea dan pemikiran yang boleh diaplisasikan, dimanfaatkan dan disisipkan dalam kajian ini.

---

<sup>30</sup> Abd. Rahim Abd. Rashid, *Patriotisme Agenda Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2004, hlm. 41.

Justeru itu, aspek tersebut akan dikupas secara lebih terperinci dalam kajian ini bahawa dalam mengharungi dan memantapkan pendidikan, kejayaan akan dapat digapai apabila sesuatu cabaran dan halangan itu dapat dikenal pasti. Tujuannya untuk mencari suatu alternatif bagi memperbaiki segala kelemahan, terutama ketika berlakunya perubahan dalam pendidikan sejarah yang berakar daripada munculnya sebab dan akibat dalam sesuatu kejadian yang telah berlaku. Di sini jelas menunjukkan bahawa, meskipun sejarah banyak membicarakan zaman silam, namun dengan cara memahami zaman silam, pemahaman hakikat penghidupan pada zaman ini lebih mudah difahami. Demikian juga dengan mengharungi cabaran dan halangan, maka hasrat yang hendak digapai dapat diperoleh dengan sebaiknya. Tegasnya pelajaran Sejarah bukan sekadar untuk mengetahui kejadian-kejadian di zaman lampau semata-mata tetapi untuk memberi kesedaran bahawa zaman itu mempunyai pertalian dengan zaman ini.

Fokus perbincangan seterusnya berkaitan kajian Pembinaan Semangat Patriotisme dalam pendidikan sejarah yang menjadi garis panduan mencapai cita-cita negara oleh Anuar Ahmad dan Abdul Razak Ahmad. Pendidikan sejarah dikatakan dapat mengembangkan kesedaran dan kebanggaan terhadap negara dan secara tidak langsung dapat mengukuhkan semangat cinta akan negara.<sup>31</sup> Kesedaran dan kebanggaan ini menunjukkan bahawa perubahan dan perkembangan yang berlaku adalah selari mengikut situasi semasa bagi mencapai sesuatu matlamat khususnya dalam pembelajaran Sejarah.

Justeru, aspek utama yang disentuh dalam kajian tersebut adalah matlamat untuk membangunkan negara yakni perpaduan antara kaum yang menjadi elemen penting dalam mencorakkan negara yang beracuankan Malaysia. Persoalan yang turut terlibat adalah cabaran untuk menyatukan rakyat yang pelbagai kaum menerusi pendidikan sejarah dan sejauh mana pendidikan sejarah ini berkesan dalam mencapai gagasan tersebut. Namun, aspek kajian yang dibincangkan adalah terlalu umum

<sup>31</sup> Anuar Ahmad dan Abdul Razak Ahmad, ‘Membina Budaya Patriotik di Kalangan Para Pelajar Mengikut Acuan Malaysia: Tumpuan Terhadap Guru-Guru Pelatih Diploma Pendidikan,’ Fakulti Pendidikan’, Prosiding Kolokium Pendidikan ke-4, Selangor: Pusat Teknologi Pendidikan UKM, 1996, hlm. 176-177.

terutama berkaitan perubahan dan perkembangan dalam mata pelajaran Sejarah, malahan aspek cabaran pula hanya dibincangkan secara sepintas lalu sahaja. Walau bagaimanapun, beberapa aspek penting yang dikemukakan dapat membantu kajian yang sedang dijalankan ini terutama dari aspek susunan idea dan ayat yang mantap.

Demikian juga kajian yang dilakukan oleh Hairol Anuar Mek Din berkenaan Pemerkasaan Pendidikan Sejarah dan Penanaman Semangat Patriotisme.<sup>32</sup> Kajian ini memiliki sedikit kesamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Anuar Ahmad yang mengupas akan kepentingan nilai sejarah sehingga diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Sementelahan pula pendidikan sejarah bermatlamat untuk memupuk dan memperkuuhkan semangat setia terhadap negara dan penerapan nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia. Hal ini kerana sekiranya terdapat kejadian terhadap konsep perpaduan dan toleransi, bimbang bakal mengundang kepada berlakunya lagi Peristiwa 13 Mei buat kali kedua. Justeru itu, bagi mengelak daripada peristiwa itu berulang, maka penghayatan sejarah negara perlu disematkan dalam diri. Keadaan ini yang akan dikupas dengan lebih mendalam dalam kajian ini agar generasi akan datang tahu akan sejarah dan berusaha untuk tidak mengulangi sejarah dalam bahagian persoalan perubahan dasar pendidikan sejarah sehingga diangkat sebagai subjek teras.

Ian Steele pula dalam buku beliau yang bertajuk “Development in History Teaching” menyatakan bahawa berdasarkan dapatan kajian beliau berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah menunjukkan mata pelajaran Sejarah sebagai satu mata pelajaran yang terlalu membosankan dan tidak terdapat sebarang kepentingan. Dapatan kajian tersebut juga turut menyatakan ...*history as one of the most useless and boring subject*<sup>33</sup> dan kurang menarik, manakala aktiviti menyoal hanya sesekali sahaja dan kurang mencabar daya pemikiran serta imaginasi pelajar. Fines pula sebagaimana Ian Steele menyokong pernyataan tersebut bahawa pelajar bosan dengan mata pelajaran

<sup>32</sup> Hairol Anuar Mek Din, *Sejarah Malaysia 1400-1969: Satu Evolusi*, Selangor: D'fa Print Sdn Bhd, 2009, hlm. 250-252.

<sup>33</sup> Ian. Steele, (ed), *Development in History Teaching*, Open Books: London, 1976, hlm. 3.

Sejarah yang terlalu memberi tumpuan kepada fakta semata-mata.<sup>34</sup> J.W. Hunt juga berpendapat bahawa Sukatan Pelajaran Sejarah mengandungi banyak fakta yang tidak dapat dikurangkan kepada satu sistem pengajaran. Beliau menyatakan salah satu kesukaran dalam mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah adalah maklumat yang banyak dan membebankan pelajar.<sup>35</sup>

Hakikatnya penulisan dan kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia selepas merdeka adalah banyak, namun demikian setiap kajian itu tertumpu kepada aspek yang berbeza, huraian dan fakta yang sama namun olahan dan idea yang berlainan serta tidak konsisten dalam setiap susunannya. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut dapat membantu memberikan gambaran berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia di samping melaksanakan temu bual dengan orang perseorangan sepanjang kajian dilaksanakan. Sementelah pula penekanan terhadap mata pelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1970-an cukup meluas dan sering diperdebatkan dalam kalangan sejarawan negara. Malahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberikan penekanan terhadap kepentingan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Sehubungan dengan itu, maka dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Sejarah telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran teras berikutan mata pelajaran ini mempunyai unsur-unsur ke arah pemupukan semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air.<sup>36</sup>

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian lepas, fokus kepada persoalan kajian adalah kurang jelas dan tidak secara terperinci olahannya, malahan perbincangan hanya dari beberapa aspek tertentu sahaja. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan tertumpu kepada kajian di sekolah, berbanding dengan kajian ini yang melibatkan

<sup>34</sup> J. Fines., (ed), ‘History of Education, An Educationalist in the Age Keate’, *Leading Historical Journals*, London, vol.9, no.4, 1969, hlm. 438-454.

<sup>35</sup> J.W. Hunt., ‘Textbooks and their Uses’, dalam W.H. Burston, & C.W. Green, (eds), *Hand Book for History Teachers*, London, 1962, hlm. 27.

<sup>36</sup> Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kertas kerja, ‘Kursus Pegawai Pusat Sumber’, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988a.

dokumen-dokumen yang sahih daripada sumber-sumber yang tepat. Maka banyak perbezaan antara kajian ini dengan kajian-kajian lepas meskipun kelihatannya hampir sama, namun olahan fakta, data dan penguraian adalah berlainan daripada sumber-sumber yang berlainan.

Secara tuntasnya, aspek yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berkait dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sepanjang pelaksanaannya sehingga membawa kepada cabaran dan halangan dalam membentuk setiap perancangan bersandarkan kesesuaian semasa. Maka, setiap cabaran dan halangan yang ditempuhi akan mencari unsur penyelesaiannya bagi menangani setiap permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Justeru, langkah pragmatik dengan melaksanakan Sejarah sebagai mata pelajaran teras pada tahun 1989 bersesuaian dengan matlamatnya untuk generasi yang kian luntur sejarah dan semangat jati diri agar dapat memahami dan mendalami sejarah lalu dengan lebih baik.

### **Kaedah Penyelidikan**

Secara keseluruhannya kajian ini didasarkan kepada penyelidikan kualitatif iaitu kajian perpustakaan dan temu bual terbuka dengan orang perseorangan. Sementara tempat-tempat yang dikunjungi termasuk Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Pusat Perkembangan Kurikulum, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Negeri Perak, Kelantan dan Terengganu, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris serta Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Malahan dalam kajian ini juga terdapat sebilangan Laporan-laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling, Kertas-kertas Seminar, Kajian

Latihan Ilmiah, Fail-fail dan Surat Persendirian serta akhbar dan majalah yang berkaitan dengan kajian dirujuk bagi mendapatkan kesahihan dan kebenaran fakta.

Sumber-sumber penulisan yang menjadi rujukan untuk memperkuuhkan kajian terdiri dari bahan primer seperti fail-fail, rekod-rekod, surat-surat persendirian dan akhbar yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia. Seterusnya kajian turut melibatkan rujukan daripada buku, rakaman video, majalah, seminar, perbincangan dan syarahan umum. Data-data untuk penyelidikan perpustakaan ini datangnya daripada buku-buku hasil tulisan pengkaji-pengkaji dan sarjana-sarjana terdahulu terutama yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data juga diperoleh dari jurnal-jurnal, artikel-artikel dari majalah dan surat khabar yang relevan dan sesuai dengan tajuk kajian. Data-data ini diolah dan diadaptasi, namun keaslian dari sumber pengkaji dan penulis asalnya adalah amat dititikberatkan. Maklumat-maklumat yang diperoleh melalui sumber di atas membantu kajian ini terutama dari aspek dasar, perubahan kurikulum, data keputusan peperiksaan awam dan buku teks. Malahan dapatan maklumat daripada sumber-sumber itu juga mengukuhkan lagi aspek kajian terutama melibatkan kenyataan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui laporan akhbar dan majalah.

Justeru berdasarkan kepelbagaiannya sumber tersebut, perbandingan fakta dan cetusan idea sering dilakukan agar maklumat yang diperoleh dapat meningkatkan lagi pemahaman pengkajian. Justeru, temu bual terbuka melibatkan 106 responden dari pelbagai kategori dan kaum turut dilakukan yang mencakupi pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan Malaysia, mantan guru dan orang awam. Responden yang ditemu bual ini adalah mereka yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah dari tahun 1960-an ke 1980-an bagi mengukur tahap pembelajaran pelajaran dan kaedah pengajaran guru. Jenis maklumat yang diperoleh melalui responden amat penting berikutan hasil dapatannya adalah pelbagai dan berbeza-beza terutamanya apabila tidak melibatkan soalan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, melalui soalan-soalan yang dikemukakan, maklumat yang diperoleh juga dari pelbagai aspek dan dimensi

seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada ketika itu. Melalui hasil dapatan tersebut, maka perbandingan maklumat dilakukan dan data yang diperoleh dianalisis bagi mendapatkan kesahan dan ketepatan fakta. Sementelah pula, responden ini dari pelbagai latar belakang negeri berdasarkan persekolahan mereka dahulu seperti dari negeri Perak, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Sarawak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah, Pahang dan Perlis. Hasil kajian mendapati kepelbagaian sumber yang diperoleh adalah saling berkait dan dianggap mengisi antara satu sama lain. Maka, segala maklumat yang diperoleh itu telah dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas terhadap aspek kajian yang dijalankan ini.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan metod deskriptif kualitatif atau menghuraikan dan memberikan gambaran tentang pengajaran dan pembelajaran Sejarah sepanjang pelaksanaannya di sekolah-sekolah di Malaysia dari tahun 1957 hingga 1989. Pendekatan ini melibatkan pengumpulan maklumat daripada sumber primer di Arkib Negara Malaysia dan Pusat Dokumentasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan maklumat turut diperoleh daripada temu bual terbuka dengan orang perseorangan yang kemudiannya diinterpretasi dalam bentuk analisis. Malahan kajian juga merujuk kepada sumber data asas dan data sekunder. Bahan untuk kajian seperti pita rakaman dan pita video digunakan bagi memperoleh maklumat yang sahih dan terperinci.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian temu bual telah dipilih sebagai alat kajian dalam penyelidikan ini. Temu bual dibuat selepas catatan refleksi mereka dibaca dan dianalisis. Instrumen temu bual dibuat dengan menggunakan soalan-soalan struktur dan separa struktur yang berkait dengan persoalan kajian, manakala perbualan dirakamkan, divideokan dan

ditranskripsikan. Rakaman dan video ini akan ditunjukkan dan diperdengarkan kepada subjek sebelum ditranskripsikan dan dianalisis. Selain itu, perbincangan dan syarahan umum, buku, majalah, seminar serta keratan akhbar juga digunakan bagi mengukuhkan ketepatan maklumat. Selain dari aspek tersebut, sumber primer juga digunakan seperti fail-fail, surat-surat persendirian dan dokumen rasmi dijadikan sumber rujukan utama. Keseluruhan kajian ini menjurus kepada kajian lapangan.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Bahagian ini menerangkan beberapa prosedur yang akan dilakukan untuk merancang dan melaksanakan proses pengumpulan data yang dirancang agar dapat dijalankan dengan teliti dan terperinci. Berdasarkan kajian ini, prosedur pengumpulan data dan maklumat adalah mengikut kategori isu atau peristiwa. Setiap catatan refleksi subjek diberi kod-kod tertentu mengikut fokus refleksi seperti peristiwa, pemerhatian atau isu yang dilaporkan sepanjang kajian. Pengekodan memudahkan pengkaji memahami maklumat yang diperoleh dan menjadi panduan untuk menentukan apakah yang akan difokuskan kepada maklumat berikutnya.

Oleh sebab itu dalam kajian ini, proses pengumpulan data melalui pembentukan kategori pengekodan digunakan secara berterusan. Tiga kaedah mengumpul data kualitatif yang digunakan iaitu catatan rekod, temu bual individu serta kumpulan fokus. Secara jelasnya, setiap maklumat dan data yang diperoleh dikodkan dengan kod-kod tertentu untuk memudahkan pelaksanaan kajian. Data dari kaedah-kaedah ini adalah dalam bentuk nota, rakaman audio dan video serta transkripsi yang diperoleh hasil dari temu bual. Setiap data ini dianalisis dan ditranskripsikan bagi mengukuhkan penyelidikan. Selain itu, penglibatan diri dalam setiap seminar, perbincangan dan syarahan umum juga antara kaedah dalam usaha memperoleh dan mengumpul maklumat. Setiap maklumat yang diperoleh hasil daripada seminar dan perbincangan

umum akan dibuat penambahbaikan agar kajian yang dilaksanakan memenuhi matlamat kajian yang sebenarnya.

### **Prosedur Penganalisisan Data**

Bagi penganalisisan data temu bual, catatan refleksi dianalisis satu persatu mengikut kategori isu atau peristiwa. Setiap catatan refleksi subjek diberi kod-kod tertentu mengikut fokus refleksi isu yang dilaporkan. Setelah didapati catatan dengan lebih daripada satu bahagian, maka ia akan dibahagi kepada segmen-segmen tertentu. Dalam kajian ini, catatan refleksi dianalisis mengikut Skala Pemikiran Reflektif Pedagogikal. Catatan refleksi dikodkan menggunakan kod PR/S1/1/1 iaitu PR - Penulisan Refleksi, S1 – mewakili Subjek Pertama, 1 – Nombor Catatan dan 1- merujuk kepada Muka Surat. Temu bual dibuat dengan subjek menggunakan soalan-soalan separa struktur. Rakaman temu bual ditranskripkan dan kemudian ditunjukkan kepada subjek untuk disemak bagi tujuan pengesahan maklumat. Transkrip temu bual dikodkan menggunakan kod T1/Y/1/1 iaitu T1 – Temu bual Pertama; Y – Nama Subjek, 1- Nombor Perenggan dan 1 – merujuk kepada Muka Surat. Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan penganalisisan data yang diperoleh dapat disusun secara teratur dan konsisten.<sup>37</sup>

### **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan penyelidikan kualitatif pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah dari tahun 1957 hingga 1989. Fokus kajian hanya pada peringkat sekolah sahaja iaitu di sekolah rendah dan sekolah menengah. Lingkungan penyelidikan sama ada dalam aspek dasar, kaedah pengajaran dan pembelajaran, cabaran dan halangan serta langkah dan strategi untuk menangani permasalahan yang muncul dalam pembelajaran Sejarah adalah dalam tempoh kajian. Walau bagaimanapun, pada bab

<sup>37</sup> G. M. Sparks-Langer, J. Simmons, M. Pash, A. Colton, & Starko. A., ‘Reflective Pedagogical Thinking: How Can We Promote it and Measure it?’ *Journal of Teacher Education*, Bil. 41, 1990, hlm. 23- 32.

awal kajian, turut menyentuh sedikit pembelajaran Sejarah tradisional. Tujuannya untuk memberi pemahaman dan pencerahan berkaitan pensejarahan dalam pembelajaran Sejarah peringkat awal agar rentetan kesinambungan itu dapat dilihat sebagai panduan. Seterusnya kajian ini turut melibatkan keterbatasan dapatan maklumat dan sumber-sumber yang kabur, selain terdapatnya karenah birokrasi ketika melaksanakan temu bual. Malahan terdapat maklumat yang tidak dapat didedahkan berikutan permintaan responden. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi dengan penjelasan bahawa maklumat yang diperoleh adalah sulit dan hanya untuk pengkajian dan penyelidikan ini sahaja. Demikian juga keterbatasan untuk mendapatkan rekod peperiksaan berikutan rekod yang diperoleh tidak lengkap. Walau bagaimanapun pencarian maklumat berjaya diperoleh melalui pelbagai keratan akhbar lama dan laporan tahunan yang terdapat di Pusat Dokumentasi Putrajaya beserta dengan bantuan pihak berkenaan.

## **Pembahagian Bab**

Kajian ini melibatkan enam pembahagian bab termasuk bab pendahuluan. Bab kedua membincangkan pembelajaran Sejarah sebelum merdeka yang meliputi aspek pengertian sejarah dan pengajaran dan pembelajaran Sejarah, latar belakang pembelajaran Sejarah, pengajaran dan pembelajaran Sejarah sebelum merdeka, pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah vernakular dan kesedaran pembelajaran Sejarah masyarakat Melayu.

Bab tiga pula membincangkan dasar pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang meliputi aspek matlamat dasar, jenis dasar dan faktor perubahan dasar. Seterusnya turut dibincangkan aspek kepentingan dasar dan peranan tokoh sebagai penggerak dasar.

Bab empat membincangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah, jenis kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah, pendekatan dalam kaedah pengajaran

Sejarah, pelaksanaan kaedah yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta kelembahan kaedah dan kesannya kepada pencapaian pelajar.

Bab lima berkaitan cabaran dan halangan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sepanjang pelaksanaannya selepas merdeka. Cabaran dan halangan ini mencakupi aspek buku teks, masalah berkaitan pelajar, cabaran yang melibatkan guru dan aspek perubahan kurikulum.

Bab keenam mengupas langkah-langkah dan strategi bagi menangani permasalahan yang terdapat dalam pembelajaran Sejarah dan usaha untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah di peringkat sekolah yang meliputi aspek latar belakang guru, pedagogi guru, kajian semula kurikulum dan buku teks serta aktiviti sejarah peringkat nasional.

Bab ketujuh menyimpulkan bahawa wujudnya permasalahan dalam mata pelajaran Sejarah yang mempunyai hubungan dan perkaitan signifikan dengan pelaksanaan dasar, kaedah pengajaran dan pembelajaran, masalah pelajar, guru, buku teks dan kurikulum. Justeru itu, pelbagai langkah dan strategi telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha menangani masalah yang membelenggu mata pelajaran Sejarah sehingga diangkat menjadi subjek teras pada tahun 1989.

## BAB DUA

### PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH SEBELUM MERDEKA

#### Pengenalan

Herodotus tokoh sejarawan Yunani menyebut bahawa sejarah bermaksud menyiasat *to inquire* masa lalu berlandaskan bukti-bukti. Sementara penyiasatan ini melibatkan *historie* dan *historia* yang bererti pengendalian secara naratif pembinaan masa lalu. Sejarah boleh dianggap bersifat saintifik apabila sesuatu peristiwa itu dinyata dan diceritakan. Semua sejarah adalah sejarah pemikiran dan semua kisah sejarah adalah pementasan kembali pemikiran masa lampau dalam akal fikiran sejarawan.<sup>1</sup> Pengertian sejarah dapat dibahagikan kepada tiga iaitu merujuk kepada keseluruhan masa lalu manusia seperti yang sebenarnya berlaku, percubaan manusia menghurai dan mentafsir masa lalu dan kajian sistematik terhadap masa lalu atau sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan.<sup>2</sup>

Sejarah adalah kejadian yang benar-benar telah berlaku pada masa lampau yang disusun berdasarkan peninggalan-peninggalan pelbagai peristiwa. Peninggalan-peninggalan itu disebut sebagai sumber sejarah. Terdapat tiga aspek dalam sejarah, iaitu masa lampau, masa kini dan masa akan datang. Masa lampau dijadikan titik tolak untuk masa akan datang.<sup>3</sup> Pada masa kini, sejarah akan dapat difahami oleh generasi penerus dari masyarakat yang terdahulu sebagai suatu cermin untuk menuju kemajuan dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Peristiwa yang terjadi pada masa lampau memberi suatu gambaran tentang kehidupan manusia dan kebudayaannya di masa lalu sehingga dapat merumuskan hubungan sebab akibat mengapa suatu peristiwa dapat terjadi dalam kehidupan tersebut, walaupun belum tentu setiap peristiwa atau kejadian akan tercatat dalam sejarah.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> R.G.Collingwood, *The Idea of History*, London: Oxford University Press, 1966, hlm. 7.

<sup>2</sup> A.Marwick, *The Nature of History*. London: Mac Millan Pub. Ltd, 1975, hlm. 36.

<sup>3</sup> E.H.Carr, *Apakah Sejarah ?*, Terjemahan oleh A.B.Rahman Ismail, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 8.

<sup>4</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Merican & Sn Sdn Bhd, 1985, hlm. 13.

Di samping itu, sejarah juga dikatakan sebagai cerminan masa lalu manusia yang disusun secara ilmiah dan lengkap meliputi urutan fakta masa tersebut dengan tafsiran dan penjelasan yang memberi pengertian dan kefahaman tentang apa yang berlaku. Kurun waktu yang menjadi perjalanan hidup bagi seseorang itu dicatat, ditulis dan dimengerti serta direkod dengan bukti-bukti yang konkret. Justeru, manusia zaman berzaman dari pelbagai budaya dan anutan kepercayaan telah mendampingi sejarah atas pelbagai alasan dan untuk pelbagai tujuan.<sup>5</sup> Tujuan-tujuan ini mencakupi aspek mempelajari dan memperoleh ilmu.

Pemperolehan ilmu dalam konteks kajian ini merujuk kepada pembelajaran Sejarah yang merupakan saluran utama ke arah penghayatan dan pemahaman sejarah. Pembelajaran diertikan sebagai sebuah usaha mempengaruhi emosi, intelektual dan spiritual seseorang dalam mempelajari sesuatu untuk memperoleh ilmu yang dipelajari. Justeru, dalam konteks ini pembelajaran Sejarah antara saluran berkesan bagi penyebaran ideologi, termasuk penyaluran nasionalisme dalam pembentukan sesebuah negara kerana sejarah adalah satu proses yang mempunyai pelbagai sebab akibat yang kompleks dan memerlukan pemahaman yang sistematik. Perjalanannya ditentukan bukan sahaja oleh peristiwa-peristiwa politik tetapi juga oleh aliran dan kesan idea-idea manusia zaman berzaman. Justeru, pemahaman bagaimana sejarah itu dipersembahkan dan diintegrasikan terutamanya dalam institusi pendidikan adalah amat penting.<sup>6</sup>

Jelas menunjukkan bahawa ilmu sejarah sangat penting dalam kehidupan manusia sebagai panduan dan iktibar untuk memperbaiki kesilapan masa lalu dan mencipta kejayaan yang lebih gemilang. Kesilapan masa lampau mungkin berulang sekiranya tiada kesedaran daripada kesalahan dan kesilapan masa lalu, yang bukan sahaja merugikan seseorang individu tetapi mungkin juga kepada keluarga, masyarakat dan negara mahupun bangsa. Oleh kerana kepentingannya itu, maka kesedaran berhubungnya dipanjangkan untuk mengekalkan ingatan masa lalu dan diterapkan

<sup>5</sup> Ismail Said, *Perkembangan Sejarah Negara*, Selangor: Multimedia Sdn. Bhd, 2010, hlm. 1.

<sup>6</sup> J.G. Roucek, (ed), *The Teaching of History*, New York: Philosophical Library Inc., 1967, hlm. 113.

kepada generasi seterusnya menerusi proses pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Justeru, bab ini akan membincangkan tentang pengajaran dan pembelajaran Sejarah sebelum merdeka. Antaranya melibatkan latar belakang pembelajaran Sejarah zaman tradisional. Pada zaman ini, umumnya pendidikan tidak menekankan aspek formal, penekanan hanya kepada pengajaran kitab suci al-Quran, tingkah laku dan akhlak yang baik, pengetahuan serta sifat kerohanian. Seterusnya fokus perbincangan berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Inggeris, vernakular Melayu, Cina dan Tamil semasa pemerintahan British serta kesedaran pembelajaran Sejarah Masyarakat Melayu yang turut dikaitkan dengan sistem pendidikan pondok dan madrasah yang telah membuka minda kaum Melayu di Tanah Melayu.

### **Latar Belakang Pembelajaran Sejarah Zaman Tradisional**

Islam dan peradaban Melayu saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Setelah kedatangan Islam, kehidupan baru manusia di Alam Melayu atau Nusantara dalam keserumpunan itu bertukar daripada kepercayaan tahuyl kepada suatu keyakinan yang berpaksikan akidah yang didasari intelektualisme dan rasionalisme. Islam telah membawa kesan yang meluas dan mendalam terhadap kehidupan sosiobudaya masyarakat dan membentuk corak kerajaan Melayu di dunia Melayu.<sup>7</sup> Perkembangan agama Islam yang menggalakkan umatnya mendalami ilmu pengetahuan tidak hanya tertumpu pada ilmu berbentuk agama semata-mata, tetapi turut diberi penekanan dari segi ilmu sejarah yang juga mempunyai pengajaran dan nilai moral yang tinggi.

Dalam konteks ini selain pengajian agama, pengajian Sejarah juga turut berkembang selari dengan kemasukan Islam di rantau ini. Dalam pendidikan tradisi ini, pelajaran Sejarah tidak wujud seperti pelajaran Sejarah yang dipelajari sebagaimana

---

<sup>7</sup> A.Aziz Deraman, ‘Kedatangan Islam dan Pembudayaan Alam Melayu’ <http://nabawi.wordpress.com> (tarikh diakses 25 Mei 2007).

kini, malahan ia bukan suatu bidang ilmu atau disiplin yang khusus dan berasingan seperti yang ada pada hari ini, tetapi pembelajaran Sejarah pada ketika itu lebih kepada tujuan untuk iktibar atau memberi pengajaran berdasarkan kepada kisah kenabian dan pahlawan-pahlawan Islam. Malah dalam al-Quran itu sendiri jelas memperlihatkan sejarah riwayat-riwayat kenabian.

Hakikatnya sebelum kedatangan kuasa barat ke Tanah Melayu, orang Melayu telah pun memiliki sistem pendidikannya yang tersendiri. Sistem pendidikan yang wujud pada ketika itu adalah bersifat tidak formal dan tidak menitikberatkan perkembangan kognitif atau pemikiran para pelajar. Walau bagaimanapun, pada peringkat lebih teratur terdapat satu sistem pendidikan agama yang disebut 'sekolah pondok' yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh golongan ulama. Sebagai pusat perkembangan Islam sudah tentu para ulama yang datang bukan sekadar untuk menyebarkan Islam, malah turut menyampaikan beberapa buah kisah sejarah yang terdapat dalam al-Quran, mahupun karya pensejarahan Islam. Kisah sejarah dalam al-Quran kemudiannya telah ditafsir dan dihurai oleh para ulama di samping menterjemah sesetengah karya pensejarahan berbahasa Arab-Parsi ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman masyarakat agar mereka dapat menjadikannya sebagai pengajaran dan renungan.<sup>8</sup>

Pendidikan Islam pada ketika itu adalah bersifat timbal-menimbal iaitu tidak terikat hanya kepada pendidikan agama semata-mata, malah turut memuatkan pengajaran berbentuk sejarah yang ditulis dalam bahasa Melayu-Jawi. Antara karya-karya tersebut ialah *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Bustan al-Salatin*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Siak* dan sebagainya. Maka secara tidak langsung, masyarakat diajar untuk berfikir, mendalamai ilmu pengetahuan serta mengambil pengajaran melalui kisah sejarah yang terdapat di dalamnya.<sup>9</sup> Hal ini kerana

<sup>8</sup> Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah, No.17*, 2009, hlm. 46-47.

<sup>9</sup> Ibid.

selain terdapat perintah atau hukum-hakam tertentu, al-Quran juga turut memerintahkan umat Islam untuk mempelajari sejarah. Misalnya surah Yusuf ayat 109 yang berbunyi:

...dan kami tidak mengutuskan sebelum engkau hanya beberapa orang laki-laki dari penduduk negeri ini yang kami wahyukan mereka. Apakah mereka tidak berjalan di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat orang-orang yang sebelum mereka. Dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang memelihara dirinya dari kejahatan.

Berdasarkan ayat tersebut, menunjukkan bahawa terdapat suruhan mempelajari sejarah silam agar dapat difikir, dimengerti, difahami dan dijadikan panduan untuk masa hadapan. Melalui al-Quran, umat Islam dapat mempelajari mengenai kisah penciptaan manusia, sejarah nabi-nabi terdahulu, kisah kebangkitan dan kejatuhan sesebuah kerajaan seperti kerajaan Saba<sup>10</sup>, kaum Ad dan Thamud<sup>11</sup>, kisah syurga, neraka dan sebagainya. Melalui perintah dan beberapa kisah yang boleh dijadikan iktibar untuk masa hadapan ini sedikit sebanyak telah memberi kesedaran awal tentang konsep sejarah dalam pemikiran masyarakat Melayu serta perkembangan karya pensejarahan seterusnya.<sup>12</sup>

Misalnya *Sejarah Melayu* telah menggambarkan dua kitab sejarah penting yang digunakan pada era Kesultanan Melaka iaitu *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah*. Kedua-dua hikayat ini dianggap sebagai hikayat perang untuk menaikkan semangat kental pada ketika itu.<sup>13</sup> Ini dapat dijelaskan berdasarkan petikan:

...maka kata segala anak tuan-tuan itu, “Apa kita buat bertunggu di balairong diam-diam sahaja? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya.” Maka kata Tun Muhammad Unta, “Benar, kata tuan-tuan itu, baiklah Tun Indera Segara pergi memohonkan Hikayat Muhammad Hanafiah, sembahkan mudah-

<sup>10</sup> Kerajaan Saba' terkenal sebagai sebuah kerajaan bertamadun. Ketamadunan ini dibuktikan melalui pembinaan Empangan Ma'rib iaitu sebuah empangan terbesar dan terpenting bagi kaum ini. Selain itu kerajaan Saba' juga mempunyai tentera yang kuat dan telah menguasai banyak kawasan di Afrika. Malahan pada 24 S.M. tentera Saba' berjaya mengalahkan tentera Marcus Aelius Gallus iaitu gabenor Mesir yakni kerajaan terkuat ketika itu. Kekuatan tenteranya yang luar biasa ini turut diceritakan di dalam al-Quran iaitu surah al-Naml mengenai rajanya iaitu Puteri Balqis yang bijaksana. Demikian juga dalam surah Saba' turut menceritakan keingkaran kaumnya sehingga diturunkan bencana hujan lebat yang merosakkan Empangan Ma'rib. Harun Yahya, *Perished Nations*, Istanbul: Ta-Ha Publishers, 1999, hlm. 115. Lihat juga Surah Saba', ayat 10-21. Surah al-Naml, ayat 15-44 dan Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional, juzu' 19, 1985, hlm. 5206-5228 dan juzu' 22, hlm. 5822-5845.

<sup>11</sup> Bagi kaum 'Ad, Nabi Hud telah diutuskan untuk berdakwah, manakala bagi kaum Thamud pula Nabi Salleh pula telah diutuskan kepada mereka bagi mempercayai hanya Allah yang layak disembah. Namun kaum 'Ad dan Thamud telah mengingkari perintah tersebut di samping menolak Nabi Hud dan Salleh sebagai utusan Allah. Akhirnya Allah telah memberi azab kepada kedua-dua kaum ini kerana mereka telah mengingkari perintah Allah. Surah Hud, ayat 50-62.

<sup>12</sup> Arba'iyyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pensejarahan di Alam Melayu', *Al-Tamaddun*, Bil. 6, 2011, hlm. 37-39.

<sup>13</sup> Arba'iyyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, No.17, 2009, hlm. 46-47.

mudahan dapat patek-patek itu mengambil faedah daripadanya, kerana Feringgi akan melanggar esok hari”.

Aspek kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah juga diperaktikkan di Aceh terutama ketika Aceh menjadi kuasa terkuat<sup>14</sup> di rantau ini. Misalnya semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda,<sup>15</sup> selain pengajaran agama, baginda turut menggalakkan tradisi membaca hikayat yang sebahagiannya berbentuk sejarah sehingga menjadi aktiviti utama bagi masyarakat Melayu. Dengan kekuasaan Aceh yang meluas, sedikit sebanyak telah meninggalkan pengaruh yang kuat terutamanya dalam tradisi pengajian agama dan sejarah. Begitu juga di Riau, pada abad ke-19, amalan membaca karya Sejarah ini jelas dilihat melalui *Kisah Pelayaran ke Riau* yang menyebut bahawa orang Riau ‘Kebanyakan dari mereka duduk membaca sejarah dan siarah raja-raja Melayu dan bercakap-cakap akan hal dan peraturan dahulu kala’.<sup>16</sup>

Pada pertengahan abad ke-19, sistem pendidikan sekolah pondok menjadi Institusi Pendidikan Tinggi di Tanah Melayu. Mata pelajaran yang diajar adalah al-Quran dan hadis, tafsir, fikah, tauhid, akhlak, mantik dan sejarah Islam. Pengetahuan sejarah Islam dipelajari sebagai usaha untuk mendapatkan iktibar dan meningkatkan penghayatan agama.<sup>17</sup> Oleh itu, sejarah Islam dipelajari lebih bertujuan untuk memberi kefahaman terhadap perkembangan agama Islam. Sejarah Islam berperanan bagi mengukuhkan lagi penghayatan terhadap ajaran Islam itu sendiri seperti mempelajari sejarah para rasul dan nabi-nabi. Pembelajaran Sejarah secara formal telah juga dilaksanakan di beberapa buah madrasah, misalnya madrasah Khairiyah Al-Islamiah Pokok Sena di Kedah telah memperkenalkan mata pelajaran Sejarah Islam dari tahun 1929 hingga 1934. Pengajaran dan pembelajaran di madrasah ini lebih sistematik dan

<sup>14</sup> Pada 1525 kerajaan Aceh bahagian utara Pulau Percha telah menakluk Pasai sehingga ramai ulama yang berada di Pasai beralih tumpuan ke Aceh. Kerajaan Aceh menjadi bertambah luas apabila penaklukan telah dapat dilakukan sehingga ke Bangkahulu. Seterusnya di Timur pula Aceh telah meluaskan pula kuasanya sehingga ke Jambi, Siak, Riau, Lingga dan Semenanjung Tanah Melayu (Johor dan Pahang) dalam A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusastraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958, hlm. 29-30.

<sup>15</sup> Menurut Bustan al-Salatin, Sultan Iskandar Muda digambarkan sebagai seorang raja yang alim dan menjalankan pentadbiran Islam dalam kerajaannya. Jelani Harun (penyelenggara), *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 341-342.

<sup>16</sup> Petikan ini telah diperoleh oleh Matheson melalui microfilem JQ Mal.3, hlm. 1-2 yang terdapat di Universiti Singapura dalam Virginia Matheson, ‘Kisah Pelayaran ke Riau: Journey to Riau’, Indonesia and the Malay World, *Journal Indonesian Circle*, 1984, IC no. 36, Mac 1985, hlm. 3.

<sup>17</sup> Arba’iyah Mohd Noor, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden’, *Sejarah*, No.17, 2009, hlm. 46-47.

tersusun berbanding dengan keadaannya di sekolah-sekolah pondok sebelumnya yang dikendalikan oleh Tuan Hussain bin Hj Muhammad Nasir. Pada tahun 1934, beliau telah menyusun sukanan pelajaran yang mengandungi bukan sahaja mata pelajaran agama, tetapi turut mengandungi sejarah Islam.<sup>18</sup>

Justeru, terdapat dua keadaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat ditemui dalam sistem pendidikan tradisional Melayu iaitu pembelajaran Sejarah yang berpandukan kitab suci al-Quran dan pengajaran dan pembelajaran Sejarah melalui kitab-kitab lama yang berupa hikayat-hikayat kepahlawanan Islam. Walau bagaimanapun, satu kecenderungan yang ketara ialah kedua-duanya lebih menjurus kepada sejarah Islam atau tokoh-tokoh dalam pensejarahan Islam. Kedua-duanya diajarkan dengan tujuan yang sama iaitu sebagai iktibar dan landasan dalam kehidupan mereka pada ketika itu. Keadaan ini berterusan sehingga kepada pengenalan sistem pendidikan sekular barat yang dilaksanakan secara sistematik oleh pihak British sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Pembelajaran Sejarah pada zaman British bertujuan untuk memenuhi kepentingan dan matlamat kolonialisme British di Tanah Melayu semata-mata. Kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah pada ketika itu adalah lebih menjurus kepada negara kolonial British atau bersifat *western centric*. Topik-topik yang diperkenalkan dalam mata pelajaran Sejarah pada ketika itu juga adalah berkaitan dengan sejarah-sejarah Eropah sahaja. Hal ini berlaku kerana kerajaan British yang memerintah Tanah Melayu pada ketika itu mengkehendaki penduduk Tanah Melayu mengagungkan kegemilangan British sebagai sebuah kuasa yang kuat. Oleh yang demikian, semangat patriotisme atau semangat cintakan tanah air sendiri tidak dapat diwujudkan dalam diri rakyat Tanah Melayu pada ketika itu. Maka tidak mustahil sebelum Perang Dunia Kedua, kurangnya penentangan terhadap kuasa kolonial British.

<sup>18</sup> Siti Zainun Mat, ‘Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia’, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm. 6-7.

Ini menunjukkan bahawa kurangnya juga kesedaran dalam kalangan penduduk Tanah Melayu untuk membebaskan tanah air mereka dari belenggu penjajah pada ketika itu.<sup>19</sup>

Pada peringkat awal proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Melayu adalah lebih bersifat Kesusasteraan Melayu Klasik seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Aspek ini dapat dilihat apabila pembelajaran Sejarah tempatan tidak ditekankan oleh British kerana bimbang akan menggugat kepentingan politik dan ekonominya. Kemudiannya, R.O.Winstedt mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang berasaskan hikayat-hikayat ini digantikan dengan sejarah yang lebih bersifat saintifik. Beliau berpendapat bahawa *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* menggabungkan fakta dengan unsur-unsur mitos dan legenda. Aspek tersebut perlu ditukar kepada peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta sejarah yang diperoleh daripada penyelidikan yang berlandaskan bukti-bukti sebenar.<sup>20</sup>

Malah turut kelihatan apabila pihak British tidak menekankan pembelajaran Sejarah tempatan dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu sebaliknya menerapkan pemahaman agar orang Melayu memahami budaya Melayu dari perspektif orang barat seperti tulisan R.J. Wilkinson, penggiat Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Ini jelas digambarkan oleh Laporan R.O. Winstedt seperti berikut:

...oleh sebab pengajaran Sejarah dan Ilmu Alam di maktab-maktab perguruan Melayu tidak bererti, maka dikehendaki menggunakan buku-buku teks yang baru. Sementara itu, Sejarah hendaklah diajar dari risalah dalam siri ‘Paper on Malayan Subject’ oleh Wilkinson...dan jangan dipelajari yang lain.

Antara pegawai kolonial British yang memainkan peranan penting dalam mengkaji dan melakukan penyelidikan mengenai masyarakat tempatan di Tanah Melayu termasuklah Stamford Raffles, R.O Winstedt, R.J. Wilkinson, J.M Gullick dan J.Rigby.<sup>21</sup> Hal ini berlaku kerana British mempunyai falsafah yang berbeza terhadap sekolah-sekolah

<sup>19</sup> Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm.129.

<sup>20</sup> ‘Bagaimana Patut Membaca Tawarikh’, *Majalah Guru*, Jawi, Bil. 4, April 1935, hlm. 125.

<sup>21</sup> Khoo Kay Kim, ‘Pensejarahan Melayu yang bersifat Perjuangan Sebelum dan Sesudah Merdeka’, *JEBAT*, Bil. 10, 1980, hlm. 9.

aliran Melayu yang mahukan orang Melayu dididik dan diasuh untuk menjadi orang Melayu tradisional.<sup>22</sup>

Sesungguhnya kedatangan imperialis barat telah memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran Sejarah sehingga berjaya memupuk minat masyarakat Melayu untuk meminati dan menyedari kepentingan sejarah. Walau bagaimanapun, realitinya kebanyakan buku-buku sejarah menerusi perspektif barat. Apabila British berada di Tanah Melayu banyak karya tentang negara ini telah dihasilkan yang kemudian menjadi asas untuk penulisan buku-buku teks bagi penggunaan murid-murid sekolah. Sistem persekolahan Inggeris mewujudkan kepercayaan bahawa penulisan sejarah secara saintifik iaitu dengan mentaati peraturan perihal ketepatan tarikh dan fakta hanya dilakukan oleh mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi. Kebanyakan daripada tulisan itu berupa pelaporan rasmi serta penulisan sejarah untuk tujuan-tujuan rasmi dan tidak diterbitkan.<sup>23</sup> Antara nama-nama seperti C.J. Irving, Frank Swettenham, W.E. Maxwell, W.A. Pickering dan A.M. Skinner mulai ditemui di samping dua atau tiga orang daripada generasi pertengahan pertama abad ke-19 terutamanya J.F. McNair dan Thomas Braddell. Braddell banyak memberikan hasil tulisan kepada *Logan's Journal* yang pernah menerbitkan dua buah buku iaitu *Prisoners Their Own Warders* dan *Perak and the Malay Sarong and Kris*. Pegawai-pegawai British di Negeri-negeri Selat berkali-kali ditugaskan untuk menyiasat dan menyelesaikan perselisihan di negeri-negeri Melayu.<sup>24</sup>

Justeru itu, secara tidak langsung pegawai-pegawai British ini telah menghasilkan penulisan sejarah politik di beberapa buah negeri Melayu. Keterlibatan Frank Swettenham dalam kancah politik di negeri-negeri Melayu telah menyebabkan beliau menghasilkan sebuah karya yang berjudul *British Malaya: Account of the Origin*

<sup>22</sup> Khoo Kay Kim, *Panji Gemerlap: Satu Perbicaraan Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979, hlm. 338.

<sup>23</sup> C.J.Irving., 'Memorandum Relative to the Affair of Perak', with reference to a visit to that country in April and May 1872 and subsequent occurrences up to the 15<sup>th</sup> June 1872', *Correspondence Relating to the Malay Peninsula 1872-1877*. Laporan-laporan lain oleh Irving termasuk 'Memorandum Relative to Affairs of Selangor, with reference to visit to that country in April and May 1872 and subsequent up to the 15<sup>th</sup> June 1872', *Government Paper Relating to the Malayan Peninsular 1870-1882*.

<sup>24</sup> A. Skinner, 'Precis of Perak Affair', 10 Januari 1874 dalam *Lampiran Surat Sir A. Clarke kepada Kimberley*, 24 Feb 1874.

*and Progress of British Influence in Malaya* yang telah diterbitkan pada 1906 selepas beliau bersara daripada perkhidmatan kolonial di Tanah Melayu. Seorang lagi pegawai British yang banyak menulis tentang negeri-negeri Melayu ialah Hugh Clifford.<sup>25</sup> Sama seperti Frank Swettenham, beliau telah ditugaskan berkhidmat di tengah-tengah masyarakat Melayu di negeri-negeri pantai timur berbanding dengan Frank Swettenham yang lebih terlibat dengan masyarakat Melayu di pantai barat.

Secara keseluruhannya pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu dalam era 1870-an sehingga 1900 digalakkan menghasilkan penulisan atau sekurang-kurangnya mencatat kenangan mereka sama ada dalam bentuk buku atau makalah tentang dunia timur. Ini disebabkan pengetahuan Britain tentang Tanah Melayu masih cetek lagi dan dengan adanya catatan atau penulisan seperti ini dapat menambah pengetahuan kerajaan kolonial tentang tanah jajahannya. Implikasi kepada kehadiran kuasa imperialis barat ke Tanah Melayu telah menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu terdedah kepada corak penulisan sejarah secara saintifik iaitu dengan mengikuti peraturan berkaitan ketepatan tarikh dan fakta.<sup>26</sup>

Namun tidak dapat dinafikan dari segi penulisan sejarah, antara tahun 1900 sehingga meletusnya Perang Dunia Pertama terdapat beberapa karya yang telah dihasilkan oleh sejarawan tempatan, antaranya ialah *Syair Sultan Abu Bakar*,<sup>27</sup> *Buku Sejarah Nik Yusof*,<sup>28</sup> *Cetera Raja Muda*,<sup>29</sup> *Hikayat Pahang*,<sup>30</sup> *Hikayat Johor* dan

<sup>25</sup> J. de Vere Allen, ‘Two Imperialists: A Study of Sir Frank Swettenham and Sir Hugh Clifford’, *JMBRAS* vol. XXXVII, 1964, hlm.1.

<sup>26</sup> William.R. Roff, *Stories by Sir Hugh Clifford*, Kuala Lumpur, 1967 dan *Stories and Sketches* by Sir Frank Swettenham, Kuala Lumpur, 1967. Karya Clifford lebih banyak daripada karya Frank Swettenham jika dikira berdasarkan karya yang telah diterbitkan. Antara karya Clifford termasuklah *Since the Beginning*, London, 1898; *In Court and Kampong*, London, 1903, *Heroes in Exile*, London, 1906, ‘Rival Systems and the Malayan People’ *The North American Review*, vol. 177, *In Corner of Asia*, London, 1899, *Sally: A Sequel*, London, 1908, *Malayan Monochromes*, London, 1913, ‘A Journey through the Malaya States of Terengganu and Kelantan’ *The Geographical Journal*, vol.IX, 1897, “Expedition to Terengganu and Kelantan” *JMBRAS* vol. XXXIV, 1964, hlm.1. Buku-buku lain oleh Hugh Clifford ialah *Studies in Sepia White and Yellow*, London, 1898, *Further India*, London, 1904, *In Days that are Dead*, London, 1926, *A Prince of Malaya*, London, 1929 dan *Bushwhacking and Other Asiatic Tales and Memories*, London 1929. Lihat kajian tentang penulisan Clifford dalam Saw Gaik Choo, ‘The Works of Sir Hugh Clifford: A Literary and Biographical Approach’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

<sup>27</sup> Pengarang tidak diketahui dan karya ini selesai diselenggarakan sekitar tahun 1899-1900.

<sup>28</sup> Nik Yusof bin Nik Abdul Majid (Datuk Sri Paduka) dan karya ini selesai ditulis sekitar 1900. Karya ini belum ditemui namun ada disebutkan dalam Hikayat Seri Kelantan.

<sup>29</sup> Tidak diketahui pengarang karya ini dan diselesaikan penulisannya pada 1900. Karya ini belum ditemui tetapi kewujudan karya ini ada disebutkan dalam Hikayat Seri Kelantan.

<sup>30</sup> Tidak terdapat nama pengarang dan karya ini telah disiapkan pada 1909.

*Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar Johor*,<sup>31</sup> *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*<sup>32</sup> dan *Hikayat Kelantan*.<sup>33</sup> Demikian juga makalah-makalah lain seperti *Kegunaan Ilmu al-Tarikh, Chahaya Pulau Pinang, Tarikh* dan sebagainya.<sup>34</sup> Berdasarkan karya-karya tersebut, istilah ‘hikayat’ masih digunakan dan terdapat juga sejarah yang ditulis dalam bentuk syair. Demikian pula dengan karya *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* yang ditulis dalam tulisan rumi dan penggunaan istilah ‘Tarikh’ hanya dipopularkan selepas Perang Dunia Pertama melalui sistem persekolahan Melayu yakni ‘Tawarikh’.<sup>35</sup>

Perkataan ‘tawarikh’ yang digunakan oleh orang Melayu sekitar awal abad ke-19 dikatakan juga diambil dari perkataan Arab ‘al-tarikh’ (التاريخ). Tawarikh membawa maksud ilmu tentang peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau. Selain daripada ‘tawarikh’ antara istilah yang agak popular digunakan ketika itu adalah ‘hikayat’ dan ‘riwayat’. Ketiga-tiga istilah ini telah digunakan sehingga tahun 1950-an dan 1960-an. Akhir tahun 1960-an, perbicaraan sejarah telah menggunakan istilah ‘sejarah’ secara menyeluruh, namun begitu, istilah ‘riwayat’ terus digunakan bagi merujuk karya-karya pensejarahan yang berbentuk biografi dan riwayat hidup.<sup>36</sup> Manakala perkataan ‘history’ yang berasal dari perkataan Yunani, ‘historia’ adalah membawa maksud penyelidikan. Namun terdapat perbezaan antara perkataan ‘historia’ zaman Yunani dengan perkataan ‘history’ pada zaman moden. Historia adalah karya-karya sejarah yang berunsur mitos dan legenda, manakala ‘history’ adalah karya sejarah yang berdasarkan kajian dan penyelidikan. Contoh karya Yunani ialah Illiad dan Odyssey yang dihasilkan oleh Homer. Antara sejarawan Yunani yang terkenal ialah

<sup>31</sup> Mohd. Said bin Haji Sulaiman, Johor Bharu dan telah siap ditulis pada 1911. (Kajian tentang karya ini telah dilakukan oleh Ismail Hussein dalam tesis sarjana yang berjudul ‘Hikayat Johor: Satu Penyelenggaraan Teks’).

<sup>32</sup> Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib diterbitkan di Pulau Pinang dalam dua versi jawi dan rumi pada tahun 1911.

<sup>33</sup> Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail pada 1914. (Mohd. Taib Osman telah melakukan kajian ilmiah untuk tesis sarjana beliau yang bertajuk ‘Hikayat Seri Kelantan Sebuah Naskhah Tulisan Tangan dari Kelantan’).

<sup>34</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 138-139.

<sup>35</sup> Muhd Yusof Ibrahim, ‘Bentuk Perkembangan Pensejarahan Melayu Dekad 1920-an 1930-an,’ dalam Kertas Kerja Kongres Sejarah Malaysia, Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-28 Ogos 1996, hlm.1. Lihat *Al-Imam*, Jild.1, 23 Julai 1906, hlm. 1.

<sup>36</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977, hlm. 6.

Herodotus yang menghasilkan ‘Historia’ pada abad ke-5 SM, buku tersebut dianggap sebagai karya ulung orang Yunani dalam bidang sejarah.<sup>37</sup>

Dari sudut terminologi yakni berkaitan istilah, terdapat pendapat dan pandangan yang berbeza-beza daripada para sarjana mengenai sejarah, misalnya pendapat R.G. Collingwood (1889-1943M) yang telah mengaitkan sejarah sebagai suatu unsur kajian atau penyelidikan.<sup>38</sup> Justeru, semua karya di atas adalah bukti menunjukkan adanya perkembangan ilmu sejarah. Kebanyakan sejarah yang dipaparkan dalam karya-karya tersebut adalah bersifat politik yang tertumpu kepada golongan atasan dan terhad kepada negeri-negeri tertentu kecuali *Syair Sultan Abu Bakar* yang ada memaparkan sejarah Pahang moden.<sup>39</sup> Dari segi penulisan yang khusus dalam membicarakan pengertian sejarah pula, makalah yang berjudul *Tarikh* yang diterbitkan dalam ‘Tunas Melayu’ Singapura pada tahun 1913 menjelaskan bahawa sejarah adalah ilmu mengetahui hal-hal bangsa di dunia ini daripada dahulu kala hingga kini. Konsep sejarah menampakkan kefahaman yang mendalam terhadap pengertian dan kepentingan sejarah.<sup>40</sup>

Seterusnya di Alam Melayu pula, sesetengah sejarawan seperti Teuku Ibrahim Alfian dan Pyan Husayn mengatakan kemungkinan sejarah berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘syajaratun’ yang bermaksud pohon atau pokok<sup>41</sup> yang akhirnya membawa erti salasilah, riwayat, keturunan dan asal-usul. Jika dilihat, tiada satu istilah pun daripada perbendaharaan kata Melayu lama yang menggambarkan atau membawa kepada pengertian sejarah seperti yang kita fahami pada hari ini. Penggunaan perkataan seperti riwayat, salasilah, hikayat, tambo dan syair dalam tulisan-tulisan yang pernah dihasilkan bagi menerangkan maksud peristiwa yang telah berlaku.<sup>42</sup> Menurut Al-Attas

<sup>37</sup> Chamber’s Encyclopedia, vol vii, New Revised Edition, London: International Learning System, 1971, hlm. 118-119.

<sup>38</sup> Siti Nor Aisyah Ngadiran, ‘Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas’, Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, hlm.31-32.

<sup>39</sup> Sivarajan Ponniah, ‘Pensejarahan Malaysia’, Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Tunku Bainun, hlm. 1-3. [http://drsivarajan.blogspot.my/2013/03/pensejarahan-malaysia\\_12.html](http://drsivarajan.blogspot.my/2013/03/pensejarahan-malaysia_12.html) (tarikh diakses 12 Mac 2013).

<sup>40</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm.140.

<sup>41</sup> Pyan Husayn, *Teori dan Metode Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 36.

<sup>42</sup> Khoo Kay Kim, ‘Panji-panji Gemerlap: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu’, Syarahan Perdana, 25 Tahun Pertama, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1988, hlm. 338.

pula, beliau amat menitikberatkan penggunaan konsep peristilahan dasar atau kata kunci bagi sesuatu perkara termasuk istilah sejarah. Beliau juga menyatakan bahawa dari sudut bahasa ia berasal daripada perkataan ‘shajarah’ yang bermaksud pokok.<sup>43</sup> Penggunaan huruf ‘s’ berbanding ‘sh’ dalam sebutan sejarah menurut beliau adalah bagi memudahkan orang Melayu untuk menyebut istilah tersebut. Justeru, dari sudut terminologi, terdapat banyak pandangan dan pendapat yang berbeza-beza daripada para sarjana mengenai sejarah sehingga berlakunya polemik di antara mereka. Sejarah mempunyai pengertian yang kompleks. Para sejarawan sama ada dari timur dan barat mempunyai tafsiran yang berbeza-beza tentang definisi sejarah.<sup>44</sup>

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam bahasa Arab, terdapat dua perkataan yang digunakan sebagai sejarah iaitu ‘ta’rikh’ dan ‘tarikh’. Penggunaan perkataan ‘ta’rikh’ adalah berasal dari akar kata ‘arrakha’ yang bermaksud penulisan sejarah.<sup>45</sup> Ta’rikh juga didefinisikan sebagai catatan peristiwa yang dikaitkan dengan masa, waktu dan hari bulan atau zaman. Manakala istilah ‘tarikh’ pula digunakan oleh bangsa Arab yang bermaksud sejarah secara umum, tahun-tahun dan kronologi. Perkataan tersebut kebiasaannya menjadi tajuk kepada penulisan sejarah yang hebat seperti *Tarikh at-Tabari*, *Tarikh ar-Rusul wa'l-Muluk* dan *Tarikh al-Andalus*.<sup>46</sup> Perkataan ‘tarikh’ juga digunakan sebagai tajuk bagi kamus seperti *Tarikh al-Hukama'* oleh Ibn al-Qifti (1172-1248M).<sup>47</sup>

Selain itu, secara etimologi pula, sejarah dari bahasa Arab ialah ‘syajara’ iaitu sesuatu yang telah terjadi, sedangkan dalam bahasa Arab terdapat kata ‘syajarah’ (شجرة) atau ‘syajaratun’ yang bererti pohon atau ‘syajarah an nasab’ yang membawa maksud pohon salasilah. Pohon salasilah ini dikaitkan dengan pohon yang lengkap, memiliki dahan dan rantingnya yang dinisbahkan kepada salasilah dan jurai keturunan yang

<sup>43</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction*, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, 2011, hlm. 72.

<sup>44</sup> Perdebatan ilmu sejarah bukan sahaja membincangkan mengenai kepentingan, metodologi, dan pensejarahan, malah juga dari sudut falsafah sejarah itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa ilmu sejarah ini mendapat perhatian secara kritikal dari pelbagai pihak

<sup>45</sup> Munir Baalbaki, *Al-Mawrid al-Quareeb*, Lebanon: Dar al-'Ilm li al-Malayin, Beirut, 2001, hlm. 28.

<sup>46</sup> Mahayudin Hj. Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn.Bhd. 1984, hlm. 32.

<sup>47</sup> *First Encyclopedia of Islam 1913-1936*, vol. VIII, New York : E. J. Brills, 1987 hlm. 672.

bercabang-cabang. Menurut Ibnu Khaldun, sejarah ialah suatu penjelasan tentang sebab dan asal usul segala sesuatu atau suatu pengetahuan tentang bagaimana dan mengapa peristiwa-peristiwa itu terjadi.<sup>48</sup> Seterusnya dalam bahasa Inggeris pula, sejarah bererti ‘history’ iaitu berkait dengan masa lampau manusia atau kejadian-kejadian yang dibuat oleh alam. Asal usul kata ‘history’ dalam bahasa Inggeris berawal dari bahasa Yunani kuno iaitu ‘historia’ yang membawa maksud ilmu atau belajar dengan cara bertanya. Kemudiannya perkataan ini digunakan dalam bahasa-bahasa lain seperti ‘histoire’ (Perancis) yang asalnya ditakrifkan sebagai cerita ‘story’ dan dikembangkan menjadi suatu penyelidikan atau penyiasatan seperti mana yang diakui oleh bapa sejarah Barat iaitu Herodotus (484-425 SM). Berdasarkan pengertian kedua-dua bahasa tersebut, sama ada pengertiannya atau bentuknya ternyata semuanya merujuk kepada sesuatu yang telah terjadi yakni berkait dengan sejarah.<sup>49</sup>

Oleh yang demikian, pada abad ke-20, perkembangan terhadap mata pelajaran Sejarah mulai kelihatan apabila masyarakat Melayu telah memahami akan erti sejarah dalam pengertian moden. *Al-Imam* sebuah akhbar yang menjadi medium menyalurkan idea Kaum Muda dari Timur Tengah telah menyatakan bahawa sejarah adalah ilmu yang merupakan segala *hawadith* iaitu peristiwa yang telah berlaku dan manusia boleh menggunakan sejarah sebagai iktibar dalam menempuh hari-hari yang mendatang. Masyarakat yang tidak mempunyai sejarah sudah tentu masyarakat itu tidak mempunyai tradisi dan tanpa tradisi masyarakat itu tidak dapat memperlihatkan suatu keperibadian yang tersendiri.<sup>50</sup>

Justeru, kesedaran terhadap sejarah bukan sahaja dilambangkan pada sikap prihatin warganya, tetapi juga pada penghasilan karya-karya pensejarahan masing-masing. Dengan kata lain, kedua-dua hal ini menggambarkan kesedaran sejarah yang wujud pada sesebuah masyarakat dalam suatu jangka waktunya terutama dari segi

<sup>48</sup> A.M. Sardiman, *Sejarah 1 SMA Kelas X*, Yudhistira Quadra: Perpustakaan Nasional Jakarta, 2007, hlm. 3-4.

<sup>49</sup> Arba’iyah Mohd Noor, ‘Idea Sejarah Melayu: Kajian Berdasarkan Teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis’, Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 4.

<sup>50</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, ‘Bentuk Perkembangan Pensejarahan Melayu Dekad 1920-an-1930-an’ dalam Kertas Kerja Kongres Sejarah Malaysia, Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-28 Ogos 1996, hlm. 1.

fungsinya. Pembelajaran berkaitan sejarah bukan sahaja untuk memberi kesedaran, menerangkan dan mengajar sahaja tetapi sesuatu yang sedang bergerak bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada bahan sejarah.

Sejarah dijadikan wadah yang menjadi latar belakang pembangunan dan kemajuan manusia. Manusia itu sendiri terbina melalui proses sejarah untuk mencapai satu destinasi bagi mencipta masa depan yang cemerlang. Melalui pengalaman dan iktibar sejarah, manusia mendapat ilham, membuat perbandingan, menilai serta mengkritik masa lampau untuk diadun bagi mencerna sebuah kehidupan lebih sempurna pada masa depan. Justeru sejarah adalah kayu ukur yang amat bernilai bagi menimbulkan kesedaran dan keinsafan atas dasar rasa bimbang dan takut berulangnya sesuatu peristiwa itu. Malah sejarah menjadi petunjuk kepada jatuh bangunnya sesebuah negara.<sup>51</sup>

Justeru itu, pengenalan kepada pembelajaran Sejarah di Tanah Melayu melalui hasil-hasil kesusasteraan Melayu yang dihasilkan oleh R.J.Wilkinson pada 1907 seperti *Paper on Malay Subject* telah diperkenalkan di maktab-maktab perguruan supaya kelak guru-guru ini akan mengajarnya pula di sekolah-sekolah Melayu. Sekitar tahun 1918, merupakan titik tolak kepada pengenalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Tanah Melayu yang mula dipelopori oleh golongan berpendidikan Melayu. Bermula di Maktab Melayu Melaka, mata pelajaran Sejarah (Tawarikh) telah dijadikan sebagai salah satu daripada sukanan pelajaran maktab pada ketika itu. Mata pelajaran Tawarikh dan Hikayat diajar selama 45 minit setiap waktu. Hal ini berikutan mata pelajaran ini kurang diminati oleh guru-guru pelatih selain kurangnya kesedaran yang tinggi dalam kalangan mereka terhadap kepentingan sejarah pada ketika itu. Selain kurang diminati oleh guru-guru pelatih, masalah terbesar pada ketika itu adalah masalah buku-buku

---

<sup>51</sup> Muhd.Yusof Ibrahim, 'Kepentingan Sejarah Kepada Manusia dan Negara'. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, ISSN 2180-0251, 1994, hlm.22.

teks. Keadaan ini berterusan sehingga perubahan dalam penulisan sejarah dibuat oleh pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris iaitu Abdul Hadi Hassan.<sup>52</sup>

Golongan intelek Melayu juga turut memainkan peranan penting dalam memperkembangkan ilmu sejarah pada ketika itu sehingga banyak karya-karya sama ada dalam bentuk buku, majalah, akhbar dan sebagainya telah mula diterbitkan. Antara mereka yang menulis karya sejarah ialah Abdul Hadi Hassan<sup>53</sup> yang boleh dianggap sebagai tokoh yang telah banyak berjasa dalam bidang sejarah. Beliau telah memberi sumbangan penting dalam menghasilkan *Sejarah Alam Melayu* pada 1925 yang ditulis dalam bahasa Melayu. Seterusnya, *Sejarah Alam Melayu* yang ditulis sebanyak tiga jilid yang kemudiannya diselesaikan menjadi lima jilid oleh Buyong Adil setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1937. Buku ini bukan sahaja digunakan di maktab-maktab perguruan, malah turut digunakan oleh murid-murid di sekolah-sekolah Melayu sehingga awal tahun 1950-an.<sup>54</sup>

Selain Abdul Hadi, antara pengarang lain yang mengarang karya sejarah ialah Ahmad bin Abdullah dengan karyanya *Darah Melaka, Keris Melaka, Falsafah Hang Tuah, Melayu Tak'kan Hilang, Hujan Darah di Selat Melaka* dan sebagainya. Beliau yang mendapat nasihat dari guru Sejarahnya, iaitu Buyong Adil telah menulis kisah-kisah sejarah berdasarkan kitab *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Kesemua usaha ini adalah untuk mempergiatkan penulisan sejarah bagi memperkayakan bidang ilmu sejarah Melayu di samping menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan ilmu sejarah.<sup>55</sup>

<sup>52</sup> Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, No.17, 2009, hlm. 51.

<sup>53</sup> Beliau yang dilahirkan di Batang Tiga Melaka, mendapat pendidikan rendahnya di Sekolah Melayu Batang Tiga dan menjadi guru pelatih. Beliau memasuki Maktab Melayu Melaka pada Ogos 1917 dan berjaya memperolehi Sijil Pertama dan Hadiah Mohd Jaafar untuk bahasa Melayunya. Beliau telah meninggal dunia pada 1931 akibat penyakit batuk ketika berusia 31 tahun. Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 82-87.

<sup>54</sup> Hanya sebuah sahaja buku sejarah baru yang ditambah iaitu buku *Kesah Tanah Melayu*. Sepanjang tempoh tersebut, *Sejarah Alam Melayu* telah dicetak berulang kali. Sehingga tahun 1930, *Sejarah Alam Melayu Penggal 1* dicetak sebanyak 7,000 naskhah, *Penggal 2* sebanyak 6,000 naskhah dan *Penggal 3* sebanyak 5,000 naskhah. Pada tahun 1947, *Sejarah Alam Melayu Penggal 1* telah dicetak semula sebanyak 3,000 naskhah dan sebanyak 32,000 naskhah lagi pada tahun 1952. *Penggal 3* pula telah diulang cetak sebanyak 3,000 naskhah pada tahun 1947 dan *Penggal 2* pada tahun 1963. Soda Noaki, hlm.200. Rujuk juga kulit depan ketiga-tiga buku Sejarah Alam Melayu. *Penggal 2* tidak dinyatakan jumlah cetakan yang dibuat.

<sup>55</sup> Siti Zainun Mat, 'Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Semenanjung Malaysia 1948-1970-an: Satu Tinjauan', Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998, hlm. 19.

Pada awal abad ke-20 ini juga terdapat begitu banyak penulisan sejarah oleh penulis-penulis Melayu yang turut dimuatkan dalam akhbar dan majalah yang bertujuan memberi takrifan dan kesedaran tentang pentingnya sejarah bagi sesuatu masyarakat. Misalnya makalah *Kegunaan Pelajaran Tawarikh* oleh Mohd Nor Muhammad disiarkan dalam majalah ‘Triwulan’, ‘Panduan Guru’ dan makalah bertajuk *Kegunaan Ilmu al-Tarik* dalam majalah ‘Lidah Benar’ oleh Muhammad Yusof bin Sultan Muhyuddin. Semua makalah ini memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang peri pentingnya sejarah supaya dapat dijadikan iktibar kepada masyarakat demi memajukan bangsa.<sup>56</sup> Sebagaimana karya *Sejarah Melayu* yang dijadikan sebagai komponen utama dalam bidang sejarah walaupun diselar dengan pelbagai tohongan dan sindiran dalam arena perdebatan sebagai *non-historical*, namun kedudukannya masih lagi kukuh sehingga kini dan tetap digunakan dalam pengkajian pelbagai bidang.

Ini menunjukkan bahawa sejarah begitu relevan dengan kehidupan manusia disebabkan sifatnya yang merentasi masa, ruang dan zaman. Oleh yang demikian, sememangnya wajar Sejarah diletakkan di kedudukan yang tinggi dan dianggap sebagai ibu segala ilmu pengetahuan kerana sifatnya begitu mendasari hampir setiap disiplin ilmu pengetahuan.<sup>57</sup> Berikutan kesedaran dan desakan golongan intelektual tentang kepentingan sejarah, menyebabkan mata pelajaran Sejarah diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Melayu mulai tahun-tahun 1930-an, selaras dengan dasar yang dilaksanakan Belanda di Indonesia. Buku *Sejarah Alam Melayu* Jilid 1 hingga V karangan Abdul Hadi Hassan yang memaparkan tentang masyarakat di Tanah Melayu, perkembangan agama Islam, kerajaan-kerajaan Melayu dan kedatangan kuasa-kuasa asing ini telah digunakan sebagai buku teks di sekolah-sekolah Melayu sehingga kemerdekaan Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, pelajaran Sejarah telah berkembang di sekolah-sekolah Melayu.

<sup>56</sup> ‘Bagaimana Patut Membaca Tawarikh’, *Majalah Guru*, Jawi, Bil. 4, April 1935, hlm. 125.

<sup>57</sup> Arba’iyah Mohd Noor, ‘Relevansi Manuskrip Melayu dalam Dunia Moden’, dalam Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Masih Relevan*, Karisma Publication, Shah Alam Malaysia, 2008, hlm. 182.

Pelajaran Sejarah atau *Tawarikh* ini mula diajar untuk darjah IV hingga darjah VI. Sementara darjah II dan III tidak mempunyai mata pelajaran Sejarah, tetapi terdapat satu mata pelajaran yang mana guru-guru akan bercerita mengenai pelbagai watak atau tokoh. Dalam hal ini, satu perkara yang agak jelas ialah tokoh-tokoh yang diceritakan tersebut adalah tokoh-tokoh dalam sejarah Melayu dan sejarah dunia. Hal ini tertera dalam kursus tahun satu di *Malay Women's Training Centre*. Walau bagaimanapun dalam Sukatan Pelajaran Sejarah, turut menyebut tentang cerita-cerita dari sejarah Melayu dan sejarah dunia yang akan digunakan untuk mengajar murid-murid darjah II dan III.<sup>58</sup> Justeru itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pembelajaran Sejarah secara tidak langsung telah diberikan kepada murid-murid Melayu pada peringkat awal persekolahan. Dalam hal pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Melayu ini, *Majalah Guru* telah mengatakan seperti berikut:

...kitab-kitab Tawarikh Melayu dan Sejarah Alam Melayu itu pada masa ini hanya dibaca di sekolah-sekolah oleh sebab terpaksa hendak digunakan dalam peperiksaan tidak dibaca serta diamati-amati dan dicamkan oleh orang-orang ramai yang tidak bersekolah dan jauh sekalilah dibaca akan dia dengan tujuan hendak mengetahui peraturan hidup kaum Melayu dahulu untuk meluaskan pandangan dan untuk membandingkannya dengan percaturan hidup mereka sendiri pada zaman ini.<sup>59</sup>

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Sejarah telah dipandang oleh masyarakat Melayu pada ketika itu dan menjadi salah satu mata pelajaran penting dalam peperiksaan. Namun malangnya penulisan sejarah adalah untuk kegunaan pembelajaran Sejarah pada masa itu dan hanya terhad kepada dua teks yang utama itu sahaja iaitu *Sejarah Alam Melayu* dan *Tawarikh Melayu* walaupun terdapat banyak karya penulisan yang lain. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini terus berkembang antara tahun 1940 hingga 1950 apabila sukanan pelajaran sekolah Melayu adalah mengikut sukanan pelajaran yang terdapat dalam Peraturan Am bagi

<sup>58</sup> Siti Zainun Mat, 'Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia', *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm.16.

<sup>59</sup> 'Bagaimana Patut Membaca Tawarikh', *Majalah Guru*, Jawi, Bil. 4, April 1935, hlm. 125.

sekolah-sekolah Melayu tahun 1938.<sup>60</sup> Pada tahun 1951 berlaku perubahan dalam Sukatan Ilmu Tawarikh apabila Tawarikh mula diajar dari darjah 1 hingga darjah VI. Sukatan pelajaran untuk darjah 1, II dan III berkisar tentang *Kisah-kisah Orang Tua Bertanam Kelapa, Cara-cara Menentukan Umur Seseorang, Cerita-Cerita Am Bah Merah, Cerita-cerita Penderhakaan Tok Janggut, Pahlawan Hang Tuah dan Hang Jebat*. Kandungan sukatan pelajaran darjah IV adalah tentang *Sejarah Raja-Raja Negeri Melayu*, iaitu Kelantan dan Perak, *Perluasan Kuasa Jajahan Siam dan Inggeris* serta *Penderhakaan Tok Janggut*. Sukatan pelajaran darjah V dan VI pula berasaskan buku *Sejarah Alam Melayu* Jilid 1 hingga V.<sup>61</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua, selain daripada mengekalkan sejarah dunia dan sejarah Britain, pihak British turut memperkenalkan sejarah empayar British (Sejarah Komanwel) dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Hal ini kerana pihak British berasakan perlu memperlihatkan Britain sebagai negara yang berperikemanusiaan, bertamadun dan bertujuan mulia. Skop dalam kurikulum Sejarah bertambah luas meliputi sejarah tempatan, sejarah Britain, sejarah empayar British dan sejarah dunia. Bagi Sijil Sekolah Tinggi (High School Certificate) pula, skopnya merangkumi sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur. Walaupun terdapat perubahan yang dilakukan, namun secara umumnya, sukanan berkaitan sejarah Tanah Melayu masih mengikut kaca mata barat. Hal ini berikutan buku-buku teks yang ditulis, umpamanya seperti buku *Sejarah Tanah Melayu* (1918) adalah berpandukan kepada tulisan R.O.Winstedt yang dianggap sebagai pakar sejarah Tanah Melayu.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran Sejarah terus berlangsung dan berkembang di sekolah-sekolah Melayu meskipun sukanan pelajaran lebih memberatkan kepada hal-hal yang tidak bersangkut paut dengan Tanah Melayu

<sup>60</sup> Khoo Kay Kim, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia’, dalam Omar Mohd Hashim, *Falsafah Pendidikan Sejarah: Sejarah dalam Pendidikan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 45.

<sup>61</sup> Fail Director of Education 497/1950: *Suggestive History Syllabus from codes III and IIIA*.

<sup>62</sup> Khoo Kay Kim, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia’, dalam Omar Mohd Hashim, *Falsafah Pendidikan Sejarah: Sejarah dalam Pendidikan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 45.

sebagaimana pernyataan bahawa *An outline of Malayan History should be included, describing in particular the growth of Malayan contact with Western people.*<sup>63</sup>

Berdasarkan pernyataan tersebut menunjukkan bahawa sejarah di Tanah Melayu adalah terarah kepada aspek pertembungan barat dengan rakyat negara ini. Dengan erti kata lain, sejarah Tanah Melayu ialah sejarah Inggeris menakluki dan mentamadunkan negeri ini, bukan sejarah bagaimana Tanah Melayu menghadapi dan bertindak terhadap penajah yang menguasai negara ini. Golongan penajah berpendapat masyarakat Melayu yang dijajah itu hanya mempunyai keperluan-keperluan dan kehendak tertentu sahaja. Sungguhpun demikian, pembelajaran Sejarah tidak terhenti setakat di maktab dan di sekolah-sekolah sahaja, malah turut juga diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran teras di Universiti Malaya, Singapura sekitar 1949. Mata pelajaran Sejarah telah diajar oleh sebilangan pensyarah dalam perspektif masing-masing. Sesungguhnya sistem pembelajaran Sejarah pada ketika itu menjadi asas kepada kesedaran masyarakat Melayu untuk bangkit membawa perubahan.

### **Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pembelajaran Sejarah semasa pemerintahan British hanya diperkenalkan untuk kepentingan politik penajah semata-mata. British berusaha mewujudkan penduduk tempatan yang boleh menghormati dan memahami budaya British. Pada zaman penjajahan British, pendidikan untuk penduduk tempatan hanya pendidikan yang terlalu asas atau peringkat rendah sahaja. British tidak mahu anak-anak Melayu berpendidikan tinggi kerana dengan pendidikan tinggi bimbang menyebabkan mereka bangkit menentang.

Aspek ini dijelaskan oleh E. W. Birch:

...kita puas hati mengetahui bahawa sistem ini tidak memberi pelajaran yang berlebihan kepada kanak-kanak". R.O Winstedt juga pernah mengeluarkan kenyataan yang sama iaitu "ajarkan mereka supaya

<sup>63</sup> *Suggestive Course of Instruction and Syllabus for English School in the Straits Settlements and Federated Malay States*, Kuala Lumpur: Government Printers, 1939, hlm. 42.

memuliakan kerja buruh, supaya tidak semua menjadi kerani, supaya....tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran berlebihan.<sup>64</sup>

Bagi Winstedt, mengajarkan sejarah Melayu dalam erti sejarah tempatan adalah berbahaya berikutan mereka beranggapan bahawa sejarah tempatan yang dianggap sejarah oleh orang-orang Melayu sebenarnya hanya cerita dongeng. Beliau memberi alasan bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu secara saintifik masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada hanyalah bukti yang belum pasti. Malah buku *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah* juga dianggap tidak sesuai untuk digunakan di sekolah Melayu walaupun untuk pelajaran bahasa Melayu. Sungguhpun Winstedt menganggap buku *Sejarah Melayu* tidak sesuai, tetapi pada tahun 1927, buku tersebut juga telah digunakan untuk darjah V di samping buku *Tawarikh Melayu* tulisan R.O.Winstedt sendiri.<sup>65</sup>

Dasar pelajaran Melayu penjajah hanya bertujuan sekadar untuk menghapuskan buta huruf. Berikutan itu, maka pendidikan di sekolah Melayu rendah sangat terbatas, sesuai dengan cita-cita British dengan hanya memberikan pendidikan asas sahaja seperti mata pelajaran Rumi, Jawi, Ilmu Kira-Kira, Kesihatan dan Lukisan. Pendidikan zaman penjajahan British mencerminkan kepentingan penjajah. Ini jelas digambarkan melalui mata pelajaran Sejarah yang dijadikan saluran propaganda British yang amat berkesan. Selain itu, dasar British yang kurang memberi perhatian kepada bidang pendidikan telah mewujudkan sistem pendidikan vernakular. Sistem pendidikan vernakular bermaksud sistem pendidikan yang berasaskan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar.

Sistem pendidikan berbentuk vernakular dihasilkan dengan mengekalkan setiap kaum dengan identiti bahasa dan negara asal mereka. Maka dengan itu British memperkenalkan kurikulum Sejarah yang berbeza-beza antara sekolah aliran British

<sup>64</sup> D.D.Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm.12.

<sup>65</sup> Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, No.17, 2009, hlm. 49.

dengan sekolah-sekolah vernakular yang lain. Misalnya sekolah vernakular Cina dan Tamil dibenarkan menggunakan kurikulum Sejarah yang berdasarkan kurikulum Sejarah negara China dan India.<sup>66</sup> Manakala sekolah aliran Inggeris dan Melayu pula ditentukan oleh pentadbir British. Secara amnya, tidak terdapat sistem pendidikan kebangsaan di Tanah Melayu semasa penjajahan British. Sejarah membuktikan perkembangan untuk orang Melayu disekat dan dibantutkan oleh strategi kolonial British bagi mengelakkan pembentukan kesedaran kebangsaan. Walau bagaimanapun, pihak British pada waktu itu banyak memberi keutamaan kepada pendidikan Melayu dan Inggeris. Sementara untuk pendidikan Cina dan Tamil dibiarkan berkembang secara bersendirian. Bagi pihak British, yang penting adalah memberi pelajaran kepada segolongan rakyat untuk membolehkan sebahagian mereka memenuhi keperluan tenaga dan ekonomi.

### **Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Melayu**

Sekolah vernakular Melayu mula diperkenalkan pada pertengahan abad ke-19 di Negeri-negeri Selat. Sekolah yang terawal dibuka pada tahun 1816 sebagai sebuah cawangan Penang Free School di Pulau Pinang oleh Persatuan Mubaligh Kristian, diikuti Sekolah Melayu Gelugor dan Sekolah Melayu Bayan Lepas. Walau bagaimanapun, sambutan daripada ibu bapa tidak begitu menggalakkan kerana mereka menganggap bertentangan dengan agama Islam. Ibu bapa bimbang anak mereka terpengaruh dengan agama Kristian. Matlamat pendidikan Melayu pada ketika itu hanya untuk memastikan supaya ‘seorang anak nelayan atau petani menjadi seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapa mereka’. Sekolah Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang diajar oleh guru-guru berbangsa Melayu dan tidak mempunyai buku-buku teks wajib. British tidak mempunyai perancangan yang teliti untuk memulakan pendidikan di peringkat

---

<sup>66</sup> Malaya (Federation) Report on Chinese School and The Education of Chinese Malayans, Pengerusi: Dr. William P. Fenn and Dr. Wu Teh-Yao, Kuala Lumpur, 1951, hlm. 7.

menengah dalam bahasa Melayu. Hal ini berikutan sekolah aliran Melayu kurikulumnya ditentukan oleh pentadbir British.

Bagi sekolah Melayu mata pelajaran Sejarah adalah untuk memahami budaya Melayu melalui hasil-hasil kesusasteraan Melayu berbentuk hikayat atau berbentuk kesusasteraan Melayu Klasik seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Pemerintahan British tidak memberi penekanan terhadap mata pelajaran Sejarah, sebaliknya menganggap sebagai mata pelajaran tambahan sahaja. Malahan tujuan mata pelajaran Sejarah yang diperkenalkan pada ketika itu hanya untuk kepentingan politik mereka sahaja. British bimbang melalui pendidikan sejarah, semangat jati diri Melayu akan mula wujud dan ini amat berbahaya kerana kelak orang Melayu akan bangkit menentang penjajahan mereka.<sup>67</sup>

Pada awal abad ke-20, perkembangannya menyeluruh hingga ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>68</sup> Asasnya sekolah Melayu ini adalah dari kelas-kelas mengaji Quran sebagaimana menurut Chelliah ...*with the approval of the Government Mr. Skinner establish vernacular school upon the basis or the Koran classes...*<sup>69</sup> Di bawah pentadbiran Inggeris, sekolah Melayu hanya menyediakan pendidikan awal dari darjah 1 hingga darjah V. Dalam dekad ini, sekolah menengah Melayu tidak diwujudkan oleh kerajaan Inggeris. Oleh itu, kebanyakan pelajar Melayu berhenti sekolah jika tidak dapat melanjutkan pelajaran ke maktab-maktab perguruan.<sup>70</sup> Sebelum R.O Winstedt dilantik menjadi Penolong Pengarah Pelajaran pada tahun 1916, sukanan pelajaran di sekolah Melayu hanya berbentuk 3M iaitu mengajar murid-murid membaca, menulis dan mengira dalam tulisan jawi dan rumi. Selepas R.O.Winstedt memberikan

<sup>67</sup> Khoo Kay Kim, 'Perkembangan Pelajaran Agama Islam' dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 32.

<sup>68</sup> Perkembangan sekolah-sekolah Melayu ini bukan sahaja dikelolakan oleh kerajaan Inggeris tetapi juga oleh pembesar-pembesar Melayu dan orang perseorangan yang mementingkan pelajaran dalam Ibrahim Ahmad Bajunid, 'Perubahan dan Perkembangan Kurikulum Ke Arah Pembinaan Negara' dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan Ke Arah Perpaduan*, Kuala Lumpur, 1980, hlm.162.

<sup>69</sup> D.D. Chelliah, *A History of Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernaculars*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 63.

<sup>70</sup> Keadaan ini berhubung rapat dengan dasar Inggeris yang hanya mahu menjadikan murid-murid Melayu lebih pandai sedikit sahaja dari ibu bapanya. Tambahan pula pelajaran rendah akan menyelamatkan kedudukan Inggeris di Tanah Melayu, dalam Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 147-149.

laporannya, maka mata pelajaran di sekolah-sekolah Melayu telah ditambah kepada mata pelajaran yang lebih praktikal seperti berkebun sayur dan menganyam bakul yang dikatakan sesuai dengan kehidupan orang Melayu. Buku-buku teks juga merupakan masalah yang besar dalam pendidikan di sekolah-sekolah Melayu kerana tiada buku-buku yang khusus bagi sekolah Melayu. Justeru itu, perubahan dalam kurikulum telah dibuat dengan menambahkan pelajaran-pelajaran yang lebih kompleks seperti Karangan, Kira-kira, Ilmu Alam, Tawarikh, Ilmu Kesihatan, Lukisan dan Senaman.<sup>71</sup>

Seterusnya berhubung dengan guru-guru di sekolah Melayu, sebagaimana di sekolah-sekolah Cina dan Tamil, sekolah Melayu juga mengalami kekurangan guru yang berpendidikan. Sebelum terlaksananya latihan perguruan Melayu, guru-guru sekolah Melayu adalah bekas-bekas pelajar yang tamat darjah V atau sekolah rendah. Tetapi pada tahun 1878, pentadbiran Inggeris telah mula memberikan latihan perguruan iaitu selama setahun di Singapura sebelum maktab perguruan di Semenanjung ditubuhkan. Kebanyakan guru-guru ini adalah dari Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.<sup>72</sup> Oleh yang demikian, bagi memenuhi keperluan guru ini, maka pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris telah dibuka di Tanjung Malim. Pembukaan Maktab perguruan ini telah memberi lembaran baru dan peluang kepada anak-anak Melayu untuk maju dalam bidang pendidikan di samping untuk memperjuang dan mempertahankan hak dan negara mereka dari terus dijajah.

Pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah vernakular Melayu dimulai pada tahun-tahun 1930-an selepas penulisan buku teks Sejarah secara objektif dikeluarkan oleh Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Sebelumnya pemerintahan Inggeris tidak menyediakan pembelajaran Sejarah dalam kurikulum pelajaran sekolah-sekolah Melayu kerana R.O Winstedt iaitu Penolong Pengarah Pembelajaran telah melaporkan bahawa dasar Belanda menggugurkan pelajaran Sejarah dari jadual waktu sekolah

<sup>71</sup> Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy In. Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 87.

<sup>72</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Pengkajian Suruhanjaya Di-Raja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat, Pengerusi: Tan Sri Ab. Aziz b. Mohd. Zain, Jun 1971, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 22.

rendah hendaklah diikuti.<sup>73</sup> Bagi Winstedt, mengajarkan sejarah Melayu dalam erti sejarah tempatan seolah-olah mengancam bangsa mereka sendiri. Hal ini kerana bagi Winstedt sejarah tempatan itu hanya cerita dongeng masyarakat Melayu. Malahan beliau memberi alasan bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu secara saintifik masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada belum dapat dinyatakan dengan bukti yang jelas.<sup>74</sup> Walau bagaimanapun, buku *Ilmu Alam Melayu* yang mengandungi keterangan tentang negeri-negeri Melayu telah digunakan sebagai teks Sejarah bagi darjah IV<sup>75</sup> dan buku *Sejarah Melayu* digunakan untuk darjah V di samping buku *Tawarikh Melayu* tulisan R.O Winstedt sendiri.

Selain itu juga, Winstedt telah mencadangkan supaya mata pelajaran Sejarah di maktab-maktab penguruan perlu diajar dari risalah siri *Papers on Malay Subjects* yang dikeluarkan oleh R.J Wilkinson.<sup>76</sup> Keadaan ini berterusan sehingga perubahan dalam penulisan sejarah dibuat di Maktab Perguruan Sultan Idris oleh Abdul Hadi Hassan. Buku-buku yang digunakan untuk rujukan kebanyakannya adalah dari Indonesia. Oleh itu, terdapat banyak konsep yang lebih luas dari Tanah Melayu telah digunakan. Walau bagaimanapun, pelajaran Sejarah Tanah Melayu telah mula diajar ke sekolah-sekolah Melayu. Sementara itu terdapat satu mata pelajaran di maktab yang dipanggil ‘Berjenis-jenis Pengetahuan’ iaitu guru-guru boleh menyampaikan apa sahaja kepada pelajar kerana tiada tajuk khusus ditetapkan oleh maktab berkenaan. Oleh yang demikian, kebanyakannya telah menyampaikan aspek berkaitan pemimpin-pemimpin timur

<sup>73</sup> Pada tahun 1916, pemerintahan Inggeris telah melantik R.O Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang bertugas untuk sekolah-sekolah. Ia telah diantar ke Jawa dan Filipina untuk mengkaji sistem pelajaran rakyat tempatan dan dasar pelajaran kolonial. Pada tahun 1917, beliau telah mengeluarkan satu laporan iaitu Laporan dari Mr.R.O Winstedt, Penolong Pengarah Pelajaran Negeri Selat dan di Hindia Timur Belanda serta Filipina, dalam Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 76-78.

<sup>74</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 78.

<sup>75</sup> *Regulation for the Malay Vernacular Schools in the Strait Settlements and Federated Malay States and For SITC*, 1927. Singapore, 1927, hlm. 8.

<sup>76</sup> R.J Wilkinson telah menulis A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak and Selangor yang terkandung dalam Papers On Malays Subject pada tahun 1908 di Kuala Lumpur. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah ‘the Peninsular aborigines, the proto Malay, the early Peninsular civilization, the coming of the Malays, the Malacca sultanate, the Portuguese ascendancy, the dutch ascendancy, Singapore, Johore and Muar early Perak history, Larut, the Pangkor Treaty, the Perak War and Selangor dalam Khoo Kay Kim, ‘Penyelidikan, Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah Air untuk Memupuk Keperibadian Malaysia’ dalam Zainal Abidin Abdul Wahid, *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 139.

seperti Chiang Kai Shek, Sun Yat Sen, Jose Rizal, Ghandi dan lain-lain.<sup>77</sup> Kesan daripada itu maka pelajar-pelajar maktab Melayu telah terdedah kepada sejarah luar dan Tanah Melayu. Aspek ini berkesinambungan dan disampaikan ke sekolah-sekolah setelah mereka tamat pengajian walaupun penekanan hanya diberi kepada pemimpin-pemimpin sahaja. Pada tahun 1936 telah ditetapkan bahawa pelajaran Sejarah harus menggunakan dua buah buku iaitu *Sejarah Alam Melayu* dan *Kitab Tawarikh Melayu*.<sup>78</sup>

Sehubungan dengan itu, maka pelajaran Sejarah telah berkembang di sekolah-sekolah Melayu. Misalnya pelajaran Sejarah untuk darjah IV, sejarah negeri-negeri Melayu diajarkan berdasarkan kepada buku *Ilmu Alam Melayu*. Begitu juga dengan darjah V dan VI, pelajaran Sejarah juga dipilih oleh guru-guru berdasarkan kepada *Sejarah Alam Melayu*. Buku *Sejarah Melayu* pula di tahun-tahun ini digunakan hanya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Buku-buku Sejarah yang digunakan oleh guru-guru Sejarah di sekolah-sekolah sebagaimana di Maktab Perguruan Sultan Idris dan lain-lain maktab perguruan Melayu ialah *Sejarah Alam Melayu I, II, III* dan *IV*. Kenyataan ini dapat dijelaskan berdasarkan senarai peraturan pendidikan untuk sekolah-sekolah Melayu yang dikeluarkan pada tahun 1936.<sup>79</sup>

### **Jadual 2.1: Mata Pelajaran Sejarah Bagi Sekolah Vernakular Melayu 1936**

Darjah	Perkara
Darjah II dan III	Kelas penceritaan oleh guru-guru tentang berbagai tokoh
Darjah IV	Sejarah : Sejarah negeri-negeri Melayu yang diambil dari Sejarah Alam Melayu
Darjah V	Sejarah : Pelajaran Sejarah diambil dari Sejarah Alam Melayu
Darjah VI	Sejarah : Pelajaran Sejarah diambil dari Sejarah Alam Melayu

Sumber: *Regulations for Malay Vernacular Education in the S.S and FMS 1936*.

<sup>77</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974. hlm. 167-168.

<sup>78</sup> *Regulations for the Malay Vernacular Education in the Strait Settlements and Federated Malay States 1936*, Singapore, 1937, hlm. 14.

<sup>79</sup> Siti Zainun Mat, ‘Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia’, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, hlm. 13.

Berdasarkan jadual 2.1, dapat dikatakan bahawa pada ketika itu buku-buku yang digunakan untuk pelajaran Sejarah adalah berfokus kepada buku *Sejarah Alam Melayu* karangan Abdul Hadi Hassan dan *Tawarikh Melayu* oleh R.O Winstedt. Aspek mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Melayu ini boleh dilihat melalui *Majalah Guru* yang telah mengatakan:

Kitab-kitab Tawarikh Melayu dan Sejarah Alam Melayu itu pada masa ini hanya dibaca di sekolah-sekolah oleh kerana terpaksa hendak digunakan dalam peperiksaan tidak dibaca serta diamati-amati dan dicamkan oleh orang-orang ramai yang tidak bersekolah dan jauh sekalilah dibaca akan dia dengan tujuan hendak mengetahui peraturan hidup kaum Melayu dahulu untuk meluaskan pandangan dan untuk membandingkannya dengan percaturan hidup mereka sendiri pada zaman ini.<sup>80</sup>

Justeru, jelas menunjukkan pada dekad ini tidak ada satu bentuk sukanan pelajaran yang seragam di sekolah-sekolah rendah di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah ini kebanyakannya dikawal oleh guru-guru dan pihak sekolah itu sendiri kecuali sekolah Inggeris. Meskipun begitu, guru-guru dan pihak sekolah diberi kebebasan untuk mengajarkan perkara-perkara yang dirasakan penting kepada pelajar. Bagi pelajaran Sejarah, surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1950 telah menjelaskan lagi keadaan ini dengan mengatakan:

*No suggestion of subjects of histories are given because experience show that there is a tendency to regard such suggestion in the old syllabus as the only ones to be taught. The greatest possible freedom should allowed to schools and teachers in selecting subjects of stories as long as they are real historical significance to children in Malaya.*<sup>81</sup>

Kesulitan yang timbul telah disuarakan bukan sahaja oleh guru-guru sekolah, tetapi juga oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Kritikan dan tulisan-tulisan itu menyelar ketiadaan sukanan pelajaran yang khusus bagi sekolah-sekolah Melayu. *Majalah Guru* antaranya telah melahirkan perasaan tidak puas hati dan menegaskan bahawa sepatutnya sukanan pelajaran telah disiapkan sebelum Perang Dunia Kedua lagi.<sup>82</sup>

<sup>80</sup> ‘Bagaimana Patut Membaca Tawarikh’, *Majalah Guru*, Bil. 4, April 1935, hlm. 125.

<sup>81</sup> Fail Director of Education, No. 497/1950: *Suggested History Syllabus for English Schools in Malaya, 1950*.

<sup>82</sup> Nan Selangor, ‘Sukanan Pelajaran di Sekolah-Sekolah Melayu’, *Majalah Guru*, Bil.10, Oktober 1953, hlm. 336.

Permasalahan pelajaran Sejarah di sekolah Melayu ini bukan sahaja berkait dengan ketiadaan sukanan pelajaran langsung atau tidak mempunyai sukanan pelajaran yang sama dengan sekolah vernakular yang lain, akan tetapi sukanan pelajaran ini turut berbeza antara sekolah-sekolah aliran Melayu itu sendiri.<sup>83</sup> Sementelahan pula munculnya permasalahan dari aspek buku teks yang tidak mencukupi. Ini bertambah jelas apabila Pemangku Penolong Pengurus Pelajaran Melayu telah menyeru kepada guru-guru supaya menubuhkan satu jawatankuasa khas. Tujuannya ialah untuk menggalakkan guru-guru sama ada yang masih bekerja atau yang telah bersara, diseru mengarang buku-buku untuk sekolah-sekolah Melayu.<sup>84</sup> Kekurangan buku Sejarah ini telah dikemukakan dalam Laporan Tahun 1948 bahawa hanya buku *Sejarah Alam Melayu Jilid I-V* dan *Hikayat Abdullah Siri I-II* yang dapat digunakan pada ketika itu.<sup>85</sup>

### **Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Inggeris**

Sekolah Inggeris formal yang pertama di Tanah Melayu ialah Penang Free School<sup>86</sup> yang ditubuhkan pada tahun 1816. Sebelum kerajaan British mengambil alih, sekolah-sekolah ini dikendalikan oleh mubaligh Kristian. Bagaimanapun, setelah mendapat bantuan kerajaan, sekolah-sekolah Inggeris telah berkembang luas sehingga menyaingi sekolah tempatan yang lain. Kebanyakan sekolah-sekolah ini terdapat di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Sekolah ini dibuka untuk semua murid-murid di Tanah Melayu, namun kurang mendapat sambutan orang Melayu.<sup>87</sup> Contohnya di Perak pada tahun 1895, jumlah pelajar sekolah Inggeris seramai 534 orang tetapi murid-murid Melayu hanya berjumlah seramai 70

<sup>83</sup> ‘Kelemahan Pelajaran Melayu Hari ini’, *Majalah Guru*, Bil.1, Januari 1953, hlm. 10.

<sup>84</sup> Surat dari Pemangku Penolong Pengusaha Pelajaran (Melayu) kepada Tuan Yang Dipertua, 18 Februari 1949, *Majalah Guru*, Bil.3, Mac 1949, hlm. 6.

<sup>85</sup> Federation of Malaya, *Annual Report on Education for 1948*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1949, hlm. 31.

<sup>86</sup> Penang Free School dibuka dengan rasminya pada 21 Oktober 1816 di sebuah rumah yang disewa di Love Lane. Penang Free School berpindah ke bangunan kepunyaannya sendiri pada tahun 1821 dan pada 1924, pembinaan bangunan baru Penang Free School di tapak 30 ekar di Green Lane bermula dan siap pada tanggal 9 Januari 1925. Perkataan Free pada nama Penang Free School merujuk kepada kebebasan untuk semua bangsa untuk masuk ke sini.

<sup>87</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Pengkajian Suruhanjaya Di-Raja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat*, Kuala Lumpur, Jun 1971, hlm. 21.

orang sahaja.<sup>88</sup> Kebanyakan pelajar sekolah Inggeris terdiri daripada kanak-kanak, terutamanya kaum Cina kerana mereka lebih ramai mendiami kawasan bandar. Murid-murid Melayu yang bersekolah Inggeris hanya terdiri dari anak-anak pembesar sahaja. Hal ini kerana sikap negatif masyarakat Melayu pada ketika itu yang kebanyakannya menganggap sekolah Inggeris sebagai sekolah yang akan mengkristiankan anak-anak mereka.

Sekolah Inggeris mengandungi tiga peringkat persekolahan iaitu peringkat rendah dari darjah I hingga darjah V, peringkat menengah dan peringkat tinggi. Pada tahun 1863 peperiksaan biasiswa yang dipanggil *State Scholarship Examination* telah diperkenalkan di sekolah Inggeris. Antara lain, biasiswa ini telah menetapkan mata pelajaran tertentu yang harus diajarkan di sekolah-sekolah untuk mendapatkan biasiswa tersebut. Pelajaran yang ditetapkan ialah Nahu Inggeris, Kira-kira, Geometri, Algebra, Ilmu Alam, Sejarah England, Sejarah Purba, Falsafah dan Ilmu Falak.<sup>89</sup> Mata pelajaran ini telah ditambah dalam tahun 1891 kerana dalam pendaftaran telah tercatat tidak kurang dari 23 mata pelajaran yang terdapat di sekolah-sekolah Inggeris. Antara mata pelajaran tambahan tersebut ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina, Geometri, Algebra, Sejarah, Kaji Ukur, Latin, Phisiography, Sejarah Tanah Jajahan British, Pertanian, Ilmu Alam Fizikal, Ilmu Kesihatan, Book Keeping, Ekonomi, Politik, Mekanik, Ilmu Kesusasteraan Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Jerman, Muzik, Lukisan, Ekonomi Rumah Tangga dan Trigonometri.<sup>90</sup> Walau bagaimanapun sekolah-sekolah boleh memilih pelajaran-pelajaran ini mengikut keupayaan tenaga pengajar di sekolah masing-masing.

Sekolah-sekolah Inggeris ini juga melaksanakan tiga peringkat peperiksaan iaitu *Cambridge Local Examination* (C.L.E) yang diperkenalkan pada tahun 1891,

<sup>88</sup> Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malay 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 15.

<sup>89</sup> D.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm. 51.

<sup>90</sup> Ibid., hlm. 63.

*Cambridge Local Junior Examination* (C.L.J.E) dan *Cambridge Local Senior Examination* (C.L.S.E). Pemegang sijil C.L.E. adalah layak untuk berkhidmat dengan kerajaan terutamanya dalam bidang pentadbiran. Sementara *Junior Examination* adalah kelayakan ilmu yang paling rendah untuk perkhidmatan seperti kerani atau perguruan, manakala peperiksaan *Senior Cambridge* adalah peperiksaan untuk menamatkan pelajaran sekolah menengah.

Kebanyakan sekolah Inggeris, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran asas semenjak sekolah itu ditubuhkan di Tanah Melayu. Kepentingan mata pelajaran ini terbukti apabila tersenarai sebagai mata pelajaran yang dipertimbangkan untuk memenangi biasiswa *State Scholarship Examination* (SSE). Pelajaran Sejarah yang dipentingkan dalam peperiksaan ini ialah 'Ancient History' dan 'History of England'. Kedua-dua mata pelajaran ini menunjukkan bahawa pada ketika itu pelajar-pelajarnya telah diperkenalkan tentang sejarah kemajuan dan ketamadunan negara-negara barat. Seterusnya berpandukan aspek mata pelajaran 'History of England' pula, jelas akan kecenderungan pemerintahan Inggeris untuk memperkenalkan sejarah kerajaan dan negara England kepada rakyat di Tanah Melayu. Dalam hal ini, pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran di sekolah Inggeris secara tidak langsung akan mempelajari tentang raja dan Ratu England serta menunjukkan kebesaran, kemajuan dan keagungan kerajaan England. Sementara mata pelajaran 'Ancient History' pula berkepentingan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar kepada ketamadunan dunia.

Pada tahun 1939 suatu cadangan sukatan pelajaran telah dibuat iaitu:

*In History and Geography lessons. all pupils should be able to futher some knowledge of the development of architecture in the West from early Egyptian civilization through classic to Gothic times and ...<sup>91</sup>*

Kepentingan pelajaran Sejarah di sekolah ini juga ternyata apabila dalam bilangan pendaftaran mata pelajaran pada tahun 1874 dan pada tahun 1891 iaitu dari lebih 23 jumlah mata pelajaran di sekolah-sekolah Inggeris, terdapat dua mata pelajaran

<sup>91</sup> *Suggestive Course of Instruction and Syllabus for English School in the Strait Settlements and Federated Malay States*, Kuala Lumpur: Government Printers, 1939, hlm. 42.

Sejarah iaitu 'History' dan 'History of British Colonies'.<sup>92</sup> Selain itu, dalam *State Scholarship Examination*, pelajaran Sejarah yang ditekankan adalah sejarah negara British. 'History of British Colonies' adalah contoh berkaitan sejarah kebesaran kerajaan Inggeris yang diajar kepada pelajar mereka di sekolah Inggeris. Dasar yang dilaksanakan di sekolah-sekolah Inggeris ini menyebabkan pelajar-pelajar lebih cenderung dan berminat untuk mengenali negara-negara Eropah lebih dari mengenali sejarah tanah air mereka sendiri.

Perubahan demi perubahan dilakukan dalam pelaksanaan mata pelajaran ini bagi meningkatkan tahap pendidikan sejarah. Sebelum Skinners dilantik sebagai Penolong Pengarah Pelajaran di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, pelajaran Sejarah hanya diajar di peringkat yang lebih tinggi sahaja, tetapi setelah pelantikan beliau, kedudukan mata pelajaran Sejarah telah melalui perubahan dan mempunyai kedudukannya yang tersendiri. Antara perubahan yang dilakukan adalah peringkat dalam pembelajaran Sejarah. Pada peringkat rendah, pelajaran Sejarah yang dimasukkan dan perlu dipelajari ialah *Stories of World History*, bagi peringkat menengah pula adalah *English History* dan seterusnya untuk peringkat menengah atas adalah *British Empire History*.<sup>93</sup> Walau bagaimanapun, sekolah aliran Inggeris di peringkat menengah rendah yang ditadbir oleh British telah mula memperkenalkan Sukatan Pelajaran Sejarah sejak tahun 1863 dengan kurikulum yang ditentukan oleh University Cambridge. Kurikulum Sejarah pada ketika itu adalah berteraskan tamadun barat iaitu tamadun Yunani, Rom dan sejarah Britain.<sup>94</sup>

Pada tahun 1872 hingga 1938 pembelajaran Sejarah berkaitan sejarah empayar British merangkumi dua tahun kursus iaitu darjah Lapan dan Sijil Persekolahan (School Certificate).<sup>95</sup> Pada peringkat ini tiada penetapan mana-mana buku untuk digunakan,

<sup>92</sup> D.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm. 51.

<sup>93</sup> Ibid. hlm. 53.

<sup>94</sup> Siti Zainun Mat, 'Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia', *Malaysia Dari Segi sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm.16.

<sup>95</sup> Lim Peng Han, 'English Schools and School Libraries before the Second World War: A Singapore Perspective', *Singapore Journal of Library & Information Management*, Loughborough University, Volume 37, 2008, hlm. 61.

tetapi terdapat beberapa buku termasuk juga beberapa buah badan penerbit yang harus digunakan oleh guru pada ketika itu. Antaranya ialah ‘Newton: An Outline History of British Empire’, ‘Williamson: The British Empire and Commonwealth’ dan ‘Robertson & Bartholomew: Atlas of English and British Empire History’. Seterusnya buku untuk rujukan pula terdiri daripada beberapa terbitan seperti *The Historical Association, A Guide to the teaching of History* dan *Handbook for History Teachers*. Sejarah empayar British itu diberi penekanan kepada aspek-aspek sosial, ekonomi dan penjajahan seberang laut.<sup>96</sup>

Dari aspek buku teks pula, jumlah buku-buku teks yang digunakan lebih banyak berbanding dengan sekolah Melayu. Walaupun sekolah ini menggunakan Education Code 1941, tetapi berhubung dengan penggunaan teks, tiada teks khusus yang berpandukan kepada sukanan pelajaran tersebut. Malah pada tahun 1955, terdapat sukanan pelajaran baru bagi sekolah Inggeris, namun keadaan yang sama juga wujud.

Pelbagai jenis buku dicadangkan oleh Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu untuk kegunaan di sekolah rendah Inggeris untuk darjah empat dan darjah lima. Antaranya ialah *Man's Heritage Series* terbitan Longmans. Tajuk-tajuk berkenaan dalam siri tersebut ialah *Trading and Travelling, Homes and Home Making, Clothing and Costume, Farming and Food* dan *Building and Shelter*. Lain-lain siri ialah buku yang ditulis oleh Higham iaitu *Pioneers of Progress* dan *Landmarks of World History* dan buku yang ditulis oleh Dance iaitu *The World before Britain* yang mana semuanya terbitan Longmans. Jabatan Pelajaran juga pada ketika itu mencadangkan buku *Mayflowers History* oleh T.Kelly yang diterbitkan oleh Chambers. Keluaran ini mengandungi *Primary Book III* yang bertajuk *Heroes of Early Times* dan *Primary Book IV* yang bertajuk *Heroes of Modern Times*. Buku-buku lain ialah keluaran Neilson seperti *The Foundation of History*, *The Children's Bookshelf* yang mengandungi

---

<sup>96</sup>*Suggestive Course of Instruction and Syllabus for English School in the Straits Settlements and Federated Malay States*, Kuala Lumpur: Government Printers, 1939, hlm. 37.

*Greece Stories, Norse Tales dan Stories of the Saints, Malayan Folktales, Headway Histories* dengan tajuk-tajuknya *People of Long Ago, Famous Men and Famous Deeds, Great People of the Past* oleh R.Power yang meliputi zaman purba dan zaman 600-1600 Masihi, *Stories From English History, Great People of the East* dan akhirnya *Great People of the Past*.<sup>97</sup>

Seterusnya untuk sekolah menengah Inggeris pula, sebelum sukanan pelajaran 1955 juga tidak terdapat buku teks yang khusus berdasarkan kepada Sukatan Pelajaran Inggeris. Pada tahun 1950, telah diberikan beberapa buah buku yang boleh digunakan sebagai buku teks seperti *An Outline of the British Empire, The British Empire and Commonwealth* dan *History of the British Empire*.<sup>98</sup>

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa terdapat dua perkara penting yang harus diteliti dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Inggeris iaitu kepentingan pelajaran Sejarah dan penekanan serta tumpuan terhadap mata pelajaran tersebut. Dalam aspek kepentingan pelajaran Sejarah, memang tidak dapat dinafikan sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu sangat mementingkan pelajaran Sejarah, tetapi dalam soal penumpuan atau penekanan, Sukatan Pelajaran Sejarah di sekolah ini adalah sepenuhnya menjurus kepada negara England. Aspek utama yang ditonjolkan hanya tentang kebesaran, keagungan dan segala-galanya yang berkaitan dengan negara British dan kuasa barat amnya.

Walau bagaimanapun, pendidikan Inggeris turut dibuka kepada anak-anak Melayu dan diberi peluang untuk belajar di sekolah aliran Inggeris sekitar tahun 1930-an apabila *Special Malay Class* diperkenalkan. Pelajar-pelajar Melayu dari darjah IV perlu mengambil peperiksaan khas sebelum diterima masuk ke *Special Malay Class*. Tumpuan utama ketika ini adalah kepada pelajaran akademik dan akan menduduki peperiksaan *Cambridge Overseas School Certificate (C.O.S.C)*. Hal ini demikian

<sup>97</sup> List of Books (Appendix A), Fail Department of Education. No. 1033/4: *New History Syllabus and Methods*.

<sup>98</sup> Buku rujukan tambahan yang dicadangkan ialah keluaran The Historical Association, *A Guide to the Teaching of History*, Beales, University of London Press dan Hand Book for History Teachers, Dymond Methuen. Lihat Fail Department of Education, No. 457/50: *Suggestive History Syllabuses for Code III & IIIA*.

kerana bagi pelajar yang lulus dalam peperiksaan ini, mereka mempunyai peluang pekerjaan yang lebih cerah. Mata pelajaran yang diajar di sekolah Inggeris ialah bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah Eropah, Ilmu Alam, Ilmu Sains, Sastera Inggeris, Pendidikan Jasmani dan Lukisan. Sistem pendidikan Inggeris bertujuan melahirkan golongan terpelajar yang dapat membantu pentadbiran negara di samping menanam perasaan taat setia kepada British.<sup>99</sup>

Masyarakat sedia maklum bahawa dalam sesetengah mata pelajaran yang diperkenalkan pada peringkat sekolah ini, khususnya mata pelajaran Sejarah, pelajar-pelajar hanya didedahkan kepada sejarah keagungan British seperti perperangan dan sejarah Eropah serta perkembangan empayar British. Mereka tidak mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat tempatan seperti budaya dan adat istiadat Melayu. Sejak pertengahan tahun 1870-an, kaedah pengajaran yang digunakan adalah *monitoral system* yakni guru-guru yang akan mengajar itu dibawa dari England dan perbelanjaannya adalah tinggi. Maka dengan itu, jawatankuasa Wooley pada tahun 1870-an telah membuat penelitian dan mencadangkan agar alternatif lain dibuat untuk mengelak perbelanjaan yang semakin meningkat. Kesan daripada laporan tersebut, sistem ‘bekerja sambil belajar’ telah diperkenalkan. Dalam aspek latihan pula, sejak awal lagi telah diberikan latihan profesional. Justeru, guru-guru pada awalnya dihantar ke Kolej Raffles dan ke luar negara untuk tujuan latihan.<sup>100</sup> Hal ini kerana lebih ramai guru yang terlatih dan berkelayakan tinggi amat diperlukan. Malahan pihak berkuasa menyedari tentang peri penting latihan profesional untuk guru-guru yang sememangnya bertanggungjawab ke atas pendidikan kanak-kanak.

<sup>99</sup> Siti Zainun Mat, ‘Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia’, *Malaysia Dari Segi sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.18, 1990, hlm. 14.

<sup>100</sup> Syed Anuar Syed Ibrahim et.al, ‘Perkembangan Sistem Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka di Malaysia’, <https://www.slideshare.net/wikwang/perbezaan-sistem-pendidikan-semasa-berbanding-sebelum-merdeka> (tarikh diakses 30 Januari 2017).

## **Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Cina**

Pendidikan kaum Cina di Tanah Melayu adalah suatu cabang daripada pendidikan di negara China itu sendiri. Perubahan politik yang berlaku di China telah memberi kesan yang besar kepada rakyat Cina di Tanah Melayu. Sementelahan pula apabila Dinasti Manchu digulingkan oleh Dr. Sun Yat Sen pada tahun 1911, rakyat Cina di Tanah Melayu mulai sedar tentang perlunya pendidikan di Tanah Melayu seperti di China walaupun pada peringkat awal, pendidikan untuk kanak-kanak Cina tidak dipentingkan kerana tanggapan ibu bapa mereka datang ke Tanah Melayu hanya untuk mencari rezeki. Sekolah vernakular Cina yang pertama ditubuhkan adalah di Melaka pada tahun 1816 oleh sekumpulan mubaligh Kristian iaitu ‘Malacca Free School’. Beberapa buah sekolah lagi didirikan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu oleh kapitan-kapitan Cina seperti Yap Ah Loy, Phua Choon Hiong dan Cheng Soo Leong.

Penubuhan sekolah-sekolah vernakular Cina ini menandakan bermulanya keinginan orang Cina untuk bermastautin secara tetap di Tanah Melayu, walaupun sebelum itu Tanah Melayu hanya dianggap sebagai penempatan sementara. Sekolah-sekolah vernakular Cina lebih tertumpu di bandar-bandar sekitar kawasan perlombongan dan pelabuhan seperti Singapura, Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Sistem pendidikan vernakular Cina dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat rendah selama enam tahun, peringkat menengah dan menengah atas selama tiga tahun. Pada ketika itu sekolah Cina menggunakan sukanan pelajaran sendiri kerana sekolah vernakular Cina dikelolakan oleh orang-orang persendirian, badan-badan sukarela tanpa campur tangan kerajaan British. Kurikulum yang dijalankan di sekolah vernakular Cina ini ialah hafalan Klasik Lama, Ilmu Hisab, Lukisan, Nyanyian, Latihan Jasmani, Sejarah, Ilmu Alam dan Moral. Pendidikan kaum China sangat berkait rapat dengan keadaan yang berlaku di Tanah Besar China. Titik tolak dalam pendidikan China moden dan permulaan pendidikan yang lebih sistematik

ialah ketika Revolusi 1911. Kenyataan ini terdapat dalam Laporan Tahunan Pelajaran 1948 iaitu:

*Before the revolution in China 1911, the Chinese Schools followed the traditional pattern. The local masters was also the local quack, the local letter writer and the local fortune teller.<sup>101</sup>*

Sungguhpun demikian kelayakan yang diperlukan bagi guru-guru pada masa ini hanya kebolehan membaca dan menulis. Mereka tidak ada satu latihan atau kemahiran yang mendalam mengenai ilmu yang diajarkan tidak sebagaimana guru-guru agama masyarakat Melayu pada ketika itu. Pendidikan mereka lebih kepada persendirian iaitu sama ada ibu bapa akan menjemput guru mengajar di rumah mereka atau guru akan mengambil beberapa orang murid dan diajarkan di rumahnya.<sup>102</sup>

Kesan reformasi 1911 di negara China telah memberi pengaruh kepada pentadbiran sekolah-sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu. Kaum Cina semakin sedar untuk meningkatkan sistem pendidikan mereka. Maka dengan itu corak pendidikan Cina yang menggunakan buku-buku klasik telah dihapuskan dan menerapkan pendidikan yang lebih moden. Ajaran Confucius lebih banyak diajarkan kepada pelajar-pelajar mereka. Sekolah-sekolah ini dikuasai dan dikawal oleh golongan peniaga dalam masyarakat Cina itu sendiri yang mana kebanyakan daripada mereka tidak begitu arif berkaitan dengan pendidikan. Oleh sebab itu, mereka biasanya akan menyerahkan segala urusan sekolah kepada kakitangan yang mengajar di sekolah terbabit.<sup>103</sup>

Sekolah-sekolah Cina pada ketika itu melaksanakan tiga tahap pendidikan iaitu enam tahun di sekolah rendah, enam tahun di sekolah menengah dan empat tahun di pusat pengajian tinggi. Bidang pelajarannya adalah mengikut sistem pendidikan moden di China. Pada tahun 1920, bahasa Mandarin telah digunakan sebagai bahasa pengantar. Berhubung dengan tenaga pengajar, kebanyakan guru-guru diimport dari negara China.

<sup>101</sup> Fail Director of Education No. 69/1951: *History of Chinese Vernacular in Malaya*, Surat dari Department of Education (Federated Malay States, Kuala Lumpur) kepada Jabatan Pelajaran Negeri mengenai sejarah sekolah Cina di Tanah Melayu.

<sup>102</sup> Ibid.

<sup>103</sup> Fail Director of Education No. 69/ 1951, Surat dari Goh Teik Chow dari Bahagian Nazir Sekolah-sekolah Cina, Johor kepada Pengarah Pelajaran untuk sekolah China PTM pada 30 Ogos 1951.

Mereka adalah lulusan dari institusi-institusi pengajian di China. Mereka perlu mengimport guru-guru dari negara China memandangkan orang Cina tempatan tidak mempunyai latihan khas untuk mengajar anak-anak Cina di Tanah Melayu kecuali guru bahasa Inggeris yang diambil dari bekas pelajar sekolah Inggeris tempatan.<sup>104</sup> Selain guru-guru yang diimport dari negara China, buku-buku teks juga diimport dari negeri China. Malah tidak ada langsung buku terbitan tempatan. Selepas pembentukan ‘China Moden’ pada tahun 1911, buku-buku teks telah diubahsuaikan. Buku-buku baru telah ditulis dalam bentuk yang moden. Syarikat yang mengendalikan buku-buku ini di China ialah ‘The Commercial Press of China, Shanghai & Chung Hwa Book Company’. <sup>105</sup> Antara yang penting ialah siri *Republican of Chinese* yang telah digunakan sebagai buku teks. Keseragaman dalam penggunaan buku teks antara pelajar Cina di Tanah Melayu dan di negeri China dilaporkan sebagai:

*From primary I to Senior Middle III, boys and girls in Chinese school in Malaya and Singapore have studied the same books as boys and girls in Canton and Nanking.*<sup>106</sup>

Lantaran itu, maka tidak mustahil sukanan pelajaran sekolah vernakular Cina ini menggunakan sukanan pelajaran yang berorientasikan Tanah Besar China termasuk dalam mata pelajaran Sejarah. Kurikulum sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu telah disesuaikan dengan kurikulum di Tanah Besar China supaya selaras dengan apa yang dipelajari di China. Guru-guru yang didatangkan khas dari negara China akan mengajar Bahasa Cina, Kesusasteraan Cina Klasik, Sejarah China, Matematik, Sains, Nyanyian, Lukisan dan Latihan Ketenteraan dengan menggunakan bahasa *Kuo Yu* sebagai bahasa perantaraan bagi menggantikan pelbagai dialek yang berlainan sebelum ini.

Proses pembelajaran Sejarah di sekolah vernakular Cina pada peringkat awal lazimnya dihadiri 20 hingga 30 orang pelajar dan dikendalikan oleh seorang guru tua

<sup>104</sup> D.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm. 40.

<sup>105</sup> Fail Director of Education No. 69/ 1951, Surat dari Goh Teik Chow dari Bahagian Nazir Sekolah-sekolah Cina, Johor kepada Pengarah Pelajaran untuk sekolah China PTM pada 30 hb. Ogos. 1951.

<sup>106</sup> Ibid.

yang alim serta mahir dalam pembacaan dan penulisan.<sup>107</sup> Pelajar diajar menerusi kaedah tradisional yang menekankan penghafalan beberapa buah buku klasik Cina seperti *Qianziwen* (Klasik Seribu Perkataan), *Sanzijing* (Klasik Tiga Perkataan) dan *Baijiaxing* (Buku Seratus Nama Keluarga).<sup>108</sup> Tumpuan adalah terhadap proses pemupukan nilai moral yang terkandung dalam teks klasik tersebut. Satu-satunya kelas atau institusi pendidikan yang wujud ialah kelas-kelas yang mengajar menulis membaca dalam tulisan Cina dalam pelbagai dialek. Buku-buku asas yang digunakan dalam pendidikan Cina ini ialah buku-buku klasik. Watak-watak dan sifat-sifat dalam buku-buku diajar secara hafalan. Selain dari itu pelajaran mengira juga diajar. Menurut Chelliah ...or Chinese boys to learn the ideographic writings of their ancestor and sacres lore of the sarges.<sup>109</sup>

Berhubung dengan pelajaran Sejarah, adalah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan mata pelajaran ini telah wujud secara tidak langsung tentang cerita-cerita sejarah yang terdapat dalam buku-buku klasik ini. Antara buku-buku klasik tersebut ialah *The Trimelrical Classics*, *Ku Wen Kual Chih*, *Yu Shiao Ching Lin*, *The Four Books* dan *The Five Classics*.<sup>110</sup> Buku-buku klasik ini kebanyakannya merupakan buku-buku falsafah, pengajaran moral, perayaan agama dan kritikan terhadap pentadbiran kerajaan. Gaya penulisan dan kecenderungan buku-buku ini adalah dalam bentuk klasik yang mungkin sukar untuk diikuti oleh pelajar. Oleh itu pengajaran secara hafalan seperti yang dilaporkan adalah benar kerana dalam hal ini ingatan lebih dipentingkan dari kefahaman. Perlu dijelaskan bahawa semua pengajaran dan pendidikan sekolah vernakular Cina ini adalah berkait dengan Tanah Besar China. Walau bagaimanapun, yang lebih penting ialah pelajaran Sejarah telah wujud dalam bentuk pendidikan moral berdasarkan kepada kisah-kisah dari versi-versi klasik tersebut.

<sup>107</sup> V.Purcell, *Malaysia*, London: Thames and Hodson Ltd, 1967, hlm. 228.

<sup>108</sup> Tan Liok Ee, ‘Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961’, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 10.

<sup>109</sup> D.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm. 35.

<sup>110</sup> Fail Director of Education No. 69/1951: *History of Chinese Vernacular in Malaya*, Surat dari Department of Education (Federated Malay States, Kuala Lumpur) kepada Jabatan Pelajaran Negeri mengenai sejarah sekolah Cina di Tanah Melayu.

Namun demikian, orientasi pendidikan Cina di Tanah Melayu berubah apabila tertubuhnya sekolah vernakular ‘Cina Moden’ yang pertama iaitu Sekolah Chung Hwa pada tahun 1904 di Pulau Pinang yang mempunyai 12 orang guru yang dibawa masuk dari negara China. Kurikulumnya menggabungjalinkan mata pelajaran tradisional seperti Teks Klasik dan Etika dengan mata pelajaran moden seperti Sejarah, Geografi, Aritmetik, Fizik, Seni Lukis dan Pendidikan Jasmani. Pada ketika itu, British tidak banyak campur tangan dalam urusan sekolah Cina sehingga pada tahun 1925, British menubuhkan Enakmen Pendaftaran Sekolah untuk mengawal selia perkembangan sekolah Cina dengan mengambil tindakan terhadap guru dan pelajar yang terlibat dalam aktiviti *subversive* serta mengharamkan buku teks yang dianggap tidak sesuai terutamanya penggunaan buku teks yang mengandungi bahan anti British.

Orientasi sekolah Cina yang berteraskan etos China telah diubah oleh British, namun gagal kerana buku teks sekolah Cina lebih banyak mempelajari hal-hal berkaitan China kerana buku-buku tersebut diterbit oleh penerbit China seperti Zhong Hua, Shang Wu, Kai Ming dan Shi Jie. Buku tersebut tidak banyak menyentuh konteks sejarah dan kemasyarakatan tempatan, sebaliknya lebih berfokus kepada sejarah dan kebudayaan China.<sup>111</sup> Malahan sesetengah buku teks mengandungi ayat seperti “Saya orang Cina”, “Saya tinggal di Nanyang” dan “Saya mencintai China”.<sup>112</sup> Hakikatnya pelajaran Sejarah sebagai satu pelajaran rasmi telah terkandung dalam kurikulum pelajaran sekolah-sekolah Cina selepas 1911 iaitu setelah pendidikan ‘China Moden’ dilaksanakan. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu menggunakan buku-buku teks dan sistem yang sama seperti di negeri China. Ini bermakna buku-buku ini tidak sesuai untuk digunakan di Tanah Melayu, malah kesemuanya mempunyai pandangan yang nasionalistik iaitu menegaskan prinsip bahawa pelajar-pelajar Cina di Tanah Melayu adalah warganegara China.<sup>113</sup>

<sup>111</sup> R. Mason., *The Schools of Malaya*, Singapore: Eastern University Press Ltd, 1959, hlm. 12.

<sup>112</sup> Ting Chew Peh, ‘Struktur Masyarakat Malaya dalam Zaman Penjajahan’, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 1976, hlm. 35.

<sup>113</sup> Ibrahim Ahmad Bajunid, ‘Perubahan dan Perkembangan Kurikulum Ke Arah Pembinaan Negara’ dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan Ke Arah Perpaduan*, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 157.

Kepentingan pelajaran Sejarah dapat dilihat dengan jelas di peringkat *Higher Primary* iaitu di Confucian School, Kuala Lumpur pada tahun 1905 sehingga 1915 dan di Kuen Cheng Girls School apabila kedua-dua buah sekolah ini telah mempunyai pelajaran Sejarah dalam kurikulum pelajarannya di samping mata pelajaran yang lain. Malahan pada tahun-tahun 1920-an, pelajaran Sejarah telah menjadi salah satu dari mata pelajaran penting di peringkat *Junior Middle* dan *Senior Middle*.<sup>114</sup> Berhubung dengan Sukatan Pelajaran Sejarah, penekanan yang paling jelas diberikan adalah berfokus kepada negara China. Menurut Laporan Fenn-Wu, Sukatan Pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah ini, fokus pembelajarannya 50 peratus berkaitan hal dalam negara China, 25 peratus membincangkan sejarah luar negeri China dan tempat-tempat yang berkait dengan China serta 25 peratus lagi adalah sejarah dunia termasuk Malaya.<sup>115</sup>

Maka dalam hal ini, masyarakat Cina di Tanah Melayu lebih mengetahui perkembangan politik di China berbanding Tanah Melayu. Pada tahun 1920, satu peraturan diperkenalkan dengan mewajibkan semua sekolah Cina di Tanah Melayu didaftarkan. Langkah ini bertujuan mengawal perkembangan sekolah aliran Cina di Tanah Melayu. Pada tahun 1924, sekolah Cina mula mendapat bantuan kewangan kerajaan. Bantuan ini digunakan untuk pelbagai perkara seperti membayar gaji guru dan membina sekolah baharu. Jabatan Penolong Pengarah Sekolah Cina juga ditubuhkan untuk mengawasi perkembangan sekolah Cina. Pada tahun 1930-an, pusat penerbitan buku-buku teks sekolah Cina telah mempunyai cawangannya di Singapura iaitu ‘Nanyang Book Company of Singapore’ yang mengeluarkan buku-buku teks untuk sekolah rendah. Bagi mata pelajaran bahasa Inggeris, terdapat sekolah Cina yang menggunakan buku teks Inggeris yang dicetak di Shanghai dan terdapat juga yang menggunakan teks yang sama dengan sekolah-sekolah lain di Tanah Melayu.<sup>116</sup> Secara umumnya dapat dikatakan bahawa aliran atau tumpuan sekolah-sekolah Cina di Tanah

<sup>114</sup> Fail Director of Education No. 69/1951: *History of Chinese Vernacular in Malaya*, Surat dari Department of Education (Federated Malay States, Kuala Lumpur) kepada Jabatan Pelajaran Negeri mengenai sejarah sekolah Cina di Tanah Melayu.

<sup>115</sup> Federation of Malaya, *Report on Chinese Schools and the Education of Chinese Malaysians*, Pengerusi: Dr. William P.Fenn and Dr. Teh Yao, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 18.

<sup>116</sup> Ibid. hlm. 16.

Melayu berkiblatkan negara asal mereka. Dalam membicarakan tentang kesan kepada negara, V. Purcell telah mengatakan ... *the Chinese in the Chinese school are purely and simple Chinese, while the Chinese in the English schools have developed a Malayan' outlook.*<sup>117</sup>

Selepas tahun 1945, semakin banyak sekolah Cina menerima bantuan kerajaan. Buku teks tidak lagi dibawa masuk dari China tetapi diterbitkan di Tanah Melayu. Sukatan pelajaran disemak untuk disesuaikan dengan persekitaran tempatan. Pada tahun 1952, Bahasa Melayu mula diajar di sekolah Cina dan tidak boleh lagi berorientasikan Tanah Besar Cina, sebaliknya perlu bercorak tempatan yang bercirikan Inggeris. Walau bagaimanapun peraturan tersebut tidak banyak memberi kesan, sebaliknya mendapat banyak tentangan daripada masyarakat keturunan Cina. Sekolah Cina tidak banyak berubah daripada tahun-tahun sebelumnya iaitu masih berkiblatkan negara asal, masih menumpukan taat setia kepada budaya serta adat resam negara asal mereka.

Usaha untuk menyemak buku teks sekolah Cina agar isi kandungannya lebih sesuai dengan konteks tempatan hanya bermula pada tahun 1948 dengan tertubuhnya sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai Jabatan Pelajaran, guru dan guru besar sekolah Cina. Seterusnya berkaitan dengan buku teks, bagi sekolah Cina sehingga tahun 1951, buku-buku untuk sekolah menengah Cina masih dikeluarkan oleh ‘Chung Hwa Book Co.’ dan ‘The Commercial Press’. Kebanyakannya masih sama dengan edisi yang digunakan dalam pelajaran Sejarah.<sup>118</sup> Usaha ini terus dipergiat pada tahun 1952 dengan tertubuhnya dua buah jawatankuasa baru iaitu Jawatankuasa Buku Teks Umum yang bertanggungjawab untuk menghasilkan buku berorientasikan konteks tempatan dan Jawatankuasa Penasihat Guru-Guru Cina yang bertanggungjawab untuk menyemak

<sup>117</sup> V. Purcell., ‘The Chinese in Malaya’, London, 1984, dalam Ho Seng Ong, *Education for Unity in Malaya*, Penang, 1952, hlm. 59.

<sup>118</sup> Federation of Malaya, *Report on Chinese School and the Education of Chinese Malayans*, Pengerusi: Dr.P.W.Fenn & Dr. Wu Teh Yeo, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm.21.

semula sukatan bagi menentukan kesesuaianya dengan keadaan tempatan terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah.<sup>119</sup>

Sehubungan dengan itu juga, pada tahun 1954 sebuah buku teks Sejarah iaitu *World History* yang diterbitkan oleh ‘The Commercial Press’ dan ‘Chung Hwa Book Co.’ telah dilarang oleh kerajaan untuk digunakan. Alasannya ialah tiada buku Sejarah yang sesuai untuk peringkat *Junior Middle*.<sup>120</sup> Kenyataan ini lebih jelas lagi berdasarkan Surat D.K. Swan kepada Pengarah Pelajaran Hong Kong bahawa belum ada siri buku Sejarah untuk peringkat *Junior Middle* di Tanah Melayu.

*I should be most grateful if you could let me know which series is in use in Hong Kong and if copies of any new series either in use or preparation for the future could be followed to use for examination.*<sup>121</sup>

Justeru, pada ketika itu persoalan tentang buku teks sekolah Cina masih belum selesai. Maka sebuah jawatankuasa pelajaran sedang menimbangkan sebuah buku keluaran dari China iaitu *A History of China*. Buku ini disemak dan diterbitkan pada tahun 1955. Satu hal yang sangat jelas adalah buku tersebut merupakan buku yang *bias* kepada negara China dan lebih merupakan buku sejarah sosial dan kebudayaan.<sup>122</sup> Keadaan ini berlaku kerana projek memalayakan buku teks masih belum disediakan lagi pada ketika itu. Menurut Jabatan Pelajaran, situasi pada ketika itu lebih memberi tumpuan terhadap buku-buku teks untuk sekolah rendah.<sup>123</sup> Oleh itu dapat disimpulkan bahawa meskipun pelajaran Sejarah merupakan pelajaran yang penting dalam kurikulum sekolah Cina, tetapi secara praktikalnya mata pelajaran tersebut lebih berorientasikan negara China itu sendiri.

<sup>119</sup> Tan Yoa Sua, ‘Pendidikan Cina di Malaysia: Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan’, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2014, hlm. 63.

<sup>120</sup> Surat dari Wilson Yao (Principle of Huan Lian High School, Taiping, Malaya) kepada Director of Education, Federated of Malay (c/o Assistant Inspector of Chinese School, North Perak). Lihat Fail Department of Education. No. 1090: *Junior Middle History Textbooks*.

<sup>121</sup> Surat dari D.K.Swan (Department of Education, Persekutuan Tanah Melayu) kepada The Director of Education Hong Kong. Lihat Fail Department of Education No. 1090: *Junior Middle History Textbooks*.

<sup>122</sup> Surat dari V.J. Jasper (Education Department Hong Kong) kepada The Director of Education, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur. Lihat Fail Department of Education No. 1090: *Junior Middle History Textbooks*.

<sup>123</sup> ‘No Bar YET on China Text Malayan School Books In 2 Years’, *Strait Times*, 7 Oktober 1954.

## **Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Vernakular Tamil**

Sekolah vernakular Tamil masyarakat India di Malaya bermula di ladang-ladang kopi, gula dan getah. Pada awalnya, pendidikan Tamil juga diusahakan oleh orang perseorangan dan badan-badan sukarela terutamanya badan mubaligh Kristian sebagaimana sekolah vernakular Cina. Selepas penubuhan Penang Free School di Pulau Pinang pada tahun 1816, satu ketetapan diambil untuk membuka sebuah sekolah Tamil sebagai satu daripada sekolah cawangan sekolah itu. Seterusnya pada tahun 1850, sebuah sekolah bernama *Anglo-Tamil School* yang mengajar bahasa Tamil dan Inggeris dibuka di Melaka. Walau bagaimanapun, pada tahun 1860, sekolah ini terpaksa ditutup kerana menghadapi pelbagai masalah dan kekurangan murid. Sejak tahun-tahun 1870-an, sekolah Tamil mula muncul di ladang-ladang di Seberang Prai, Melaka, Johor Utara dan kemudian berkembang ke lain-lain kawasan di Semenanjung.

Perkembangan sekolah-sekolah vernakular Tamil berkait rapat dengan Pelancaran Kod Buruh pada tahun 1912 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>124</sup> Kod ini telah menegaskan bahawa apabila terdapat sepuluh orang kanak-kanak antara umur tujuh hingga 14 tahun, pihak berkenaan dikehendaki membuka sekolah dan perlu menyediakan tenaga pengajar. Peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan menyebabkan sekolah-sekolah Tamil mula didirikan di kawasan perladangan secara kecil-kecilan. Sekolah-sekolah ini dijalankan di tempat asuhan kanak-kanak, kuil-kuil di ladang, asrama pekerja dan beberapa kilang getah yang ditetapkan oleh majikan.<sup>125</sup> Peringkat persekolahan Tamil ini kebanyakannya dilaksanakan selama empat hingga enam tahun. Semua pelajaran diberi dalam bahasa Tamil tetapi terdapat juga sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa pengantar yang lain seperti Punjabi, Telegu, Malayalam, Gurkhali, Singalese dan Gujerati.<sup>126</sup> Guru-guru di sekolah-sekolah Tamil ini kebanyakannya diimport dari India dan Sri Lanka. Menurut Cheeseman, walaupun

<sup>124</sup> Federation of Malaya, *Annual Report on Education for 1954*, Kuala Lumpur, 1954, hlm. 27.

<sup>125</sup> Vengadesan, Thamil Pallihalin, Andru, Na Iai, ‘Eight International’, Conference Seminar of Tamil Studies, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 198.

<sup>126</sup> Ibrahim Ahmad Bajunid, ‘Perubahan dan Perkembangan Kurikulum Ke Arah Pembinaan Negara’ dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan Ke Arah Perpaduan*, Kuala Lumpur, 1980, hlm.160.

guru-guru ini diambil dari India, tetapi *the teacher, poor in quality came from India.*<sup>127</sup>

Oleh itu kebanyakan sekolah-sekolah di estet tidak mempunyai guru-guru yang mempunyai kebolehan atau kelulusan untuk mengajar. Pada tahun 1906 dan 1910, dua buah sekolah Tamil didirikan, iaitu Thambusamy Pillai School dan Vivekananda School di Kuala Lumpur.

Seterusnya pada tahun 1923, British telah memperkenalkan peraturan yang mewajibkan majikan mendirikan sebuah sekolah di setiap ladang getah yang mempunyai 10 atau lebih kanak-kanak yang berumur di antara 10 hingga 12 tahun. Selepas tahun 1920-an, semakin banyak sekolah Tamil didirikan di Tanah Melayu. Pada tahun 1932, British mula memberi bantuan kewangan kepada sekolah Tamil. Pendidikan di sekolah Tamil hanya terbatas setakat sekolah rendah sahaja iaitu sebahagian besarnya hanya ditawarkan pendidikan sehingga darjah empat dan terdapat sebilangan kecil sehingga ke darjah enam. Buku teks dan sukatan pelajaran dibawa masuk dari India. Kebanyakan sekolah Tamil tidak memuaskan kerana kurang kemudahan. Gaji guru amat rendah dan di sesetengah sekolah, pekerja ladang seperti kerani ladang, penyelia, dan pembancuh ubat ditugaskan untuk mengajar. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembelajaran di sekolah Tamil hanya bertujuan untuk membasmikan huruf dalam kalangan anak-anak buruh India sahaja.

Pada tahun 1930, kerajaan Inggeris telah membentuk satu organisasi yang akan memeriksa sistem pendidikan dalam kalangan masyarakat India. Pegawai-pegawai Inggeris di hantar ke India untuk mempelajari bahasa dan sistem persekolahan di India. Mereka ini yang merangka pembentukan kurikulum baru bagi sekolah rendah India.<sup>128</sup> Tindakan oleh pihak pemerintah telah membantu sekolah-sekolah India sehingga pada akhir tahun 1940-an, Bahagian Pelajaran telah mengendalikan 'Normal Classes' di Penang dan 'Province Wellesly' untuk menambahkan tenaga pengajar di sekolah-sekolah Tamil.

<sup>127</sup> H.P. Cheeseman., 'Education in Malaya 1940-1941', *The Malayan Historical Journal*, vol.2. No.1, Julai 1955, hlm. 39.

<sup>128</sup> Ibid.

Pada peringkat awal, sekolah-sekolah Tamil ini bergantung kepada buku teks dari negara India dan Sri Lanka bagi pembacaan dan kira-kira mereka. Pada tahun 1937, mengikut *The Indian Vernacular School Regulations*, sekolah-sekolah India telah tidak menggalakkan untuk mengadakan kelas-kelas pada waktu tengah hari.<sup>129</sup> Hal ini berlaku kerana perasaan simpati berikutan ramai murid-murid di estet yang dihantar ke sekolah pada tengah hari sedangkan mereka telah menghabiskan waktu pagi mereka sepenuhnya di ladang. Mereka mengambil kira tahap kepenatan murid-murid untuk belajar. Selain itu, pertubuhan ini juga tidak menggalakkan pengambilan guru-guru untuk mengajar separuh masa yang terdiri dari golongan kerani, pembantu doktor dan juga buruh. Ekoran dari itu Majlis Negeri (State Council) telah meluluskan Regulation 7 (b) iaitu:

*The school may open in the morning at in the morning and the afternoon. Where there is no morning school, and afternoon school will not be permitted expect in special circumstances with the written permission of the Senior Inspector of School. Definate school hours must be fixed and strictly observed.*<sup>130</sup>

Pada awal kedatangan mereka pada tahun 1880-1920, peluang pendidikan kepada golongan India langsung tidak diambil kira oleh pihak majikan. Perhubungan mereka dengan penduduk Tanah Melayu adalah terhad. Keadaan ini menggalakkan mereka bebas untuk mengamalkan kebudayaan dan tradisi masing-masing. Buku-buku pelajaran amat sedikit. Tapak berpasir digunakan sebagai bahan tulisan dan jari mereka menjadi alat tulisan dalam pendidikan mereka.<sup>131</sup> Dengan cara dan kaedah ini anak-anak India memulakan pembelajaran mereka di Tanah Melayu. Kemasukan guru pada tahun 1937 hanya kurang 25 peratus (%) daripada 800 orang guru di seluruh Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang memiliki Sijil Perguruan. Segala isi pelajaran adalah berdasarkan latar belakang India (Indian Based Curriculum).

<sup>129</sup> Fail Federal Secretariat. No. 10658/48: *Amendment to the India Vernacular School Regulations 1937*.

<sup>130</sup> Ibid.

<sup>131</sup> R. Marimuthu, ‘Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Tamil: di Daerah Hilir Perak’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 31-32.

Secara umumnya corak sekolah vernakular Tamil adalah seperti sekolah vernakular Cina, iaitu berorientasikan negara asal. Selain untuk menyelesaikan masalah buta huruf, kurikulum di sekolah Tamil adalah berkisar kepada unsur-unsur kerohanian dan kebudayaan Hindu serta bahasa pertuturan. Bahan-bahan pengajaran adalah dibawa masuk dari India. Orang India di Tanah Melayu pada masa itu kebanyakannya masih menumpukan taat setia mereka kepada negara asal. Sebagai contoh, pergolakan politik yang berlaku di India pada ketika itu, juga dirasai kesannya di Tanah Melayu. Justeru elemen dalam kurikulum dan pengajaran banyak dipengaruhi oleh perkara tersebut. Sikap kebanyakan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak adalah di tahap yang rendah. Justeru ramai kanak-kanak yang tidak bersekolah atau tidak hadir ke sekolah untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Dari sudut pengajaran, pada peringkat awalnya penggunaan bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar.

Kejayaan murid-murid India ini dinilai dari segi kecekapan membaca, menulis dan menghafal karya klasik dan epik-epik Hindu.<sup>132</sup> Darjah tertinggi dalam sekolah ini adalah darjah VI, tetapi kebanyakan sekolah setakat darjah III dan IV sahaja kerana kekurangan guru. Antara mata pelajaran yang diajar ialah bahasa ibunda mereka yang dilihat dari sudut bacaan, tulisan dan rencana, perbualan, karangan dan mengucapkan puisi. Bagi mata pelajaran Kira-kira pula, aspek yang ditekankan ialah congak dan bertulis. Berikutnya untuk Pengetahuan Am ialah mempelajari berkaitan objek-objek dan pemerhatian, kesihatan serta tingkah laku yang baik dan bertatasusila. Seterusnya untuk Lukisan dan Kerja Tangan, fokus utamanya ialah lukisan, mengatur lidi, menyusun manik dan bijian serta membuat model dengan menggunakan tanah liat dan kertas. Seterusnya untuk Latihan Fizikal ialah latihan-latihan fizikal, berkawat, permainan, nyanyian dan kawalan suara serta mata pelajaran Ilmu Alam.<sup>133</sup>

<sup>132</sup> R. Kulandasmy, ‘Persepsi Murid Terhadap Pengajaran Bahasa Tamil’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 22.

<sup>133</sup> Ibrahim Ahmad Bajunid, ‘Perubahan dan Perkembangan Kurikulum Ke Arah Pembinaan Negara’ dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan Ke Arah Perpaduan*, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 159.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa dari peringkat awal lagi, sekolah-sekolah Tamil tidak memperuntukkan mata pelajaran Sejarah dalam kurikulum persekolahannya. Keadaan ini berlarutan sehingga Perang Dunia Kedua. Berhubung dengan pelajaran Sejarah, pendidikan India pada ketika itu tidak mempunyai teks Sejarah sama ada yang dikhkususkan ataupun tidak sehingga selepas pendidikan Inggeris dan kawalan kerajaan Inggeris ke atas sekolah-sekolah tersebut.<sup>134</sup> Walaupun terdapat pelajaran Ilmu Alam yang lebih berorientasikan India tetapi tidak ada mata pelajaran yang khusus untuk Sejarah. Oleh itu, apa yang dapat disimpulkan dalam pendidikan sekolah-sekolah vernakular India ialah pelajaran Sejarah bukan merupakan pelajaran yang dipentingkan dalam sistem pembelajaran mereka. Hal ini menunjukkan bahawa dalam sistem pendidikan tradisional kaum India di Tanah Melayu pada ketika itu tidak mempunyai aspek pelajaran Sejarah yang jelas.

Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa berdasarkan empat jenis sekolah yang terdapat di Tanah Melayu pada ketika itu, terdapat perbezaan yang ketara dalam pelajaran Sejarah sama ada sukatan pelajaran atau teks yang digunakan. Begitu juga dengan kepentingan dan kecenderungan pelajaran tersebut, masing-masing dipengaruhi oleh latar belakang negara masing-masing. Malahan keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang antara murid sama ada sekolah aliran Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Hal ini mengakibatkan identiti dan nilai kerjasama tidak wujud dalam kalangan masyarakat.<sup>135</sup> Tidak dapat dinafikan bahawa sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu sangat mementingkan pelajaran Sejarah. Namun, apa yang ditekankan di sekolah Inggeris hanya kebesaran, keagungan dan segala-galanya yang berkaitan dengan negara British dan kuasa barat amnya, manakala untuk sekolah Melayu pula adalah semata-mata untuk memahami budaya dan hidup orang Melayu sahaja.<sup>136</sup>

---

<sup>134</sup> Ibid.

<sup>135</sup> Jamaliyah Shaik Abdullah, ‘Perubahan Kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia dari 1978-2000’, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2005, hlm. 79.

<sup>136</sup> Maharon Mahmood ‘Kurikulum Sejarah ke Arah Memperkuatkan Usaha Pemupukan Semangat Patriotik dalam Kalangan Murid’, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke arah Pembentukan Warganegara Patriotik, Kuala Lumpur, 8-12 Oktober 2001, hlm. 67.

Walau bagaimanapun, melalui pembelajaran di sekolah, hakikatnya telah wujud hubungan secara tidak langsung dalam konteks membentuk dan mengukuhkan perpaduan kaum apabila pelajar kaum Cina dan pelajar Melayu yang terdiri daripada anak-anak pembesar tempatan bersekolah bersama-sama di sekolah Inggeris. Demikian juga apabila bahasa Melayu mula diajar di sekolah Cina pada tahun 1952. Dasar-dasar kerajaan British menyebabkan secara tidak langsung masyarakat pelbagai kaum di negara ini bersatu dalam mencapai matlamat negara bangsa. Justeru itu, selepas Perang Dunia Kedua, perancang-perancang di Jabatan Pelajaran mula menyedari tentang bahayanya keadaan pendidikan sedemikian untuk masa depan negara ini dan perubahan perlu dilakukan. Aspek ini bermula dengan Laporan Barnes pada 1950 yang mana tujuannya supaya Tanah Melayu boleh berkerajaan sendiri dengan mewujudkan perpaduan kaum. Laporan ini turut mencadangkan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah serta bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah. Cadangan ini diharapkan dapat merapatkan jurang komunikasi antara kaum serta merapatkan hubungan mereka apabila masyarakat Cina bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan.

Dalam konteks pembentukan dan pengukuhan perpaduan antara kaum, Parti Perikatan telah memperkenalkan Penyata Razak 1956 dengan mengemukakan sistem persekolahan yang sama dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan. Penyata ini bertujuan menyuburkan semangat perpaduan antara kaum. Kemudiannya diikuti Laporan Rahman Talib yang menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Cara paling penting untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia ialah melalui penggunaan bahasa kebangsaan. Penggunaan satu bahasa perhubungan dan persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain dapat diwujudkan tanpa menimbulkan rasa curiga. Langkah ini mempercepatkan lagi perpaduan dan rasa harmoni antara kaum di negara ini. Berikutnya dengan itu, lahirlah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.

### **Kesedaran Pembelajaran Sejarah Masyarakat Melayu**

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah banyak kegunaannya dalam kehidupan manusia iaitu untuk menjadi pedoman bagi suatu bangsa demi melangkah dari kehidupan masa kini ke masa yang akan datang. Tiap-tiap individu pada setiap bangsa dan negara harus memiliki kesedaran akan erti pentingnya sejarah. Namun sesungguhnya kesedaran terhadap sejarah sukar untuk dipastikan kemunculannya. Menurut Heidegger, kesedaran itu telah muncul semenjak terciptanya tulisan, malahan aktiviti merekod atau menulis sejarah bukan hanya sekadar historiografi yang belum ditafsirkan, tetapi ia merupakan suatu gambaran telah wujudnya kesedaran terhadap sejarah.<sup>137</sup> Kesedaran sejarah yang tercermin pada individu akan lebih bermanfaat jika bersifat kolektif, sama ada dalam bentuk pendidikan, politik, ekonomi, sosial, dan budaya yang mampu membangun bangsa dan negara.

Pengalaman yang dimiliki oleh suatu masyarakat pada masa lampau merupakan pengalaman yang bernilai sejarah dan berharga bagi bangsa tersebut untuk membangun negara dan bangsa pada masa kini dan akan datang. Perasaan cinta dan taat setia kepada negara serta ingin membebaskannya daripada penjajahan disebut sebagai semangat kebangsaan. Kesedaran kebangsaan ini ialah kesedaran yang merentasi kampung, daerah dan negeri. Sesungguhnya, kesedaran terhadap pembelajaran Sejarah masyarakat Melayu dapat dilihat sejak kedatangan Islam di Alam Melayu lagi. Perkembangan agama Islam yang menggalakkan umatnya mendalami ilmu pengetahuan tidak hanya tertumpu kepada ilmu berbentuk agama semata-mata, tetapi turut diberi penekanan dari segi ilmu sejarah yang juga mempunyai pengajaran dan

---

<sup>137</sup> Martin Heidegger, *The Basic Problems of Phenomenology*, India University Press, 1982, hlm. 8.

nilai moral yang tinggi. Dalam konteks ini, selain pengajian agama, pengajian sejarah juga turut berkembang selari dengan kemasukan Islam di rantau ini.<sup>138</sup>

Justeru, masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 telah diwarnai dengan pelbagai peristiwa bersejarah seperti politik, ekonomi dan sosial. Kedudukan masyarakat Melayu di bawah pentadbiran British mendapat perhatian golongan intelektual terutamanya golongan guru-guru Melayu. Sebelum itu, sejarah telah membuktikan bahawa peranan guru sebelum penjajahan lagi telah dilihat sebagai suatu yang mulia dalam menyampaikan dan mendidik anak bangsa. Pada pengamatan R.O Winstedt iaitu:

*...even before the Portugese took Mallaca in 1511, the Malays were in some respects as civilized people, having their own political system, art, science and literature...<sup>139</sup>*

Pernyataan tersebut menunjukkan kelompangan ketamadunan Melayu bahawa kelompangan tersebut tidak hanya terlihat dalam bidang yang disebutkan oleh R.O Winstedt sahaja, tetapi lebih dari itu seperti dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Ini terbukti bahawa pada tahun 1810 telah wujud pendidikan yang berteraskan agama Islam iaitu ‘Koran School’.

Menurut Hasnah Husin, bagi masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua,<sup>140</sup> golongan guru-guru Melayu ini dianggap sebagai golongan menengah yang paling dihormati dan disanjung oleh masyarakat.<sup>141</sup> Guru-guru Melayu sama ada disedari atau tidak telah memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu ke arah kemajuan. Mereka telah menyedarkan dan memajukan orang Melayu apabila terdapatnya kerjasama di antara mereka melalui persatuan guru.

<sup>138</sup> Arba’iyah Mohd Noor, ‘Kesedaran Sejarah Zaman Tradisional di Malaysia dan Indonesia’, dalam Md. Sidin Ahmad Ishak & Jas Laile Suzana Jaafar, *Malaysia-Indonesia: Serumpun Merentasi Globalisasi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014, hlm. 32.

<sup>139</sup> D.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlement with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: Government Press, 1947, hlm. 5.

<sup>140</sup> Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939-1945 dan merupakan peperangan yang paling meluas membabitkan kuasa Bersekutu iaitu negara-negara Komanwel, Perancis, Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China dengan kuasa Paksi iaitu perikatan negara-negara Jerman, Itali dan Jepun.

<sup>141</sup> Hasnah Husin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 1

Golongan ini menjadikan akhbar dan majalah sebagai medium untuk menyampaikan kesedaran kepada masyarakat Melayu.

Akhbar dan majalah adalah antara media untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Melalui penulisan dalam akhbar dan majalah, orang ramai dimaklumkan mengenai perkara-perkara semasa, peristiwa bersejarah, hiburan, sukan dan sebagainya sama ada dikeluarkan secara harian, mingguan, bulanan, tahunan dan sebagainya. Kewujudan banyaknya majalah Melayu, termasuk juga yang diusahakan oleh golongan guru-guru Melayu telah membuka dengan luasnya medan perbincangan tentang pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu amnya.<sup>142</sup> Kebanyakan akhbar dan majalah Melayu yang telah diterbitkan di sekitar awal abad ke-20 sehingga sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua berbentuk sejarah.<sup>143</sup> Misalnya ruangan ‘Perkhabaran’ yang dimuatkan dalam ruangan *Cahaya Pulau Pinang*,<sup>144</sup> ‘al-Tārikh al-Islamī’ dalam ruangan *Al-Imam*,<sup>145</sup> *Majlis*<sup>146</sup> menggunakan ruangan ‘Riwayat’, *Pengasuh*<sup>147</sup> bahagian ‘Tārikh’, *Chendera Mata*<sup>148</sup> menggunakan ruangan ‘Tawārikh’ iaitu nama yang sama digunakan dalam *Majalah Guru*.<sup>149</sup> Sebagai salah satu sumber dalam pengkajian sejarah, akhbar dan majalah memainkan peranan penting dalam memetakan tentang keadaan zaman lampau dan perihal mengenai sesuatu masyarakat terutamanya apabila tiada sumber yang menjelaskan sesuatu situasi.<sup>150</sup>

Kesedaran pembelajaran Sejarah dalam kalangan golongan berpendidikan di Tanah Melayu turut dilihat pada awal abad ke-20 yang diakui sendiri oleh R.O

<sup>142</sup> Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998, hlm. 135.

<sup>143</sup> Muhd Yusuf Ibrahim, ‘Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu’ makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988, hlm. 1.

<sup>144</sup> Diterbitkan di Pulau Pinang pada bulan Oktober 1900 dan hanya mengandungi 4 halaman yang ditulis dengan huruf jawi, naskhah tersimpan di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Arkib Negara Malaysia.

<sup>145</sup> Diterbitkan di Singapura pada 22 Julai 1906 merupakan majalah kategori Islam dan senafas dengan Majalah al-Manar di Cairo tersimpan di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan AP95M21M, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Arkib Negara Malaysia.

<sup>146</sup> Diterbitkan di Kuala Lumpur pada 17 Disember 1931 dan koleksinya terdapat di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem daripada keluaran yang pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka serta di Arkib Negara Malaysia.

<sup>147</sup> Diterbitkan di Kelantan pada 11 Julai 1918.

<sup>148</sup> Diterbitkan di Tanjung Malim Perak pada 1 November 1923 oleh Maktab Perguruan Sultan Idris. Tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara Malaysia dan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan LG397 T2CM.

<sup>149</sup> Diterbitkan pada 1 November 1924 di Seremban.

<sup>150</sup> Siti Rodziyah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 6.

Winstedt bahawa Tanah Melayu sangat kaya dalam bidang penulisan sejarah.<sup>151</sup> Pernyataan beliau itu sebenarnya merujuk kepada pensejarahan tradisi yang menjadi ‘Perang Tinta’ dalam makalah pensejarahan yang dimuatkan dalam akhbar atau majalah Melayu terutama sejak awal abad ke-20 sehingga 1950-an. Hal ini menggambarkan bahawa timbulnya kesedaran dalam kalangan cendekiawan Melayu pada waktu itu untuk menulis dan menerbitkan majalah. Penulisan sejarah yang ditulis bukan sahaja untuk memberi manfaat atau pengajaran kepada masyarakat umumnya, akan tetapi sebagai medium pembelajaran mata pelajaran Sejarah ataupun lebih dikenali sebagai pelajaran Tawarikh<sup>152</sup> khususnya di sekolah-sekolah Melayu.

Kesan daripada perkembangan penulisan ini, maka kesedaran sebenar orang Melayu tentang hak politiknya pula telah muncul. Mereka tidak pernah memikirkannya sebelum ini secara serius sebelum memasuki abad ke-20. Penentangan terhadap penjajah pada era sebelumnya adalah lebih bersifat individu. Kepentingannya juga adalah kepentingan individu, atau paling lebih kelompok kecil yang diwakili oleh individu itu, bukannya bangsa Melayu secara keseluruhan. Arus kesedaran sebenar orang Melayu tentang hak mereka mula dapat dikesan melalui tulisan-tulisan Za’aba dalam *Al-Imam* dan Mohd. Eunos Abdullah, yang menjadi penyunting Utusan Melayu versi sisipan akhbar Inggeris ‘Free Press’. Tulisan-tulisan itu membawa aliran menyeru orang Melayu supaya bersatu dan membina jati diri. Aliran kesedaran itu bertapak semakin kukuh pada sekitar tahun 1930-an.<sup>153</sup> Maka tidak mustahil apabila tahun 1930-an itu, mata pelajaran Sejarah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah Melayu. Sebenarnya usaha menyatukan Melayu telah dapat dikesan seawal dekad 1920-an. Pada waktu itu tertubuhnya Kesatuan Melayu Singapura yang dipimpin oleh Mohd. Eunos Abdullah sebagai Presiden. Jika Kesatuan itu boleh dianggap sebagai organisasi politik

<sup>151</sup> R.O Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Petaling Jaya: Oxford University Press, 1970, hlm. 155.

<sup>152</sup> Tawarikh merupakan kata jamak bagi tarikh dalam Bahasa Arab. Sekiranya kita merujuk kepada Encyclopedia of Islam, ‘Tarikh’ bermaksud era dan kronologi. Asal perkataan Tarikh iaitu Ta’rikh adalah bererti penentuan tarikh dan juga bermaksud asal-usul, kerja-kerja penyelidikan, sejarah dan juga jurai keturunan.

<sup>153</sup> Melayu: Politik dan Nasionalisme, <https://zanas.wordpress.com/masa-depan-politik-orang-melayu/melayu-politik-dan-nasionalism/> (tarikh diakses 26 November 2013).

Melayu yang pertama, maka Eunos merupakan Presiden Pertubuhan Politik Melayu yang pertama itu. Bagaimanapun peranan Eunos dalam meniupkan semangat kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu tidak mencapai matlamat apabila beliau dianggap Melayu yang taat pada Inggeris.<sup>154</sup>

Pada penggal kedua tahun 1930-an muncul sebuah lagi organisasi tidak rasmi yang menjadi tempat bagi orang Melayu menghimpunkan suara mereka yang dinamakan sebagai Sahabat Pena. Organisasi ini berjaya mengumpulkan belasan ribu ahli yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak Melayu yang menyedari akan perihal pentingnya mempertahankan hak. Pada tahun 1939 Sahabat Pena dikatakan mempunyai lebih 12,000 ahli. Jumlah ini tidak boleh dipandang kecil jika diambil kira latar belakang komunikasi pada ketika itu. Kesedaran Melayu untuk bangkit dan bersatu itu bukan kerana pendidikan dan bukan kerana ilmu, tetapi kerana majoriti masyarakat Melayu ketika itu tidak berpeluang menimba ilmu sehingga mampu mencetuskan kesedaran sedemikian di jiwa mereka.<sup>155</sup> Namun, suasana politik ketika itu mula membakar semangat orang Melayu untuk bangkit memperjuangkan hak terhadap bangsa dan negara mereka. Apabila British kembali berkuasa pada tahun 1945, rejim kolonial itu mendapati segala-galanya berubah. Orang Melayu bukan lagi bangsa yang boleh dicucuk hidung. Semangat nasionalisme yang mula bertunas sejak era sebelum perang berkembang biak, mekar dan semerbak ke segenap pelosok Tanah Melayu. Seorang demi seorang nasionalis timbul dan satu demi satu gagasan untuk menyingkirkan penjajah telah muncul.

Kemunculan dan kewujudan golongan nasionalis ini adalah berikutan kesedaran terhadap bangsa dan negara yang dijajah. Pada ketika itu, muncul tokoh-tokoh penulis dan pejuang tanah air dalam usaha memperjuangkan negara yang dijajah. Perjuangan mereka ini diserapkan dalam tulisan-tulisan mereka untuk memberi kesedaran kepada

<sup>154</sup> Alias Mohamed, *Utusan Online*, ‘Perjuangan A.Samad Ismail’, [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0528&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0528&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm). (tarikh diakses 28 Mei 2011)

<sup>155</sup> ‘Melayu: Politik dan Nasionalisme’, <https://zanas.wordpress.com/masa-depan-politik-orang-melayu/melayu-politik-dan-nasionalism/>. (tarikh diakses 26 November 2013)

penduduk Tanah Melayu pada ketika itu. Perkembangan penulisan dilihat apabila Abdul Hadi di samping mengarang buku *Sejarah Alam Melayu Penggal I, II dan III*, beliau turut menghasilkan beberapa karya lain. Antaranya ialah *Pelbagai Chetera Melayu I* dan *II* yang turut digunakan di sekolah-sekolah Melayu.<sup>156</sup>

Selain itu, hakikatnya kesedaran terhadap pembelajaran Sejarah ini dapat dilihat apabila pada tahun 1918, Winstedt bersama-sama dengan Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh telah menghasilkan buku Sejarah yang pertama dalam bahasa Melayu yang diberi judul *Kitab Tawarikh Melayu*. Buku ini kemudiannya menjadi buku teks untuk maktab latihan guru. Menurut Za'aba, buku tersebut merupakan karya sejarah orang Melayu yang pertama menggunakan istilah dan konsep sejarah yang sebenar, yakni berbeza daripada unsur sastera. Semangat kesedaran semakin kukuh apabila pada tahun 1922, Maktab Latihan Guru di Melaka dan Matang digabung menjadi Sultan Idris Training College (SITC) dan mata pelajaran Sejarah menjadi salah satu daripada subjek yang diberi keutamaan.<sup>157</sup>

Penubuhan SITC memainkan peranan sebagai tapak semai nasionalis Melayu khususnya pada zaman sebelum perang. Bibit-bibit ini telah disemai oleh pengetua maktab dan tenaga pengajar melalui syarahan-syarahan di bilik kuliah, aktiviti kokurikulum dan tulisan mereka. O.T.Dussek pernah meluahkan kata-kata semangat kepada pelajarnya melalui majalah Cenderamata keluaran 1923: *Know it, all of you! The progress of the Malay race is in your hands.* Sikap O.T. Dussek itu didorong oleh hubungan peribadi yang rapat beliau dengan guru-guru di maktab tersebut seperti Za'aba, Ahmad Bakhtiar dan Harun Aminurrashid.<sup>158</sup>

<sup>156</sup> *Regulations for the Malay Schools in the Straits Settlements and Federated Malay States* (Second and Revised Edition), 1936, hlm. 16.

<sup>157</sup> Ahmat Adam, ‘Pendidikan Sejarah di Malaysia Dewasa Ini: Sejauh Manakah Ia Relevan Kepada Pembinaan Nasion’, Ucap Utama yang disampaikan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Geografi anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, pada 29 Ogos 2013, hlm. 1.

<sup>158</sup> Mohd Zuber Zain, ‘Nasionalisme Guru SITC’, DPI-ABIM, Utusan Publications, ZAPT Design ESIGN E-Book Services, hlm.3. <http://fliphtml5.com/flqg/lfx/basic> (tarikh diakses 6 Oktober 2015).

Seterusnya pada tahun 1925, perjuangan dalam membangkitkan kesedaran ini telah dipelopori oleh salah seorang siswa maktab ini iaitu Abdul Hadi bin Haji Hasan<sup>159</sup> yang berasal dari Melaka. Selain beliau, antara tokoh lain yang terlibat ialah Buyong Adil, Shaharom Hussain, Aminuddin Baki dan sebagainya. Abdul Hadi Hassan telah menghasilkan buku yang berjudul *Sejarah Alam Melayu* yang menjadi buku teks utama untuk pembelajaran Sejarah pada ketika itu. Malahan buku ini paling terkenal pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua kerana semasa penjilidan pertamanya pada tahun 1925 di Singapura, buku ini telah mendapat sambutan hangat dalam kalangan mereka yang berpendidikan Melayu, terutamanya guru-guru dan para guru pelatih sekolah Melayu. Bahkan guru-guru yang terlatih di Maktab Latihan Guru Sultan Idris pada zaman sebelum perang dan tahun-tahun selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua menganggap Abdul Hadi yang merupakan seorang guru dan sejarawan yang telah berjasa dari segi menguatkan perasaan kebangsaan Melayu melalui karyanya yang diterbitkan dalam tiga jilid. Semangat yang dibawakan oleh karya Abdul Hadi memberi dorongan Buyong Adil untuk meneruskan penulisan jilid keempat dan kelima *Sejarah Alam Melayu* tersebut setelah kematian Abdul Hadi Hassan pada tahun 1937.<sup>160</sup>

Selain buku-buku teks yang bersifat kebangsaan, cara pengajaran mata pelajaran Sejarah di bilik darjah memberi kesan yang mendalam. Abdul Hadi berjaya membuat penuntut-penuntutnya insaf akan keburukan orang Melayu sebagai bangsa yang terjajah. Faktor-faktor kejatuhan kerajaan dan empayar Melayu sering digunakan oleh Abdul Hadi bagi menyedarkan penuntutnya betapa mahal harga yang mesti dibayar oleh bangsa yang tiadanya perpaduan. Hakikatnya mata pelajaran Sejarah telah dikenal pasti sebagai satu mata pelajaran yang memberi sumbangan besar terhadap

<sup>159</sup> Beliau dilahirkan di Batang Tiga Melaka, mendapat pendidikan rendah di sekolah Melayu Batang Tiga. Beliau merupakan bekas guru Sultan Idris Training College. Beliau juga telah menulis beberapa siri Sejarah Alam Melayu untuk sekolah-sekolah Melayu dan buku-buku tersebut diterbitkan oleh Department of Education Federation of Malaya. Cetakan pertama oleh Malaya Publishing House Limited Singapore. Tahun cetakan tidak diperolehi. Cetakan kedua pada tahun 1947 berjumlah 3000 naskah dan cetakan ketiga berjumlah 32 000 naskah dan buku di cetak oleh Tiger Press Singapore pada tahun 1952 dalam Aziah Adi, ‘Abdul Hadi Bin Hassan: Sumbangan dan Pemikiran 1900-1937’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 14.

<sup>160</sup> Ahmat Adam, ‘Pendidikan Sejarah di Malaysia Dewasa Ini: Sejauh Manakah Ia Relevan Kepada Pembinaan Nasional’, Ucap utama yang disampaikan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Geografi anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, pada 29 Ogos 2013, hlm.1.

pertumbuhan semangat dan kesedaran kebangsaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengajaran mata pelajaran Sejarah diteruskan atas daya usaha individu-individu yang mempunyai kesedaran terhadap nasib bangsa dan tanah air. Secara tidak langsung, penerapan pembelajaran Sejarah dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti luar bilik darjah.

Selain itu, guru-guru dari MPSI telah mendapat banyak idea perjuangan daripada perkembangan semangat kebangsaan yang berlaku di Indonesia ketika mereka menentang penjajahan Belanda. Majalah-majalah dan buku-buku terbitan Indonesia menjadi bahan bacaan utama mereka. Perjuangan tokoh-tokoh pertubuhan Indonesia seperti Boedi Utomo, Sarekat Islam, Partai Komunis Indonesia, Muhammadiyah, Partai Nasional Indonesia dan lain-lain telah mempengaruhi pemikiran mereka. Perjuangan rakyat Indonesia dalam menentang kuasa penjajah telah memberikan ilham kepada mereka untuk bangkit menentang British di Tanah Melayu. Bagi menggembungkan tenaga ke arah pembentukan semangat kebangsaan yang lebih menyeluruh dan mantap, tokoh-tokoh MPSI seperti Zainal Abidin Ahmad, Buyong Adil, Ibrahim Yaakub dan lain-lain lagi telah menuahkan dua buah persatuan, iaitu Ikatan Pemuda Semenanjung (1929) dan Ikatan Semenanjung Borneo (1930).<sup>161</sup>

Namun begitu, perkembangan gerakan nasionalisme di MPSI tidak berkekalan apabila kerajaan British bertindak menempatkan tokoh-tokoh pendidik muda ke kawasan yang berlainan dan sukar untuk berhubung antara satu sama lain. Langkah ini merupakan antara strategi penjajah yang bimbangkan perkembangan semangat kebangsaan akan terus merebak dalam kalangan cerdik pandai orang Melayu ketika itu dan seterusnya dapat mempengaruhi rakyat. Hal ini jelas apabila pada tahun 1927, Abdul Hadi Hasan telah ditukarkan ke Kelantan dan diberikan jawatan sebagai Nazir. Pada tahun 1936, O.T. Dussek telah dipencenkan dan kembali ke England, manakala

---

<sup>161</sup> ‘Perkembangan Nasionalisme di Malaysia’, [http://mekanikalntp2.blogspot.my/2014/10/perkembangan-nasionalisme-di-malaysia\\_14.html](http://mekanikalntp2.blogspot.my/2014/10/perkembangan-nasionalisme-di-malaysia_14.html) (tarikh diakses 14 Oktober 2014).

pada tahun 1939, Harun Aminurrashid telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pelajaran Melayu dan ditugaskan ke Brunei.<sup>162</sup>

Berikutnya kesedaran pembelajaran sejarah ini turut berlaku apabila munculnya golongan intelektual dari pelbagai golongan dan latar belakang pendidikan yang mahu membawa perubahan kepada masyarakat. Golongan ini dipelopori oleh tiga kumpulan elit yang mahu membawa perubahan kepada masyarakat Melayu. Kumpulan yang pertama ialah golongan yang berpendidikan Arab yang ingin mengetengahkan Islam sebagai jalan memajukan keadaan orang Melayu. Golongan ini dipengaruhi oleh reformasi Islam yang berlaku di Timur Tengah. Kumpulan kedua ialah yang berpendidikan Melayu yakni mereka yang cuba menentang penjajahan dengan cara yang lebih radikal. Kebanyakan mereka terdiri daripada kalangan guru dan wartawan. Kumpulan elit Melayu yang ketiga ialah yang berpendidikan Inggeris. Mereka ini terdiri daripada kelompok pentadbir dan pegawai am dari kalangan bangsawan Melayu.<sup>163</sup>

Seterusnya menjelang akhir abad ke-19, terdapat sekolah-sekolah pondok, madrasah, sekolah-sekolah Melayu dan sekolah Inggeris yang disediakan bagi orang Melayu. Sekolah-sekolah Melayu telah mula dibuka di kawasan-kawasan barat dan selatan Tanah Melayu sejak tahun 1880-an lagi. Pada dasarnya, tujuan British bukan untuk melahirkan golongan cerdik pandai dalam kalangan orang Melayu, tetapi mereka hanya ingin melihat anak-anak orang Melayu menjadi lebih pandai sedikit daripada ibu bapa mereka. Seterusnya bagi anak Melayu yang belajar di sekolah Inggeris pula terdiri daripada anak-anak bangsawan yang ingin dijadikan oleh British sebagai pegawai dan pentadbir bawahan sahaja. Oleh kerana penyediaan sekolah-sekolah Melayu oleh pemerintah Inggeris ini bukan suatu yang ikhlas, maka tidak terdapat buku-buku teks dan kurikulum yang sesuai untuk pembelajaran mereka. Justeru itu

<sup>162</sup> ‘Perkembangan Semangat Nasionalisme di Malaysia’, <http://groupingpengajianmalaysia.over-blog.com/2014/09/perkembangan-semangat-nasionalisme-di-malaysia.html> (tarikh diakses 27 September 2014).

<sup>163</sup> Lofti Ismail, *Sejarah Malaysia 1400-1963*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 34.

akhbar Melayu telah digunakan sebagai bahan pengajaran, seperti akhbar *Jawi Peranakan*, *Khizanah al-Ilmu'* dan *Taman Pengetahuan*. R. J. Wilkinson selaku penyelia sekolah-sekolah (1877-1895) mendapati bahawa akhbar Melayu yang diselitkan bersama ilmu sejarah secara amnya, telah menyumbangkan kemajuan intelek dan material orang Melayu. Pendedahan kepada dunia luar melalui akhbar telah membuka mata orang Melayu terutamanya generasi muda terhadap isu-isu yang mempengaruhi orang Melayu.<sup>164</sup>

Oleh yang demikian, secara jelasnya dapat dikatakan bahawa kesedaran terhadap pembelajaran Sejarah telah lama wujud seiring dengan kewujudan agama dan pembelajaran dalam bidang agama. Ini kerana agama telah dianggap sebagai faktor yang menyebabkan berkembangnya kesedaran masyarakat terhadap pengkaryaan termasuk sejarah. Kitab-kitab dari agama besar dunia telah menjadi sumber kepada tradisi penceritaan masyarakat dahulu. Kedatangan agama Islam dan Kristian misalnya di dunia Arab dan Eropah telah menyebabkan berkembangnya tradisi lisan dan ini membawa kepada penghasilan karya dalam pelbagai bentuk termasuk karya Sejarah.<sup>165</sup>

Demikian halnya dengan pendidikan agama yang dijalankan di sekolah-sekolah pondok dan madrasah telah mendapat sambutan hangat penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, kemunculan sistem pondok di Malaysia tidak dapat dikesan dengan jelas. Namun, pada zaman dahulu ibu bapa masyarakat Islam begitu bangga menghantar anak-anaknya belajar ke institusi tradisional seperti ini terutamanya pada tahun 1930-an dan 1940-an. Walaupun arus pendidikan barat diperkenalkan oleh penjajah Inggeris melalui sistem persekolahan vernakular kepada masyarakat Melayu, namun institusi tradisional ini tetap tegak dengan kukuh sehingga mewujudkan golongan yang berpengetahuan agama yang luas, hatta institusi ini telah menjelmakan semangat *esprit de corps* dalam kalangan orang Melayu. Sejarah kemunculannya

<sup>164</sup> William.R. Roff., *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestaman (terjemahan), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 51.

<sup>165</sup> Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, Monograf 1, Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Bahasa, 1983, hlm. 214-215.

diperdayai seiring dengan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu iaitu pada abad ke-14 berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang Terengganu yang bertarikh 1303 M. Kemudian, pertumbuhan pendidikan pondok ini semakin pesat pada abad ke-18 dan bidang ini dipelopori oleh golongan ulama dari Pattani yang kebanyakannya dari Trang, Krabi, Pangnga, Surat Thani, Phuket, Pathalung, Chaiya dan Songkla. Kebanyakan sekolah pondok tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap dan kebergantungan dana mereka hanya kepada derma orang ramai, bantuan daripada pelajar, sumbangan, wakaf, zakat dan sedekah.<sup>166</sup>

Sistem pengajian yang digunakan di sekolah pondok adalah kaedah pengajaran secara penyampaian oleh guru. Pelajar membaca, menghafal dan mengingatinya secara hafalan terhadap pelajaran atau matan yang dipelajarinya. Kebanyakan sekolah pondok mempunyai jadual pengajaran mengikut solat lima waktu, misalnya selepas subuh dan maghrib. Sistem pondok tidak menggunakan sukanan pelajaran yang tetap, sebaliknya menggunakan kitab-kitab tertentu mengikut mata pelajaran yang diajar. Sistem pondok dan madrasah memainkan peranan penting dalam memelihara jati diri orang Melayu dan menyediakan orang Melayu dengan teras pendidikan Islam. Sesetengah cendekiawan berpandangan bahawa intipati institusi pondok untuk masyarakat Melayu boleh diterangkan dari sudut budaya dan pendidikan dalam masyarakat Melayu Islam.<sup>167</sup>

Dari segi pembelajaran pula, sukanan pembelajaran yang didedahkan kepada para pelajar adalah tidak tersusun, ia bergantung kepada kemahiran guru. Antara mata pelajaran yang diajar ialah tauhid, tafsir, fekah, nahu saraf, hadis dan doa-doa yang ada kaitan dengan kehidupan seharian. Para pelajar juga didedahkan dengan kaedah menulis dan menguasai kaedah jawi serta bahasa Arab. Aktiviti seperti berqasidah, berzanji dan bernasyid turut diadakan ketika itu. Berdasarkan kepada rekod

<sup>166</sup> Sejarah Awal Pengajian Pondok. [http://www.albakriah.com.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=64](http://www.albakriah.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=64): sejarah-awal-pengajian- pondok&catid=10:info&Itemid=31. (15 Februari 2015)

<sup>167</sup> Hasan Madmarn, *The Pondok and Madrasah in Pattani*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 1999, hlm.35.

penjadualan pula, kebiasaannya setiap selepas waktu solat akan diadakan kelas dan membentuk halaqah-halaqah ilmu. Pelajar bebas untuk memilih kelas mengikut tahap penguasaan ilmu dan tiada had umur. Antara kitab yang digunakan pada ketika itu ialah Kitab Matan Jurumiyyah, Matan Bina, Matan Ummu Brahim, Kitab Pelita Penuntut, Kitab Penawar Bagi Hati, Kitab Al-falah, Kitab Kifayatul Muhtaj, Kitab Miyatul Musolli dan Kitab Matla ul Badrain.

Sebagaimana sistem pondok, sistem madrasah turut selari perkembangannya dan lebih sistematik. Sistem madrasah dimulakan dengan penghafalan al-Quran selama tiga tahun. Setelah selesai syahadah al-Quran, mereka akan berpindah kelas kepada pengajian alim selama lapan tahun. Pengajian selama lapan tahun ini, mereka akan belajar daripada peringkat asas sehingga dapat menguasai empat mazhab dan mempelajari ‘sunnan sittah’ secara bersanad sehingga kepada Rasullullah S.A.W. Merujuk pada aspek penjadualan pula, pembelajaran bermula jam 5.00 pagi hingga 11.00 malam. Pelajar yang belajar di pondok perlu menghabiskan pengajian sebagaimana yang telah ditetapkan oleh guru pada ketika itu. Waktu pembelajaran adalah terhad dan mengikut jadual semasa, yakni bermula pada jam 7.00 pagi dan pulang pada jam 2.00 petang pada setiap hari persekolahan. Pengajian di madrasah tidak mempunyai pelarasan dalam pendidikan berikutan guru yang menetapkan silibus pengajian di pondok dan mereka belajar dari kulit ke kulit.<sup>168</sup>

Melalui sistem pendidikan ini, mereka dapat mempertahankan nilai-nilai keislaman semasa kemasukan kuasa British dan kemasukan kaum imigran. Namun demikian sekolah-sekolah seumpama ini kurang memainkan peranan untuk menanam semangat kebangsaan pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1900 apabila Islam memasuki era reformasi, maka ketika itu baru sekolah-sekolah pondok dan madrasah telah membuka minda kaum Melayu terhadap masalah-masalah politik yang dihadapi oleh mereka di Tanah Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa

<sup>168</sup> Sabri Haji Said, *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1983, hlm.45.

selain mempelajari ilmu agama, sejarah juga turut diajar berdasarkan ilmu sejarah yang terdapat dalam kitab-kitab suci al-Quran yang dipelajari dan mendorong serta membuka minda masyarakat Melayu pada ketika itu.

Kesedaran terhadap pembelajaran Sejarah terus berkembang apabila pada tahun-tahun 1920-an memperlihatkan pertambahan bilangan orang Melayu yang berpelajaran, kesan daripada perkembangan sekolah-sekolah Melayu dan penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1922. Pelajar-pelajar maktab ini terdiri daripada anak-anak kaum tani dan keluarga Melayu yang rendah mobiliti sosialnya. Sesungguhnya penubuhan MPSI telah dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang berjiwa kebangsaan yang menitikberatkan masalah-masalah ekonomi dan sosial yang membelenggu masyarakat Melayu. Semangat ini diterapkan semasa pembelajaran mereka di MPSI apabila pemikiran mereka telah disuburkan dengan semangat kebangsaan oleh guru-guru melalui syarahan serta pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Peranan mereka diteruskan apabila ditempatkan di sekolah-sekolah Melayu. Guru-guru lepasan MPSI ini secara tidak langsung mengembangkan fahaman kebangsaan mereka kepada pelajar-pelajar di sekolah menerusi pengajaran mereka. Dalam masa yang singkat sahaja mereka dapat menyedarkan kaum Melayu bahawa mereka adalah bangsa Melayu bumiputera di Tanah Melayu yang perlu bangkit demi bangsa dan negara tercinta. Antara mereka yang mempunyai kesedaran melalui kuliah sejarah oleh Abdul Hadi Hassan ialah Ibrahim Yaacob, Ishak Haji Muhammad, Hassan Manan, Abdul Karim Rashid dan Isa Mahmud.<sup>169</sup>

Kesedaran tentang peri penting sejarah diungkap dalam pembelajaran abad ke-20 pada tahun 1907, seorang tokoh bernama Abdullah Abdul Rahman telah menghasilkan karya untuk menceritakan tentang sejarah negara Jepun yang berjudul 'Matahari Memancar' (The Rising Sun). Karya ini telah dialihbahaskan oleh beliau daripada karya Mustafa Kamal dari Turki yang asalnya daripada bahasa Arab. Menurut

<sup>169</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1981, hlm. 35.

Za'aba karya ini telah berjaya merangsang pembaca serta menimbulkan perasaan bangga dan harapan untuk membawa pembaharuan di Timur dan ini termasuk kepada pembaca Melayu di Tanah Melayu.<sup>170</sup> Masyarakat Melayu mula percaya bahawa dengan kemajuan teknologi yang dicapai melalui pendidikan, maka mereka juga boleh menghalau keluar British dari Tanah Melayu. Hakikat ini telah disedari oleh golongan terpelajar di Tanah Melayu. Antaranya ialah Syed Sheikh Al-Hadi yang mula menggalakkan orang Melayu memajukan diri mereka dalam aspek pendidikan, ekonomi dan sosial berpandukan ajaran Islam. Kemenangan Jepun mengalahkan kuasa besar seperti Rusia telah membawa kesedaran dan keyakinan bahawa orang Melayu juga boleh mempertahankan kepentingan mereka daripada terus ditindas oleh pihak British.<sup>171</sup> Justeru itu, kesedaran terhadap sejarah adalah sesuatu yang boleh mendorong berlakunya perubahan dan kemajuan. Oleh itu manusia, masyarakat, bangsa dan negara harus sentiasa berwaspada dan peka terhadap perkembangan sejarah.

## Kesimpulan

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan di Tanah Melayu terutamanya dalam sistem pendidikan sejarah adalah tidak selaras dan hanya menumpukan kepada kaum masing-masing. Kewujudan empat sistem persekolahan berbilang bangsa di Tanah Melayu disebabkan ketiadaan satu dasar pendidikan yang sejajar dengan matlamat-matlamat yang tetap. Pendidikan sejarah pada zaman British hanya sekadar untuk memenuhi kepentingan kolonialisme mereka semata-mata. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah kurang menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang bersatu di Tanah Melayu berikutan kurikulum Sejarah yang banyak berkiblatkan negara barat serta mewujudkan kurikulum tersendiri mengikut bangsa masing-masing. Walau bagaimanapun, secara dasarnya kesedaran sejarah telah lama

<sup>170</sup> R. Suntharalingam & Abdul Rahman Ismail, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1985, hlm. 148.

<sup>171</sup> Putri Adriana, ‘Perkembangan Kesedaran Kebangsaan di Tanah Melayu’, <http://vanillachocolate90.blogspot.my/2013/12/perkembangan-kesedaran-kebangsaan-di.html> (tarikh diakses 24 Disember 2013).

wujud dalam masyarakat Melayu. Kesedaran masyarakat Melayu terserlah melalui perang tinta terutamanya melalui penulisan-penulisan dalam teks sastera, keagamaan, karya klasik, majalah dan akhbar. Sementelahan pula peranan yang dimainkan oleh MPSI yang melahirkan pemimpin-pemimpin berjiwa kebangsaan.

Semangat kebangsaan yang disemai melalui buku-buku pada zaman sebelum merdeka jelas memperlihatkan kesedaran kebangsaan inteligensia Melayu. Hal ini berikutan penulisan-penulisan berkaitan sejarah negara telah membuatkan mereka bangkit dan sedar untuk mengenali diri sendiri. Malahan kesan daripada perkembangan penulisan juga, kesedaran orang Melayu terhadap haknya telah muncul terutama seruan agar orang Melayu bangkit bersatu dan membina jati diri. Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa nasionalisme masyarakat Melayu pada zaman penjajah merupakan suatu pelopor jati diri bangsa untuk berjuang mencapai kemerdekaan dalam usaha memperkuuhkan identiti mereka sebagai sebuah negara dan bangsa yang bebas merdeka.

## **BAB EMPAT**

### **KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH**

#### **Pengenalan**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen penting dalam memastikan para pelajar dapat mengikuti isi kandungan mata pelajaran yang disampaikan. Bagi mencapai isi pembelajaran yang berkesan, kaedah pengajaran perlu disesuaikan dengan kandungan pelajaran yang hendak disampaikan. Kaedah pengajaran ialah suatu peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur.<sup>1</sup> Dengan erti kata lain, kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Oleh yang demikian, apa sahaja cara yang guru lakukan untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran, maka itu adalah kaedah. Kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mesti terang dan jelas.

Kaedah pengajaran menurut Mok Soon Sang ialah satu aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam setiap langkah itu pula perlu disusuli dengan kemahiran dan latihan yang terancang.<sup>2</sup> An Nashmy pula mengemukakan pendapat bahawa kaedah mengajar bukan tujuan utama sesuatu pengajaran, tetapi merupakan wasilah, yakni satu jalan untuk mencapai objektif pengajaran. Ini bermakna tidak ada satu kaedah yang terbaik untuk semua mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan. Kaedah harus berubah mengikut keadaan masa, tempat dan pelajar.<sup>3</sup> Pengetahuan guru tentang kaedah dan strategi pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Menurut Abd. Rahim, walaupun seseorang

<sup>1</sup> Sharifah Alwiah Alsagoff, *Ilmu Pendidikan*, Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia Sdn.Bhd, 1986, hlm. 36.

<sup>2</sup> Mok Soon Sang, *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1992, hlm. 21.

<sup>3</sup> An Nashmy, Ajil Jasim, ‘Ma’alim fit-Terbiyah, Kuweit’, Maktabah Almanar, 1980 dalam Ashidi Azizan dan Abdul Razak Habib, *Pengajaran dalam Bilik Darjah, Kaedah & Strategi*. Kajang: Masa Enterprise, 1995, hlm. 31.

guru Sejarah itu mempunyai ilmu yang baik tentang sejarah, namun tugasnya sebagai pengajar dan pendidik memerlukan mereka cekap dan mahir dalam bidang pedagogi dan amalan dalam bilik darjah. Guru Sejarah harus menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang tepat agar dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada pelajar yang diajar. Hal ini kerana mata pelajaran Sejarah memainkan peranan dalam membantu pembentukan warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dan mempunyai semangat cintakan negara serta sebagai agen pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, aman dan bekerjasama.<sup>4</sup>

Bab ini akan mengupas secara terperinci kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka yang telah dilaksanakan dan dipraktikkan oleh guru-guru yang mengajar Sejarah dalam tempoh 1957 sehingga 1989. Dalam tempoh tersebut, kaedah yang digunakan lebih berbentuk tradisional yang mana guru sebagai penyampai dan pelajar sebagai penerima maklumat semata-mata. Malahan pada ketika itu juga, hubungan antara pelajar dengan guru hanya bersifat satu hala. Justeru, bagi mempelbagaikan kaedah ini, kebanyakan guru menggunakan pelbagai pendekatan untuk menarik minat pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kelemahan dalam setiap kaedah dan pendekatan yang digunakan ketika itu. Oleh hal demikian, bab ini akan terus mengupas berkaitan kesan terhadap pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

### **Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Kaedah pengajaran adalah aspek penting yang perlu difikirkan oleh guru semasa berada dalam bilik darjah selain isi pelajaran yang hendak disampaikan. Hal ini kerana kaedah yang berkesan akan dapat menghasilkan perubahan-perubahan kognitif pelajar seperti kemahiran berfikir, menaakul, bertutur dan menulis serta memupuk nilai-nilai

<sup>4</sup> Abdul Shukor Abdullah, ‘Peradaban dan Hala Tuju Kurikulum Sejarah’, Simposium Kebangsaan Ilmu Sejarah, Universiti Malaya: Jabatan Sejarah, 1998b, hlm.12.

murni sebagai asas dalam kehidupan. Selain itu, kaedah pengajaran yang berkesan juga dapat memberi perkembangan yang baik dari segi sosial, kerohanian, mental dan fizikal pelajar.

Pengajaran yang berkesan memerlukan matlamat dan perancangan yang khusus yakni perlu menimbangkan aspek berkaitan konsep, fakta, aras kemahiran berfikir dan tingkah laku serta sikap pelajar merentasi tiga domain pembelajaran iaitu kognitif, proses dan afektif. Aspek kognitif memberi tumpuan aras kemahiran berfikir yang rendah manakala domain proses meliputi aras kemahiran berfikir yang tinggi. Domain afektif pula membolehkan para pelajar menilai dan mengembangkan kepercayaan, tingkah laku dan nilai-nilai mereka yang tertumpu kepada pengembangan pelbagai potensi individu seperti perasaan, emosi, kemauan, tingkah laku, penghargaan dan kepekaan. Namun semua itu tidak berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka kerana guru mengambil pendekatan mudah iaitu guru mengajar dan pelajar belajar.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka dikatakan kebanyakan guru akan menyalurkan terus maklumat kepada pelajar di samping penggunaan buku teks sebagai alat bantu mengajar utama. Ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, rata-rata pelajar ketika ini sangat pasif dan menjadi pendengar yang setia tanpa sebarang tindak balas. Malahan pembelajaran pada ketika itu juga berbentuk satu hala iaitu hanya tertumpu kepada guru sebagai penyampai maklumat manakala pelajar hanya sebagai penerima maklumat semata-mata. Situasi ini bercanggah dengan hasrat dalam dasar pendidikan sejarah untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri dan mampu mengenal diri dan negara mereka. Justeru, bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini, maka suatu temu bual dilakukan ke atas 106 responden dari pelbagai latar belakang dan mereka yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tempoh kajian. Responden terdiri daripada kalangan guru

dan bukan guru. Hasil dapatan analisis mendapati kaedah-kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru pada ketika itu antaranya kaedah ceramah, kaedah penceritaan, kaedah kaji buku teks, kaedah penerangan atau syarahan dan kaedah perbincangan. Kaedah ini dikatakan kaedah tradisional kerana semua aspek pendekatan dalam kaedah ini adalah berpusatkan guru.

**Jadual 4.1 : Analisis Temu bual Jenis Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah dalam Kalangan Guru dan Bukan Guru**

Jenis	Guru	%	Bukan Guru	%	Jumlah	%
Kaedah Penceritaan	50	78.1%	14	21.8%	64	60.4%
Kaedah Ceramah	66	78.6%	18	21.4%	84	79.2%
Kaedah Kaji Buku Teks	81	76.4%	25	23.6%	106	100%
Kaedah Penerangan/Syarahan	46	82.1%	10	17.9%	56	52.8%
Kaedah Perbincangan	48	77.4%	14	22.6%	62	58.5%

Berdasarkan analisis temu bual 4.1 di atas, mendapati bahawa kaedah ceramah berada dikedudukan teratas digemari oleh guru-guru yang mengajar Sejarah dalam tempoh kajian iaitu sebanyak 84 atau 79.2 peratus (%). Seterusnya diikuti oleh kaedah penceritaan iaitu sebanyak 64 atau 60.4 peratus (%) di mana 50 atau 78.1 peratus (%) melibatkan responden adalah guru dan sebanyak 14 atau 21.8 peratus (%) melibatkan responden bukan guru. Jenis kaedah seterusnya yang digunakan dalam tempoh kajian ialah kaedah perbincangan iaitu sebanyak 62 atau 58.5 peratus (%), kaedah penerangan atau syarahan sebanyak 56 atau 52.8 peratus (%) dan kaedah yang menggabungkan ke empat-empat kaedah di atas adalah kaedah kaji buku teks iaitu sebanyak 106 atau 100 peratus (%).

Kaedah-kaedah yang digunakan ini merujuk kepada falsafah pendidikan sejarah dalam tempoh kajian. Hal ini demikian kerana dalam apa jua bentuk yang melibatkan pendidikan, maka aspek falsafah akan dirujuk kerana ia menjadi tunjang kepada sistem pendidikan yang dibentuk. Sekiranya dilihat dalam tahun-tahun kajian, jelas

menunjukkan keutamaan adalah untuk membentuk suatu masyarakat yang bersatu padu dan harmonis berdasarkan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara. Hal ini selaras dengan usaha untuk menyediakan suatu pendidikan kebangsaan daripada pendekatan pendidikan yang berkiblatkan barat kepada pemupukan nilai membentuk perpaduan dan yang berteraskan tempatan. Falsafah dalam pendidikan sejarah ini mengambil kira dua pendekatan utama iaitu pendekatan deskriptif dan pendekatan analitik iaitu memberi perhatian terhadap perkembangan pendidikan yang ditinjau dari keseluruhan aspek sosial, ekonomi, politik, pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, disiplin dan sebagainya.<sup>5</sup>

Sesungguhnya falsafah pendidikan di negara ini tidak pernah dinyatakan secara eksplisit dan formal termasuk dalam pendidikan sejarah. Walau bagaimanapun, kewujudan falsafah yang tersirat dapat dirasakan walaupun tidak mudah dianggap secara objektif kerana rupa bentuk kewujudannya tidak pernah disintesiskan bagi mendapatkan gambaran yang bersepadan untuk memahami aliran gagasan pemikiran yang menyusurgalurkan perkembangan sistem pendidikan.<sup>6</sup> Justeru itu, merujuk kepada kajian ini, maka falsafah dalam pendidikan sejarah adalah berdasarkan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam mata pelajaran termasuk perubahan terhadap isi kandungan buku teks. Kajian ini diperincikan dalam empat dekad utama iaitu tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an. Berikut merupakan dapatan falsafah pendidikan sejarah sepanjang empat dekad berdasarkan perkembangannya mengikut buku-buku teks yang digunakan pada ketika itu.

<sup>5</sup> Sufean Hussein, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 119.

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 140.

#### **Jadual 4.2 : Perbandingan Falsafah Pendidikan Sejarah 1950-an hingga 1980-an**

<b>1950-an</b>	<b>1960-an</b>	<b>1970-an</b>	<b>1980-an</b>
<p>Pendidikan sejarah hanya untuk memenuhi matlamat British dengan hanya memperkenalkan sejarah Eropah dan ketamadunan barat atau bersifat <i>western centric</i>. Pembelajaran Sejarah lebih kepada usaha mengagungkan kegemilangan British serta menerapkan pemahaman agar orang Melayu memahami budaya Melayu melalui perspektif barat. Menjelang merdeka dalam rangka dasar Laporan Razak adalah membentuk satu identiti bangsa dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama, dan isi kandungan buku teks haruslah mengandungi unsur-unsur tempatan. Penekanan adalah dari aspek untuk mewujudkan perpaduan kaum melalui pemakaian satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.</p>	<p>Melalui Akta pelajaran 1961, keutamaan pendidikan sejarah adalah menubuhkan satu sistem pelajaran yang dapat memenuhi keperluan dan menggalakkan perkembangan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan melalui penggunaan satu peraturan pelajaran, berikutnya berlaku kesukaran untuk mengintegrasikan masyarakat yang pelbagai keturunan dan latar belakang. Pembelajaran Sejarah mula dikembangkan dari aspek budaya rakyat Tanah Melayu serta mengutamakan bahasa kebangsaan bagi membentuk perpaduan. Tujuannya untuk melahirkan rakyat Malaysia yang memahami sejarah tanah air dan rantau ini.</p>	<p>Proses penyusunan semula kurikulum dilakukan dalam usaha menitikberatkan sejarah rakyat Malaysia dan perjuangan bangsa. Selain itu mengetengahkan kegiatan kurikulum untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan di antara murid pelbagai keturunan. Tujuannya untuk mencapai perkembangan murid yang menyeluruh meliputi aspek kognitif, jasmani dan sosial. Malahan penekanan pada aspek perpaduan yang lebih erat terus diperkuuh dengan bersandarkan prinsip Rukun Negara agar dapat melahirkan bangsa yang bermoral dan progresif.</p>	<p>Memupuk dan memperkuuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara. Tumpuan diberikan kepada proses pembentukan insan selaras dengan pembangunan kemanusiaan. Penerapan nilai-nilai murni melalui penggubalan KBSP dan KBSM secara komprehensif dalam merentas kurikulum disisipkan melalui kegiatan kokurikulum. Selain itu, menggunakan strategi bersepada di peringkat menengah dan unsur kesepadan ini ditekankan melalui penerapan nilai-nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar. Tujuannya untuk mengukuhkan perpaduan kaum tanpa ada prejudis terhadap kaum lain.</p>

Sumber: Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Kementerian Pelajaran Malaysia.<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada falsafah pendidikan sejarah 4.2 di atas, jelas menunjukkan matlamat pendidikan sejarah pada ketika itu adalah berpandukan kepada keadaan dan kehidupan semasa masyarakat dalam usaha membentuk satu negara baru melalui sistem pendidikan beracuan sendiri. Falsafah sejarah ini dirujuk berdasarkan aspek sosial, ekonomi, masyarakat dan kandungan buku-buku teks Sejarah yang digunakan pada ketika itu. Justeru, falsafah ini penting dalam mempengaruhi dan menentukan kaedah serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam tempoh kajian.

<sup>7</sup> Penyata Razak, Perenggan 12 dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Pengarusi: Y.A.B Dato'Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979, hlm. 6-45.

## Kaedah Tradisional Pembelajaran Sejarah

Dalam dunia pendidikan, guru merupakan tunjang utama dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini jelas berdasarkan pernyataan Association of Assistant Masters iaitu:

*The teacher must tailor the course to suit the students actually got. It is the candidate for whom the course is intended, not the teacher: although for many teachers this work produces some of the most satisfying moments in the week, this is not the main point. Still, the satisfaction is there, if the students are of the right caliber, and the work stimulates them.<sup>8</sup>*

Pembelajaran Sejarah selepas merdeka banyak menggunakan model pembelajaran konvensional.<sup>9</sup> Menurut Djamarah, kaedah pembelajaran konvensional adalah kaedah pembelajaran tradisional, antaranya disebut juga dengan kaedah ceramah, penceritaan dan syarahan kerana sejak dahulu kaedah ini telah digunakan sebagai alat komunikasi lisan antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>10</sup> Ketiga-tiga kaedah konvensional ini kelihatan seakan sama, namun berbeza dari segi kaedah dan cara penyampaian guru. Selain daripada tiga kaedah tersebut, kaedah lain yang turut digunakan ialah kaedah perbincangan dan kaedah mengkaji buku teks. Walau bagaimanapun, menurut Roestiyah, antara cara pengajaran yang paling tradisional dan telah lama dijalankan dalam sejarah pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah ialah kaedah mengajar berbentuk ceramah. Melalui kaedah ini, guru akan menyalurkan terus pengetahuannya kepada pelajar secara lisan dalam pelbagai aspek ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung, dengan penggunaan kaedah ini, pelajar bukan hanya mendapat maklumat berkaitan mata pelajaran Sejarah, namun lain-lain mata pelajaran turut dikaitkan oleh guru ketika menyampaikan pengajaran mereka.

Berdasarkan hasil temu bual 106 responden daripada pelbagai latar belakang dan mereka ini telah mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1960-an,

<sup>8</sup> ‘Incorporated Association of Assistant Masters in Secondary Schools’, *The Teaching of History in Secondary Schools* (Fourth Edition), Cambridge University Press, 1975, hlm. 32.

<sup>9</sup> N.K. Roestiyah, *Strategi Belajar Mengajar*, Jakarta: Rineka Cipta, 1998, hlm. 7.

<sup>10</sup> Djamarah, ‘Pembelajaran Konvensional’, <http://wordpress.com/pengertian-pembelajaran-konvensional.html.1996> (tarikh diakses 2 Januari 2013).

1970-an dan 1980-an<sup>11</sup> telah menyatakan bahawa kaedah ceramah antara yang banyak digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah iaitu sebanyak 84 atau 79.2 peratus (%). Daripada jumlah 79.2 peratus (%), mendapati bahawa responden guru menyatakan sebanyak 66 atau 78.6 peratus (%) dan responden bukan guru sebanyak 18 atau 21.4 peratus (%). Ketika proses pembelajaran ini berlangsung, pelajar ketika itu memberi tumpuan untuk mencatat isi pelajaran yang disampaikan. Menurut Puan Siti Normawati antara salah seorang responden yang ditemui bual mengatakan beliau hanya sempat mempelajari mata pelajaran Sejarah setakat tingkatan tiga sahaja iaitu pada tahun 1979. Walau bagaimanapun, ketika di tingkatan tiga, beliau sering mencatat nota ketika guru mengajar kerana itu yang diarahkan kepada mereka iaitu mendengar dan mencatat isi-isi penting semasa guru menyampaikan pelajaran. Ini berikutan selepas sesi pembelajaran, mereka akan diberikan soalan oleh guru untuk dijawab oleh pelajar. Justeru, dapat dikatakan bahawa dalam pembelajaran Sejarah, kaedah konvensional berbentuk ceramah akan diikuti dengan penjelasan serta pembahagian tugas dan latihan. Dalam kaedah ini, peranan utama guru adalah menerangkan dan pelajar mendengar atau mencatat apa yang disampaikan guru.

Menurut Subiyanto, kelas dengan pembelajaran berbentuk ceramah mempunyai ciri-ciri pembelajaran klasik yang mana pelajarnya tidak mengetahui apa tujuan mereka belajar dan hanya menerima isi pengajaran yang disampaikan guru tanpa banyak menyayal. Perkara ini akan menimbulkan rasa bosan dalam diri pelajar. Dalam masa yang sama ilmu yang diterima tidak akan kekal lama.<sup>12</sup> Malah, telah menjadi kelaziman dalam kalangan guru, mata pelajaran Sejarah diajarkan dengan satu kaedah sama ada ‘ceramah’ atau ‘ceramah bervariasi’. Sesungguhnya pada ketika itu, tumpuan pembelajaran lebih berfokuskan kepada hasil iaitu pelajar sebagai objek dan produk

<sup>11</sup> Temu bual dijalankan ke atas 106 responden dari pelbagai latar belakang. Responden yang ditemui berfokus kepada mereka yang mengalami pengalaman mempelajari mata pelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Antaranya Siti Normawati merupakan seorang guru Kimia, merangkap Guru Kanan Sains di salah sebuah sekolah di daerah Manjung Perak yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun akhir 70-an. Beliau tidak mengikuti pembelajaran Sejarah sewaktu di tingkatan empat kerana mengikuti pelajaran di aliran sains yang tidak memperuntukkan mata pelajaran Sejarah kepada mereka walaupun beliau meminati mata pelajaran Sejarah.

<sup>12</sup> Ali Mohamad, *Penelitian Kependidikan Prosedur dan Strategi Prosedur Belajar Mengajar*, Bandung CV: Remaja Rosda, 1987, hlm. 14.

semata-mata. Proses pembelajaran dilupakan, namun hakikat sebenarnya proses ini yang menentukan hasil atau produk yang akan dikeluarkan.<sup>13</sup> Aspek ini bertepatan dengan falsafah pendidikan sejarah dalam dekad 1960-an yakni dengan satu sistem pelajaran yang mapan dapat memenuhi keperluan dan menggalakkan perkembangan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan. Malahan aspek ini selari dengan keadaan di mana pada ketika itu negara mengalami banyak fasa perubahan setelah negara mencapai kemerdekaan 1957. Walau bagaimanapun, menurut Jasbir pengajaran Sejarah dalam kalangan guru-guru Sejarah adalah kurang afektif disebabkan guru-guru lebih terikat menggunakan kaedah tradisional sehingga membawa kepada situasi pelajar kurang meminati mata pelajaran ini. Kaedah yang tertumpu kepada saluran maklumat guru ini dikatakan antara kaedah yang menjadi tumpuan guru-guru kerana kurang mencabar, dan malangnya keadaan ini tidak menarik minat pelajar, bahkan mematikan semangat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan lebih bermakna.<sup>14</sup>

Demikian juga terdapat penyampaian guru yang meleret-leret dan tersasar daripada isi kandungan pelajaran pada hari tersebut sehingga membatasi peluang pelajar untuk berinteraksi dengan guru dan bertanyakan soalan yang tidak mereka fahami. Guru tidak merangsang suasana pembelajaran yang menarik dan pelajar hanya bertindak sebagai pendengar yang setia. Kesan daripada corak pembelajaran ini, maka pelajar gagal membina potensi diri sama ada dari segi menguatkan pengetahuan mahupun dari segi meningkatkan minat, pemikiran dan intelektual, kreativiti membina sikap, penghayatan atau apresiasi sejarah dalam kehidupan mereka. Malahan pelajar juga gagal dalam menyerapkan semangat jati diri dan sayangkan negara khususnya dalam pembelajaran Sejarah yang seharusnya menjadi medium utama menyerapkan semangat ini kepada generasi baru agar peristiwa lama tidak berulang.

<sup>13</sup> Dyah Kumalasari, ‘Sejarah dan Problematika Pendidikan’, *Historia*, Edisi Pertama, 2005, hlm. 7-22.

<sup>14</sup> S.S. Jasbir ‘Teknik-Teknik Pengajaran Sejarah’, dalam S.B. Chew, et al., *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 87-89.

Selain kaedah ceramah, antara kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional lain adalah kaedah penceritaan. Kaedah ini merupakan jalinan dan susunan mengenai kejadian dan hal-hal yang berlaku sama ada benar ataupun khayalan yang berjaya menarik perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kaedah penceritaan ini sangat sesuai diaplikasikan di bilik darjah kerana tidak membosankan dan memberi keterujaan dalam sesi pembelajaran agar wujud semangat ingin tahu dalam kalangan pelajar berkaitan cerita yang disampaikan. Umum sedia maklum bahawa sejarah merupakan suatu kejadian yang telah berlaku dan peristiwa yang dilalui sama ada benar atau direka-reka. Maka dengan teknik penceritaan, kejayaan mewujudkan unsur ingin tahu dalam kalangan pelajar berjaya ditonjolkan dan secara tidak langsung menunjukkan aspek yang hendak disampaikan itu mencapai sasaran.

Kaedah penceritaan ini juga berjaya memberi keyakinan kepada pelajar dan merangsang penglibatan aktif pelajar. Malahan melalui penceritaan selain daripada menarik perhatian, kaedah ini juga menjadi tumpuan pelajar terutamanya berkaitan dengan tokoh-tokoh terkenal atau tokoh perang. Hal ini kerana kaedah penceritaan merupakan suatu jalinan dan susunan peristiwa yang disusun guru untuk menyuburkan daya imaginasi dan kecerdasan fikiran pelajar. Aspek ini bertepatan dengan falsafah pendidikan sejarah dalam dekad 1970-an, iaitu untuk mencapai perkembangan murid secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, jasmani dan sosial. Namun, pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk kaedah ini hanya bersifat sehala sahaja iaitu guru bercerita dan pelajar hanya mendengar.

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan, kaedah penceritaan merupakan kaedah kedua yang paling digemari guru untuk dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu daripada 106 responden yang ditemu bual, seramai 64 orang atau 60.4 peratus (%) mengatakan guru pada ketika itu menggunakan kaedah

penceritaan semasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah.<sup>15</sup> Daripada 64 responden tersebut 50 atau 78.1 peratus (%) melibatkan responden dalam kalangan guru dan sebanyak 14 atau 21.8 peratus (%) melibatkan responden bukan guru. Proses pengajaran dan pembelajaran ketika itu adalah berbentuk sehala dan tidak melibatkan pelajar secara aktif. Penggunaan kaedah penceritaan yang sering dikaitkan dengan kaedah pengajaran guru-guru Sejarah turut diakui dalam kajian Santhi berkenaan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah tingkatan empat yang menunjukkan ramai guru menggunakan kaedah ini iaitu sebanyak 53.3 peratus (%).<sup>16</sup>

Aspek ini turut diakui oleh Rohana Zubir yang mendapati pengajaran guru Sejarah dalam tahun-tahun 1980-an tidak melibatkan pelajar secara aktif. Pengajaran guru lebih bersifat tradisional dan dikuasai oleh guru sepenuhnya. Pandangan ini turut disokong oleh Aini Hassan yang mendapati suasana pembelajaran di bilik darjah lebih bercorak sehala. Hal ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Wan Mohd Zahid yang mendapati hanya 6.6 minit daripada 40 minit yang diperuntukkan digunakan untuk pelajar memberi pendapat dan menjawab soalan semasa pengajaran dan pembelajaran Sejarah berlangsung. Sehingga awal tahun 1980-an, pengajaran dan pembelajaran Sejarah terlalu berpusatkan guru. Guru-guru Sejarah juga dilaporkan tidak memperlihatkan usaha ke arah penggunaan kaedah baru dalam pengajaran mereka.

Seterusnya adalah kaedah syarahan antara kaedah pengajaran yang bersifat tradisional dan pengajaran guru lebih bersifat autokrasi. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah ini berpusat kepada guru dan pelajar bertindak sebagai pendengar sahaja. Syarahan sering kali dikaitkan dengan proses penerangan. Menurut Thyne, syarahan merupakan suatu proses yang dapat memberi penerangan kepada orang lain. Kaedah ini kerap kali dinamakan kaedah syarahan penerangan, manakala

<sup>15</sup> Temu bual menjurus kepada persoalan kaedah pengajaran guru Sejarah selepas merdeka disusuli aspek-aspek lain yang bertalian dengan tajuk kajian. Temu bual tidak mengehadkan kaum-kaum tertentu, tetapi melibatkan semua kaum iaitu Melayu, Cina dan India dari pelbagai negeri secara rawak. Kebanyakan daripada mereka memberikan pandangan dan pendapat berdasarkan pengalaman mereka masing-masing dalam tahun-tahun 1960-an hingga 1980-an.

<sup>16</sup> Santhi A/p Valaidam@Vetrivel, 'Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Tingkatan Empat', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 39.

menurut George Brown pula mengatakan penerangan merupakan nadi dalam proses pembelajaran untuk menarik perhatian dan memberi kefahaman kepada pelajar.<sup>17</sup> Tanpa penerangan dan kefahaman yang jelas, pembelajaran yang disampaikan tidak akan mencapai objektif yang diharapkan.

Kaedah penerangan dikaitkan dengan amalan biasa bagi menerangkan idea-idea, faktor-faktor dan peristiwa penting yang disertai dengan alat bantu mengajar yang lain seperti papan hitam dan penggunaan kapur pada ketika itu dengan matlamat untuk menjelaskan keadaan sesuatu masalah. Misalnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, penggunaan kapur dan papan hitam digunakan untuk menjelaskan dan memberi alasan yang digunakan oleh Raffles untuk menduduki Singapura 1819. Aspek ini bertepatan dengan falsafah pendidikan sejarah dalam dekad 1950-an yang mana pendidikan sejarah banyak berkisar tentang kedatangan barat serta keagungan negara tersebut. Sementelah pula apabila pembelajaran Sejarah lebih kepada menerapkan unsur pemahaman agar bangsa Melayu memahami budaya Melayu melalui perspektif barat. Kaedah ini mencakupi dua jenis kategori iaitu jenis interpretatif yakni untuk memberi fokus dan penekanan dari segi maksud, pernyataan atau isu-isu berkaitan dengan aspek atau peristiwa yang dibincangkan dan jenis deskriptif iaitu untuk menjelaskan proses-proses struktur atau prosedur-prosedur. Misalnya untuk membincangkan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada Perang Dunia Pertama serta sebab musabab yang membawa ke arah perang tersebut.<sup>18</sup>

Melalui kaedah ini, guru akan terus mengajar walaupun di dalam kelas tersebut terdapat pelajar yang masih belum bersedia, pelajar tidak fokus dan terdapat gangguan daripada pelajar-pelajar lain yang tidak ingin mengikuti pelajaran.<sup>19</sup> Keadaan ini didorong dengan satu tanggungjawab guru yang lain iaitu untuk menghabiskan Sukatan

<sup>17</sup> ‘Kaedah Pengajaran Sejarah’, <http://www.smktdi.edu.my/smkttdi/images/stories/downloads/sejarah/kaedahpengajaransej.pdf>, <http://pdfonline.blogspot.my/>. (tarikh diakses 12 Januari 2015).

<sup>18</sup> S.S. Jasbir. et al., *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 1981, hlm. 19.

<sup>19</sup> Alis b. Puteh, ‘Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-Sekolah Luar Bandar: Satu Kajian di Kubang Pasu Kedah’, Kertas Kerja Seminar Universiti Utara Malaysia, 2008, hlm. 4.

Pelajaran Sejarah dalam tempoh masa yang ditetapkan, selain daripada mengendali isu-isu kecil seperti pelajar lemah dan bermasalah serta keadaan dan saiz kelas yang kurang memuaskan kerana dipenuhi oleh pelajar yang ramai.<sup>20</sup> Penglibatan pelajar adalah sederhana kerana apabila kaedah ini dilaksanakan, terdapat pelajar yang tidak memberi tumpuan dan perhatian, malah terdapat sesetengah pelajar yang membuat kerja mata pelajaran lain semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah berlangsung. Malahan guru-guru yang menggunakan kaedah ini banyak mendapat tanggapan negatif daripada pelajar. Sementelahan pula kaedah pengajaran Sejarah berbentuk syarahan menyebabkan guru bertindak menyampaikan syarahannya secara autokrasi.

Berdasarkan hasil analisis temu bual berkaitan kaedah pengajaran guru Sejarah, didapati guru yang menggunakan kaedah ini sebanyak 56 orang atau 52.8 peratus (%) sahaja dan paling sedikit penggunaannya berbanding kaedah-kaedah lain. Misalnya melalui kenyataan oleh beberapa responden guru antaranya Puan Rusina Abdullah, Pengetua di SMK Seri Manjung telah mengatakan guru beliau ketika itu menggunakan kaedah ini dan beliau sangat tidak meminati mata pelajaran Sejarah berikutan perlu mempelajari dan mengingati banyak peristiwa sejarah. Demikian juga kenyataan yang dikemukakan oleh Puan Ding Bee Fong juga seorang guru iaitu guru bahasa Inggeris serta Puan Rosni Jassin iaitu seorang guru Biologi dan beberapa responden lain yang turut mengatakan pendapat sedemikian<sup>21</sup> iaitu sebanyak 46 atau 82.1 peratus (%). Berdasarkan analisis yang dilakukan, mendapati mereka yang tidak meminati mata pelajaran ini adalah responden yang mengikuti aliran sains pada ketika itu. Sebanyak 21 responden atau 19.8 peratus (%) berhasrat ke aliran sains kerana tidak mahu mengambil mata pelajaran Sejarah. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengikuti aliran sains meminati mata pelajaran

<sup>20</sup> Utusan Malaysia, 12 Jun 1986, hlm.14.

<sup>21</sup> Rusina Abdullah, Ding Bee Fong dan Rosni Jassin merupakan guru-guru SMK Seri Manjung dan merupakan antara mereka yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tahun 1980-an dan kemudiannya mengikuti aliran sains di tingkatan empat.

tersebut iaitu sebanyak 30 responden atau 28.3 peratus (%), akan tetapi mereka tidak berpeluang berbuat demikian berikutan mata pelajaran tersebut tidak ditawarkan kepada mereka semasa di tingkatan empat. Secara umumnya, berdasarkan analisis yang dibuat, didapati sebanyak 46 atau 43.4 peratus (%) tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah termasuk mereka yang mengikuti aliran sastera dan sains sosial. Justeru, kaedah penerangan ini tidak sering digunakan guru kecuali guru kesuntukan masa untuk menghabiskan sukan pelajaran terutamanya menjelang peperiksaan.<sup>22</sup>

Demikian juga dengan kaedah perbincangan yang turut digunakan oleh guru-guru Sejarah selepas merdeka. Kaedah perbincangan merupakan suatu kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan perbualan atau pertukaran pendapat antara pelajar dengan guru di bilik darjah. Ciri-ciri bilik darjah turut dikaitkan sebagai tempat penerapan maklumat dan pembelajaran lebih tertumpu kepada penguasaan fakta. Pertukaran pendapat dan pemerolehan idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar menerima sepenuhnya peranan guru dalam proses pembelajaran mereka. Mok Soon Sang mengatakan bahawa, ketika proses perbincangan dalam pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pelajar bebas mengeluarkan dan mengulas pendapat mengenai sesuatu tajuk dalam pembelajaran. Aspek ini bertepatan dengan falsafah pendidikan sejarah dalam dekad 1980-an iaitu penerapan nilai-nilai murni melalui penggubalan KBSR dan KBSM secara komprehensif dalam merentas kurikulum serta strategi bersepadau di peringkat menengah di mana unsur kesepaduan ini ditekankan dalam mata pelajaran yang diajar. Keadaan ini bertujuan untuk melatih pelajar melahirkan buah fikiran yang bernas dalam jangka waktu yang ditetapkan dan melibatkan semua pelajar di dalam kelas serta terbuka. Kaedah perbincangan ini dipandu oleh guru sama ada individu atau kumpulan kecil.

<sup>22</sup> Hasil temu bual dengan responden, didapati sebanyak 21 responden dari aliran sains tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah dan cara untuk mengelak dari mengambil mata pelajaran tersebut, mereka cuba sedaya upaya untuk cemerlang ketika di tingkatan tiga agar mereka dapat mengikuti aliran Sains di tingkatan empat. Analisis keseluruhan mendapati daripada 106 responden, mereka yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Sejarah ialah sebanyak 46 orang termasuk responden dari aliran sastera dan sains sosial.

Berdasarkan hasil analisis temu bual mendapati bahawa mereka yang diberikan latihan dan nota semasa pembelajaran Sejarah sebanyak 98 iaitu 92.5 peratus (%). Daripada 98 responden tersebut, 74 atau 75.5 peratus (%) adalah dalam kalangan guru dan 24 atau 24.5 peratus (%) adalah responden dalam kalangan bukan guru. Manakala kerja kumpulan pula sebanyak 16 iaitu 15.1 peratus (%). Daripada 16 maklumat yang diperoleh, 10 atau 62.5 peratus (%) datangnya daripada guru dan enam atau 37.5 peratus (%) adalah responden bukan guru seperti pegawai bank, pesara tentera dan sebagainya. Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil analisis responden mendapati kerja kumpulan yang diberikan oleh guru sekadar kerja yang perlu disiapkan, namun tiada aktiviti susulan untuk melihat sejauh mana kemampuan pelajar berhujah dan membentangkan hasil kerja yang mereka buat. Walaupun mereka bebas untuk mengeluarkan pendapat sekalipun, namun hakikat penglibatan pelajar dalam aktiviti seperti perbincangan dan soal jawab begitu bersifat pasif.

Hal ini jelas dapat dilihat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Untuk bertindak dan mengeluarkan pendapat, pelajar sentiasa perlu dirangsang dan diarahkan oleh guru terlebih dahulu. Berdasarkan pendapat hasil daripada temu bual mengatakan pelajar tidak berani untuk mengeluarkan pendapat tanpa disuruh dan diarahkan guru kerana bimbang tidak menepati jawapan yang sepatutnya. Malahan apa yang paling mereka bimbang sekiranya pendapat yang diberikan oleh mereka akan mengecilkan hati dan menguris hati guru memandangkan mereka pada ketika itu sangat menghormati dan mentaati guru mereka. Berdasarkan hasil analisis temu bual, sebanyak 62 atau 58.5 peratus (%) mengatakan guru menggunakan kaedah ini. Daripada 62 responden tersebut, 48 atau 77.4 peratus (%) adalah dalam kalangan guru dan 14 atau 22.6 peratus (%) adalah responden dalam kalangan bukan guru. Kebanyakan pelajar ketika itu mengambil pendekatan berdiam diri dan menerima sahaja ilmu yang disampaikan guru selepas sesi perbincangan tanpa bimbang dan ragu kerana bagi mereka, ilmu yang disampaikan oleh guru itu tepat dan betul sepenuhnya.

Malahan sekiranya perbincangan pada hari tersebut amat memerlukan idea dan pendapat mereka, maka jawapan, pandangan dan idea yang dikemukakan oleh kebanyakan pelajar adalah sama.

Hal ini memperlihatkan keadaan pelajar yang kurang bersedia dan kurang yakin berikutan terdapatnya keseragaman idea dan pendapat masing-masing. Pelajar-pelajar tidak dapat menunjukkan ciri-ciri penguasaan pengetahuan yang luas dan mendalam serta terlalu sedikit perbandingan fakta dan isi kesan penggunaan rujukan yang terhad. Interaksi antara pelajar dengan guru dan sesama pelajar juga terhad. Pelajar lebih bersedia untuk mendengar penjelasan guru dan menyalin nota. Keadaan ini lebih selesa bagi mereka berbanding mereka perlu mengeluarkan pendapat sendiri berikutan tiada keyakinan diri. Situasi ini bukan sahaja berlaku di dalam kelas pelajar yang berada di aras rendah, sebaliknya pelajar yang berada di aras tinggi juga sedemikian. Keadaan ini turut didorong rasa malu yang tebal dalam diri pelajar ketika itu.

Berikutnya penggunaan kaedah tradisional oleh guru-guru Sejarah selepas merdeka kebanyakannya banyak merujuk kepada mengkaji buku teks. Tidak dinafikan bahawa buku teks merupakan suatu bahan sokongan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan sukar dipertikaikan. Walau bagaimanapun, isi kandungan buku teks tidak boleh dianggap lengkap kerana buku teks tidak mengandungi semua maklumat di dalamnya dan sebahagian sahaja maklumat penting boleh dimasukkan. Jelasnya buku teks hanya mengandungi sebahagian daripada maklumat penting berkaitan sesuatu peristiwa, namun keadaan sebaliknya berlaku apabila guru dan pelajar terkongkong dengan sifat buku teks. Apabila membaca sesebuah buku teks, kebanyakan guru dan pelajar meletakkan sepenuh kepercayaan kepada teks tersebut. Segala yang tercatat dalam buku teks dianggap tepat, jelas dan tidak dapat dinafikan lagi. Segala-galanya dianggap muktamad dan tidak perlu diperbincangkan untuk ke

sekian kalinya. Hal ini yang dijelaskan oleh R.G. Collingwood sebagai ‘*the illusion of finality*’ iaitu gambaran kesempurnaan dalam isi kandungan buku teks.<sup>23</sup>

Justeru, keutamaan dalam pembelajaran Sejarah adalah berpandukan buku teks. Pelajar diajar teknik kemahiran penggunaan, kemahiran membuat rujukan seperti mencari maklumat, menggunakan indeks, kemahiran memahami seperti memahami petikan atau perenggan tertentu, memahami makna perkataan dan frasa serta memahami perkaitan idea. Misalnya sejarah *Renaissance* dan *Reformation*, Imperialisme dan Nasionalisme diajar dengan memahami carta, peta, rajah dan sebagainya.

Pembelajaran menggunakan kaedah buku teks, pelajar turut diajar dan dibimbing supaya membaca dengan kritis, menimbulkan persoalan kepada setiap perenggan dan pernyataan, melatih pelajar membaca dengan lebih bijak, mengasingkan fakta penting dengan yang tidak penting, mempunyai pandangan dan fikiran yang tajam serta memiliki kemahiran imaginatif serta menaakul dengan baik. Kaedah ini memerlukan pelajar mahir membuat nota dengan bimbingan guru untuk mencari maklumat yang tepat dari buku teks, latihan menggunakan buku teks serta memahami soalan berdasarkan petikan atau muka surat tertentu dalam buku teks. Selain itu, kaedah ini turut memerlukan pelajar mahir dalam mengambil dan menyusun data yang berkaitan dengan sesuatu persoalan dan masalah.<sup>24</sup> Maka tidak mustahil apabila guru banyak menggunakan buku teks semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas 106 responden yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tempoh kajian mendapati bahawa kebanyakan guru Sejarah bergantung sepenuhnya kepada isi pelajaran daripada buku teks. Pada ketika itu guru menggunakan pelbagai kaedah sama ada kaedah syarahan dan penerangan,

<sup>23</sup> Muzaffar Tate, ‘Penulisan Buku-Buku Teks Sejarah Malaysia’, dalam Seminar Sejarah Malaysia II, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hlm. 2.

<sup>24</sup> Ramlan Narie, ‘Buku Teks Pelajaran dan Peranannya’, <https://ramlannarie.wordpress.com/2011/10/22/buku-teks-pelajaran-dan-peranannya/> (tarikh diakses 22 Oktober 2011).

perbincangan serta penceritaan dengan menggunakan buku teks. Guru-guru menyuruh pelajar membaca buku teks secara bergilir-gilir dan sangat sedikit guru berusaha untuk menyampaikan pengajaran dalam bentuk penerokaan dan penemuan.

Hasil daripada analisis temu bual, 98 daripada 106 iaitu 92.5 peratus (%) responden menyatakan bahawa guru sepenuhnya menggunakan buku teks Sejarah ketika itu dan sebanyak lapan orang iaitu 7.5 peratus (%) sahaja mengatakan guru mengajar secara lisan tanpa menggunakan buku teks. Dapatkan ini diperoleh melalui hasil temu bual responden dalam kalangan guru iaitu sebanyak 81 atau 76.4 peratus (%) dan bukan guru sebanyak 25 atau 23.6 peratus (%). Ini menunjukkan bahawa penggunaan buku teks begitu ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Tumpuan adalah sepenuhnya terhadap isi kandungan yang terdapat dalam buku teks tanpa merujuk kepada sumber-sumber lain bagi meningkatkan dan mengembangkan ilmu yang disampaikan. Kebergantungan kepada buku teks ini menyebabkan kurangnya keterbukaan minda dan fikiran pelajar dalam meneroka ilmu sejarah dengan lebih meluas lagi. Menurut salah seorang responden yang ditemu bual iaitu Puan Jasimah bt Abdul Jalil, mengatakan guru Sejarah beliau menggunakan sepenuhnya buku teks ketika mengajar. Meskipun demikian, beliau sangat berminat terhadap pembelajaran Sejarah walaupun sedikit membosankan kerana perlu banyak mengingat apa yang dibaca. Malah beliau turut mengatakan sering tertukar fakta dan tahun ketika membaca dan menghafal topik penting dalam mata pelajaran ini kerana sangat banyak dan panjang.<sup>25</sup>

Berdasarkan kajian oleh Karpanan, kaedah membaca buku teks seperti kaedah pembacaan teks ekspositori (teks eksplisit) tidak dapat meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah terutamanya bagi pelajar berprestasi tinggi. Hal ini

<sup>25</sup> Jasimah Abdul Jalil merupakan guru kanan di salah sebuah sekolah menengah di Lumut Perak (SMK Pangkalan TLDM) yang dilahirkan pada 1961 dan mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 70-an. Beliau begitu teruja apabila bercerita tentang guru Sejarahnya dan sangat berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Maka tidak mustahil kini beliau merupakan guru Kanan Kemanusiaan (termasuk bidang sejarah) setelah 30 tahun bergelar guru.

kerana soalan aras tinggi memerlukan kemahiran menganalisis, sintesis dan penilaian.<sup>26</sup>

Aspek ini disokong oleh J. Philips yang menyatakan bahawa kaedah bacaan teks untuk menjawab soalan aras kognitif juga turut tidak meningkatkan pencapaian pelajar berpencapaian rendah.<sup>27</sup> Hasil kajian menunjukkan pelajar berpencapaian rendah lebih mudah untuk menyimpan dan memahami isi pelajaran secara fakta, mengingat dan menghafal, tetapi pelajar ini lemah dalam aspek menganalisis yang memerlukan kemahiran kognitif tinggi. Justeru, hal ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian Karpanan yang menunjukkan golongan pelajar berpencapaian rendah dapat meningkatkan pencapaian selepas menggunakan kaedah membaca. Melalui panduan bacaan, tumpuan dan minat, maka pencapaian mereka dapat ditingkatkan. Kebiasaan golongan pelajar ini diganggu oleh perasaan putus asa kerana dikelaskan sebagai golongan lemah. Kaedah ini dipandu oleh guru untuk memudahkan pelajar memperoleh isi pelajaran. Panduan seperti ini dapat meningkatkan minat dan semangat pelajar berpencapaian rendah terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah yang dikatakan membosankan, tetapi sebaliknya bagi pelajar beraras tinggi.<sup>28</sup>

Namun, dalam pada itu berdasarkan temu bual juga terdapat guru yang tidak menggunakan buku teks semasa mengajar iaitu sebanyak lapan orang atau 7.5 peratus (%) sahaja. Mereka mengatakan guru ini mengajar secara lisan namun skopnya tidak tersasar daripada maklumat yang terdapat dalam buku teks. Guru berjaya menarik minat pelajar dengan ilmu yang dikuasai meskipun tidak bergantung sepenuhnya kepada buku teks. Walau bagaimanapun, berdasarkan salah seorang responden kajian iaitu Puan Fazilah Alias mengatakan berdasarkan pengalaman beliau, guru yang tidak menggunakan buku teks ini menimbulkan persoalan kepada pelajar semasa guru tersebut memberi latihan kerana muka surat yang dimaklumkan berkaitan latihan yang perlu dilaksanakan itu berbeza dan berlainan daripada apa yang dimaklumkan oleh

<sup>26</sup> M. Karpanan., ‘Penggunaan Panduan Bacaan dalam Sejarah Tingkatan Empat di Kalangan Pelajar Berpencapaian Rendah,’ Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 45.

<sup>27</sup> J. Philips, ‘Metacognitive Training for Helping Poor Readers in the Content Areas’, *Journal Pembacaan*, 1, 1983, hlm. 11-17.

<sup>28</sup> M. Karpanan., ‘Penggunaan Panduan Bacaan dalam Sejarah Tingkatan Empat di Kalangan Pelajar Berpencapaian Rendah,’ Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 47.

guru. Keadaan ini menimbulkan tanda tanya dalam diri pelajar sama ada guru tersilap atau sengaja mencabar mereka untuk berfikir dengan lebih meluas aspek yang diperlukan.<sup>29</sup>

Hakikatnya buku teks merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang amat penting digunakan sewaktu berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kebergantungan guru kepada buku teks diakui oleh Wood yang mendapati 95 peratus (%) guru dan pelajar membaca dan menggunakan buku teks semasa sesi pembelajaran dan 75 peratus (%) kandungan buku teks digunakan sebagai sumber pengajaran. Keadaan ini terjadi kerana guru perlu menggunakan buku teks dalam membuat persediaan mengajar dan untuk memberi kerja rumah serta soalan ujian kepada pelajar.<sup>30</sup> Buku teks dijadikan sebagai bahan asas yang dapat membantu guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan buku teks sebagai salah satu bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak boleh dinafikan atau dipersoalkan. Semenjak dahulu sehingga kini buku teks bukan sahaja menjadi bahan rujukan, malah merupakan bahan yang penting kepada pelajar untuk meneroka ilmu.

Walau bagaimanapun, kebergantungan guru kepada buku teks semata-mata semasa proses pengajaran dan pembelajaran jelas menimbulkan rasa bosan kepada pelajar. Menurut Aminuddin Mansor dalam *Utusan Melayu*, tinjauan beliau ke atas seorang guru yang berpengalaman selama 25 tahun mengajar mata pelajaran Sejarah iaitu bermula pada tahun 1987 telah mengatakan pelajar sukar untuk mengingat fakta sejarah yang banyak, fakta yang diajar kurang diminati, malahan buku teks yang tidak menarik untuk dibaca oleh pelajar menyebabkan mereka sukar untuk mengingatinya.<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Fazilah Alias merupakan seorang guru Geografi dan mengikuti pembelajaran Sejarah pada awal tahun 1980-an. Beliau hanya mengikuti pembelajaran Sejarah setakat tingkatan tiga sahaja kerana di tingkatan empat beliau mengikuti aliran sains. Pada pandangan beliau, kesilapan dan cara guru menyampaikan maklumat tidak sebagaimana yang dinyatakan dan terdapat dalam buku teks akan mengelirukan dan menyusahkan pelajar meskipun mungkin itu salah satu cara guru menguji pemikiran pelajar.

<sup>30</sup> D.P.C. Wood., ‘Aspect of Teaching and Learning’ dalam Noraha binti Saat, ‘Pelaksanaan dan Masalah Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran Sejarah di Sekolah Menengah Rendah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2005, hlm. 28.

<sup>31</sup> Aminuddin Mansor, ‘Menarik Minat, Memantapkan Pelajaran Sejarah di Sekolah’, *Utusan Melayu (M) Bhd*, [http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121015/re\\_05/Menarik-minat-memantapkan-pelajaran-sejarah-di-sekolah#ixzz4YzILl6oK](http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121015/re_05/Menarik-minat-memantapkan-pelajaran-sejarah-di-sekolah#ixzz4YzILl6oK) (tarikh diakses 15 Oktober 2012).

Justeru kaedah penggunaan buku teks yang dianggap ekstrem pada ketika itu cukup memberi kesan kepada pelajar selain kaedah-kaedah lain yang menyebabkan minda pelajar tertutup berikutan pelajar hanya menerima dan guru memberi ilmu semata-mata. Sementelahan pula, kajian berhubung dengan keberkesanan penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran adalah amat terhad. Pada ketika itu, hanya sebuah kajian yang dilaksanakan iaitu oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi tumpuan pada aspek dasar-dasar pelaksanaan, pentadbiran dan pengurusan di peringkat sekolah dan beberapa aspek lain.<sup>32</sup> Aspek ini penting kerana mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran. Ia membolehkan pelajar melihat empati dan menganalisis bagaimana manusia menggunakan masa, ruang, perubahan dan kesinambungan.

Kaedah-kaedah yang digunakan ini menerima banyak pandangan dan pendapat sebagai kaedah tradisional yang telah lapuk. Mays menjelaskan bahawa Cambridge Institute of Education pernah menyentuh berkaitan kaedah ini yang perlu diubah kepada kaedah yang lebih berpusat kepada pelajar.<sup>33</sup> Demikian juga menurut Jernstedt menyatakan pembelajaran sebegini menimbulkan kesan tidak minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisional ini menunjukkan pencapaian yang rendah dalam ujian dan peperiksaan.<sup>34</sup> Kenyataan ini turut diakui oleh Jasbir berikutan kaedah tradisional menjadi amalan di kebanyakan sekolah. Penggunaan kaedah ini menjadikan pengajaran kurang berkesan kerana ia dikatakan lebih berpusat kepada guru yang menghasilkan situasi pembelajaran yang kurang diminati.<sup>35</sup>

<sup>32</sup> Hussein Ahmad, ‘Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Peranan Buku Teks dan Peperiksaan dalam KBSM’, *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia, 1985, Jilid.7, hlm. 3.

<sup>33</sup> P. Mays., *Why Teach History*, London University: London Press, 1974, hlm. 21.

<sup>34</sup> G.C.Jernstedt, G.C., ‘The Relative Effectiveness of Individualized and Traditional Instruction Methods’, *J. Educational Research*, 69 (6), 1976, hlm. 21-64.

<sup>35</sup> S.S. Jasbir., ‘Teknik-Teknik Pengajaran Sejarah’ dalam S.B.Chew.et.al., *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 21-24.

Demikian juga dengan dapatan kajian Abdul Rahim yang merumuskan bahawa pendekatan kaedah tradisional merupakan pendekatan yang majoritinya diamalkan oleh guru-guru Sejarah dan aspek ini turut melibatkan masalah pengabaian tentang prinsip-prinsip penting objektif sebenar pengajaran Sejarah selepas merdeka selain dari dikatakan mewujudkan pembelajaran yang kurang mencabar, mematikan semangat belajar pelajar untuk pelajar mempelajari Sejarah dengan lebih bermakna.<sup>36</sup> Malahan pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan sama ada di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mahupun Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia yang kurang memuaskan berdasarkan laporan prestasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (1985;1986). Keadaan ini membuktikan bahawa kaedah tradisional yang menumpukan kepada kepentingan peperiksaan juga gagal mencapai keputusan yang diharapkan.<sup>37</sup>

Secara jelas dapat dikatakan bahawa penggunaan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara umumnya dikatakan tidak menepati keperluan objektif sebenar pendidikan sejarah. Ia kurang berkesan bagi pencapaian objektif seperti memupuk pelbagai kemahiran belajar, penguasaan pengetahuan yang meluas, menambahkan minat pelajar belajar terhadap kepentingan sejarah serta tidak berupaya mewujudkan situasi pembelajaran yang dapat memaksimumkan keupayaan pelajar, jauh sekali dalam aspek semangat jati diri dan sayangkan negara. Lantaran itu, banyak persoalan dan permasalahan yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sehingga pelajar gagal menguasai mata pelajaran ini terutamanya pada peringkat sekolah menengah walaupun perancangan sistem pendidikan negara semakin bertambah baik, namun prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah masih tidak menggalakkan berbanding dengan mata pelajaran yang lain.

<sup>36</sup> Abdul Rahim Ahmad, ‘Tanggapan Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 39.

<sup>37</sup> Lembaga Peperiksaan Malaysia, ‘Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1985 dan 1986’, Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1986.

Konklusinya hakikat kepada penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah berbentuk tradisional ini tidak menepati objektif pendidikan sejarah sebenar pada masa kini. Hal ini berikutan pengajaran tersebut kurang berkesan bagi mencapai objektif seperti memupuk semangat dalaman dalam diri pelajar, kurang penguasaan pengetahuan secara mendalam terhadap isi pelajaran khususnya berkaitan dengan negara bagi mewujudkan semangat cintakan negara, kurang menambahkan minat pelajar terhadap kepentingan sejarah serta tidak berupaya mewujudkan situasi pembelajaran yang dapat memaksimumkan keupayaan pelajar. Walau bagaimanapun, setiap kaedah yang digunakan adalah berpandukan falsafah pendidikan sejarah mengikut dekad 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an yang merujuk kepada penggunaan buku-buku teks pada ketika itu. Misalnya pada tahun 1950-an, kaedah pengajaran Sejarah oleh guru-guru kebanyakannya berbentuk kaedah syarahan iaitu kaedah yang paling rendah berdasarkan analisis keseluruhan temu bual berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dari tahun 1950-an hingga tahun 1980-an. Pada tahun 1960-an pula, kaedah yang digunakan bersesuaian dengan falsafah pada ketika itu ialah kaedah ceramah dan ceramah bervariasi. Seterusnya pada tahun 1970-an, guru-guru banyak menggunakan kaedah penceritaan dan pada tahun 1980-an, kaedah yang merujuk kepada falsafah pendidikan sejarah ialah kaedah perbincangan. Justeru itu, merujuk kepada kaedah-kaedah tradisional ini seperti kaedah ceramah, kaedah penerangan, kaedah penceritaan, kaedah syarahan dan kaedah kaji buku teks yang dikatakan amat berpusatkan pelajar adalah masih relevan terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah dan masih diamalkan sehingga kini, namun sedikit terbatas. Hal ini kerana ilmu sejarah itu sendiri tidak dapat lari sebagai sebuah rentetan peristiwa yang perlu dikaji dan dihayati bagi memperbaiki diri untuk masa kini dan masa-masa akan datang.

## **Pendekatan dalam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pendekatan ialah kaedah guru mendekati sesuatu mata pelajaran, iaitu cara bagaimana suatu mata pelajaran itu diajar berdasarkan objektifnya. Pendekatan tradisional oleh guru-guru Sejarah membawa banyak permasalahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah terutamanya pada zaman selepas merdeka. Berdasarkan kepada kritikan dan tanggapan negatif yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, maka perlunya satu pendekatan bagi meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam mempelajari Sejarah terutamanya dalam tahun-tahun 1980-an. Selain itu, pelajar didedahkan dengan pendekatan yang membolehkan mereka membuat refleksi berdasarkan apa yang telah dipelajari.

Kaedah penyoalan digunakan dalam pendekatan pembelajaran Sejarah yakni sebagai alat untuk menggerakkan pelajar berfikir dengan lebih mendalam dan dapat memahami subjek yang dipelajari. Lantaran itu, kebanyakan penyelidik dan pendidik menyatakan pedagogi seperti ini merupakan kaedah pengajaran yang terbaik untuk mengajar Sejarah. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Subadrah yang menunjukkan pengajaran menggunakan model konstruktivisme dengan menggunakan kaedah penyoalan dapat meningkatkan pemahaman konsep secara signifikan dalam mata pelajaran Sejarah berbanding cara pengajaran tradisional.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, pendekatan guru di bilik darjah masih lagi berada pada tahap rendah meskipun pelbagai pendekatan digunakan. Namun tidak banyak perubahan yang dilakukan oleh guru sama ada pada awal negara merdeka sehingga mata pelajaran Sejarah diangkat sebagai subjek teras pada tahun 1989. Hal ini kerana guru masih lagi mengajar menggunakan kaedah tradisional, guru masih kurang mengetahui isu semasa dan kurang berilmu pengetahuan. Meskipun demikian, dalam tahun-tahun 1980-an, pelbagai pendekatan diterapkan dan diaplikasikan dalam

---

<sup>38</sup> Haminah Hj Suhaibo, ‘Pemupukan Partiotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu’, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 39.

pengajaran dan pembelajaran Sejarah sejajar dengan perkembangan semasa agar mata pelajaran ini terus diperkuuh sebagai salah satu alat untuk menjayakan agenda negara bagi menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di samping berusaha menyematkan semangat jati diri yang masih samar dalam kalangan warganegara ini.

### ***Pendekatan Penyampaian dan Penerimaan***

Penyampaian ilmu meliputi penggunaan bahasa tubuh seorang guru sebagai media penyampaian, postur, kontak mata, ekspresi wajah dan gerakan tubuh ketika mengajar. Selain itu, penyampaian juga meliputi kualiti suara dalam menyampaikan isi kandungan mata pelajaran. Guru perlu tahu bila masa yang sesuai untuk menggunakan nada tinggi dan situasi bagaimana yang menuntut guru menggunakan nada yang rendah supaya ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif kepada pelajar. Ini secara tidak langsung dapat membuatkan pelajar berasa senang dan selesa untuk bertanyakan soalan apabila mereka tidak memahami sesuatu sub topik mata pelajaran.

Pendekatan penyampaian boleh dilihat melalui kaedah perbincangan yang mencakupi peringkat perancangan, menetapkan tajuk yang sesuai, menerangkan tujuan dan matlamat tajuk dan sebagainya. Pendekatan ini merupakan proses pemindahan idea ataupun maklumat secara lisan dengan segala ilmu dan kemahiran yang ada pada diri seorang guru kepada pelajarnya. Umumnya dikatakan bahawa guru adalah teras kepada pelaksanaan proses pendidikan walaupun proses pendidikan boleh juga berlangsung tanpa guru. Namun guru merupakan pejuang baris hadapan dalam usaha mendidik anak bangsa. Keadaan ini biasanya guru sebagai penyampai dan pelajar sebagai penerima dan pendengar. Dalam konteks ini, guru sentiasa menyediakan ilmu yang sesuai kepada pelajar supaya sesuai dengan kehendak masyarakat dari pelbagai sudut termasuk akademik, keperibadian serta akhlaknya.

Pendekatan ini lebih mudah difahami apabila laras bahasa yang digunakan itu sesuai dengan suasana dan persekitaran pelajar agar pelajar dapat memproses dan

memahami apa yang disampaikan oleh guru. Apatah lagi apabila sebahagian besar guru Sejarah tidak menggunakan alat bantu mengajar disebabkan sikap mereka yang sering mengambil mudah dan mengetepikan kepentingan penggunaan alat bantu mengajar dalam amalan di bilik darjah. Dalam satu kajian oleh Santhi a/p Valaidam, kebanyakan guru tidak menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajarannya iaitu sebanyak 66.7 peratus (%) dan tidak selalu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.<sup>39</sup> Maka dengan itu, pendekatan penyampaian begitu diberi perhatian oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran guru Sejarah yang menyampaikan dan pelajar menerima ini bersifat indoktrinasi dan tidak kreatif menjadikan Sejarah satu mata pelajaran yang beku, statik dan kurang diminati oleh pelajar. Amalan ini berterusan dari awal merdeka sehingga mata pelajaran Sejarah diangkat menjadi mata pelajaran teras pada tahun 1989.

Demikian juga dengan pendekatan penerimaan pelajar yang turut dikaitkan dengan pendekatan tradisional apabila penguasaan pengetahuan menjadi tumpuan, malah lebih bercorak pembelajaran penerimaan apabila lazimnya pelajar menerima pengetahuan daripada guru. Misalnya menerima pembelajaran melalui penggunaan teknik kapur dan penerangan dalam bentuk syarahan atau kuliah sama ada secara lisan atau tulisan. Ketika ini dikatakan penguasaan pengetahuan pelajar diterima melalui pembelajaran secara bermakna.<sup>40</sup>

Demikian juga kaedah ceramah yang digunakan oleh guru Sejarah merupakan pendekatan sehala yang kurang menarik perhatian para pelajar dalam mendekati mata pelajaran Sejarah dan seterusnya menyebabkan mata pelajaran ini kurang diminati. Guru hanya sebagai penyampai dan pelajar hanya sebagai penerima. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar menjadi kurang pasti bagaimana mata pelajaran Sejarah boleh menjadi satu mata pelajaran yang relevan dan berguna dalam kehidupan mereka.

<sup>39</sup> Santhi a/p Valaidam@Vetrivel, ‘Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Tingkatan 4’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 35.

<sup>40</sup> S.S. Jasbir., *Teknik-Teknik Pengajaran Sejarah, Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 21-64.

Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Anita Abu Hasan yang mengatakan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai ‘kurikulum yang mati’. Para pelajar tidak ragu-ragu menyingkirkan mata pelajaran tersebut sekiranya cukup mata pelajaran lain dalam peperiksaan.<sup>41</sup> Tuntasnya jelas menunjukkan bahawa pendekatan dalam kaedah tradisional ini masih gagal menarik minat pelajar dalam mendalami ilmu sejarah yang lebih bermakna di dalam kelas.

### ***Pendekatan Kemahiran Asas KBSR***

Dalam konteks memahami sifat dan sikap pelajar, gaya pembelajaran menjadi indikator bagaimana seseorang pelajar belajar dan cara belajar yang digemarinya. Wan Mohd Zahid mengatakan gaya pembelajaran juga dianggap sebagai strategi pengajaran kerana pemahaman mengenai gaya pembelajaran seseorang pelajar memberikan maklumat tentang kognisi konteks dan kandungan pembelajaran. Pelaksanaan Kurikulum (KBSR) membawa kepada perubahan penekanan daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan baru dalam proses pembelajaran di sekolah.<sup>42</sup>

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan di semua sekolah rendah mulai tahun 1983. Selepas KBSR dilaksanakan, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) turut dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah mulai tahun 1989. Hal ini disebabkan oleh beberapa perubahan baru yang telah digubal dalam dunia pendidikan negara bagi memartabatkan institusi pendidikan seterusnya melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. KBSR merupakan satu bentuk yang berdasarkan kepada Laporan Razak (1956), Ordinan Pelajaran (1957), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961) dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979). Pendidikan pada

<sup>41</sup> Anita Abu Hasan, ‘Kesan Pembelajaran Koperatif ke Atas Sikap dan Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah’, Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 5.

<sup>42</sup> Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, ‘Pengisian Wawasan Pendidikan’, Kertas Utama, Persidangan Pendidikan Nasional, Genting Highland: Institut Aminuddin Baki, Sri Layang 8-11 April, 1993, dalam Khairunisa Mohamad Fakri, ‘Pembelajaran BerkONSEPkan Teori Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Persekutuan Web 2.0 dan Kesannya dalam Mata Pelajaran Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, 2013, hlm. 4-5.

peringkat ini lebih menekankan kepada perkembangan menyeluruh dalam bidang intelek, rohani dan jasmani sama ada secara langsung atau tidak langsung. Aktiviti pengajaran yang lebih ditekankan ialah melibatkan pelajar secara aktif bagi membolehkan pelajar mengemukakan idea dan perasaan, menyelesaikan masalah, bertukar-tukar pendapat serta dapat berfikir secara kreatif dan kritis.

Pembentukan sikap kenegaraan di bawah rancangan KBSR dilaksanakan secara tidak langsung melalui aktiviti berkumpulan di mana pelajar-pelajar dilatih mengamalkan sikap seperti bekerjasama, bertoleransi, hormat menghormati dan juga bertanggungjawab. KBSR dibentuk berdasarkan perakuan 57 (a) Laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu kurikulum sekolah rendah hendaklah dirancang bagi membolehkan pelajar mencapai kemahiran dalam tiga asas iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dan alam sekitar dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat, dan kemampuan mental serta kesediaan pelajar.<sup>43</sup> Mata pelajaran yang diajar pada peringkat ini semuanya adalah mata pelajaran wajib yang dipelajari oleh semua pelajar. Nilai-nilai murni diajar melalui sistem pendidikan yang ditawarkan dalam mata pelajaran merentasi kurikulum termasuk mata pelajaran Sejarah.<sup>44</sup>

Dalam Perakuan 58, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 menyatakan:

...adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan daripada kurikulum sekolah rendah iaitu memperkuatkannya lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra vokasional.<sup>45</sup>

Berdasarkan pendekatan KBSR berkaitan perancangan pengajaran guru sepanjang sesi persekolahan untuk satu jangka masa panjang yakni satu tahun yang mengandungi beberapa topik perlu dihabiskan dalam jangka masa tersebut. Topik mata pelajaran yang diajar disusun mengikut peringkat kesukaran iaitu dari peringkat

<sup>43</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, November 1979, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984, hlm. 75-77.

<sup>44</sup> Abdullah Sani Yahya, *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*, Bentong Pahang: PTS Publication & Distribution, 2005, hlm. 174-175.

<sup>45</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, November 1979, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984, hlm. 75-77.

mudah, sederhana dan sukar. Bagi topik yang mengandungi rangkuman yang luas, penekanan kepada sub topik yang penting sahaja diutamakan mengikut aras kepentingan. Melalui cara ini guru dapat memastikan pelajar-pelajar yang mempunyai aras kecerdasan yang berbeza dapat menguasai sub topik tertentu terlebih dahulu sebelum meneruskan kepada topik-topik seterusnya.<sup>46</sup> Justeru, asas-asas pendekatan KBSR diterapkan dalam pembelajaran Sejarah meskipun kaedah tradisional tetap menjadi pilihan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

### ***Pendekatan Tradisional Berpusatkan Guru dan Lisan***

Pendekatan kaedah tradisional menurut Chaffer dan Taylor merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih memberi tumpuan kepada penguasaan pengetahuan yang dipelajari. Penggunaan pendekatan ini melibatkan tumpuan kepada peranan guru, nota, buku teks serta hafalan bagi menghabiskan sukatan pelajaran serta mengingatkan fakta bagi kepentingan peperiksaan.<sup>47</sup> Dari aspek lisan pula, pembelajaran pelajar kurang mementingkan penguasaan dan perubahan pola tabiat belajar. Pelajar bebas menentukan cara belajar tanpa panduan yang teratur dan sekiranya terdapat panduan, itu hanya berdasarkan panduan umum yang diberikan secara lisan. Malahan dari segi interaksi dengan guru pula, aspek ini agak longgar kerana kurang diberikan penekanan berikutan kesan dari peranan guru yang berlebihan.

Dalam pendekatan ini guru memainkan peranan sebagai sumber pengetahuan. Guru bertanggungjawab memilih dan menyampaikan ilmu dan maklumat penting pelajaran. Guru akan mengeluarkan lebih banyak ilmu dan daya pemikiran berbanding pelajar. Malahan ia kurang mementingkan perbezaan individu dan pengawalan kendiri. Pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara menyeluruh dalam kelas dengan

<sup>46</sup> Afiah Akfarinah, ‘Penilaian dalam Konteks KBSR dan KBSM’, <http://qalamsaffiyah.blogspot.my/2010/11/penilaian-dalam-konteks-kbsr-dan-kbsm.html#!tcm&ck> (tarikh diakses 14 November 2010).

<sup>47</sup> J. Chaffer, and L. Taylor., *History and History Teacher*, London: George Allen and Unwin, 1975, dalam Abu Bakar bin Ismail, ‘Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Sejarah di Tingkatan Enam’, Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, 1990, hlm.11.

kaedah belajar yang sama bagi semua pelajar.<sup>48</sup> Malahan melalui pendekatan ini juga, pengajaran dan pembelajaran lebih bersifat pendekatan deduktif di mana guru lebih banyak memainkan peranan bagi menentukan pelajar menguasai atau memahami isi dan fakta pelajaran. Malahan guru lebih merupakan sumber maklumat dan penentu kejadian fakta dan isi berdasarkan pengetahuannya.

Demikian juga, pengajaran guru lebih menumpukan kepada satu-satu jenis objektif sahaja. Misalnya dari aspek objektif kognitif untuk memahami dan menguasai isi dan fakta, penekanan hanya diberikan kepada objektif ini tanpa menitikberatkan objektif lain yang melibatkan kemahiran belajar membuat rujukan, membuat kajian atau kemahiran lain seperti kemahiran berinteraksi, berbincang secara aktif dan berhujah dalam memperkatakan tentang isi pelajaran. Dari aspek ini, kebanyakan guru tidak memberi perhatian kepada kepentingan objektif dan jika terdapat sekalipun, namun tidak dijelaskan kepada pelajar.<sup>49</sup>

Seterusnya melalui pendekatan ini juga, kebiasaan guru memulakan pengajaran dan pembelajaran ke arah penerapan maklumat khususnya bagi penguasaan isi dan fakta. Misalnya gambaran ringkas diberikan guru berkaitan tumpuan isi pelajaran atau persoal jawab yang berkisar ke arah pengutaraan isi dan fakta yang akan dipelajari. Dalam aspek ini pelajar akan terarah kepada persediaan untuk menerima apa sahaja yang akan disampaikan oleh guru. Justeru, sepanjang pengajaran, guru lebih menekankan kefahaman isi dan fakta sebagai asas penguasaan pengetahuan sama ada melalui kaedah ceramah dengan memberi salinan nota atau melalui kaedah perbincangan berbentuk seminar di mana guru akan memberi fakta dan isi pelajaran dan kemudiannya guru akan menghuraikan serta menjelaskan setiap aspek pelajaran tersebut secara mendalam.<sup>50</sup>

<sup>48</sup> Rohana Zubir, ‘Pembelajaran Sejarah Melalui Kaedah Belajar Sendiri’, dalam S.B. Chew.,et.al, (eds), *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 86-108.

<sup>49</sup> Abdul Rahim Ahmad, ‘Tanggapan Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 17.

<sup>50</sup> Ian Steele, (ed), *Development in History Teaching*, London: Open Books, 1976 dalam Abu Bakar Ismail, ‘Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Sejarah di Tingkatan Enam’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 17.

Secara keseluruhannya, melalui pendekatan ini pembelajaran lebih banyak dipandu dan didokong oleh guru. Jika ditinjau dari segi hubungan antara guru dan pelajar, pendekatan ini lebih bersifat pembelajaran sehalia yakni guru lebih banyak menerangkan isi dan fakta pelajaran dan pelajar pula lebih banyak mendengar atau menyalin dari bertindak balas meskipun terdapat peluang untuk bertanya atau mengemukakan pandangan atau pendapat. Namun pendekatan yang digunakan masih berkisar atas apa yang telah diberikan oleh guru dengan erti kata lain tiada pertikaian positif antara guru dan pelajar. Keadaan ini menyebabkan guru akan mempertahankan sepenuhnya pandangan tanpa memberi peluang untuk menggalakkan keupayaan dan kebolehan pelajar. Seterusnya dari segi aktiviti pula, pendekatan ini kurang aspek kepelbagaiannya. Malahan, meskipun terdapat penggunaan media atau bahan-bahan pengajaran seperti peta, carta dan sebagainya, tetapi melalui pendekatan ini tumpuan utama kebanyakan guru ialah penggunaan nota, teks dan buku panduan peperiksaan yang dianggap lebih berkesan bagi kepentingan peperiksaan.

Secara umumnya dapat dijelaskan bahawa pendekatan yang menggunakan kaedah tradisional merupakan satu pendekatan pengajaran berbentuk satu hala dan berpusat pada guru sebagai sumber maklumat dan pelajar sebagai penerima mutlak ilmu yang disampaikan. Aktiviti pembelajaran lebih dipengaruhi oleh peranan dan jangkaan guru tanpa menitikberatkan kemahiran-kemahiran tertentu untuk perkembangan individu pelajar. Aspek ini juga kurang menekankan pencapaian pelbagai objektif dan prinsip pengajaran Sejarah yang memerlukan penglibatan pelajar secara aktif.

### ***Pendekatan Berorientasikan Peperiksaan***

Peperiksaan merupakan satu perkara penting dalam hidup seseorang pelajar. Peperiksaan menentukan hala tuju bagi seseorang pelajar dalam dunia pendidikan. Pelajar akan mencari hala tuju masing-masing selepas mendapat keputusan peperiksaan

terutamanya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Lantaran itu, penekanan yang begitu kuat diberikan kepada peperiksaan oleh pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Keputusan peperiksaan menjadi mercu tanda kejayaan dan menjadi sanjungan serta kebanggaan sekolah dan keluarga di samping dapat menentukan masa hadapan pelajar itu sendiri dalam bidang-bidang tertentu. Penentuan yang begitu kuat diberikan kepada peperiksaan bermula dari sekolah rendah yakni sewaktu murid masih lagi di tahun satu.

Justeru, satu aspek yang paling ketara dalam sistem pendidikan pada ketika itu ialah *Examination Oriented*. Penilaian dalam pelajaran adalah didasarkan kepada pencapaian dalam peperiksaan. Sementelahan pula apabila keputusan peperiksaan cemerlang begitu dipentingkan pada ketika itu sebagaimana menurut Pengarah Pelajaran Kelantan iaitu Encik Saw Chee Leng dalam Berita Harian 1982 yang mengingatkan agar para pelajar supaya memilih mata pelajaran yang sesuai dengan kebolehan dan kemampuan bagi menentukan pencapaian mutu yang tinggi dalam peperiksaan.<sup>51</sup> Malahan, guru-guru pula akan dianggap berkebolehan dalam mengajar apabila mata pelajaran yang diajar tersebut mendapat keputusan yang baik. Dalam hal ini, masalah yang dihadapi oleh mata pelajaran Sejarah ialah matlamat dan objektifnya yang mungkin terabai. Untuk mencapai keputusan yang baik, guru-guru lebih cenderung untuk mengajarkan perkara-perkara yang penting dalam peperiksaan sahaja dan tidak memberi tumpuan kepada makna dan pengertian sejarah yang sebenarnya. Kebanyakannya berpandukan kepada kurikulum pelajaran yang rapi sehingga menyebabkan pelajaran Sejarah menjadi kering dan beku. Pendekatan sebegini menyebabkan sekiranya diberi pilihan, para pelajar akan menjauhi pelajaran Sejarah. Teknik menghafal pelbagai aspek juga kelihatan kurang digemari dan mengongkong pelajar. Dengan itu, maka akan berlaku kegagalan dalam mencapai matlamat

<sup>51</sup> Berita Harian, 18 September 1982, hlm.5.

pengajaran Sejarah serta keputusan peperiksaan juga tidak memuaskan oleh pelajar-pelajar.<sup>52</sup>

Pendekatan berorientasikan peperiksaan melahirkan generasi pelajar yang hanya mampu memperoleh maklumat dan mencurahkan maklumat dalam kertas peperiksaan. Pelajar hanya cemerlang dari segi akademik, namun tidak dinamik. Objektif untuk menimba pengetahuan secara menyeluruh, mewujudkan semangat sayangkan negara dan jati diri tidak dapat dipenuhi kerana pelajar sentiasa fokus kepada peperiksaan semata-mata. Malahan keperluan objektif dan prinsip yang melibatkan minat, kemahiran, sikap dan nilai serta keupayaan pelajar sering dilupakan kerana tumpuan lebih banyak diberikan terhadap kepentingan peperiksaan. Sebagaimana menurut Atan Long dari Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia mengatakan pelajaran Sejarah antaranya terlalu bersifat akademik dan kurang mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian.<sup>53</sup>

Sistem penilaian prestasi berorientasikan peperiksaan ini merupakan kaedah yang paling berkesan untuk menilai pencapaian seseorang pelajar. Kaedah ini sememangnya telah lama dilaksanakan di China sejak Dinasti Song. Walau bagaimanapun kaedah ini hanya melahirkan generasi yang menghafal tahun, nama watak dan nama tempat tanpa memahami secara rasional sesuatu peristiwa. Sistem berorientasikan peperiksaan ini turut menyebabkan kreativiti pelajar untuk melahirkan idea baru atau interpretasi baru sesuatu peristiwa dikongkong oleh buku teks untuk tujuan peperiksaan sahaja sehingga pemahaman menjadi tidak penting.

Justeru selepas berakhirnya peperiksaan SRP, SPM dan STPM kebanyakan pelajar gagal untuk mengingati semula fakta disebabkan matlamat belajar Sejarah hanya untuk lulus peperiksaan sahaja. Contoh yang paling ketara pelajar yang memperoleh markah yang tinggi tetapi tidak berketerampilan dan lemah dalam aspek

<sup>52</sup> K.A.Rajan, 'Problems Relating to Higher School Certificate Examinations in History: A Teacher's View' dalam Zainal Abidin Ab. Wahid, *History Teaching its Problems in Malaya*, Kuala Lumpur: History Department Universiti Malaya, 1964, hlm. 46.

<sup>53</sup> *Utusan Malaysia*, 1 April 1981, hlm. 15.

pengucapan awam dan tiada sifat dan semangat jati diri serta sayangkan negara. Akibatnya markah yang tinggi hanya wujud di atas kertas, penilaian aspek lain tidak diambil kira. Keadaan ini meminggirkan pelajar yang aktif dan pandai dalam sukan dan pidato tetapi kurang dalam aspek akademik. Oleh itu, kesan penggunaan pendekatan ini menurut Kirkby dan Robert akan menghasilkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang tidak memuaskan. Pelajar kurang didedahkan dengan pelbagai kemahiran dan lebih tertumpu kepada kepentingan peperiksaan dan tiada pengetahuan yang mendalam.<sup>54</sup>

Pelajar seolah-olah dibentuk melalui ‘mesin’ kurikulum. Kaedah pembelajaran ini menjadikan pelajar sebagai produk yang dibentuk dan pembelajaran akan berlaku secara terpaksa. Justeru, kaedah ini tidak akan membantu pelajar dalam membentuk keyakinan diri. Kelemahan lain yang turut dinyatakan ialah penekanan pembelajaran yang lebih tertumpu kepada buku sebagai bahan rujukan kedua selepas guru. Pelajar akan menumpukan kepada konsep-konsep yang dipelajari dan terhad untuk mengatasi masalah tertentu sahaja. Kaedah ini menjadikan pembelajaran tidak disepaduan dengan dunia luar dan tidak mempedulikan isu-isu semasa. Dengan ini, pelajar akan menggunakan konsep hafalan dalam menguasai fakta penting untuk cemerlang dalam peperiksaan. Malahan, kaedah ini menyebabkan pelajar menghafal tanpa menguasai konsep dan bahan yang mereka pelajari. Dengan tidak terlalu berfikir, mereka masih boleh menghasilkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Namun, tanpa penghayatan sebenar sesuatu ilmu, mereka akan buntu, hilang punca dan menjadi tidak yakin apabila berhadapan dengan keadaan yang sedikit berbeza.

Jelas menunjukkan bahawa sistem persekolahan pada ketika itu lebih mementingkan kejayaan dalam peperiksaan dan tidak mewujudkan peluang dan suasana yang betul untuk membolehkan para pelajar menggerakkan daya pemikiran mereka. Akibatnya sistem yang diikuti menghasilkan generasi ‘pak turut’. Menurut

---

<sup>54</sup> Abu Bakar bin Ismail, ‘Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Sejarah di Tingkatan Enam’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 38.

Timbalan Canselor Universiti Malaya, Prof. Madya Mohamad Yunos Mohd Noor mengatakan aspek-aspek seperti ini wujud dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Adalah sesuatu yang menyediakan sekiranya pengembangan aspek pemikiran pelajar-pelajar tidak diolah dan didedahkan sebaik mungkin.<sup>55</sup> Sikap sebegini menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara, lebih-lebih lagi apabila mereka gagal dalam peperiksaan untuk ke peringkat akademik yang lebih tinggi. Beliau turut menyatakan masalah ini timbul kerana sebahagian guru mulai lupa matlamat sebenar pendidikan dan tidak mempedulikan pengembangan fikiran pelajar. Guru-guru hanya berusaha untuk meningkatkan imej sekolah melalui kecemerlangan keputusan peperiksaan. Malah, paling ketara apabila sistem pendidikan yang sering membandingkan keputusan peperiksaan antara pelajar-pelajar dan sekolah-sekolah bagi memilih siapakah yang mencapai keputusan pelajar cemerlang. Pelajar terlalu didedahkan kepada suasana peperiksaan yang sama dan berulang kali. Keadaan ini menyebabkan pelajar begitu mahir dalam peperiksaan tetapi kurang daya fikir.<sup>56</sup>

Menurut presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat iaitu Encik Nordin Mahmud yang turut menyokong pendapat di atas menyatakan bahawa sistem pendidikan di sekolah kurang mencabar serta tidak menajamkan daya pemikiran pelajar-pelajar, malah lebih berorientasikan peperiksaan.<sup>57</sup> Demikian juga menurut Setiausaha Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGGMMB) Encik Abdul Karim Abdullah mengatakan penekanan ibu bapa serta Jabatan Pelajaran yang keterlaluan terhadap pencapaian akademik oleh pelajar-pelajar dan sekolah menyebabkan tujuan sebenar pendidikan diketepikan. Tekanan yang dihadapi pelajar menyebabkan mereka berusaha untuk lulus peperiksaan dengan cemerlang dan meninggalkan kegiatan lain. Malahan Jabatan Pelajaran juga menganggap sekolah-sekolah yang tidak mencapai kejayaan cemerlang sebagai sekolah yang lemah. Selain

<sup>55</sup> *Utusan Malaysia*, 31 Januari 1986, hlm. 4.

<sup>56</sup> *Berita Harian*, 1 Februari 1986, hlm. 18.

<sup>57</sup> *Berita Harian*, 3 Februari 1986, hlm. 3.

itu juga, jabatan-jabatan tertentu menetapkan pencapaian kelulusan yang tinggi bagi pelajar yang ingin ke sekolah tertentu terutama sekolah-sekolah berasrama penuh.<sup>58</sup>

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa salah satu faktor yang menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat tersebut ialah sistem pendidikan negara yang secara umumnya masih lagi berorientasikan peperiksaan. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan juga merupakan penghalang utama kepada usaha pemupukan kreativiti dalam bilik darjah. Yong berpendapat bahawa walaupun pelbagai usaha telah dijalankan untuk memajukan proses pengajaran guru, sekolah masih lagi cenderung untuk menghasilkan para pelajar yang berorientasikan peperiksaan. Sungguhpun dalam KBSR telah dinyatakan bahawa fungsi peperiksaan dan penilaian bukan sahaja untuk menentukan taraf pencapaian pelajar tetapi juga untuk membantu memperbaiki lagi proses pengajaran-pembelajaran di bilik darjah tetapi hakikat sebenarnya ialah penekanan pembelajaran di sekolah masih lagi tertumpu kepada fakta-fakta untuk dihafal dan seterusnya digunakan dalam peperiksaan, lantaran aspek pemikiran sama ada kreatif atau kritis dipinggirkan.

Penekanan kepada peperiksaan terutamanya peperiksaan piawai bagi keseluruhan pelajar KBSR telah menyebabkan guru lebih cenderung untuk melaksanakan proses pengajaran yang berpusatkan guru kerana kaedah pengajaran yang berpusatkan guru terbukti lebih berkesan untuk menghasilkan pelajar yang akan mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan. Sementelahan pula dengan pengiktirafan yang diberikan kepada guru sebagai guru berkesan kerana berjaya menghasilkan bilangan pelajar yang ramai mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.<sup>59</sup> Oleh sebab itu, guru mendapati sukar untuk mengadaptasikan diri dengan KBSR yang berpusatkan pelajar kerana mereka begitu menghayati kaedah pengajaran lama yang lebih berpusatkan guru. Kesan negatif penekanan terhadap peperiksaan terhadap pembangunan kreativiti

<sup>58</sup> Berita Harian, 5 Februari 1986, hlm.18.

<sup>59</sup> L.M.S Yong., 'A Study of Creativity and its Correlates Among Form Four Pupils', Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 157.

pelajar begitu mendalam, sehingga Yong tanpa ragu-ragu telah menyatakan ...*this emphases have taken a heavy toll on the creativity of Malaysia students.*<sup>60</sup>

Malah sistem berorientasikan peperiksaan juga membawa kepada isu pengelasan atau penarafan pelajar. Bagi pelajar yang lemah, berdasarkan keputusan peperiksaan akan kekal dilihat sebagai pelajar lemah atau pelajar gagal. Lebih menyediakan lagi apabila mereka ini lazimnya akan dikelompokkan sesama sendiri. Guru yang ditugas membimbang mereka kadang-kadang terdiri daripada kalangan guru kurang cemerlang. Akibatnya, nasib pelajar lemah ini semakin mendukacitakan. Ini adalah suatu hakikat bahawa sistem yang berorientasikan peperiksaan tidak mengiktiraf terdapatnya perbezaan perkembangan intelek dalam kalangan pelajar.

Menurut Atan Long dalam sebuah kertas kerja ‘Penyediaan Media dalam Menghadapi Kurikulum’ menyatakan bahawa bebanan pelajar yang banyak ke atas seseorang pelajar akan mengelirukan mereka dalam menentukan yang mana patut didahului dan dikemudiankan. Beliau juga menegaskan bahawa perlumbaan untuk memberi kedudukan cepat pandai dalam kalangan kanak-kanak mengakibatkan timbul gejala tidak sihat. Tambah beliau juga, ini bukan suatu garapan yang diadakan begitu sahaja, malah dengan kajian Pusat Perkembangan Kurikulum itu sendiri, negara melihat kebimbangan dan dilema sistem pembelajaran di sekolah-sekolah dalam tahun-tahun terakhir 1970-an.<sup>61</sup> Tidak sahaja taraf pelajaran pelajar perlu dipertingkatkan dan dimajukan, tetapi kekosongan jiwa mereka harus diisi. Maknanya di sini, jiwa kebangsaan pelajar harus dipupuk dan dipulihkan.<sup>62</sup> Hal ini menunjukkan bahawa dengan apa cara kaedah dan pendekatan sekali pun sama ada guru menggunakan kaedah ceramah, perbincangan, penerangan, penceritaan atau kaedah kaji buku teks, dengan sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan akan meminggirkan semua teknik dan kaedah yang digunakan.

<sup>60</sup> L.M.S Yong., ‘A Study of Creativity and its Correlates Among Form Four Pupils’, Tesis Doktor Falsafah , Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 20.

<sup>61</sup> Utusan Zaman, 10 Januari 1982, hlm. 7.

<sup>62</sup> Berita Harian, 6 Mei 1960, hlm. 4.

Walau bagaimanapun, penyalahan kepada mana-mana pihak tertentu tidak harus terjadi berikutan semua orang sepandapat menetapkan harapan atas kejayaan dan kegagalan dalam peperiksaan yang diadakan oleh pihak Kementerian Pelajaran setiap tahun. Menurut Selmah Mohd Sapijan, langkah positif harus diambil supaya sistem persekolahan yang mementingkan peperiksaan ini tidak menggugat objektif pendidikan yang sebenarnya. Akibat terlalu mengutamakan peperiksaan, kadang kala pelajar cuma menumpukan perhatian kepada apa sahaja soalan yang akan keluar dalam peperiksaan. Guru pula cuba melatih tubi pelajar-pelajarnya dengan tajuk pelajaran yang dijangka keluar dalam peperiksaan. Perkara ini jelas jika ditinjau daripada apa yang berlaku di sekolah-sekolah kerajaan mahupun swasta yang menyediakan pengetahuan untuk calon-calon peperiksaan SRP, SPM dan STPM.<sup>63</sup>

### **Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pengetahuan guru tentang kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam menerapkan kemahiran pengajaran Sejarah selain dapat menyuburkan daya imaginasi pelajar, kecerdasan fikiran, menggalakkan perkembangan bahasa, mengurangkan masalah disiplin, menghayati nilai murni dan menanamkan semangat kewarganegaraan kepada pelajar. Pengajaran Sejarah melibatkan pengetahuan pedagogi yang unik, pelbagai teks dan manual menunjukkan kaedah spesifik yang boleh digunakan oleh guru Sejarah dalam bentuk kandungan pengetahuan pedagogi. Pelaksanaan kaedah pengajaran seperti menggunakan sumber primer dapat meningkatkan pemahaman pelajar selain kepentingan penyoalan bagi meningkatkan daya pemikiran pelajar. Kebanyakan guru mengetahui akan kaedah pengajaran seperti menggunakan bahan pertama, namun disebabkan kekurangan latihan dalam menggunakan dokumen menyebabkan mereka terus-terusan menggunakan kaedah tradisional.

---

<sup>63</sup> Berita Minggu, 16 Februari 1986, hlm. 4.

Justeru, bagi mengenalpasti pelaksanaan kaedah dan faktor perubahan yang berlaku, maka perincian dalam kajian ini ialah dengan mengklasifikasikan kepada empat dekad iaitu tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an berdasarkan tempoh kajian. Pada tahun 1950-an, kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak begitu jelas terutama untuk orang Melayu berikutnya pada ketika itu, pembelajaran Sejarah hanya untuk memenuhi kepentingan dan matlamat kolonial British atau lebih bersifat *western centric*. Buku-buku yang digunakan lebih menjurus kepada negara England dan ketamadunan barat, meskipun pada ketika itu buku-buku dalam bahasa Melayu telah mula diterbitkan terutama selepas penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris 1922. Walau bagaimanapun, berdasarkan kenyataan responden kajian yang lahir pada akhir tahun 1940-an dan awal 1950-an iaitu seramai tujuh orang, kesemua responden menyatakan bahawa guru-guru yang mengajar pada ketika itu menggunakan buku teks *Sejarah Alam Melayu* jilid I-V untuk darjah V dan IV dalam bentuk penceritaan. Menurut Daia Musa, kaedah ini turut diajar untuk murid-murid darjah I, II dan III yang mana banyak berfokus kepada kehidupan masyarakat Melayu, tokoh-tokoh seperti Tok Janggut dan sebagainya.<sup>64</sup> Walau bagaimanapun, bagi keseluruhan dapatan analisis kajian, mendapati bahawa dalam tahun-tahun 1950-an, kaedah yang digunakan adalah berbentuk syarahan atau penerangan iaitu sebanyak 56 atau 52.8 peratus (%). Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu penceritaan dan syarahan. Walau bagaimanapun, kaedah ini adalah berbeza kerana kaedah penceritaan digunakan di peringkat rendah, manakala kaedah syarahan atau penerangan pula digunakan di peringkat menengah.

Sesungguhnya waktu mengubah sesuatu keadaan apabila pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini mengalami sedikit perubahan dalam dekad 1960-an. Berdasarkan hasil temu bual dengan 27 responden yang mengikuti pembelajaran Sejarah pada ketika itu, didapati 12 atau 44.4 peratus (%) mengatakan

<sup>64</sup> Daia Musa, *Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur, 1992, hlm. 27.

guru menggunakan kaedah penceritaan dan sebanyak 15 atau 55.6 peratus (%) menggunakan kaedah ceramah bervariasi. Kaedah penceritaan adalah rentetan kaedah yang digunakan dalam tahun-tahun 1950-an berikutan keutamaan guru pada dekad ini adalah kaedah berbentuk ceramah yang mana buku teks sebagai bahan induk. Buku-buku yang digunakan masih berkonsepkan ketamadunan barat meskipun negara telah merdeka. Kaedah lain yang turut digunakan pada ketika itu adalah penggunaan papan hitam dan kapur, malahan guru-guru banyak menggunakan dialek negeri masing-masing, membuat nota dan menghafal yang mana kesemuanya sebanyak 27 atau 100 peratus (%). Namun demikian, terdapat dalam kalangan guru ketika itu menggunakan peta dan gambar iaitu sebanyak 2 atau 7.4 peratus (%).

Namun tidak dinafikan bahawa pada ketika itu, pembelajaran Sejarah masih menemui jalan buntu meskipun matlamat dalam pembelajaran Sejarah adalah untuk memupuk semangat perpaduan dan sayangkan negara. Hakikatnya tidak dapat dicapai kerana pemikiran dan jiwa pelajar ketika itu masih dijajah dengan buku-buku yang masih berkisar tentang barat. Walau bagaimanapun, pembelajaran Sejarah pada dekad ini adalah jauh berbeza dengan tahun 1950-an memandangkan tahun tersebut negara masih belum merdeka, berbeza dengan tahun 1960-an, pembelajaran mengikut acuan sendiri. Kaedah yang digunakan membawa ke arah pembelajaran Sejarah yang lebih baik berbanding sebelumnya.<sup>65</sup>

Seterusnya dalam tahun 1970-an membawa banyak perubahan dalam pembelajaran Sejarah sama ada dalam aspek kurikulum, sukanan pelajaran mahupun buku teks. Perubahan ini termasuk aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Guru-guru pada ketika itu telah menggunakan teknik kerja secara berkumpulan iaitu sebanyak enam atau 16.8 peratus (%), namun teknik tersebut sekadar membentuk kumpulan sahaja kerana tiada penjelasan dan penghuraian daripada pelajar tentang apa

---

<sup>65</sup> Rohana Zubir, ‘Pembelajaran Sejarah Melalui Kaedah Belajar Sendiri’, dalam S.B. Chew., et.al, (eds), *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 124-125.

yang telah dibincangkan dan penggunaan radio sebanyak empat atau 10.5 peratus (%). Aspek ini diakui oleh responden berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 38 orang yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah pada dekad tersebut. Hasil temu bual, didapati kaedah pengajaran guru Sejarah pada ketika itu berbentuk sehala dan berpusatkan guru sebagaimana kaedah sebelum ini. Namun yang membezakan adalah guru menggunakan sepenuhnya iaitu sebanyak 38 atau 100 peratus (%) buku teks dari helaian ke helaian yang lain dan tanpa buku teks, guru seolah-olah hilang arah dan punca untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar. Sebanyak 21 atau 55.3 peratus (%) daripada 38 responden mengatakan kaedah yang banyak digunakan pada ketika itu lebih berbentuk kaedah syarahan dan penerangan selain kaedah-kaedah lain seperti ceramah, penceritaan dan perbincangan iaitu sebanyak 17 atau 44.7 peratus (%).

Kaedah syarahan dan penerangan banyak digunakan terutamanya menjelang musim peperiksaan memandangkan matlamat utama guru adalah untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Pada ketika itu, guru menggunakan kuasa autokrasi bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar. Hal ini berikutan keperluan peperiksaan memainkan peranan penting dan menjadi matlamat utama dalam pembelajaran Sejarah pada ketika itu. Walau bagaimanapun, hasil dapatan analisis keseluruhan responden dalam kajian ini, mendapati kaedah penceritaan merupakan kaedah yang paling banyak digunakan iaitu sebanyak 64 atau 60.4 peratus (%). Selain itu, terdapat juga dalam kalangan guru menggunakan gambar dan peta iaitu sebanyak enam atau 15.8 peratus (%), pemberian nota sebanyak 37 atau 97.4 peratus (%), komputer mikro satu atau 2.6 peratus (%) dan selebihnya penggunaan papan hitam dan kapur sebanyak 38 atau 100 peratus (%) sebagaimana tahun 1960-an dan 1950-an.<sup>66</sup>

Berikutnya dalam dekad 1980-an pula, kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah jauh berbeza dengan kaedah-kaedah yang digunakan sebelum ini walaupun masih berkonsepkan pembelajaran berbentuk tradisional. Hal ini berikutan pada dekad

<sup>66</sup> Temu bual terbuka dengan 38 responden dari pelbagai bidang yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam dekad 1970-an.

ini aspek dalam pembelajaran Sejarah cuba diketengahkan setelah perubahan demi perubahan dilakukan ke atas sukanan pelajaran dan buku teks Sejarah pada akhir tahun 1970-an. Berdasarkan hasil temu bual dengan 34 responden yang mengikuti pembelajaran Sejarah pada dekad 1980-an ini menyatakan bahawa guru mereka menggunakan kaedah yang pelbagai. Guru-guru banyak menggunakan tv pendidikan iaitu sebanyak 14 atau 41.2 peratus (%), radio pendidikan sebanyak lapan atau 23.5 peratus (%), overhead projector (OHP) dan buku kartun yang masing-masing sebanyak satu atau 2.9 peratus (%) dan membawa pelajar mendapatkan maklumat nyata seperti ke muzium sebanyak 27 atau 79.4 peratus (%).

Kaedah ini merupakan suatu kaedah yang memberi ruang kepada pelajar untuk meluaskan minda mereka. Aspek ini selaras dengan falsafah pendidikan sejarah 1980-an iaitu tumpuan diberikan kepada proses pembentukan insan selaras dengan pembangunan kemanusiaan. Maka tidak mustahil apabila berdasarkan analisis keseluruhan penggunaan kaedah tahun 1980-an, mendapati bahawa kaedah perbincangan paling banyak digunakan iaitu 62 atau 58.5 peratus (%). Kaedah membawa pelajar belajar keluar daripada bilik darjah dapat mengelak pelajar daripada berasa bosan dan tertekan. Sebagai contoh, membawa pelajar melawat tempat-tempat yang menyimpan seni sejarah seperti muzium dan arkib. Di sini, setiap pelajar akan cuba mengaitkan di antara pengalaman sebenar dengan ayat-ayat yang terdapat dalam buku teks. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah sebagaimana di atas adalah tidak begitu ketara kerana mereka lebih memilih menggunakan kaedah kaji buku teks iaitu sebanyak 34 atau 100 peratus (%). Selain buku teks, hasil dapatan temu bual juga mendapati bahawa akhbar iaitu sebanyak tiga atau 8.8 peratus (%) turut digunakan semasa sesi pembelajaran, namun kekerapannya tidak meluas meskipun terdapat sisipan sejarah dalam ruangan hujung minggu Berita Harian pada ketika itu.<sup>67</sup>

---

<sup>67</sup> Temu bual terbuka dengan 38 responden dari pelbagai bidang yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam dekad 1980-an.

Seterusnya berdasarkan kepada keseluruhan daripada 106 responden terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah, mendapati bahawa hanya 35 orang sahaja mengatakan guru mereka menggunakan sumber primer ketika mengajar mata pelajaran Sejarah iaitu sebanyak 33.0 peratus (%). Dari 35 responden, 18 atau 51.4 peratus (%) dinyatakan oleh responden kategori guru dan 17 atau 48.6 peratus (%) adalah bukan guru. Pengajaran menggunakan kaedah sumber primer antaranya ialah membawa pelajar ke tempat bersejarah, melawat muzium dan arkib serta menunjukkan bahan sejarah kepada pelajar. Daripada 35 orang tersebut, sebanyak enam orang iaitu sebanyak 5.7 peratus (%) mengatakan guru mereka membawa mereka ke tempat bersejarah antaranya ke Gua Tempurung dan Pasir Salak, kemudiannya sebanyak 21 orang iaitu 19.8 peratus (%) mengatakan guru Sejarah mereka membawa melawat muzium seperti muzium Beruas atau muzium kerajaan Gangga Negara yang terdapat banyak bahan-bahan dan sumber sejarah.

Seterusnya sebanyak lapan orang atau 7.5 peratus (%) mengatakan guru mereka menggunakan bahan yang boleh dijadikan sebagai bahan primer ketika mengajar Sejarah. Antara bahan yang dibawa menurut Puan Tan Ai Kiew ialah wang pokok pisang ketika zaman penjajahan Jepun. Beliau menyatakan bahawa itu merupakan pengalaman bernilai bagi diri beliau kerana generasi kini tidak mempunyai pengalaman tersebut kecuali apabila melawat muzium atau tempat sumber sejarah. Manakala bagi Encik Krishnan a/l Kannan pula mengatakan guru beliau membawa surat khabar yang bertulisan jawi yang menjadi tinta orang Melayu berdialog pada ketika itu. Beliau mengatakan akhbar yang dibawa itu begitu terkesan di hati beliau kerana dapat melihat tulisan orang Melayu zaman awal selain tulisan rumi. Malahan sehingga kini beliau masih teringat kaedah guru tersebut mengajar bagaimana membaca tulisan jawi dengan menyuruh beliau menyebut huruf ‘alif’ yang boleh

disamakan dengan huruf ‘a’ dalam tulisan rumi.<sup>68</sup> Hal ini menunjukkan bahawa guru beliau cuba menggunakan pelbagai cara dan kaedah pengajaran kreatif untuk memberi pemahaman kepada pelajar selain menggunakan bahan sumber untuk membantu pelajar memahami isi kandungan pembelajaran agar lebih terkesan di hati mereka dalam jangka masa panjang. Justeru, pengetahuan kandungan pedagogi guru merupakan aspek penting dalam menyediakan pengalaman pembelajaran dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana guru Sejarah berperanan memberi bimbingan, panduan dan membangkitkan rasa ingin tahu pelajar dan pengetahuan mereka bukan hanya menyampaikan maklumat semata-mata.

John D. Hoge dalam kajiannya yang bertajuk *Teaching History in the Elementary School* membincangkan aspek pembelajaran dan pengajaran Sejarah yang betul. Menurut beliau:

*Special experiences pump life into children's history learning. Such experiences go beyond the "staples" of the classroom instruction and include field trips to museums and historical sites, simulations, craft and model-building experiences, individualized and in-depth National History Day projects, and oral history projects. When students are properly prepared for such experiences, the depth of understanding they build more than justifies the extra effort they entail.*

Menurut John, pembelajaran mata pelajaran Sejarah setakat di bilik darjah selalunya abstrak dan sebaliknya jika dilaksanakan di tempat yang mempunyai sumber sejarah seperti muzium adalah lebih bersifat realistik memandangkan isi kandungan yang dibincangkan telah tersedia di situ dan pelajar lebih mudah mendapat kefahaman berkaitan dengan peristiwa yang dibincangkan.<sup>69</sup>

Manakala menurut Douch dalam buku Ian Steele pula menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting kerana pelajar perlu menghayati sejarah sebagai *not as a film which they simply watch, but as a*

<sup>68</sup> Tan Ai Kiew dan Krishnan Kannan merupakan guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di daerah Manjung Perak. Tan Ai Kiew merupakan guru bahasa Inggeris di SMK ACS Sitiawan yang telah berkhidmat selama 25 tahun dan En. Krisnan telah berkhidmat selama 31 tahun dalam bidang pendidikan dan mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di SMK Seri Manjung. Kedua-dua guru ini mengatakan bahawa pembelajaran Sejarah zaman dahulu sangat berbeza dengan zaman kini kerana terlalu mengejar keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Namun yang jelas, kedua-duanya sangat meminati mata pelajaran Sejarah.

<sup>69</sup> John D. Hoge, ‘Teaching History in the Elementary School’, *Eric Digest*, ERIC Clearinghouse for Social Studies/Social Science Education, Bloomington IN, Mac 1988, hlm. 2. <http://www.ericdigests.org/pre-928/history.htm>.

*continuing play in which they themselves are actors.* Demikian juga menurut laporan Plowden menyarankan pengajaran Sejarah menjadi lebih menarik sekiranya mengadakan aktiviti di luar bilik darjah seperti melaksanakan projek kerja lapangan. Dalam pendekatan ini, guru menggunakan pelbagai sumber selain buku teks sebagai alat pembelajaran utama seperti klip video, surat, dokumen dan juga ucapan.<sup>70</sup>

Selain itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru adalah dengan menyediakan alat bantu mengajar serta memikirkan kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk menarik minat pelajar terhadap pengajaran yang diajar. Walau bagaimanapun, Abdul Rahim Abdul Rashid dalam bukunya “Strategi Pengajaran Sejarah” mengatakan bahawa pengajaran Sejarah yang lemah dan kurang menarik di sekolah disebabkan para guru Sejarah kurang menunjukkan kecenderungan dan daya usaha guru-guru untuk meningkatkan gaya dan kaedah pengajaran mereka terutama berkait dengan alat bantu mengajar. Malahan guru kurang mengambil perhatian berkaitan dengan inovasi dan pembaharuan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah menyebabkan corak pengajaran mata pelajaran ini masih ditukuk lama.<sup>71</sup>

Pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini juga perlu disusuli dengan penggunaan bahasa yang senang dan mudah difahami oleh pelajar. Misalnya dalam kaedah ceramah dan syaran, penggunaan bahasa yang mudah semasa sesi pembelajaran menyebabkan pelajar akan mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru selain penerapan unsur humor agar pelajar tidak mudah berasa bosan dan mengantuk ketika guru sedang mengajar. Hasil analisis daripada 106 responden, didapati responden terdiri dari pelbagai negeri berdasarkan persekolahan mereka mencakupi negeri Perak, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Sarawak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah, Pahang dan Perlis. Lapan atau 7.5 peratus (%) daripada 106 responden yang ditemui bual mengikuti persekolahan di

<sup>70</sup> Ian, Steele., *History Teaching*, West Coimpton House, England: Shepton Mallet, Somerset, 1976, hlm. 32-34.

<sup>71</sup> Abdul Rahim Abdul Rashid, *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1989, hlm. 9.

negeri Kelantan, 10 atau 9.4 peratus (%) dari Kedah, empat atau 3.8 peratus (%) dari Pulau Pinang, tiga atau 2.8 peratus (%) dari Negeri Sembilan mengatakan kebanyakan guru mereka mengajar menggunakan dialek negeri. Demikian juga bagi responden dari negeri Perak, daripada 59 responden atau 55.7 peratus (%), 13 daripadanya yang mewakili 22.0 peratus (%) menggunakan dialek negeri Perak dan selebihnya sebanyak 46 atau 43.4 peratus (%) menggunakan bahasa Melayu yang betul, termasuk sembilan dari negeri Selangor, tujuh dari Johor, satu dari Pahang, satu dari Perlis, dua dari Terengganu serta satu dari Sabah dan Sarawak. Dari sudut penggunaan unsur humor pula, dapatan analisis temu bual mendapati sebanyak 35 responden atau 33.0 peratus (%) guru pada ketika itu menyelitkan unsur humor ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di bilik darjah, manakala sebanyak 54 atau 50.9 peratus (%) guru terus menyalurkan maklumat kepada pelajar di dalam kelas dan terdapat juga guru yang mengaitkan isu semasa ketika pembelajaran Sejarah sebanyak 17 atau 16.0 peratus (%).

Demikian juga penggunaan kaedah syarahan dan penerangan yang menggunakan papan hitam dan kapur ketika pembelajaran berlangsung. Hasil dapatan analisis temu bual menunjukkan keseluruhan guru Sejarah pada ketika itu menggunakan papan hitam atau papan tulis bersama kapur untuk menerangkan dan menjelaskan sebarang permasalahan dan persoalan yang melibatkan pelajar. Selain guru, berdasarkan analisis keseluruhan 106 responden mendapati sebanyak 64 atau 60.4 peratus (%) adalah penglibatan pelajar dalam menggunakan kaedah ini dan kaedah ini juga dipraktikkan oleh pelajar semasa mempelajari Sejarah di bilik darjah. Daripada 64, sebanyak 52 atau 81.3 peratus (%) dinyatakan oleh responden dalam kalangan guru dan 12 atau 18.7 peratus (%) dinyatakan oleh responden bukan guru. Menurut salah seorang responden, Puan Siti Hawa Saman iaitu seorang pesara pengetua di salah sebuah sekolah di Pantai Remis Perak menyatakan guru Sejarah beliau mewajibkan pelajar mengisi tempat kosong di papan hitam ketika sesi latihan dan penerangan guru

berlangsung. Tujuannya untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pelajar berkaitan sesuatu isu atau masalah yang dibincangkan.<sup>72</sup>

Seterusnya dari aspek penggunaan alat bantu mengajar pula, hasil analisis temubual mengatakan bahawa terdapat dalam kalangan guru-guru responden dahulu menggunakan radio kaset, gambar, peta, buku panduan dan juga siaran tv pendidikan sebagai alat bantu mengajar, namun demikian penggunaannya adalah sangat sedikit. Sebanyak 12 responden sahaja mengatakan guru mereka menggunakan radio kaset semasa mengajar iaitu 11.3 peratus (%), manakala yang menggunakan gambar atau peta sebanyak 16.0 peratus (%) iaitu sebanyak 17 responden, tv pendidikan pula sebanyak 14 iaitu 13.2 peratus (%) dan yang menggunakan buku panduan sebanyak 26 orang iaitu 24.5 peratus (%). Selebihnya sebanyak 37 atau 34.9 peratus (%) lagi responden mengatakan guru mereka tidak menggunakan alat bantu mengajar dan bergantung sepenuhnya pada buku teks.

Berikutnya menurut Puan Roziah Yahya yang merupakan guru mata pelajaran Sains di salah sebuah sekolah menengah di Manjung Perak mengatakan guru Sejarah beliau menggunakan bahan pembelajaran melalui siaran radio pendidikan.<sup>73</sup> Namun, beliau sangat tidak menyukai kaedah yang digunakan dan sering berasa susah hati setiap kali pembelajaran Sejarah berlangsung kerana beliau tidak sempat mengikuti siaran tersebut dan sentiasa ketinggalan. Justeru, beliau mengambil tindakan untuk ponteng mata pelajaran tersebut. Situasi ini berlaku berikutan guru Sejarah beliau menggunakan kaedah dan pendekatan pembelajaran Sejarah melalui radio pendidikan yang telah ditetapkan mengikut siaran waktu tertentu. Guru beliau akan membuat penyoalan berdasarkan aspek yang disiarkan dalam radio pendidikan tersebut. Menurut

<sup>72</sup> Siti Hawa Saman merupakan seorang pesara guru, merangkap pengetua sebelum persaraan beliau dari salah sebuah sekolah menengah di Pantai Remis Perak (SMK Dato' Idris). Beliau sebelum itu menjawat jawatan sebagai guru Sains dan kaedah yang digunakan oleh beliau sebagaimana guru beliau dahulu. Malahan kaedah itu juga beliau praktikkan dalam kelas ketika beliau masih menjadi guru dan mengajar mata pelajaran sains dalam tahun-tahun 1980-an dan awal tahun 1990-an.

<sup>73</sup> Roziah Yahya merupakan salah seorang responden yang mengikuti mata pelajaran Sejarah dalam tahun awal 1980-an dan merupakan guru Sains di SMK Seri Manjung Perak. Beliau menyatakan perasaan tidak minat terhadap mata pelajaran Sejarah berikutan pendekatan guru Sejarah yang dianggap membebankan beliau sebagai seorang pelajar yang banyak kekurangan dari aspek kemudahan penggunaan bahan pembelajaran seperti radio dan juga televisyen.

beliau, siaran radio pendidikan itu adalah pada jam 9.30 pagi atau 2.30 petang<sup>74</sup> dan maklumat yang diperoleh melalui siaran itu akan ditanya oleh guru beliau sedangkan beliau sering keciciran daripada mengikuti program dalam radio tersebut. Ini merupakan suatu bebanan dan permasalahan untuk beliau kerana sering keciciran dan ketinggalan untuk mengikuti siaran radio tersebut. Kesan daripada itu, beliau tidak meminati mata pelajaran Sejarah dan berusaha untuk ke aliran sains apabila memasuki tingkatan empat. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa bukan semua kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru sesuai dipraktikkan di bilik darjah. Walau bagaimanapun, penggunaan bahan bantu mengajar dapat memahamkan dan memberi penjelasan yang lebih bermakna kepada pelajar berkaitan pembelajaran yang dibincangkan di bilik darjah.

Namun demikian, terdapat juga guru yang gagal menggunakan alat bantu mengajar berikutan beban tugas guru yang menghalang guru-guru menggunakan bahan media pendidikan. Kegagalan menggunakan alat bantu mengajar menjadikan pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan dan membosankan pelajar. Dengan penggunaan alat bantu mengajar menjadikan pencapaian pelajar-pelajar termasuk pelajar luar bandar mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Menurut Pengarah Pelajaran Negeri, Wan Mohd Zahid Mohamad Nordin mengatakan sekolah-sekolah di luar bandar telah dapat menyaingi sekolah-sekolah bandar dari aspek pencapaian pelajar dalam peperiksaan hasil daripada kemudahan yang digunakan dan yang sama diberikan oleh kerajaan kepada sekolah terutama dari aspek alat bantu mengajar untuk pengajaran dan pembelajaran.<sup>75</sup> Walau bagaimanapun, guru masih belum memanfaatkan sepenuhnya penggunaan alat bantu mengajar terutamanya melibatkan aspek teknologi pendidikan.

<sup>74</sup> Siaran Radio Pendidikan terhadap mata pelajaran Sejarah berdasarkan Rangkaian Biru Sekolah-Sekolah Kebangsaan yang mencakupi penggal-penggal persekolahan dalam tahun 1974. Siaran radio bagi mata pelajaran Sejarah pada hari Isnin pada jam 9.30 pagi dan 2.30 petang bertajuk ‘Cerita Sejarah’ untuk darjah 5 dan 6, pada hari selasa pada jam 11.30 pagi dan 4.30 petang untuk tingkatan Enam yang bertajuk ‘Kuliah Sejarah’, pada hari khamis pada jam 11.00 pagi dan 4.00 petang yang bertajuk ‘Bimbining Sejarah’ untuk tingkatan 5. Untuk hari-hari lain tiada siaran untuk mata pelajaran Sejarah. Mulai tahun 1974 rancangan khas bersiri dalam bahasa Malaysia untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SRP/LCE dan SPM/MCE.(Sumber: Buletin Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka: KPM, Bil.2, Jilid.2, April 1974, hlm. 6-7)

<sup>75</sup> Harian Nasional, 4 April 1984, hlm. 12.

Hal ini turut diakui oleh Abdul Razak Ismail berkaitan kurangnya penggunaan alat bantu mengajar oleh para guru berikutan tanggungjawab guru selain tugas mengajar, guru diberi pelbagai beban tugas yang lain. Peranan guru bukan sahaja di bilik darjah, tetapi lebih daripada itu. Satu tinjauan yang telah dibuat mendapati peranan guru bukan sahaja meliputi hal-hal pengajaran di bilik darjah tetapi juga aspek-aspek lain seperti perkeranian, pemeriksa, penilai, penasihat dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan sikap serta usaha untuk menggunakan media pendidikan menjadi satu masalah utama kepada guru-guru ini yang dianggap sebagai satu beban tugas. Sikap tidak mengetahui dan kekurangan latihan biasanya disuarakan oleh guru-guru sebagai alasan untuk tidak menggunakan teknologi pendidikan.<sup>76</sup>

### **Kelemahan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Kajian-kajian tempatan di Malaysia banyak memperkatakan peri pentingnya pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Namun sejak awal tahun 1960-an, sering terdapatnya kritikan-kritikan negatif semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Sarojini Menon telah memberikan kritikan dengan mengatakan:

*The universal tradition of dullness associated with the teaching of History has largely arisen, no doubt, from a lecture recitation techniques. Thus History has tended to be a dead subject instead of the vital and fascinating subject it could be.<sup>77</sup>*

Walaupun kedudukannya sebagai salah satu mata pelajaran penting dalam kurikulum sekolah diperakui, namun situasi pelaksanaannya di bilik darjah tidak begitu memberangsangkan. Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam tahun-tahun selepas merdeka mempunyai kekurangan dan kelemahan sehingga membatasi keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata

<sup>76</sup> Abdul Razak Ismail, ‘Guru dan Teknologi Pengajaran’, Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan (KONPEN) V, Johor Bharu, 1980, dalam Satveer a/p Bakhtavar Singh, ‘Penggunaan Media dalam Pengajaran di Kalangan Guru Sejarah Sekolah Menengah’, Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 49.

<sup>77</sup> Sarojini Menon, ‘Techniques of Teaching History in Form I, II, III’, *Majalah Pendidikan*, vol.2. no.1, 1969, hlm.11-15.

pelajaran Sejarah. Setiap kaedah yang digunakan mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri, bergantung kepada guru dalam menggunakan dan mengaplikasikannya dalam mata pelajaran yang diajar. Kebijaksanaan dan kebolehan guru dalam menyampaikan maklumat dengan tepat, jelas dan berkesan dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan, termasuk kaedah-kaedah seperti kaedah ceramah, penceritaan, buku teks, penerangan dan perbincangan.

Namun sebaliknya berlaku apabila terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kaedah penyampaian sejarah guru sehingga muncul pelbagai kritikan dan tanggapan negatif berkaitan kaedah yang digunakan. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi tanggapan-tanggapan negatif terhadap pengajaran Sejarah, langkah-langkah positif wajar diambil supaya pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi lebih menarik, menyeronokkan dan mudah difahami serta diingati. Sebenarnya guru-guru Sejarah mempunyai peranan yang penting dalam pelaksanaan mata pelajaran ini dengan menampilkan ciri-ciri efektif, mereka boleh meninggikan imej mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran yang memberi manfaat kepada diri pelajar, khasnya untuk membangun bangsa dan negara. Sebagai guru Sejarah, perancangan yang rapi dapat mengatasi sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh guru Sejarah kerana setiap keperluan pelajar perlu diambil kira sebaiknya.

Hakikatnya bahawa telah wujud pelbagai fenomena ketidakserasan amalan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Ketidakserasan ini melihat kepada permasalahan dan kritikan yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang diamalkan di peringkat sekolah menengah. Antara ketidakserasan pengajaran dan pembelajaran Sejarah tersebut ialah terlampau memberatkan peperiksaan, aktiviti pembelajaran bercorak hafalan dan pengajaran bersifat tradisional.

Hasil daripada analisis temu bual terhadap 106 orang, sebanyak 102 orang atau 96.2 peratus (%) menyatakan guru Sejarah mereka menyuruh mereka menghafal fakta-

fakta sejarah, tahun, nama tokoh dan rentetan peristiwa yang terdapat dalam buku teks serta mencatat isi-isi penting yang terdapat dalam buku tersebut. Daripada 102, sebanyak 78 atau 76.5 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden guru, manakala 24 atau 23.5 peratus (%) pula maklumat diperoleh dalam kalangan bukan guru. Namun terdapat juga guru yang mengajar mereka ketika itu tidak menyuruh untuk mencatat isi penting, tetapi hanya berpandukan kepada nota yang diberi sahaja sebanyak empat atau 3.8 peratus (%). Hal ini disokong oleh Omardin dan Yunus yang menyatakan pelajar ditekankan agar mereka dapat mengingati fakta-fakta, bahan-bahan, peristiwa, tarikh, peperangan dan pergolakan politik yang berlaku pada zaman dahulu. Disebabkan terlalu mementingkan pembelajaran bercorak hafalan, pengajaran Sejarah kurang mengembangkan pemikiran kritis dan reflektif pelajar.<sup>78</sup>

Jelas menunjukkan bahawa kelemahan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah punca yang menyebabkan matlamat penting pendidikan sejarah tidak dapat dicapai dengan berkesan seperti mana yang diharap-harapkan apabila pembelajaran Sejarah sering dikaitkan dengan pengingatan dan hafalan fakta dan dibuat tanggapan bahawa pelajar merupakan *empty vessels waiting to be filled with knowledge*. Pengajaran dan pembelajaran Sejarah cuma merupakan curahan sebanyak mana pengetahuan dan fakta dalam masa yang ditentukan kepada pelajar. Pengajaran Sejarah pada umumnya masih berbentuk lama dan menggunakan kaedah yang lapuk serta tidak menarik dari segi penyampaian guru dan dari segi pengembangan keilmuan. Pendekatan mengajar dan belajar ilmu sejarah di sekolah juga tidak mencabar perkembangan minda intelektual pelajar-pelajar dan tidak dinamik bagi mengembangkan potensi kreatif mereka.<sup>79</sup>

Demikian juga dengan penggunaan kaedah syarahan yang menyebabkan pelajar kurang menumpukan perhatian apabila keadaan dalam ketidakselesaan.

<sup>78</sup> Omardin Hj. Ashaari dan Yunus Muhamad, *Kaedah Pengajaran Sejarah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1996, hlm. 5.

<sup>79</sup> Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, ‘Ke Arah Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara’, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988. hlm. 32.

Ketidakselesaan ini termasuk keadaan pelajar yang belajar dalam suasana padat, gangguan dari pelajar-pelajar lain dan sebagainya. Bilangan pelajar yang ramai di dalam sesebuah kelas menyebabkan ketidakselesaan mereka untuk belajar dan tumpuan terhadap apa yang diajar terganggu. Misalnya bilangan kanak-kanak yang diterima belajar dalam tahun 1960 berlipat ganda dari tahun sebelumnya. Pelajar-pelajar ini tidak dapat belajar dengan sempurna kerana perlu duduk berhimpit-himpit setiap hari untuk belajar.<sup>80</sup> Menurut En. Ahmad Arshad wakil Dewan Rakyat menerima laporan pelajar-pelajar berasak-asak di dalam kelas dan berhimpit-himpit. Ini berikutan bilik darjah dan bangunan sekolah yang kecil dan tidak dapat memuatkan jumlah pelajar yang ramai.<sup>81</sup> Masalah melibatkan pelajar yang ramai dan bilik darjah berterusan berikutan semasa percubaan KBSR, bilangan pelajar dalam kelas seramai 35 orang sahaja, tetapi apabila diimplementasikan menjadi 45 orang sekelas.<sup>82</sup> Melalui surat daripada pelajar yang dihantar kepada Utusan Malaysia menyatakan kedudukan mereka dalam kelas ketika sesi pengajaran dan pembelajaran ibarat sardin yakni begitu sesak dengan bilangan pelajar seramai 80 orang satu kelas dan sememangnya amat tidak selesa dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru.<sup>83</sup>

Menurut Abu Zahari, keadaan ini menyebabkan pelajar tidak akan memahami apa yang diajarkan dan seterusnya mengurangkan pencapaian mereka. Sementerian pula pelajar perlu mengingati fakta yang banyak, apatah lagi bidang sejarah merangkumi bidang yang mempunyai fakta, tarikh, masa dan peristiwa yang amat luas dan rencam. Berikutan dengan itu, maka sebilangan besar pelajar akan lupa berkenaan isi syarahan yang dipelajari. Menurut Jones, 60 peratus (%) pelajar akan lupa isi syarahan sebaik sahaja keluar dari bilik darjah, manakala Iris Paintal menyatakan 23 peratus (%) lagi akan lupa selepas lapan minggu atau tiga minggu mereka mempelajarinya di dalam kelas. Keadaan ini sedemikian kerana kurangnya interaksi

<sup>80</sup> *Berita Harian*, 28 Januari 1960, hlm. 11.

<sup>81</sup> *Berita Harian*, 6 Mei 1960, hlm. 2.

<sup>82</sup> *Harian Nasional*, 8 April 1984, hlm. 12.

<sup>83</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Jun 1986, hlm. 14.

antara guru dengan pelajar, sementelahan pula dengan keadaan pelajar yang tidak boleh memberi fokus maka isi pelajaran pada hari tersebut tidak tercapai. Apatah lagi apabila tahap pemikiran kritis pelajar terbatas kerana pelajar tidak dapat memberi maklum balas.<sup>84</sup>

Seterusnya kelemahan dalam melaksanakan kaedah penerangan atau syaran apabila pengajaran guru banyak menggunakan kapur dan papan tulis, malah pengajaran berpusatkan kepada guru sedangkan pelajar tidak memainkan peranan utama. Pelajar hanya mendengar, mengikuti pelajaran dan mengambil nota yang diberikan secara membaca dari bahan dan buku teks guru atau membuat catatan di papan tulis. Satu lagi kelemahan ialah melalui penggunaan buku teks. Nota yang diberikan kepada pelajar disalurkan keseluruhannya daripada buku teks yang diajar di dalam kelas. Mereka akan membaca buku-buku teks itu di dalam kelas semasa mengajar dan mereka amat bergantung kepada buku-buku tersebut. Apatah lagi apabila nota yang diberikan kepada pelajar disalurkan keseluruhannya daripada buku teks yang diajar di bilik darjah. Hasil daripada analisis temu bual yang dijalankan, didapati 98 responden atau 92.5 peratus (%) mengatakan guru memberi nota kepada mereka dan selebihnya iaitu lapan responden atau 7.5 peratus (%) mengatakan guru hanya menyuruh mereka membaca dan membuat rujukan di perpustakaan sahaja. Daripada 98 responden tersebut, sebanyak 74 atau 75.5 peratus (%) maklumat diperoleh melalui responden dalam kalangan guru, manakala selebihnya 24 atau 24.5 peratus (%) diperoleh dalam kalangan responden bukan guru. Responden yang mengatakan guru memberi nota sepenuhnya ialah sebanyak 60 atau 56.6 peratus (%). Daripada 60 responden tersebut, sebanyak 49 atau 81.7 peratus (%) maklumat diperoleh melalui responden dalam kalangan guru, manakala selebihnya 11 atau 18.3 peratus (%) diperoleh dalam kalangan responden bukan guru. Seterusnya guru mengedarkan dan memberi nota ringkasan pula sebanyak 12 yakni 11.3 peratus (%) dan sebanyak 26 orang mengatakan

<sup>84</sup> Abu Zahari, *Psikologi Pendidikan Untuk Guru*, Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd, 1992, hlm.15.

guru meminta mereka membina dan membuat nota sendiri berpandukan buku teks iaitu 24.5 peratus (%). Jelas menunjukkan bahawa fokus utama guru dalam pembelajaran Sejarah adalah nota yang perlu dimiliki dan dikuasai kandungannya oleh pelajar khususnya untuk menghadapi peperiksaan dan nota-nota tersebut sepenuhnya berpandukan buku teks.

Justeru, hasil dapatan temu bual juga mendapati pengajaran Sejarah menggunakan buku-buku teks secara berlebihan menyebabkan pengajaran dalam bidang ini kurang daya tarikan, daya kreatif dan pemikiran reflektif pelajar. Suasana pembelajaran ini menyebabkan pelajar kurang berminat dan mereka akan tersalah anggap terhadap pelajaran Sejarah sebagai suatu bidang pengajian yang kurang menarik dan tidak penting.<sup>85</sup> Pada ketika ini, pelajar tidak didedahkan dengan kaedah pendidikan sejarah yang boleh meningkatkan kemahiran belajar, kemahiran berfikir dan kemahiran menggunakan maklumat-maklumat yang membantu kefahaman mereka tentang sejarah sedangkan pendidikan sejarah perlu mementingkan pembinaan minda dan mendorong kepada peningkatan daya imaginasi pelajar. Malahan melalui pembelajaran Sejarah pelajar seharusnya berpeluang meningkatkan pemikiran kritis, pemikiran analitikal dan pemikiran reflektif mereka.<sup>86</sup>

Begitu juga dari aspek kandungan mata pelajaran Sejarah yang terlalu bergantung kepada sukatan pelajaran menjadikan mata pelajaran ini sebagai suatu mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari dan membosankan lebih-lebih lagi sekiranya mereka tidak memahami isi kandungan pelajaran tersebut. Apabila pelajar sudah berasa kebosanan ketika berada di dalam kelas, maka secara tidak langsung mereka sudah tidak berminat lagi untuk belajar dan menumpukan perhatian kepada guru mereka. Menurut Ng Ying dalam kajian beliau mendapati bahawa antara sebab pelajar tidak berminat untuk mengikuti pelajaran dalam kelas kerana corak dan pola pengajaran

<sup>85</sup> Omardin Ashaari dan Yunus Muhamad, *Kaedah Pengajaran Sejarah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1996, hlm. 5.

<sup>86</sup> Abd Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Berfikir Merentas Kurikulum: Pendekatan Pedagogi dan Wawasan Pendidikan Bestari*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1999, hlm.11-13.

yang membosankan mereka. Ramai di antara pelajar yang akan ponteng kelas apabila mereka sudah tidak berminat untuk mempelajari subjek berkenaan kerana dalam pemikiran mereka walaupun berada dalam kelas, mereka tetap tidak faham apa yang diajar oleh guru mereka. Perkara ini turut dipersetujui oleh Rokiah Ahmad di mana beliau mendapatkan bahawa antara salah satu sebab pelajar ponteng kelas adalah kerana mereka tidak faham apa yang diajar oleh guru mereka. Kesan dalam jangka masa panjang, jika perkara ini tidak diatasi, maka prestasi akademik pelajar akan merosot, sebagaimana yang telah diakui oleh Abu Hassan di mana kajian beliau mendapatkan bahawa pendekatan guru merupakan faktor terbesar kenapa prestasi pelajar dalam satu-satu mata pelajaran itu merudum.<sup>87</sup>

Berdasarkan hasil analisis temu bual, mendapatkan bahawa terdapat dalam kalangan responden yang mengatakan bahawa subjek Sejarah itu satu mata pelajaran yang sukar dan mencabar. Sebanyak 46 responden didapati mengatakan bahawa belajar mata pelajaran Sejarah adalah sangat sukar. Daripada 46 tersebut, 21 atau 45.6 peratus (%) daripadanya dari aliran sains yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Sejarah termasuk enam berbangsa Cina dan 25 atau 54.3 peratus (%) dari aliran sastera dan sains sosial. Dapatkan analisis ini diperoleh melalui kenyataan temu bual responden dalam kalangan guru iaitu sebanyak 12 atau 38.7 peratus (%) dan 19 atau 61.3 peratus (%) responden bukan dari kalangan guru. Kesukaran yang mereka alami dalam mata pelajaran ini dikaitkan dengan faktor ketidakfahaman mereka ketika belajar Sejarah. Malahan sukar untuk mereka menguasai fakta-fakta penting yang terdapat dalam buku teks ditambah pula dengan kebosanan yang mereka alami ketika proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah berlangsung. Malahan terdapat juga dalam kalangan responden yang mengatakan bahawa pembelajaran Sejarah itu membebankan kerana ayat-ayat dalam buku teks yang panjang, berbentuk naratif dan kandungan buku teks yang tidak menarik. Isu berkaitan isi kandungan buku teks Sejarah kurang menarik ini telah

<sup>87</sup> ‘Pendekatan Guru’, [https://docs.google.com/document/d/1UzbTWibFVdfqeORSInP3Pu2Ti\\_1EuAvOVLd1L56Qw7I/edit](https://docs.google.com/document/d/1UzbTWibFVdfqeORSInP3Pu2Ti_1EuAvOVLd1L56Qw7I/edit). (tarikh diakses 11 Ogos 2011).

berlaku sejak dahulu lagi. Kenyataan ini diakui oleh Baldwin yang memberikan pandangan bahawa buku-buku yang ditulis untuk pelajar-pelajar adalah tidak menarik dan membosankan.<sup>88</sup> Pandangan yang serupa disuarakan oleh Freeman yang mengatakan pengajaran Sejarah terlalu menumpukan kepada terlalu banyak fakta, tarikh, nama yang sukar untuk diingati oleh pelajar.<sup>89</sup>

Namun tidak dinafikan bahawa terdapat juga dalam kalangan responden yang mengatakan mata pelajaran Sejarah itu mudah. Sebanyak 75 atau 70.8 peratus (%) mengatakan sejarah itu senang untuk dipelajari, cuma perlu kepada pembacaan dan penghafalan yang berterusan yakni pelajar-pelajar perlu menghafal fakta, huraiyan yang panjang, nama-nama tokoh dan tahun-tahun yang perlu diingat. Daripada 75 responden tersebut, sebanyak 58 atau 73.3 peratus (%) maklumat diperoleh melalui responden dalam kalangan guru, manakala selebihnya 17 atau 22.7 peratus (%) maklumat diperoleh dalam kalangan responden bukan guru. Dapatan ini turut diakui berdasarkan dapatan kajian Baharuddin Jabar bahawa Sejarah mata pelajaran yang mudah dan senang dipelajari sebanyak 65 atau 34.8 peratus (%) berbanding dengan yang mengatakan mata pelajaran tersebut susah untuk dipelajari sebanyak 58 atau 31.0 peratus (%).<sup>90</sup> Malahan berdasarkan dapatan kajian beliau juga, pelajar aliran sains menyatakan mata pelajaran Sejarah tidak membosankan sebanyak 75 atau 40.1 peratus (%), manakala membosankan hanya sebanyak 53 atau 28.3 peratus (%) sahaja.<sup>91</sup> Persoalannya meskipun ramai yang menganggap mata pelajaran Sejarah itu mudah, tidak membosankan dan sangat diminati oleh pelajar-pelajar pada ketika itu, namun sehingga kini mata pelajaran Sejarah belum terkesan dalam hati dan jiwa para pelajar untuk menerapkan semangat jati diri dan sayangkan negara. Justeru itu, aspek kaedah

<sup>88</sup> Ab.Rahim Ahmad, 'Tanggapan Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm.17.

<sup>89</sup> Ibid., hlm.18.

<sup>90</sup> Baharuddin bin Jabar, 'Sikap Pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 45-49.

<sup>91</sup> Ibid. hlm. 50.

pengajaran guru perlu dilihat kembali akan kelemahan yang perlu ditambah baik demi kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Kelemahan lain juga boleh dilihat dari aspek latihan-latihan yang diberikan tidak menguji kreativiti dan percambahan minda pelajar, sebaliknya lebih menjurus kepada persediaan untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan.<sup>92</sup> Keadaan ini menimbulkan keseragaman pembelajaran apabila tumpuan utama adalah keperluan untuk lulus dalam peperiksaan. Keseluruhan pembelajaran wujud dalam situasi tanpa kenikmatan, tidak relevan dan tanpa kegiatan yang merangsang pelajar selain dari apa yang ditentukan oleh jangkaan guru. Pembelajarannya juga lebih tertumpu kepada konsep hafalan, teks dan buku panduan. Selain itu juga berkaitan dengan penekanan tentang beberapa isu dalam pengajaran Sejarah. Antaranya termasuk isu penentuan antara fakta dan propaganda. Begitu juga tentang soal meletakkan fokus sejarah tempatan di tempat yang sewajarnya serta peranan sejarah dalam mencapai matlamat perpaduan.

Justeru, guru-guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dapat membetulkan tanggapan pelajar bahawa mata pelajaran Sejarah suatu mata pelajaran yang membosankan kerana dengan tanggapan yang betul sahaja akan mengubah persepsi pelajar untuk lebih berminat terhadap mata pelajaran ini. Pendekatan kaedah pengajaran yang lebih saintifik dan kepelbagaian kaedah adalah faktor penting dalam pengajaran. Kesan daripada penggunaan kaedah-kaedah ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah sering menimbulkan penyimpangan dengan objektif sebenar pengajaran Sejarah khususnya bagi melahirkan pelajar yang dapat memaksimumkan kebolehan dan keupayaan pembelajaran mereka.

Kelemahan juga berkait dengan kebergantungan guru serta pelajar terhadap penggunaan buku teks. Rata-rata tanpa buku teks, guru sukar hendak mengajar dan pelajar-pelajar juga sukar mengikuti kurikulum dengan lebih tersusun. Keadaan

<sup>92</sup> Rabiya Mohamad Sultan, ‘Persepsi Guru-Guru Sejarah Tentang Ciri-Ciri Guru Sejarah yang Efektif’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 12.

hierarki sistem pendidikan yang berpusat dalam serba serbi juga memerlukan keseragaman buku teks yang digunakan. Sementelahan pula apabila fakta, maklumat dan isi kandungan yang disajikan oleh penulis buku menjadi bahan utama dalam ujian dan peperiksaan. Pengaruh buku teks mempunyai implikasi yang amat mendalam dari segi pembentukan dan pelaksanaan kurikulum, sistem ujian, penilaian dan peperiksaan serta dasar melaksanakan prinsip kesamarataan. Tegasnya hubungan rapat di antara buku teks, tidak wajar dilihat dari kaca mata guru dan pelajar sahaja, tetapi perlu dilihat dari aspek kurikulum yang diperkenalkan walaupun penggantian buku teks dilakukan setiap tahun.<sup>93</sup>

Penekanan penggunaan buku teks oleh perancang kurikulum, guru dan pelajar sebagai unsur terpenting dalam pembangunan konsep pendidikan umum yang hendak direncanakan mengakibatkan seperti yang terdapat dalam keadaan di mana ia akan menjauhkan lagi peranan dan fungsi ‘pemikiran’ dalam akal dan mental pelajar-pelajar. Buku-buku teks yang tidak seimbang isi kandungannya akan menghasilkan fakta-fakta hanya untuk dihafal, diingati dan dijadikan matlamat pembelajaran. Justeru, penekanan ini akan mengurangkan proses pemikiran pelajar. Dalam keadaan ini, prinsip ‘certainly’ atau ketepatan akan menguasai proses pembelajaran dan daya pemikiran pelajar-pelajar kerana setiap unsur dalam sesuatu perkara itu mesti dilihat hanya dari sudut dikotomi. Oleh sebab itu, adalah sukar bagi pelajar mahupun guru untuk menerima hakikat bahawa kadang-kadang buku juga boleh ‘salah’ khususnya dari segi ketepatan fakta.<sup>94</sup>

Namun begitu, tidak seharusnya buku teks, khususnya buku teks Sejarah mempengaruhi kurikulum, demikian juga tidak seharusnya proses ukuran mempengaruhi kurikulum. Sebenarnya kedua-dua unsur buku teks dan peperiksaan adalah akibat yang dipengaruhi dan bukan unsur penentu. Namun, keperluan kedua-dua

<sup>93</sup> Hussein Ahmad, ‘Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Peranan Buku Teks dan Peperiksaan dalam KBSM’, *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Pusat pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia, 1985, Jilid.7, hlm. 3.

<sup>94</sup> Ibid. hlm. 5.

unsur ini adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak tertentu dalam sistem yang dibentuk. Pada ketika itu, peranan peperiksaan lebih merupakan unsur atau faktor penentu kepada kurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Jelas menunjukkan pembelajaran Sejarah pada ketika itu lebih tertumpu kepada fakta-fakta untuk dicapai dalam peperiksaan, proses pembelajaran tidak menimbulkan kuasa penarik untuk melahirkan minat bagi ‘mencari ilmu’ melainkan untuk lulus peperiksaan sahaja. Tekanan kepada peperiksaan telah melahirkan berbagai-bagai strategi dan pendekatan. Antara pendekatan yang digunakan pada ketika itu adalah penjurusan atau ‘streaming’ di peringkat kelas. Keadaan ini menyebabkan tekanan kepada peperiksaan telah melahirkan buku-buku teks yang kurang berkualiti.<sup>95</sup>

### **Kesan Dalam Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah**

Pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak merdeka sehingga dijadikan sebagai mata pelajaran teras kurang memberangsangkan. Pelbagai persoalan cuba dicungkil bagi mencari punca kepada permasalahan yang wujud. Aspek ini turut diakui oleh Rohana Zubir yang mengatakan pengajaran Sejarah pada ketika itu kurang terancang dan tidak selaras dari segi objektif, isi, kaedah, teknik, media pengajaran dan penilaian yang menjadi antara punca lemahnya mata pelajaran ini dalam peperiksaan awam.<sup>96</sup> Kelemahan ini bukan sahaja dalam bidang akademik, malah aspek dalaman yang berkait dengan semangat jati diri dan cintakan negara. Keadaan ini berlaku berikutan pengajaran guru Sejarah yang lebih berpusat kepada guru, buku teks dan buku panduan. Malahan pengajaran guru kurang melibatkan pelajar sama ada di dalam kelas atau di luar kelas serta jarang melibatkan aktiviti lanjutan. Aspek ini yang menyebabkan mata pelajaran Sejarah kurang mencabar minda dan pemikiran pelajar. Memang tidak dinafikan bahawa setiap tahun terdapat peningkatan dalam keputusan

<sup>95</sup> Ibid. hlm. 9.

<sup>96</sup> Rohana Zubir, Aplikasi Teknologi dalam Pembelajaran Sejarah: Kesan dan Masalah, *Majalah Pendidikan*, 12, 1987, hlm. 89-98.

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun peningkatannya terlalu sedikit jika dibandingkan dengan keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), apatah lagi berbanding dengan mata pelajaran lain yang mendapat sambutan.

Penilaian boleh dilihat berdasarkan Jadual 4.3 dan 4.4, keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Sejarah peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 1978 sehingga 1988 iaitu selama 11 tahun dan keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dari tahun 1979 sehingga 1988 iaitu dalam tempoh 10 tahun. Keputusan yang ditunjukkan menampakkan perbezaan yang ketara di peringkat SPM dan SRP, demikian juga menunjukkan keputusan SPM yang seakan-akan kedudukannya yang statik apabila pencapaiannya hanya pada tahap 40 hingga 50 peratus (%) sahaja. Justeru, persoalan berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru antara yang akan dilihat dalam kajian ini bersama-sama dengan aspek lain yang berkaitan dengannya.

**Jadual 4.3: Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah SRP dan SPM Tahun 1978 – 1988**

Jenis Peperiksaan	Tahun										
	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987	1988
SRP	-	67.8	68.6	67.5	72.6	72.3	70.2	70.9	70.7	71.4	72.4
SPM	56.3	45.2	50.6	49.7	50.8	52.0	50.4	47.7	45.3	51.1	58.4

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia <sup>97</sup>


**Jadual 4.4: Analisis Mata Pelajaran Sejarah SPM Peringkat Nasional 1980-1989**

Tahun	Bil. Ambil	A	Kepujian	Lulus	Gagal	Jumlah Lulus
1980	66266 (56.6%)	0.8	24.2	25.6	49.4	50.6
1981	66415 (54.4%)	0.5	19.1	29.1	51.3	49.7
1982	80833 (58.9%)	1.4	21.8	27.6	49.2	50.8
1983	81943 (57.3%)	1.3	21.0	29.7	48.0	52.0
1984	89913 (59.8%)	2.1	20.9	27.4	49.6	50.4
1985	87607 (57.0%)	0.7	20.9	26.1	52.3	47.7
1986	85556 (54.7%)	1.2	18.7	25.4	54.7	45.3
1987	90033 (54.8%)	5.1	24.8	21.2	48.9	51.1
1988	97750 (57.0%)	4.7	30.1	23.6	41.6	58.4
1989	102368 (60.2%)	7.8	35.5	24.8	31.9	68.1

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, KPM. <sup>98</sup>

<sup>97</sup> Lembaga Peperiksaan Malaysia, ‘Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan SPM/MCE 1978-1989, Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1990.

**Graf 4.1: Statistik Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah SRP dan SPM  
1979-1988**



Bagi mendapatkan penerangan dan penjelasan yang lebih lanjut berkaitan kelemahan mata pelajaran ini pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, satu temu bual dilakukan ke atas 106 responden yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah pada ketika itu. Responden yang ditemu bual ini mencakupi mereka yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Hasil temu bual, mendapati bahawa faktor kurang cemerlangnya keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding dengan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) disebabkan oleh empat faktor utama. Faktor yang paling tinggi menurut hasil analisis temu bual adalah berkaitan soalan peperiksaan SPM iaitu sebanyak 102 orang atau 96.2 peratus (%). Daripada 102 responden tersebut, sebanyak 76 atau 74.5 peratus (%) maklumat diperoleh melalui responden dalam kalangan guru, manakala selebihnya 26 atau 25.5 peratus (%) maklumat diperoleh dalam kalangan responden bukan guru. Mereka menyatakan terdapat dua kertas Sejarah yang perlu dijawab dan antaranya soalan berbentuk eseai atau berbentuk penulisan penuh. Pelajar kurang mengingati topik-topik penting di tingkatan empat apabila memasuki tingkatan lima, apatah lagi tahun-tahun sebelumnya, mereka banyak didedahkan dengan soalan berbentuk objektif sahaja. Justeru, penulisan berbentuk eseai kurang dikuasai oleh pelajar apabila di peringkat

<sup>98</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 6.

SPM. Malah mereka gagal untuk mengingat kembali tajuk-tajuk berkaitan semasa mereka mempelajarinya di tingkatan empat. Sementelahan pula, ketika di tingkatan empat, penekanan kurang diberikan kerana tidak membabitkan peperiksaan penting.

Selain itu, faktor pilihan aliran kepada pelajar juga menjadi penyebab mata pelajaran ini merosot. Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1971, pelajaran Sejarah telah dimasukkan dalam senarai mata pelajaran yang perlu diajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan prauniversiti. Namun demikian, ia hanya diwajibkan bagi aliran sastera, perdagangan dan sains rumah tangga sahaja. Penuntut-penuntut aliran sains, teknik dan sains pertanian tidak diwajibkan mengambil mata pelajaran ini.<sup>99</sup> Pernyataan ini turut dapat dilihat berkaitan aliran yang telah diikuti oleh 106 responden temu bual dari pelbagai kategori dalam tempoh kajian.

**Jadual 4.5 : Analisis Responden Temu bual Berdasarkan Aliran**

Aliran	Guru	%	Bukan Guru	%	Jumlah	%
Aliran Sains	38	35.8%	9	8.5%	47	44.3%
Aliran Sastera	27	25.5%	12	11.3%	39	36.8%
Aliran Teknik	9	8.5%	4	3.8%	13	12.3%
Aliran Agama	6	5.7%	1	0.9%	07	6.6%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>		<b>26</b>		<b>106</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual 4.5 di atas, menunjukkan bahawa responden yang pernah mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tempoh kajian kebanyakannya dari aliran sains, terutamanya responden dalam kalangan guru iaitu sebanyak 38 atau 35.8 peratus (%).

Bagi responden dalam kalangan bukan guru yang mengikuti aliran sastera pula ialah sebanyak 12 atau 11.3 peratus (%) yang kemudiannya diikuti oleh lain-lain aliran seperti aliran teknik sebanyak 13 atau 12.3 peratus (%) dan aliran agama sebanyak tujuh atau 6.6 peratus (%). Pada peringkat SPM, mata pelajaran Sejarah diberi pilihan, yakni hanya perlu diikuti oleh pelajar dalam aliran sastera dan sains sosial sahaja, bagi

<sup>99</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, ‘Laporan Pengkajian Suruhanjaya Di Raja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat’, Pengerusi: Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Zain, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, Jun 1971.

pelajar yang mengikuti pembelajaran di aliran sains, mereka tidak diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran ini, sebaliknya mereka perlu mengambil mata pelajaran Geografi. Ini bermakna mereka hanya belajar mata pelajaran Sejarah atau dikenali sebagai Tawarikh pada ketika itu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga sahaja. Pelajar tidak boleh menukar aliran daripada sains ke aliran sastera kecuali mempunyai alasan kukuh. Malahan pertukaran tertakluk kepada keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia. Aspek ini ditegaskan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia Tuan Ismail Tuan Mahmud. Justeru, pelajar-pelajar yang ingin menukar aliran mesti mendapat kebenaran daripada Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia menerusi permohonan dari Pengarah Pelajaran Negeri.<sup>100</sup>

Menurut Puan Thamizselvi Shanmugam, mata pelajaran Sejarah dihadkan kepada pelajar aliran sains kerana pelajar-pelajar ini perlu mengambil lebih banyak mata pelajaran Sains.<sup>101</sup> Sementelah itu, menurut beliau mata pelajaran Sejarah tidak sesuai untuk aliran sains berikutan tiada perkaitan di antara kedua-dua mata pelajaran tersebut berbanding dengan mata pelajaran Geografi. Geografi sesuai dimasukkan dalam aliran sains kerana terdapat unsur-unsur sains di dalamnya dan terdapat perkaitan dengan aspek geologi yakni pelajar-pelajar boleh mengikutinya di universiti kelak. Aspek ini perlu diambil kira kerana berkait dengan kerjaya pelajar pada masa depan. Hal ini diakui oleh Kownslar yang menegaskan bahawa sejarah seperti yang diajar di sekolah tidak mempunyai kaitan yang rapat dengan keperluan pelajar. Malahan kurangnya kepentingan kepada pelajaran akademik dalam pasaran buruh menyebabkan minat kepada mata pelajaran Sejarah sangat berkurangan.<sup>102</sup> Malahan hal ini turut dijelaskan oleh Fox yang mengatakan pasaran pekerjaan tidak

<sup>100</sup> Berita Harian, 7 Januari 1985, hlm. 2.

<sup>101</sup> Thamizselvi Shanmugam merupakan seorang guru Fizik di salah sebuah sekolah di Manjung Perak yang mengikuti pelajaran Sejarah di aliran Sains pada tahun 1983. Beliau tidak diberi peluang untuk belajar mata pelajaran Sejarah pada peringkat SPM kerana mengikuti pelajaran di aliran sains walaupun beliau amat meminati mata pelajaran Sejarah. Bagi beliau, mempelajari mata pelajaran Sejarah boleh mengaitkan pelajaran itu pada suatu cerita, pengalaman dan kejadian dan guru yang mengajar itu amat terkesan dihatinya kerana cerita yang disampaikan itu sangat menarik.

<sup>102</sup> A.O. Kownslar., 'The Status of History: Some Views and Suggestion', *Social Education*, (40), Oktober 1976, hlm. 447-449.

memerlukan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah.<sup>103</sup> Demikian juga dengan Mehaffy yang berpendapat ...*Perhaps the most fundamental need, however, is to move inside classrooms, recasting teachers and researchers in new and different roles.*<sup>104</sup>

Justeru, berdasarkan keputusan peperiksaan, pelajaran Sejarah masih jauh dari tahap yang memuaskan. Malah bukan pula keterlaluan jika dikatakan bahawa pelajaran Sejarah adalah antara mata pelajaran yang tidak popular dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Terdapat semacam satu tanggapan terhadap pelajaran Sejarah yang mempengaruhi psikologi pelajar-pelajar. Isu ini turut mendapat pandangan guru Sejarah V. Nandarajan dalam Majalah Dewan Masyarakat yang mengatakan pelajaran Sejarah sering kali dianggap sebagai satu mata pelajaran yang tidak berguna dan tiada perkaitan dengan masyarakat moden dan zaman sains serta teknologi.<sup>105</sup> Alasan yang sering digunakan ialah pelajaran Sejarah tidak lain dari menceritakan tentang orang-orang yang telah mati dan perkara-perkara yang telah lapuk dan telah luput ditelan zaman. Malah terdapat dalam kalangan guru juga, yang menduga bahawa mata pelajaran ini akan kehilangan tempat dalam kurikulum sekolah tidak lama lagi.<sup>106</sup> Hal ini bertepatan apabila pada awal tahun 1980-an, mata pelajaran ini hampir luput dalam sukanan pelajaran sekolah menengah kerana tumpuan terarah kepada pengubalan Kurikulum Bersepadu Kajian Kemasyarakatan.<sup>107</sup> Keadaan ini paling tidaknya tentu turut mempengaruhi pelajar-pelajar dalam pengajian mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya mata pelajaran ini menjadi tidak begitu popular dalam kalangan pelajar dalam tahun-tahun kajian ini.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar juga mempunyai pilihan yang luas untuk menentukan pelajaran kegemaran mereka. Pelajaran Sejarah adalah mata pelajaran

<sup>103</sup> E. Fox. Gerovese., ‘The Crisis of Our Culture and the Teaching of History’, *History Teacher*, (13), November 1979, hlm. 89-101.

<sup>104</sup> G.L. Mehaffy., ‘History as Subject Matter’, *Encyclopedia of Educational Research*, vol.2 (Fifth Edition), London: MacMillan, 1982, hlm. 806.

<sup>105</sup> V.Nandarajan, ‘Revolusi dalam Pengajaran Sejarah’, *Dewan Masyarakat*, Jilid II, Bil.6, Jun 1973, hlm. 23.

<sup>106</sup> Jagdiss Raj Sharma, ‘Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah: Beberapa Pertimbangan dan Persoalan’, dalam Jasbir Sarjit Singh.et.al., *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 1981, hlm.1-2.

<sup>107</sup> Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris, *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 2008, hlm. 435.

pilihan, bukan sesuatu yang diwajibkan terutamanya kepada pelajar-pelajar dari aliran sains, teknik dan sains pertanian. Malahan kegagalan dalam mata pelajaran ini tidak akan mempengaruhi keputusan peperiksaan seseorang pelajar. Dalam surat pekeliling pada tahun 1971, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar berhak memilih pelajaran Sejarah dari pelbagai mata pelajaran yang lain. Bagi peringkat sekolah menengah atas, pelajaran Sejarah boleh dipilih dari mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam, Ilmu Hisab, Sains, Seni Lukis, Tatarakyat, Ilmu Alam, Pengajian Kemasyarakatan, Perdagangan dan sebagainya.<sup>108</sup> Dengan adanya pilihan yang luas ini, pelajar-pelajar sering kali menganggap pelajaran Sejarah tidak sesuai untuk pelajar-pelajar yang bijak dan cergas. Hal ini kerana ramai yang berpendapat, pelajaran Sejarah tidak lebih dari menghafal nama, tarikh, tempat dan peristiwa-peristiwa lama. Keadaan yang membosankan ini dikatakan tidak mencabar atau memupuk kebolehan mereka. Meninjau keadaan ini, pada pengamatan Khoo Kay Kim:

*As this stands now, History, apart from being unpopular among many school children, it looked upon as a subject merely to be tolerated and unfit for the study of those people who are intelligent and so wish to concentrate on subjects which they consider more useful and more challenge to their ability.*<sup>109</sup>

Berdasarkan pengamatan Khoo Kay Kim, hal ini berlaku kerana pelajar atau guru sendiri kurang mengerti konsep atau matlamat pembelajaran Sejarah, apatah lagi kepentingan pelajaran tersebut dalam masyarakat Malaysia. Selain dari itu, bagi kebanyakan pelajar juga, sejarah merupakan kisah-kisah politik yang lampau sahaja dan bukan meliputi semua aspek kehidupan. Oleh itu, selagi aspek ini tidak dijelaskan dengan terang dan terperinci, maka selagi itu pelajaran Sejarah akan kekal sebagai mata pelajaran yang menduduki *second place to other subjects in the school curriculum.*<sup>110</sup>

<sup>108</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeling Ikhtisas, Surat-Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia 1969-1978, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil.7/71, 1979, hlm.34-39.

<sup>109</sup> Khoo Kay Kim, *History Teaching: It's Problems in Malaya*, History Department, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1964, hlm.36.

<sup>110</sup> Ibid.

Namun demikian, hakikatnya mata pelajaran ini amat diperlukan walaupun pelajar mengikuti pelajaran di aliran sains. Berdasarkan dapatan kajian oleh Baharuddin bin Jabar, menunjukkan pelajar aliran sains bersetuju mata pelajaran Sejarah sangat penting dan perlu dipelajari iaitu sebanyak 61.5 peratus (%) berdasarkan bilangan responden sebanyak 115 daripada 187 responden berbanding yang mengatakan tidak penting dan tidak perlu hanya 16.0 peratus (%) iaitu sebanyak 30 responden. Malahan peratus pelajar aliran sains tingkatan empat yang mengatakan mata pelajaran Sejarah harus diwajibkan kepada mereka adalah sebanyak 99 responden iaitu 52.9 peratus (%) berbanding dengan yang menyatakan setuju tidak diwajibkan bagi aliran sains hanya sebanyak 54 responden atau 28.9 peratus (%) sahaja. Malahan pelajar yang meminati mata pelajaran ini sebanyak 110 responden iaitu 58.8 peratus (%) berbanding dengan pelajar yang tidak meminati mata pelajaran Sejarah sebanyak 31 responden atau 16.6 peratus (%) sahaja kerana pelajar aliran sains ini menyatakan mata pelajaran Sejarah sangat berguna dalam kehidupan iaitu sebanyak 116 responden iaitu 62.0 peratus (%).<sup>111</sup>

Aspek ini selari dengan hasil analisis temu bual ketika kajian ini dijalankan apabila mendapati sebanyak 30 responden daripada 106 atau 28.3 peratus (%) dari aliran sains yang amat meminati mata pelajaran Sejarah dan harus dipelajari oleh mereka dan hanya 21 responden atau 19.8 peratus (%) sahaja dari aliran sains tidak meminati mata pelajaran Sejarah dan tidak harus dipelajari oleh mereka. Berdasarkan dapatan analisis daripada 106 responden, mendapati bahawa mereka yang menyukai mata pelajaran Sejarah sebanyak 60 responden iaitu 56.6 peratus (%) berbanding dengan mereka yang tidak meminati mata pelajaran Sejarah sebanyak 46 responden atau 43.4 peratus (%) kerana pelajar aliran sains menyatakan bahawa setiap warganegara ini perlu mempelajari dan mengetahui sejarah negara. Daripada 60 responden tersebut, sebanyak 47 atau 78.3 peratus (%) dikemukakan oleh responden

<sup>111</sup> Baharuddin bin Jabar, ‘Sikap Pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 45-49.

dalam kalangan guru, manakala sebanyak 13 atau 21.7 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru.<sup>112</sup>

Seterusnya aspek yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah ini juga berkait rapat dengan sikap pelajar yang tidak berminat untuk menghafal terlalu banyak fakta dalam mata pelajaran Sejarah. Sebanyak 85 responden atau 80.2 peratus (%) mengatakan faktor ini menjadi salah satu punca kepada kurang cemerlangnya mata pelajaran Sejarah pada peringkat SPM. Daripada 85 responden, sebanyak 43 atau 50.6 peratus (%) pendapat ini dinyatakan oleh responden daripada kalangan guru, manakala sebanyak 42 atau 49.4 peratus (%) diperoleh daripada kalangan responden bukan guru. Pada peringkat ini, pembelajaran Sejarah melibatkan banyak pembacaan dan hafalan terutamanya tentang perang, tahun-tahun, nama-nama tokoh dan fakta-fakta penting yang panjang perlu diingat. Sementelah pula, pada peringkat ini hanya pelajar aliran sastera dan sains sosial sahaja yang mengikutinya.

Aspek ini diakui oleh 58 responden yang ditemui bual iaitu 54.7 peratus (%) menyatakan pelajar aliran sastera yang tidak berjaya untuk mengikuti pelajaran di aliran sains adalah pelajar yang sedikit lemah berbanding pelajar yang berada dalam aliran sains. Kelemahan ini bukan setakat dalam bidang akademik, namun terdapat perkaitannya dengan faktor sikap dan nilai-nilai yang sukar untuk diterapkan dalam diri mereka. Selain itu 21 responden atau 19.8 peratus (%) turut mengatakan pelajaran Sejarah jarang dibaca kerana terdapat banyak lagi mata pelajaran lain yang perlu dipelajari dan mempunyai lebih keutamaan berbanding dengan mata pelajaran Sejarah seperti mata pelajaran Sains dan Matematik. Daripada 21 responden tersebut, sebanyak 18 atau 85.7 peratus (%) pendapat ini dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 3 atau 14.3 peratus (%) maklumat diperoleh daripada

<sup>112</sup> Temu bual dilakukan ke atas 106 responden dari pelbagai aliran bagi mendapatkan info dan pandangan mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Responden terdiri dari pelbagai kategori umur yang lahir pada tahun 1950-an, 60-an dan 70-an serta dari pelbagai latar belakang dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, secara totalnya, 75.5% adalah responden yang terlibat dalam bidang pendidikan, khususnya guru-guru yang mengajar di sekolah menengah dan rendah.

responden bukan kalangan guru.<sup>113</sup> Maka tidak mustahil apabila keputusan peperiksaan di peringkat SPM merosot kerana kebanyakan pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran ini telah berpindah masuk ke aliran sains yang mana mereka tidak diwajibkan mengambil mata pelajaran Sejarah.

Berdasarkan keputusan peperiksaan SPM dari tahun 1978 sehingga tahun 1988 menunjukkan turun naik prestasi pencapaiannya selama sebelas tahun itu. Misalnya pada tahun 1978, keputusan peperiksaan SPM sebanyak 56.3 peratus (%), namun pada tahun 1979 penurunannya secara mendadak kepada 45.2 peratus (%) iaitu sebanyak 11.1 peratus (%). Ini berikutan pada ketika itu, pelaksanaan Laporan Kabinet (1979) telah mewujudkan perkembangan sistem pendidikan yang terkini, khususnya memperkenalkan KBSR dan KBSM. Hal ini telah menyebabkan berlakunya penyesuaian dalam sistem peperiksaan bagi memenuhi hasrat dan kehendak kurikulum dan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Perubahan dan penyesuaian yang dibuat dalam sistem peperiksaan termasuk dalam mewujudkan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi menggantikan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima (PPDL) serta memperkenalkan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi menggantikan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Sistem peperiksaan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga mengalami pengubahsuaian supaya selaras dengan kehendak KBSM.

Seterusnya pada tahun 1980, bilangan pelajar yang mengambil peperiksaan SPM dalam mata pelajaran ini ialah 56.6 peratus (%) daripada jumlah pelajar SPM 66266 telah berlaku peningkatan yang sedikit tinggi iaitu sebanyak 50.6 peratus (%). Seramai 0.8 peratus (%) yang memperoleh gred A, 24.2 peratus (%) yang memperoleh kepujian dan lulus pula sebanyak 25.6 peratus (%). Keadaan ini berkemungkinan selama setahun selepas berlaku pengubahsuaian, guru dan pelajar dapat menyesuaikan

---

<sup>113</sup> Penyataan ini dinyatakan oleh 21 responden dari aliran sains yang tidak mengikuti mata pelajaran Sejarah ketika mereka di tingkatan empat. Ini berikutan mereka perlu mendahulukan mata pelajaran Sains yang lain kerana mata pelajaran tersebut lebih penting untuk masa depan mereka.

diri dengan kurikulum baru. Namun keadaan ini tidak dapat bertahan apabila pada tahun 1981 sekali lagi berlaku penurunan iaitu kepada 49.7 peratus (%), pada tahun 1982 pula 50.8 peratus (%), tahun 1983 sebanyak 52.0 peratus (%), tahun 1984 sebanyak 50.4 peratus (%), tahun 1985 sebanyak 47.7 peratus (%), tahun 1986 sebanyak 45.3 peratus (%), tahun 1987 sebanyak 51.1 peratus (%) dan pada tahun 1988 sebanyak 58.4 peratus (%). Sepanjang sebelas tahun itu, tiada peningkatan untuk ke tahap sehingga 60 peratus (%). Keadaan ini menunjukkan kelemahan yang cukup ketara dalam mata pelajaran Sejarah sama ada sambutan daripada pelajar ataupun faktor guru dan sebagainya.

Keadaan ini jelas sedikit berbeza apabila berlaku peningkatan ketara dalam pencapaian mata pelajaran Sejarah peringkat SPM pada tahun 1989 yakni sebanyak 68.1 peratus (%) pelajar lulus berbanding pada tahun 1988 hanya sebanyak 58.4 peratus (%) iaitu peningkatan sebanyak 9.7 peratus (%). Bilangan pelajar yang mendapat gred A pada tahun 1989 sebanyak 7.8 peratus (%) berbanding 4.7 peratus (%) yang mendapat gred A pada tahun 1988.<sup>114</sup> Walau bagaimanapun, pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah secara statistik, tidak dapat mengatasi pencapaian mata pelajaran lain ketika itu.

Kenyataan ini turut dibuktikan melalui hasil kajian Wan Mohd Zahid berkaitan keberkesanan mata pelajaran Alam dan Manusia dalam program KBSR oleh Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Hasil dapatan kajian memperlihatkan pencapaian bidang sejarah pada tahap yang paling rendah berbanding dengan bidang sains, kesihatan, geografi dan tatarakyat. Mata pelajaran Sejarah hanya memperoleh sebanyak 36.5 peratus (%) pelajar sahaja yang mencapai paras kelulusan 50 peratus (%). Ini bermakna mata pelajaran Sejarah telah mencatatkan kurang

---

<sup>114</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 2.

daripada 50 peratus (%) pelajar yang mencapai paras penguasaan dalam bidang ini.<sup>115</sup>

Keadaan ini menimbulkan kegusaran dan kebimbangan kerana pencapaian yang lemah dalam bidang sejarah menunjukkan matlamat dan objektif yang tersurat berkemungkinan besar tidak akan tercapai. Meskipun keputusan kajian berbeza dengan keputusan SRP sebenar iaitu sebanyak 72.4 peratus (%), namun mata pelajaran ini masih berada pada tahap yang lemah.

Kelemahan ini diakui berdasarkan hasil analisis temu bual yang mendapati wujudnya permasalahan dalam kaedah pengajaran guru. Guru menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah yang digunakan itu bercampur aduk antara satu sama lain. Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, didapati kaedah pengajaran guru yang terbahagi kepada lima kaedah utama pada ketika itu mencakupi kaedah ceramah, penceritaan, buku teks, penerangan atau syarahan dan perbincangan itu bercampur aduk. Terdapat sebilangan guru yang mengajar menggunakan kelima-lima kaedah pengajaran tersebut. Hasil dapatkan analisis temu bual daripada 106 responden, terdapat 12 responden yang mengatakan guru Sejarah menggunakan lima kaedah mengajar sekali gus iaitu sebanyak 11.3 peratus (%), manakala sebanyak 42 atau 39.6 peratus (%) menyatakan guru menggunakan empat kaedah semasa mengajar, berikutnya sebanyak 40 atau 37.7 peratus (%) menyatakan guru menggunakan tiga kaedah dan sebanyak dua responden atau 10.4 peratus (%) mengatakan guru hanya mencampuradukkan dua kaedah mengajar ketika pengajaran dan pembelajaran Sejarah berlangsung. Walau bagaimanapun, terdapat seorang responden yang mengatakan guru hanya menggunakan satu atau 0.9 peratus (%) kaedah sahaja iaitu guru menggunakan kaedah kaji dan guna buku teks sepenuhnya ketika mengajar mata pelajaran Sejarah.

<sup>115</sup> Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, ‘Pendidikan Sejarah di Sekolah Rendah dan Menengah KBSR/KBSM Objektif dan Pencapaian’, dalam *Sejarah dalam Pendidikan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988, hlm.25.

Kelemahan cukup ketara apabila pembelajaran tidak diterapkan ilmu sejarah untuk membangkitkan semangat jati diri dan sayangkan kepada negara.

Kelemahan turut ketara apabila guru Sejarah pada akhir-akhir tahun 1980-an, pendekatan pengajaran masih berorientasikan kandungan, tanpa memberi penekanan kepada perspektif dan pemikiran sejarah yang sewajarnya. Guru kurang mempunyai kefahaman tentang konsep historiografi untuk menghubungkaitkan peristiwa-peristiwa secara perbandingan merentas ruang dan masa. Selain itu, dalam pemilihan kaedah, guru kurang jelas tentang matlamat dan cara menggunakan kaedah itu untuk mencapai matlamat yang disasarkan dalam pembelajaran. Malahan guru kurang kebolehan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan konteks pengajaran dan pembelajaran seperti kesediaan murid, situasi dan infrastruktur bilik darjah serta aspek-aspek lain yang berkaitan. Demikian juga, guru kurang mempunyai daya pemikiran dalam membuat perancangan serta pengurusan dan pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran kurang mempunyai wacana kesepaduan.<sup>116</sup>

Hasil dapatan analisis daripada temu bual yang dijalankan juga, didapati guru paling banyak menggunakan kaedah menggunakan buku teks. Keseluruhan pendapat dan pengalaman mereka yang ditemu bual mengatakan guru Sejarah banyak menggunakan buku teks ketika mengajar iaitu 98 atau 92.5 peratus (%). Daripada 98 responden tersebut, sebanyak 73 atau 74.5 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 25 atau 25.5 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru. Kaedah-kaedah lain yang digunakan seperti kaedah ceramah sebanyak 84 responden, yang mana daripada 84 tersebut, sebanyak 66 atau 78.6 peratus (%) dinyatakan oleh mereka dari kalangan guru, manakala sebanyak 18 atau 21.4 peratus (%) diperoleh daripada kalangan bukan guru. Kaedah penceritaan pula sebanyak 64 responden atau 60.4 peratus (%). Daripada

---

<sup>116</sup> Bengkel Penyelaras Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 7-8.

64 responden tersebut, sebanyak 50 atau 78.1 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 14 atau 21.8 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru. Seterusnya untuk kaedah penerangan atau syarahan, sebanyak 56 atau 52.8 peratus (%) responden ditemu bual. Daripada 56 responden tersebut, sebanyak 46 atau 82.1 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 10 atau 17.9 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru dan kaedah terakhir yang dinyatakan oleh responden ialah kaedah perbincangan. Sebanyak 62 responden atau 58.5 peratus (%) telah mengatakan guru-guru yang mengajar Sejarah ketika itu menggunakan kaedah perbincangan. Daripada 62 responden tersebut, sebanyak 48 atau 77.4 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 14 atau 22.6 peratus (%) maklumat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru.<sup>117</sup> Kaedah-kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran tradisional dalam mata pelajaran Sejarah selepas merdeka dan masih juga diteruskan sehingga mata pelajaran Sejarah diangkat menjadi mata pelajaran teras pada tahun 1989.

Selain itu, sebagai tenaga pengajar cara pengajaran guru adalah aspek penting yang boleh menarik minat pelajar terhadap pelajaran Sejarah. Pembelajaran Sejarah pada ketika itu lebih berpusatkan kepada guru dan pelajar. Dalam tahun 1970-an, menurut Ismail Haji Adnan, guru-guru yang mengajar Sejarah kebanyakannya kurang berdedikasi. Mereka ini terutamanya guru-guru yang tidak berkelayakan hanya mengharapkan pelajar-pelajar membaca buku-buku teks di samping memberi syarahan sekali lalu. Alat-alat bantu mengajar sangat kurang digunakan kecuali peta sahaja.<sup>118</sup>

Demikian juga menurut Menteri Besar Selangor, Hormat Rafei yang menegaskan bahawa kejayaan seseorang pelajar bergantung kepada faktor guru yang

<sup>117</sup> Analisis dapatan temu bual berdasarkan 106 responden yang mengikuti pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an berkaitan kaedah pengajaran guru Sejarah berdasarkan pengalaman pembelajaran dan pengajaran mereka. Malahan terdapat responden temu bual ini dalam kalangan guru-guru Sejarah dan mereka yang terlibat secara tidak langsung dalam program Sejarah pada peringkat daerah dan negeri.

<sup>118</sup> Ismail Adnan, ‘Sejarah Mestilah di Tulis Dari Kaca Mata Tempatan’, *Dewan Masyarakat*, Jilid II, Bil.II, Nov. 1973, hlm. 39.

paling utama.<sup>119</sup> Aspek ini diakui oleh Abdul Halim Abdul Jalil iaitu seorang pakar Psikologi Kanak-Kanak yang mengatakan bahawa antara punca kelemahan kanak-kanak dalam pelajaran antaranya berkaitan guru dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh guru tersebut. Guru merupakan orang yang sangat-sangat bertanggungjawab ke atas pelajaran kanak-kanak, maka cara penilaian yang lebih terperinci sangat diperlukan.<sup>120</sup> Hal ini berlaku berikutan bukan semua guru dapat mencatatkan pencapaian cemerlang untuk pelajar mereka sebagaimana yang pernah dicatatkan oleh seorang guru buta yang mengajar mata pelajaran Sejarah tingkatan tiga di Sekolah Menengah Perempuan Taman Petaling iaitu Encik S.Thavasothy. Beliau yang mengajar Sejarah pada tahun 1985 sehingga menghasilkan dan membuktikan kejayaan cemerlang pelajar beliau di mana daripada 284 pelajar, sebanyak 138 mencatat keputusan yang baik, manakala sebanyak 86 daripada pelajar beliau memperoleh keputusan cemerlang A1 dan A2. Malahan terdapat satu kelas yang terdiri daripada 50 orang pelajar kesemuanya berjaya mendapat A iaitu 40 orang A1 dan 10 orang A2. Pendekatan yang digunakan ialah memberi perhatian yang serius terhadap mata pelajaran yang diajar. Kaedah yang digunakan ialah dengan memberi latihan di dalam kelas dan pelajar-pelajar bertukar kertas jawapan bagi soalan objektif. Manakala bagi soalan eseai ialah beliau akan memeriksa terus di dalam kelas di mana pelajar membaca jawapan mereka.<sup>121</sup> Hakikatnya guru memainkan peranan yang amat penting dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran berkesan.

Selain itu, kelemahan turut dikaitkan dengan penggunaan alat bantu mengajar yang kurang efektif. Kebolehan guru untuk menggunakan sumber pembelajaran serta mengendalikan pelajaran yang berlandaskan sumber mengikut tahap pengetahuan serta kebolehan pelajar adalah masih di peringkat rendah. Dalam aspek teknik penyoalan pula, guru tidak dapat merangka soalan-soalan yang dapat memandu

<sup>119</sup> *Utusan Malaysia*, 7 April 1981, hlm. 14.

<sup>120</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Jun 1986, hlm. 8.

<sup>121</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Januari 1986, hlm. 4.

pelajar ke arah pembinaan konsep dan kefahaman yang lebih jelas menerusi pemikiran kritis dan analitis. Interaksi di bilik darjah yang lazimnya terdapat adalah interaksi antara guru dan pelajar, manakala interaksi antara pelajar kurang digalakkan kerana pada tanggapan guru interaksi tersebut akan membawa kepada masalah pengawalan disiplin di bilik darjah.<sup>122</sup>

Demikian juga kelemahan dari aspek penyediaan sumber pengajaran Sejarah. Kekurangan bahan sumber sering dijadikan sebagai masalah dalam pembelajaran Sejarah. Sebenarnya punca kekurangan bahan adalah disebabkan oleh ketidakfahaman tentang makna dan penggunaan bahan.<sup>123</sup> Menurut dapatan kajian Jemaah Nazir Persekutuan (JNSP) masalah kekurangan guru Sejarah wujud di sekolah berikutnya pihak pentadbir sekolah mengarahkan guru-guru yang beropsyen Sejarah mengajar mata pelajaran lain seperti Bahasa, Sains dan Matematik yang dianggap lebih penting. Hal ini berlaku kerana pihak pentadbir beranggapan bahawa mata pelajaran Sejarah adalah mata pelajaran am yang boleh diajar oleh mana-mana guru sekalipun. Tambahan pula, terdapat pentadbir yang memberi alasan bahawa terdapat guru Sejarah yang melaporkan diri selepas jadual waktu disediakan. Kekurangan sokongan sebilangan pihak pentadbir sekolah terhadap mata pelajaran Sejarah ini juga merupakan sebab utama kekurangan alat-alat bantu mengajar dan buku-buku rujukan Sejarah di sekolah. Dalam konteks ini, pengagihan peruntukan kewangan jarang memberi perhatian terhadap keperluan mata pelajaran Sejarah.<sup>124</sup>

Selain dari aspek-aspek di atas, kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah juga berikutan kelemahan dalam panitia Sejarah. Setiap sekolah telah menubuhkan panitia Sejarah masing-masing. Namun dari segi fungsi dan peranan, badan-badan tersebut didapati kurang menitikberatkan aktiviti atau usaha yang

<sup>122</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 7-8.

<sup>123</sup> Ibid., hlm. 44.

<sup>124</sup> Ibid., hlm. 37.

bercorak profesional. Apa yang diutamakan oleh badan-badan ini ialah tugas-tugas rutin yang bercorak pentadbiran seperti mengagihkan tugas dalam kalangan ahli-ahlinya untuk menyediakan rancangan pengajaran mengikut penggal persekolahan. Antara kelemahan utama panitia Sejarah dalam memainkan peranannya ialah kegagalan badan-badan ini untuk mengambil tindakan susulan terhadap keputusan-keputusan mengenai program atau aktiviti yang telah ditetapkan dalam sesuatu mesyuarat. Semasa mesyuarat diadakan, ahli-ahli jarang meneliti minit mesyuarat terdahulu untuk meninjau serta menilai tahap kemajuan yang telah tercapai berhubung dengan sesuatu projek atau aktiviti yang telah dirancang.

Oleh yang demikian tidak ternampak kesinambungan dalam agenda yang dibincangkan di antara satu mesyuarat dengan mesyuarat kemudiannya. Sebilangan besar ahli panitia Sejarah kurang inisiatif dan menganggap bahawa tugas untuk menyediakan senarai lengkap dan kemas kini segala alat bantu mengajar yang terdapat di sekolah untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya adalah tidak berfaedah. Bahan-bahan rujukan di perpustakaan juga tidak disenaraikan untuk panduan dan makluman kepada ahli-ahli panitia. Oleh kerana tindakan tersebut tidak diambil, maka terdapat sebilangan besar guru Sejarah yang tidak sedar tentang jenis-jenis alat dan bahan rujukan yang terdapat di sekolah yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.<sup>125</sup> Ahli-ahli panitia Sejarah harus diingatkan bahawa panitia mata pelajaran adalah sebuah badan profesional yang ditubuhkan untuk membantu ahli-ahlinya melalui aktiviti-aktiviti profesional, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mereka sebagai tenaga pengajar dan juga pendidik, sejajar dengan falsafah dan matlamat pendidikan negara. Apa yang sepatutnya dilakukan oleh ahli-ahli panitia di bawah kepimpinan ketua panitia ialah mengenal pasti isu-isu atau masalah-masalah berhubung dengan tugas profesional mereka.<sup>126</sup>

---

<sup>125</sup> Ibid., hlm.36-37.

<sup>126</sup> Ibid., hlm.47-49.

Bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pula, kedudukannya sedikit lebih cemerlang berbanding pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana soalan peperiksaan yang dikemukakan hanya soalan berbentuk objektif sahaja. Pada tahun 1978, peperiksaan SRP beransur-ansur menggantikan peperiksaan LCE mulai tahun 1978. Pada tahun 1985, peperiksaan SRP digunakan sepenuhnya di seluruh negara. Keputusan peperiksaan SRP sepuluh tahun sebelum pengenalan KBSM pada tahun 1989 telah mengalami peningkatan sepanjang tahun walaupun beberapa tahun sebelumnya mengalami sedikit penurunan. Walau bagaimanapun, keputusan peperiksaan SRP lebih baik berbanding dengan SPM apabila pada tahun 1979 keputusan peperiksaan SRP adalah sebanyak 76.8 peratus (%), tahun 1980 sebanyak 68.6 peratus (%), tahun 1981 sebanyak 67.5 peratus (%), tahun 1982 sebanyak 72.6 peratus (%), tahun 1983 sebanyak 72.3 peratus (%), tahun 1984 sebanyak 70.2 peratus (%), tahun 1985 sebanyak 70.9 peratus (%), tahun 1986 sebanyak 70.7 peratus (%), tahun 1987 sebanyak 71.4 peratus (%) dan pada tahun 1988 sebanyak 72.4 peratus (%).

Faktor peningkatan keputusan peperiksaan SRP dikaitkan dengan empat faktor utama berdasarkan temu bual yang dijalankan. Sebanyak 106 responden atau 100 peratus (%) mengatakan faktor cemerlangnya keputusan peperiksaan mata pelajaran Sejarah SRP berbanding SPM kerana keseluruhan soalan berbentuk objektif dan mengandungi satu kertas sahaja serta sebanyak 106 atau 100 peratus (%) mereka yang ditemu bual menyatakan soalan semuanya merujuk kepada buku teks. Malahan terdapat dalam kalangan responden yang mengatakan keputusan cemerlang itu disebabkan faktor guru mendesak atau memaksa membaca dan menghafal iaitu sebanyak 92 atau 86.8 peratus (%). Daripada 92 responden tersebut, sebanyak 78 atau 84.8 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 14 atau 15.2 peratus (%) pendapat diperoleh daripada responden bukan kalangan guru. Mereka mengatakan pada usia menengah rendah, pelajar sangat akur pada arahan guru dan akan terbawa-bawa sikap mereka yang sangat mendengar

arahan guru pada peringkat sekolah menengah rendah berbanding apabila mereka mula menjelaki aras ke peringkat menengah atas. Keadaan ini menyebabkan pelajar akan banyak menghafal. Sebanyak 100 responden atau 94.3 peratus (%) turut mengatakan kejayaan tersebut kerana pelajar menghafal fakta sejarah. Daripada 100 responden tersebut, sebanyak 80 atau 75.5 peratus (%) pendapat dikemukakan oleh responden dalam kalangan guru, manakala sebanyak 26 atau 24.5 peratus (%) pendapat ini diperoleh daripada responden bukan kalangan guru. Sementelah pula pada peringkat menengah rendah ini belum lagi dibuat pecahan mata pelajaran. Semua pelajar pada ketika itu wajib mengikuti dan mengambil peperiksaan SRP dalam mata pelajaran Sejarah. Justeru pelajar yang sememangnya sedar dan bijak dalam mata pelajaran akan mudah mengingat dan dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik sehingga mereka berjaya untuk mengikuti ke aliran sains dan tidak lagi mempelajari mata pelajaran Sejarah selepas itu.

Oleh yang demikian, kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti punca kepada permasalahan ini antaranya melibatkan kaedah pengajaran guru yang menggunakan kaedah tradisional iaitu ‘chalk and talk’ atau kaedah secara ceramah, penceritaan, buku teks, syarahan dan perbincangan. Teknik pengajaran ini kelazimannya dipraktikkan hanya dengan berorientasikan buku teks yang melibatkan aktiviti pembacaan dan penghafalan fakta-fakta sejarah di samping mencatat isi-isi penting. Manakala dari segi gaya penyampaian pula, pada ketika itu guru hanya menyampaikan pengajaran Sejarah yang lebih bersifat satu hala dan berpusatkan kepada guru bagi menyalurkan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar. Pada ketika itu, pelajar yang mempelajari mata pelajaran Sejarah hanya bertindak sebagai pendengar dan menerima sahaja segala maklumat yang disampaikan oleh guru mereka. Guru mempunyai kuasa autokrasi di bilik darjah. Pengajaran guru Sejarah juga bersifat setempat atau stereotaip. Kaedah-kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran tradisional dalam mata pelajaran Sejarah

selepas merdeka dan masih juga diteruskan sehingga mata pelajaran ini diangkat menjadi subjek teras pada tahun 1989.

### **Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Sejarah Berpandukan KPM**

Selepas merdeka, pelbagai pendekatan dan kaedah telah dilaksanakan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Malahan guru-guru disarankan menggunakan pelbagai strategi untuk menarik minat pelajar terhadap pengajaran yang diajar oleh guru. Hal ini berikutan penguasaan kemahiran pedagogi yang kreatif dan inovatif adalah tunjang utama kepada kekuatan guru-guru Sejarah untuk menyampaikan pengajaran dengan yakin seterusnya memberi impak yang maksimum terhadap hasil pembelajaran di bilik darjah. Aspek ini mampu dipamerkan oleh guru-guru yang benar-benar menguasai dan menghayati sepenuhnya susur galur sejarah negara dengan sebenar-benarnya. Bagi merealisasikan aspek tersebut, maka pendekatan yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sedaya upaya cuba mengatasi masalah guru bukan opsyen untuk mengajar mata pelajaran Sejarah. Sebagai langkah jangka pendek, maka guru-guru tersebut dibantu baik dalam bentuk pendedahan kepada pelbagai kaedah mengajar yang berkesan melalui kursus-kursus anjuran Kementerian Pelajaran atau pihak luar. Hal ini bagi menggembungkan kemahiran Guru Cemerlang Sejarah, Jurulatih Utama serta guru-guru berpengalaman untuk membantu kerana mereka lebih arif dan mempunyai banyak kemahiran dalam amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Kemampuan guru-guru mengaplikasikan pelbagai kemahiran pedagogi serta strategi pembelajaran yang sesuai akan menyumbang kepada usaha, minat serta motivasi pelajar untuk terus mendalami sejarah negara terutamanya melalui pembelajaran kumpulan dan perbincangan. Ini selaras dengan pandangan yang diketengahkan oleh Johnson dan Johnson “*we are*

*currently leaving an era of competitive and individualistic learning. The ‘me’ classrooms and ‘do your own thing’ seatwork are fading”.*<sup>127</sup>

Selain itu, dalam usaha untuk menarik minat pelajar, pihak Pusat Pembangunan Kurikulum telah membekalkan bahan-bahan bantu mengajar yang khusus bagi menjamin keberkesanan pembelajaran Sejarah khasnya bahan untuk tayangan kepada pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa selain daripada menambah baik kandungan buku teks, guru-guru juga dibekalkan dengan bahan visual atau video tentang peristiwa-peristiwa bersejarah negara. Contohnya video tentang keganasan komunis di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan Bintang Tiga selama 14 hari dan kekejaman tentera Jepun terhadap penduduk. Paparan video tersebut telah menyemarakkan api perkauman dan dendam kesumat dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu. Melalui tayangan video ini dapat menimbulkan keinsafan kepada pelajar-pelajar akan peri pentingnya perpaduan antara kaum dieratkan serta dipelihara sepanjang zaman dan pentingnya mata pelajaran Sejarah itu dipelajari agar sejarah tidak berulang.<sup>128</sup>

Menurut Tinzmann et al., dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional, peranan guru hanya menyalurkan pengetahuan seberapa banyak yang boleh kepada pelajar. Justeru dalam usaha mempelbagaikan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, sumber pengetahuan guru perlu mendalam terutama berkaitan isi pelajaran yang hendak disampaikan di samping memiliki kemahiran untuk disalurkan kepada pelajar.<sup>129</sup> Tanggungjawab utama guru selepas merdeka ialah menjadi orang pertama yang menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajar di sekolah. Justeru itu, para guru telah diberi latihan demi latihan oleh pihak kementerian untuk

<sup>127</sup> D.W. Johnson, R. Johnson, et.al., ‘Effects of Cooperative, Competitive and Individualistic Goal Structures on Achievement: A Meta-Analysis’, *Psychological Bulletin*, no.89, 1981, hlm. 47.

<sup>128</sup> Norizzan Seman, ‘Memperkasa Pendidikan Sejarah, Cadangan Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah’, <http://cikgunorizzan.blogspot.my/2011/03/mempewrksa-pendidikan-sejarah.html> (tarikh diakses 29 Mac 2011).

<sup>129</sup> M. B. Tinzmann., B.F. Jones., T.F. Fennimore., J. Bakker., C. Fine., & J. Pierce., ‘What is the collaborative classroom?’ NCREL: Oak Brook, 1990 dalam Rafiza Abd Razak, ‘Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian dalam Analisis Novel Bahasa Melayu’, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil. 1, Isu 3, Julai 2013, hlm. 34.

memastikan mereka berupaya untuk mendidik anak bangsa dengan ilmu yang diperlukan mengikut tahap umur dan peperiksaan yang dihadapi.

Pelbagai kaedah mereka gunakan untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran yang dijalankan terutamanya persediaan pelajar menghadapi peperiksaan. Guru digalakkan menggunakan bahan sumber yang dibekalkan oleh pihak kementerian untuk menyalurkan maklumat yang lebih mendalam kepada pelajar selain sebagai bahan rangsangan untuk pelajar lebih fokus terhadap isu yang dibincangkan. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah maklumat yang terdapat dalam buku teks akan disalurkan sepenuhnya kepada pelajar. Hal ini kerana soalan peperiksaan adalah merujuk dan berpandu sepenuhnya kepada bahan yang terdapat dalam buku teks. Justeru, pada ketika itu guru memainkan peranan menerangkan dan menjelaskan kepada pelajar agar mereka lebih mudah untuk memahami dan mengetahui isi pelajaran yang terkandung dalam sukan pelajaran tersebut.

Pelaksanaan KBSR yang kemudiannya disusuli KBSM menuntut pelajar lebih peka dan berani dalam mengeluarkan pendapat serta hujah yang bernas dan tersusun. Justeru, pihak kementerian menyarankan agar guru bertindak sebagai pemudah cara semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Menurut Killen, pembelajaran melalui perbincangan merupakan proses berinteraksi secara bersemuka di mana pelajar dapat bertukar-tukar idea, membincangkan atau menyelesaikan sesuatu masalah, menjawab persoalan, mengukuhkan serta meningkatkan kefahaman pelajar. Kaedah ini turut dapat menggalakkan pelajar bekerjasama dan berkongsi pendapat serta mewujudkan sikap suka membaca kerana perlu membuat rujukan, memperkembangkan kemahiran belajar dalam melatih dan mengeluarkan pendapat serta buah fikiran secara logik dan matang di samping mengukuhkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan. Peranan guru sebagai penyiar maklumat dalam kaedah ini adalah apabila guru memilih topik berasaskan pengalaman, kebolehan dan minat pelajar semasa proses pengajaran. Ketika ini guru akan membantu pelajar untuk bersedia dalam aktiviti perbincangan dan

idea yang disumbangkan oleh pelajar dengan bantuan guru. Pelajar berpeluang mengemukakan isu-isu, pendapat dan idea-idea mengenai sesuatu topik yang diberi guru.<sup>130</sup>

Namun begitu, bagi sesetengah pelajar terutama pelajar yang rajin dan pintar, pembelajaran begini kurang diminati dan dikatakan sering menimbulkan kebosanan dan kejemuan kerana mereka kurang berpeluang terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Hal ini jelas dapat dilihat dalam kenyataan mereka yang menyatakan pengajaran dalam bentuk kaedah-kaedah ini kurang menarik dan mencabar kebolehan mereka. Walau bagaimanapun, sebagai cara untuk mengatasi kelemahan kaedah-kaedah ini, beberapa cadangan pelajar diambil kira. Antaranya ialah:

Pelajar perlulah diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif. Bahan-bahan pembelajaran perlulah dipelbagaikan dalam bentuk yang lain dari penggunaan teks dan nota. Guru perlulah merancang dan memperkemaskan pengajarannya dan bukan dibuat secara spontan seperti membaca sahaja dari teks.<sup>131</sup>

Justeru, guru perlu mengambil kira tentang penggunaan pelbagai kaedah dan bahan pengajaran serta menekankan penglibatan aktif pelajar serta menyedari wujudnya perbezaan individu dalam kalangan pelajar.<sup>132</sup>

Malahan kepentingan kaedah dan pendekatan yang digunakan boleh dilihat melalui satu ungkapan oleh Leo Scaglia:

*As teachers we must believe in change, we must know it is possible, or we wouldn't be teaching – because of education is a constant process of change. Every single time you "teach" something to someone, it is ingested, something is done with it, and new human being emerges.*<sup>133</sup>

Ungkapan di atas menggambarkan betapa pentingnya strategi guru sebagai penyampai ilmu dan maklumat serta kemahiran kepada pelajar-pelajar dalam mencorakkan kehidupan mereka. Guru boleh diibaratkan sebagai lilin yang

<sup>130</sup> R. Killen., *Effective Teaching Strategies*, Australia: Social Sciences Press, 1947, hlm. 8.

<sup>131</sup> Rohana Zubir, ‘Pembelajaran Sejarah Melalui Kaedah Belajar Sendiri’, dalam S.B.Chew. et al, (eds), *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 86-108.

<sup>132</sup> Shamrin Surip, ‘Kaedah Bercerita’, <http://www.authorstream.com/Presentation/firohar-2334815-kaedah-bercerita-dll/>. (tarikh diakses 29 November 2014)

<sup>133</sup> J. Loughran & D. Corrigan., ‘Teaching Portfolios: A Strategy for Developing Learning and Teaching in the Pre-Service Teacher Education’, *Teaching and Teacher Education* 11 (6), 1995, hlm. 565.

menyinarkan hidup pelajar. Guru sebagaimana ditakrif oleh Iman Al-Ghazali sebagai seseorang yang menyampaikan sesuatu yang baik, positif, kreatif atau membina kepada seseorang yang berkemampuan tanpa mengira peringkat umur walaupun terpaksa melalui pelbagai cara dan kaedah sekali pun tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.<sup>134</sup> Malahan guru dikaitkan dengan konsep guru sebagai model dengan kepakaran dan ketinggian ilmu pengetahuan serta pembelajaran yang dimiliki oleh guru tersebut.<sup>135</sup>

Menurut Bain, guru harus menyoal pelajar dan menggalakkan pelajar mengajukan soalan dalam usaha membantu pelajar berfikir seperti ahli sejarah dan melibatkan pelajar untuk mengalami sejarah. Ahli sejarah kebanyakannya kerap menggunakan soalan seperti ‘mengapa’ dan ‘bagaimana’ apabila mengajar Sejarah.<sup>136</sup> Oleh itu penyoalan adalah amat penting untuk menerapkan kemahiran berfikir pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Malahan penggunaan soalan juga dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.<sup>137</sup>

Seterusnya pihak kementerian menentukan peraturan dan garis panduan kepada guru-guru. Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan merupakan antara pendekatan dan kaedah yang digunakan dan mesti dipatuhi oleh pelajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti yang dirancang. Peraturan mencakupi aspek guru dapat mengajar dan murid dapat belajar dalam suasana yang kondusif. Di sini tanggungjawab dan peranan guru termasuk ketika memberikan taklimat, tindak balas terhadap soalan, guru keluar kelas, agihan buku dan bahan mengajar, permulaan pelajaran dan akhir pelajaran dan sebagainya. Pendekatan ini membolehkan guru memastikan jaminan keselamatan fizikal dan psikologikal harta sekolah serta menjaga hak dari segi kehormatan dan kemuliaan.<sup>138</sup> Aspek ini merupakan suatu pendekatan dan

<sup>134</sup> Hamid Fahmy Zarkasyi, *Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 67.

<sup>135</sup> Noraha binti Saat, ‘Pelaksanaan dan Masalah Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran Sejarah di Sekolah Menengah Rendah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 20-21.

<sup>136</sup> Haminah Hj Suhaibo, ‘Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu’, *Jurnal Penyelidikan*, Institut Pendidikan Guru, KBL, Jilid.9, 2010, hlm. 40.

<sup>137</sup> R.J.S. Brown., ‘Scrapping History and Geography: A Response to Paul Schumann’, *Education Leadership*, vol. 37, 1980, hlm. 15.

<sup>138</sup> Ahmad Ali Seman et.al, ‘Peranan Guru dan Pelajar dalam Membentuk Hubungan Etnik di Sekolah’, Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, Institut Pendidikan Guru, vol.1, 5-7 November 2015, hlm. 67.

kaedah tidak langsung yang diterapkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Berikutnya guru menjadi model hidup apabila tingkah laku guru menjadi contoh teladan kepada pelajar. Nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh guru di sekolah secara tidak langsung diterapkan dalam jiwa pelajar. Ini antara pendekatan yang disarankan kepada guru untuk menarik minat pelajar dari aspek psikologi bahawa penampilan, tingkah laku dan gerak gaya guru penting sebagai asas menarik minat pelajar terhadap pelajaran yang diajar. Justeru, dapat dikatakan bahawa guru bukan hanya menyampaikan ilmu pengetahuan sahaja, tetapi menggunakan pelbagai cara dan pendekatan untuk memupuk sikap, nilai dan sahsiah pelajar-pelajar agar sempurna selaras dengan kehendak masyarakat dan negara amnya.<sup>139</sup> Tambahan pula guru mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat dan hubungan ini membolehkan guru menggunakan statusnya untuk menyebarkan nilai-nilai positif kepada ahli masyarakat khususnya kepada pelajar-pelajar.

Selain itu, guru Sejarah diberi kursus untuk menguasai teknik pengajaran kerana pengajaran dan pembelajaran guru Sejarah kurang berkesan dalam memberikan penghayatan dan pemahaman sejarah tanah air kepada para pelajar. Justeru, setiap guru harus menggunakan pelbagai kaedah sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan antaranya mengaplikasikan teknologi maklumat (IT) dan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian komputer yang dibekalkan kepada pihak sekolah. Antara perisian yang dibekalkan seperti perisian IBM 650 pada tahun 1959, CBI (Computer-Based Instruction), CMI (Computer-Managed Instruction) pada pertengahan tahun 1970-an dan komputer mikro pada tahun 1977.<sup>140</sup> Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dengan menggunakan bahan-bahan ini, yakni terdapatnya

<sup>139</sup> Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin, ‘Ke Arah Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara’, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988 dalam Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, ‘Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan’, *MALIM-SEA Journal of General Studies II*, 2010, hlm. 2.

<sup>140</sup> Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001.

interaktif antara guru dan murid, interaktif guru dengan bahan pengajaran, interaktif murid dengan bahan pengajaran dan interaktif murid dengan murid.<sup>141</sup> Malahan sesekali disarankan melakukan interaktif tokoh sejarah dengan murid di sekolah adalah sesuatu yang amat berkesan.

Sesungguhnya, kerajaan begitu serius dalam memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dan pelbagai usaha telah dilaksanakan. Menurut Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak kementerian memang bertegas menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai teras dan wajib dipelajari oleh pelajar secara berterusan bermula dari tingkatan satu hingga lima pada peringkat sekolah menengah. Kurikulum Sejarah dilaksanakan di sekolah ketika ini digubal dengan memberi penekanan kurikulum Sejarah pada peringkat sekolah menengah rendah dan seterusnya berkesinambungan pada peringkat sekolah menengah atas supaya asas pengetahuan, nilai patriotisme, kemahiran sejarah dan pengalaman yang diperoleh dapat diperkuuh dan diperkembangkan lagi.<sup>142</sup>

Demikian juga guru diberi kursus dalam bidang bimbingan dan kaunseling yang bukan sahaja berfokus kepada pelajar bermasalah, tetapi mencakupi pelbagai bidang pembelajaran. Guru diterapkan dengan penggunaan pendekatan psikologi untuk membentuk tingkah laku pelajar, malah guru bertindak sebagai golongan yang memberikan nasihat berguna kepada pelajar. Sebagai lapisan masyarakat yang sudah lama mengharungi kehidupan, guru boleh memberikan maklumat tentang erti kehidupan yang penuh cabaran ini. Semua nasihat yang diberikan itu pasti berguna buat pelajar yang sedang bergelora menongkah arus kehidupan yang penuh cabaran terutama tekanan peperiksaan yang meruncing. Lantaran itu, tugas memberi nasihat ini menjadikan guru insan terpenting dalam kehidupan seorang yang bergelar pelajar.<sup>143</sup>

<sup>141</sup> W.S.Toh, ‘Student-Centered Educational Beliefs and Teacher Education’, *Jurnal Penyelidikan MPBL*, (4), 2001, hlm. 93.

<sup>142</sup> Aminuddin Mansor, ‘Menarik Minat, Memantapkan Pelajaran Sejarah di Sekolah’, Utusan Melayu (M) Bhd, [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121015/re\\_05/Menarik-minat-memantapkan-pelajaran-sejarah-di-sekolah#ixzz4YzllI6oK](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121015/re_05/Menarik-minat-memantapkan-pelajaran-sejarah-di-sekolah#ixzz4YzllI6oK) (tarikh diakses 15 Oktober 2012).

<sup>143</sup> Dorothy Keiter, ‘Peranan Guru Sebagai Pembimbing Kanak-Kanak’, *Buletin Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil.1, Jilid 2, 21 Februari 1974, hlm. 4.

Menurut Ashaari dan Omardin, peringkat pertama sebelum proses pengajaran, guru mempunyai kebolehan untuk mentafsirkan sukanan bagi mata pelajaran yang hendak diajar. Pentafsiran sukanan pelajaran ini adalah bagi memudahkan para guru dalam merancang pengajaran dan penggunaan kaedah yang lebih berkesan. Sebagai contoh, dalam pengajaran Sejarah, Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa objektif penting. Antaranya ialah untuk melahirkan warganegara yang akan mencurahkan taat setia di samping menanamkan semangat kasihkan tanah air. Maka, dengan adanya objektif yang tersedia, guru boleh merangka beberapa matlamat lain untuk menyampaikan pengajarannya dengan menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai.<sup>144</sup>

Pihak kementerian juga telah menetapkan masa yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran Sejarah bersesuaian dengan teknik dan langkah yang perlu dilaksanakan oleh guru. Malahan peruntukan masa yang sesuai juga telah ditetapkan agar masa pengajaran dapat diselaraskan dan dilakukan dengan sempurna dan penglibatan para pelajar dalam sesuatu aktiviti dapat dimaksimumkan. Dengan kata lain, guru perlu bijak dalam mengawal keadaan bilik darjah mereka. Bilik darjah yang tidak terkawal adalah punca hilangnya minat pelajar untuk belajar.<sup>145</sup>

Oleh itu, semasa menyampaikan pengajaran, pemikiran positif dan bersangka baik guru terhadap pelajar amat penting agar ilmu yang disampaikan diterima dengan hati terbuka, ikhlas, telus, tulus, berminda ceria dan humor. Situasi sedemikian akan dapat menimbulkan interaksi positif dan konstruktif yang menghasilkan keberkatan ilmu yang disampaikan demi manfaat jangka pendek dan jangka panjang pelajar dan guru, serta masyarakat dan negara akan memperoleh manfaat seterusnya.

Justeru, guru mempunyai peraturan dalam pendekatan yang digunakan agar pembelajaran yang dirancang dan diatur dalam buku persediaan mencapai matlamat

---

<sup>144</sup> Ashaari & Omardin, *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 23.

<sup>145</sup> Abdul Razaq and Isjoni, *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*, Penerbitan bersama Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia, 2009, hlm. 183.

yang digagaskan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini kerana kejayaan pelajar adalah penentu kejayaan pengajaran berkesan seorang guru. Oleh yang demikian, mengikuti kaedah dan peraturan dalam susun atur pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan di bilik darjah adalah langkah ke arah pendidikan berkesan.

(a) Persediaan Rancangan Pengajaran

Sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, aspek utama yang ditekankan adalah membuat perancangan pelajaran sama ada guru tersebut guru baru, guru berpengalaman hatta sekali pun guru cemerlang dan guru pakar. Persediaan mengajar oleh guru melibatkan masa yang berbeza mengikut pencapaian pelajar, kelas, bahan dan kearifan individu guru. Objektif dan isi pelajaran disusun mengikut keutamaan atau kefahaman pelajar dimulai dengan yang mudah kepada yang lebih sukar. Penerangan disampaikan secara tersusun tanpa memasukkan terlampau banyak isi pelajaran agar pelajar memperoleh isi pembelajaran semaksimum mungkin.

(b) Mempertingkat pengetahuan, Kemahiran dan Pengalaman

Guru sebagai pendidik memiliki pelbagai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang komprehensif terhadap bidangnya. Malah guru sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran yang diajar agar sentiasa kemas kini dan menarik. Hal ini merupakan persediaan guru sekiranya terdapat persoalan daripada pelajar berkaitan tahap ketidakfahaman dan kejelasan pelajar. Maka sekiranya guru berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya guru dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan pelajar.

### (c) Mempelbagaikan Teknik Pengajaran

Pengajaran dan pembelajaran menjadi lancar, menarik dan berkesan apabila guru menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan isi pelajaran serta kemahiran yang akan dicapai oleh pelajar. Guru yang bijaksana akan sentiasa mengubahsuai kaedah pengajaran mengikut jangkaan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah. Bagi guru yang berhasrat untuk menjadikan pengajarannya efektif, percubaan demi percubaan dilakukan dalam melaksanakan sesuatu kaedah. Kaedah-kaedah yang digunakan berperanan penting sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen pelajar. Walau bagaimanapun, guru yang bijak menggunakan gaya tingkah laku dan intonasi suara, bercerita, memek muka, unsur humor dapat menarik minat pembelajaran dan murid mengikuti pengajaran secara efektif.

### (d) Interaksi dan Penglibatan Pelajar

Tanggungjawab sebagai pendidik menjadikan guru sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan pelajar dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi pelbagai hala antara guru dan pelajar dan pelajar dengan pelajar teras keberkesanan pengajaran dan pembelajaran meskipun pembelajaran melalui kaedah ini kurang dipraktikkan oleh guru terutama pada zaman selepas merdeka. Antaranya proses penyoalan akan menghasilkan komunikasi dan interaksi yang akan menyebabkan pelajar berasa pendapat dan kehadirannya diperlukan serta dihargai. Hal ini kerana dalam pembelajaran pelajar digalakkan untuk mengemukakan soalan, pendapat dan menunjuk cara perlakuan. Apabila guru berjaya mencetuskan minat pelajar, mereka bukan saja akan terlibat secara aktif, malah akan sentiasa menunggu-nunggu kedatangan guru berkenaan.

### (e) Gaya Penyampaian dan Tindakan Susulan

Penyampaian guru yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar menjadikan mereka lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran sehingga tamat. Kepelbagaian dalam gaya penyampaian dan bahasa yang mudah difahami menjadikan pembelajaran pelajar lebih berkesan. Penggunaan bahasa yang mudah, penerangan yang jelas dan perbincangan isi pelajaran yang di dalamnya terdapat pengetahuan dan kemahiran pelajar yang diajar membantu pelajar memahami isi pelajaran dengan baik. Maka tidak mustahil, berdasarkan analisis dapatan temu bual mendapati guru-guru responden dari pelbagai negeri banyak menggunakan dialek semasa mereka mengajar. Tujuannya agar pelajar mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan. Malahan penyampaian guru juga perlu berbeza di antara murid sekolah rendah dengan sekolah menengah. Kepelbagaian gaya bahasa dan penerangan yang jelas memudahkan pelajar menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran.

### (f) Susunan Bilik Darjah yang Kondusif

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat berkait rapat dengan susunan bilik darjah yang kondusif. Keadaan sedemikian membolehkan guru melaksanakan perancangan pengajaran dengan berkesan dan pencapaian pembelajaran maksimum. Bilik darjah merupakan medan peranan guru dalam melaksanakan tanggungjawab dalam kerjayanya. Walau bagaimanapun, suasana bilik darjah boleh mendorong atau menghalang proses pembelajaran, bukan sahaja keadaan fizikal, suhu dan cahaya yang dipentingkan tetapi lebih penting lagi ialah suasana rasa hati terhadap apa yang disampaikan guru memberi kesan kepada psikologikal kepada pelajar.<sup>146</sup>

<sup>146</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia ‘Peranan Guru Sebagai Seorang Pembimbing Kanak-Kanak’, *Buletin Pendidikan*, KPM: Dewan Bahasa dan Pustaka, Bil.1, Jilid.2, Februari 1974, hlm. 4-5.

## **Kesimpulan**

Pemilihan kaedah dan pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah sangat penting kerana dari situ akan timbulnya minat, motivasi dan semangat pelajar untuk belajar. Jika pendekatan yang digunakan tidak menarik dan membosankan, maka akan mempengaruhi minat pelajar untuk belajar. Kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan agar pembelajaran Sejarah mencapai objektif sebagaimana yang diharapkan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara. Malahan pelbagai usaha turut dilakukan terhadap cara, langkah dan kaedah agar pelajar dapat memahami dan menyemat semangat jati diri melalui pembelajaran Sejarah.

Dalam usaha melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjurus kepada pemupukan pemikiran sejarah dalam kalangan pelajar di samping kandungan kurikulumnya. Apa yang paling penting pelajar dapat menghayati dan memahami jalur sejarah bangsa dan negara sebagai asas membina jati diri ke arah pembinaan negara bangsa dan semangat patriotisme.

Oleh sebab itu, setiap pengajaran yang dilaksanakan sama ada di bilik darjah atau di luar bilik darjah, guru bijak mengatur dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian agar dapat mewujudkan pengajaran yang berkesan. Maka dengan ini, tujuan dan objektif pengajaran akan tercapai dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kaedah dan pendekatan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pengajaran Sejarah akan menghasilkan pembelajaran Sejarah yang berkesan dan objektif pembelajaran tercapai.

## BAB LIMA

### CABARAN DAN HALANGAN DALAM PEMBELAJARAN SEJARAH

#### Pengenalan

Secara umumnya, tahun-tahun 1960-an dan tahun-tahun 1970-an adalah tahun-tahun perubahan dalam perkembangan pendidikan di Malaysia. Perubahan-perubahan ini turut melibatkan kedudukan mata pelajaran Sejarah. Tambahan pula, menurut Mas Indra Pura, pelajaran Sejarah atau Tawarikh sangat mustahak sebagai pelajaran yang boleh dijadikan bahan untuk menyalurkan pendidikan cinta kepada tanah air, memupuk rasa kasih sayang antara satu sama lain, mendidik sifat-sifat hormat-menghormati dan menghargai serta memupuk naluri membanggakan kebolehan warganya dan masyarakat. Walau bagaimanapun, pada ketika itu pelajaran Tawarikh tidak begitu jelas tentang apakah tujuan dan kesimpulan atau matlamat yang dikehendaki oleh sebahagian daripada bahan-bahan pelajaran Tawarikh seperti:

Jika ditilik dari segi umur dan kesanggupan kanak-kanak yang umurnya bawah 13 tahun hingga 14 tahun tidaklah berfaedah disogok dengan pelajaran yang tidak ada hubungan dengan pengalaman dan minatnya. Sementelahan pula pelajaran Tawarikh pada ketika itu tidak mempunyai unsur pendidikan yang bercorak Tanah Melayu dengan jelas.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun, mata pelajaran Sejarah sebagaimana diajarkan di sekolah-sekolah tidak dapat lari daripada permasalahannya. Tahun-tahun sebelum merdeka, masalah yang menonjol ialah kekurangan kemudahan asas seperti buku teks, masalah pelajar, guru, perubahan kurikulum dan sukatan pelajaran. Tetapi dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an mewakili masalah-masalah yang lebih luas dan mendalam terhadap mata pelajaran tersebut seperti masalah psikologi dalam kalangan guru dan pelajar. Di samping itu, kesedaran tentang kepentingan persejarahan tempatan dan penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah juga turut kelihatan pada tahun-tahun tersebut.

<sup>1</sup> Berita Harian, 25 Mei 1960, hlm. 4.

Justeru, dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah, setiap permasalahan yang muncul perlu dikenal pasti untuk mencari alternatif terbaik dalam menyelesaikan masalah tersebut sehingga wujudnya halangan dan cabaran dalam pembelajaran Sejarah. Hal ini kerana pembelajaran Sejarah masih belum mencapai kesatu tahap yang memuaskan meskipun telah 32 tahun mata pelajaran ini diajar secara formal di peringkat sekolah iaitu dari 1957 hingga 1989 sama ada dalam aspek peperiksaan, perpaduan atau aspek jati diri pelajar. Oleh itu, bab ini akan mengupas berkaitan cabaran dan halangan berkaitan sikap pelajar, buku teks, guru dan kurikulum. Setiap aspek ini diberi perincian mendalam berkaitan permasalahan yang timbul pada ketika itu sehingga mata pelajaran Sejarah diangkat menjadi subjek teras pada tahun 1989.

### **Cabaran dan Halangan Berkaitan Sikap Pelajar**

Pelajar Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik termasuk Melayu, Bumiputera, Cina dan India. Komposisi populasi sebegini telah menyumbang kepada perbezaan dari segi bahasa, seni, kebudayaan, kepercayaan dan agama yang menjadi cabaran terbesar bagi kerajaan untuk menyatupadukan semua kumpulan etnik pelajar tersebut. Kejadian Tragedi 13 Mei 1969 jelas menunjukkan wujudnya prasangka dan konflik sehingga menyedarkan kerajaan tentang kepentingan untuk mewujudkan integrasi nasional di negara ini. Justeru, pendidikan sejarah antara mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam proses mewujudkan perpaduan dan menyatukan bangsa. Walau bagaimanapun, setiap langkah yang diambil perlu berhadapan dengan cabaran dan halangan yang perlu dilihat dan dirungkai agar mata pelajaran ini mencapai matlamat dan gagasan yang dituju.

Cabaran-cabaran dalam pendidikan sejarah ini dikategorikan kepada beberapa aspek antaranya berkaitan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Cabaran yang melibatkan pelajar apabila berubahnya sesebuah dasar terutamanya

dalam pendidikan sejarah adalah berkaitan tarikan minat, sebagaimana umum sedia maklum bahawa pelajar kurang berminat terhadap pembelajaran Sejarah. Namun tidak dinafikan masih ramai yang meminati mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun mereka yang kurang berminat itu akan memberi kesan dan menjelaskan aspek yang dirancang tidak tercapai. Malahan terdapat dalam kalangan pelajar yang melihat sejarah sebagai bebanan dalam kehidupan seorang pelajar. Terdapat beberapa punca berkaitan cabaran pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, antaranya pelajar hilang minat terhadap mata pelajaran ini. Punca hilang minat pelajar berikutan teknik pengajaran Sejarah yang tidak menarik dan kaedah pengajaran yang tidak berkesan serta membosankan. Malahan aspek lain berkaitan sistem penilaian yang berasaskan peperiksaan, kandungan kurikulum yang luwes, tanggapan negatif bahawa pelajaran Sejarah tiada nilai ekonomi serta kesukaran pelajar memahami istilah dalam pembelajaran Sejarah.

### ***Pelajar Kurang Minat***

Di Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan tentang sikap pelajar mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pencapaian pelajar. Rohana Zubir dalam kajiannya menyatakan bahawa mata pelajaran Sejarah di sekolah merupakan satu pengajaran yang paling sukar untuk diajar secara berkesan. Menurut beliau, faktor luaran seperti kepesatan kurikulum dan keperluan peperiksaan ditimbulkan sebagai penghalang kepada pengajaran Sejarah yang berkesan dan faktor dalaman iaitu kekurangan minat menjadi penghalang kepada pembelajaran Sejarah yang berkesan.<sup>2</sup>

Cabaran berkaitan sikap pelajar ini juga boleh dilihat dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Leong Yin Ching dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bank Dunia. Kajian tersebut dijalankan ke atas sekolah-sekolah rendah (untuk peperiksaan darjah V) dan

<sup>2</sup> Rohana Zubir, 'The History Teacher's Dilemma: Fact or Fiction', *Majalah Pendidikan*, Jilid.9, 1982, hlm. 87-93.

sekolah menengah (untuk peperiksaan awam SRP, SPM dan STPM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap pelajaran boleh mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Majoriti guru di sekolah pencapaian tinggi pada umumnya memperlihatkan sikap pelajar-pelajar mereka yang sangat berminat terhadap mata pelajaran yang diajar dan keadaan sebaliknya akan berlaku jika pelajar tidak berminat terhadap sesuatu mata pelajaran itu.<sup>3</sup>

Suatu aspek yang menarik perhatian jelas pada tahun 1966 berdasarkan laporan seorang guru Sejarah di Britain iaitu Mary Price yang membuat kajian ke atas 10 ribu pelajar di Britain mengenai mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian tersebut yang tersiar dalam artikelnya *History in Danger* pada tahun 1968, mendapati mata pelajaran Sejarah telah ditempatkan di bahagian akhir dalam senarai mata pelajaran yang berguna dan menarik serta tempat teratas dalam senarai mata pelajaran yang tidak berguna dan berkepentingan serta membosankan.<sup>4</sup> Keadaan yang hampir sama ditunjukkan oleh pelajar di Malaysia terhadap mata pelajaran ini. Misalnya daripada keputusan peperiksaan yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, mata pelajaran Sejarah tidak menunjukkan keputusan yang membanggakan, malah mendukacitakan. Contohnya keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE) pada tahun 1978 dan 1979 telah memperlihatkan pencapaian calon-calon apabila 70 peratus (%) dari jumlah calon-calon mendapat markah di bawah dari 19 peratus (%).<sup>5</sup> Justeru itu, persoalan tentang pengajaran dan pembelajaran Sejarah sering dan kerap diperkatakan. Semenjak tahun 1960-an lagi, perkara ini sering diutarakan dan dalam hal yang sama juga muncul di tahun-tahun 1970-an sama ada dalam seminar, akhbar dan majalah. Fenomena ini sekali gus memperlihatkan konflik yang dihadapi oleh mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah.

<sup>3</sup> Leong Yin Ching, *Factors Influencing the Academic Achievement of Students in Malaysian School*, Report Prepared for the Educational Planning and Research Division, Kuala Lumpur: Ministry of Education, 1990, hlm. 21.

<sup>4</sup> Artikel Mary Price ini tersiar dalam rencana Mohd. Said b. Hj. Mohd Razi, ‘Matlamat Pengajaran Guru-Guru Sejarah-Satu Pendapat’, *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia* (Jemaah Nazir Persekutuan), Jilid xxvii, Keluaran 63, Jun 1982, hlm. 61.

<sup>5</sup> Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1978, Lembaga Peperiksaan, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980 dan Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1979, Lembaga Peperiksaan, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

Keadaan dan situasi yang berlaku terhadap mata pelajaran ini merupakan suatu cabaran untuk meningkatkan dan memartabatkan pendidikan sejarah di sekolah. Rata-ratanya menyatakan bahawa pembelajaran Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang membosankan sehingga menimbulkan perasaan kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Keadaan ini turut dikaitkan dengan bagaimana pengajaran dan pembelajaran guru Sejarah di bilik darjah menyampaikan maklumat kepada pelajar. Kebosanan timbul ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung apabila guru terlampau terikat dengan penggunaan buku teks. Penggunaan buku teks semata-mata tanpa bahan sokongan yang lain telah menjadi salah satu penyebab mengapa mata pelajaran Sejarah ini menjadi begitu membosankan. Nota-nota yang diberikan adalah dipetik bulat-bulat daripada buku teks yakni cara paling mudah yang lazimnya dilakukan oleh guru-guru Sejarah untuk dibaca di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran.<sup>6</sup>

Malahan fenomena yang dikaitkan sebagai faktor penyebab pelajar kurang minat juga berikutan pengajaran guru yang kurang menarik dan sikap pelajar sendiri yang kurang berinisiatif untuk menyesuaikan diri dengan mata pelajaran yang diajar. Aspek ini dilihat sebagai suatu cabaran yang perlu ditangani agar mata pelajaran Sejarah mendapat tempat dalam jiwa pelajar. Keadaan akan menjadi lebih rumit sekiranya sikap pelajar ini berterusan dan sekali gus akan menjadi halangan kepada pembentukan semangat jati diri dan sayangkan negara. Menurut Aini Hassan:

Ramai di antara kita pernah melalui pengajaran dan pembelajaran Sejarah di peringkat sekolah yang membosankan dan tidak bermakna tetapi tidak ramai yang pernah mengalami pembelajaran yang menarik dan bermakna.<sup>7</sup>

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa pembelajaran Sejarah itu amat membosankan, sementelahan pula pelajar tidak mempunyai pengetahuan sedia ada. Maka guru dijadikan sebagai sumber maklumat total dan pembelajaran berlangsung secara satu

<sup>6</sup> Leong Yin Ching, *Factors Influencing the Academic Achievement of Students in Malaysian School*, Report Prepared for the Educational Planning and Research Division, Kuala Lumpur: Ministry of Education, 1990, hlm. 21.

<sup>7</sup> Aini Hassan, 'Penggunaan Pelbagai Kaedah Mendapatkan Data Kualitatif Pengetahuan Guru', *Jurnal Pendidikan*, Jilid. 21, 1998, hlm.109-120.

hala. Pelajar hanya mengharapkan input daripada guru sahaja. Oleh sebab itu, pelajar dan guru berasa bosan ketika mata pelajaran ini berlangsung. Sesungguhnya proses pengajaran di dalam kelas seharusnya melibatkan dua pihak iaitu guru dan pelajar, namun sekiranya guru hanya menitikberatkan proses menghabiskan silibus berbanding aspek penghayatan dan penerapan nilai sejarah, maka keadaan ini boleh menyebabkan interaksi dua hala itu hilang fokus. Kesannya pelajar akan hilang minat, malahan beranggapan mata pelajaran Sejarah sebagai suatu beban akademik.<sup>8</sup>

Demikian juga dengan sikap kurang minat pelajar terhadap guru mata pelajaran mempengaruhi minat serta usaha ke arah kejayaan akademik seseorang pelajar. Pelajar kebanyakannya mempunyai minat untuk belajar sekiranya guru memainkan peranan yang penting dalam sesbuah kelas. Guru yang bijak dalam melaksanakan aktiviti di dalam kelas dengan menyediakan kaedah-kaedah yang sesuai merupakan seorang guru yang bagus dalam meningkatkan minat pelajar itu sendiri. Sikap negatif pelajar terhadap sekolah dan guru boleh melemahkan minat dan motivasi mereka dalam subjek yang diajar oleh guru.<sup>9</sup> Menurut Foo Siet Chooi, minat menentukan pencapaian dalam mata pelajaran yang dipelajari. Oleh itu didapati bahawa, minat, semangat serta usaha adalah sangat penting kerana aktiviti pengajaran yang baik tidak menjamin pencapaian yang baik bagi seseorang pelajar. Hal ini demikian kerana wujudnya minat yang mendalam dalam diri seseorang pelajar akan mendorong untuk berusaha gigih bagi mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran yang dipelajari.<sup>10</sup>

Keadaan bertambah buruk apabila sikap pelajar yang tidak gemar membaca buku terutamanya buku-buku sejarah yang dianggap *out of date*. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Prof. Dr. Ungku Aziz bahawa kebanyakan warganegara ini tidak gemar membaca dan tidak mengutamakan tabiat membaca. Kajian yang dijalankan menurut beliau bahawa orang Melayu terutamanya secara purata membaca

<sup>8</sup> Atan Long, *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1982, hlm. 17.

<sup>9</sup> Suradi Salim, ‘Tinjauan Sikap dan Tabiat Belajar Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sembilan’, *Jurnal Pendidikan*, No.11, 1987, hlm. 77-90

<sup>10</sup> Foo Siet Chooi, ‘Hubungan Antara Sikap, Jantina dan Penguasaan Konsep Asas Matematik untuk Pelajar Jurusan Sastera’, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm 143.

hanya satu lembaran buku dalam setahun. Tambahan lagi dengan masalah kekurangan bahan bacaan yang sesuai dalam pasaran. Beliau turut menyatakan:

Sistem pelajaran sekolah rendah sebelum ini lebih menggalakkan murid-murid menghafal fakta dan angka-angka untuk memastikan keputusan cemerlang dalam peperiksaan darjah Tiga dan Lima yang bercorak objektif. Hal ini diikuti pula oleh kaedah mengajar yang tidak baik telah melemahkan perkembangan mental kanak-kanak dan tidak menggalakkan mereka membaca.<sup>11</sup>

Sikap negatif ini turut muncul apabila pelajar meletakkan dalam minda mereka bahawa mata pelajaran Sejarah suatu mata pelajaran yang membuang masa. Pelajar sering memberi alasan bahawa mereka tidak faham fakta sejarah yang diajar oleh guru. Pelajar juga kurang berminat belajar tentang peristiwa yang lepas dan beranggapan bahawa subjek Sejarah tidak penting seperti subjek-subjek lain. Anggapan ini menyebabkan mereka semakin kurang berminat untuk mempelajari Sejarah dan motivasi dalam mempelajari Sejarah juga rendah. Akibatnya boleh menjelaskan keputusan peperiksaan mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Aspek ini memberi cabaran kuat kepada negara dalam mempertingkatkan mata pelajaran ini sebaris dengan mata pelajaran yang lain. Sekiranya keadaan ini berterusan, pelajar akan hilang semangat jati diri dan nilai sejarah dalam diri mereka dan dibawa ke generasi berikutnya.

Aspek ini turut diakui oleh A. Deliman yang menyatakan bahawa wujudnya cabaran melibatkan pelajar ini apabila pembelajaran Sejarah hanya suatu sajian yang tidak lebih daripada kisah dari rekonstruksi peristiwa dan aktiviti manusia pada masa lampau.<sup>12</sup> Anhar Gonggong pula dalam kenyataannya bahawa ‘Sejarah dipandang sebahagian orang sebagai masa lampau, lalu dianggap mata pelajaran yang membuang-buang waktu’. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati responden yang berusia antara 47-49 tahun dari pelbagai aliran meminati mata pelajaran Sejarah sebanyak 19 orang iaitu 17.5 peratus (%) dan kurang berminat sebanyak 15 iaitu 14.2

<sup>11</sup> Utusan Malaysia, 19 Ogos 1983, hlm.10.

<sup>12</sup> A. Deliman., ‘Perspektif Materi Pendidikan Sejarah Yang Ideal’ Socio, vol.1, nomor 1. Yogyakarta: HISPISI dan FIS UNY, 2005, hlm. 7-8.

peratus (%), manakala bagi responden yang berumur 50-54 tahun, sebanyak 22 yakni 20.8 peratus (%) berminat dan 16 atau 15.1 peratus (%) kurang berminat terhadap mata pelajaran Sejarah. Seterusnya bagi responden yang berusia 55-59 tahun, sebanyak 15 orang iaitu 14.2 peratus (%) berminat terhadap mata pelajaran ini dan 12 orang bersamaan 11.3 peratus (%) kurang berminat dengan apa yang disampaikan guru sama ada di peringkat SRP mahupun SPM. Demikian juga responden yang berusia antara 60-67 tahun, sebanyak 4 orang iaitu 3.8 peratus (%) berminat terhadap mata pelajaran ini dan sebanyak tiga atau 2.8 peratus (%) kurang berminat. Maka jelas menunjukkan bahawa responden yang lahir antara tahun 1970-an sehingga lewat 1950-an ini memberi pandangan dan maklumat yang pelbagai berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka pada ketika itu. Secara keseluruhannya, minat telah mengatasi kurang minat dalam mata pelajaran Sejarah, namun cabaran untuk menarik minat pelajar yang kurang minat ini memerlukan suatu pendekatan yang terbaik.

Oleh itu, perlu difahami sesungguhnya minat mempunyai pengaruh yang besar terhadap aktiviti belajar.<sup>13</sup> Lantaran itu, guru memiliki tanggungjawab akademik dan moral untuk mencitrakan mata pelajaran yang dibinanya agar menjadi menarik dan diminati oleh pelajar-pelajar dan para siswa.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, kelemahan dari segi pengajaran masih menjadi isu utama yang berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Keadaan ini ditambah lagi dengan corak pengajaran mata pelajaran Sejarah serta latar belakang guru yang tidak mempunyai kemahiran asas sejarah merupakan antara faktor hilang minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

### ***Kesukaran Memahami Istilah dan Ayat Panjang***

Kesukaran pelajar memahami ayat yang panjang, istilah yang sukar, abstrak dan di luar pengalaman mereka turut memberi cabaran kepada pelajar untuk mempelajari dan mendalami ilmu sejarah. Misalnya istilah ‘diplomasi’, ‘cyclized’, ‘linatex’,

<sup>13</sup> Anhar Gonggong, ‘Sejarawan: Cara Guru Mengajar Sejarah Harus Dievaluasi’, *Suara Merdeka*, 23 Jun 2005, hlm. 7.

<sup>14</sup> Berita Harian, 5 Disember 2010.

‘boksid’, ‘vernacular’, ‘enakmen’, ‘singkheh’ dan sebagainya<sup>15</sup> antara istilah yang sukar difahami dan diingati oleh pelajar. Malahan terdapat ayat-ayat yang panjang seperti ‘Dalam masa pendudukan Jepun (1942-1945), pemerintahan Jepun telah memberi Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu untuk ditadbirkan oleh kerajaan Thailand pada bulan Oktober, 1943, manakala negeri-negeri lain telah dicantumkan pentadbirannya dengan Sumatera dengan Singapura sebagai ibu negeri’, ‘Satu pertubuhan orang-orang Cina yang kuat akan dapat bertanding dengan Komunis yang memberontak pada tahun 1948 untuk mendapatkan sokongan kaum pekerja Cina kerana faham Komunis merupakan satu ancaman kepada kepentingan kedua-dua kelas pertengahan dan kapitalis Cina’ dan ayat-ayat panjang yang lain.<sup>16</sup> Justeru, bagi mengatasi kekurangan dan masalah tersebut, maka guru Sejarah perlu bijak menggunakan media-media dan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengetepikan penggunaan buku teks itu sendiri.<sup>17</sup> Namun, keadaan diburukkan lagi apabila terdapat dalam kalangan guru yang terlalu menekankan aktiviti bercorak hafalan. Hal ini kerana kebanyakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah dilakukan dalam bentuk hafalan iaitu para pelajar ditekankan agar mereka dapat mengingati fakta-fakta seperti tarikh-tarikh, nama-nama tokoh, bahan-bahan, peristiwa-peristiwa seperti perperangan dan pergolakan politik masa lampau. Kesan daripada itu menyebabkan pembelajaran Sejarah di sekolah kurang mengembangkan pemikiran yang lebih kritis. Kaedah pembelajaran ini membosankan pelajar untuk mengingatinya secara terbuka.

Cabarani ini bukan sahaja kepada pelajar Melayu, bahkan juga kepada pelajar-pelajar bukan Melayu kerana mereka sukar untuk mengingati ayat-ayat yang panjang berikutan masalah bahasa dan istilah yang terdapat dalam teks Sejarah begitu mencabar

<sup>15</sup> Raja Mohammed Affandi, *Sejarah Menengah Baru Buku Dua*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1978, hlm, 34-65.

<sup>16</sup> Raja Mohammed Affandi , *Sejarah Menengah Baru Buku Tiga*', Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn.Berhad, 1979, hlm. 1&10.

<sup>17</sup> Shaharuddin Basri Ibrahim, Chan Lee Chiun dan Muslimin Fadzil, ‘Penggunaan Buku Teks Secara Berkesan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah untuk Murid Berprestasi Rendah di Peringkat Sekolah Menengah’, 2004. [https://sejarahmgcm.files.wordpress.com/2009/07/bs\\_kbsm\\_sej3.pdf](https://sejarahmgcm.files.wordpress.com/2009/07/bs_kbsm_sej3.pdf) (tarikh diakses 11 Februari 2008).

tahap pemahaman mereka. Ini merupakan suatu halangan kepada pelajar tersebut untuk lebih meminati mata pelajaran Sejarah. Apatah lagi dengan istilah-istilah yang tidak difahami, maka penghafalan mereka hanya sekadar mengingati semata-mata untuk menghadapi peperiksaan sahaja, namun aspek lain tidak terkesan dalam jiwa mereka. Keadaan ini menyebabkan pengajaran Sejarah dianggap kurang berlandaskan kemahiran berikutan aktiviti pelajar hanya menggalakkan mereka menghafal hujah-hujah tanpa memahami signifikan, kaitan dan implikasi dengan apa yang dipelajari.

G. Bernbaum telah membuat satu kajian tentang bahasa yang digunakan dalam mata pelajaran Sejarah. Menurut beliau, guru Sejarah perlu mentafsir sesuatu perkataan atau rangkai kata untuk mengaitkan peristiwa dengan pemahaman pelajar. Walau bagaimanapun, guru sendiri turut sukar merealisasikan keadaan peristiwa yang sebenar untuk demonstrasi di bilik darjah ini. Guru Sejarah hanya bergantung kepada perkataan, frasa, klausa atau ayat yang sesuai untuk menerangkan kepada pelajar kerana istilah yang terdapat dalam buku teks sukar untuk memberi gambaran sebenar. Kajian tersebut turut berpendapat bahawa guru yang mengajar Sejarah mempunyai kesukaran dalam penggunaan bahasa yang betul.<sup>18</sup>

Kesukaran ini turut mempengaruhi pelajar kerana sekiranya guru menghadapi masalah, apatah lagi pelajar yang sememangnya lemah dalam aspek bahasa dan istilah. Apabila menggunakan perkataan sukar, bukan sahaja pelajar sukar untuk memahami, malah dewasa juga perlu lebih peka dengan keadaan. Menurut Menteri Besar Kota Bharu, Datuk Haji Mohamad Yaakob, hal ini turut berlaku dalam masyarakat sekeliling bukan sahaja kepada pelajar, bahkan berlaku pada sesetengah kakitangan kerajaan yang sering menggunakan perkataan sukar difahami dan kerap digunakan sehingga terdapat sesetengah pihak tidak memahami erti sebenar perkataan tersebut.<sup>19</sup> Sekiranya ini yang berlaku kepada golongan dewasa, apatah lagi pelajar yang cetek ilmunya. Justeru, cabaran-cabaran ini membawa kepada permasalahan dalam mata pelajaran Sejarah

<sup>18</sup> G. Bernbaum., ‘Language in History Teaching’, dalam W.H. Burston, & C.W. Green,(eds) *Hand Book for History Teachers*, London, 1962, hlm. 354-355.

<sup>19</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Ogos 1983, hlm.11.

dalam kalangan pelajar dan menjadi salah satu faktor mengapa mata pelajaran ini kurang diminati oleh kebanyakan pelajar. Justeru, cabaran ini perlu dirungkai dan diatasi dengan sebaik mungkin agar matlamat dalam mata pelajaran Sejarah tercapai.

### ***Sejarah Tiada Nilai Ekonomi***

Permasalahan dan cabaran dalam mata pelajaran Sejarah bukan sahaja melibatkan pelajar Melayu, malahan turut melibatkan kaum lain yang beranggapan bahawa sejarah begitu simplistik, yakni satu disiplin yang remeh-temeh kerana tidak nampak akan kegunaannya. Misalnya pembelajaran Sejarah tidak membolehkan mereka mengisi jawatan-jawatan di sektor pekerjaan terutamanya sektor swasta. Pada pandangan pelajar, mempelajari Sejarah merupakan suatu perbuatan yang membazir dan sia-sia kerana telah mempelajari sesuatu yang telah berlalu dan tidak mencabar seperti mana mata pelajaran lain. Kegagalan pelajar memahami matlamat pengajaran Sejarah ini menyebabkan sebahagian besar daripada mereka menganggap mata pelajaran ini sebagai suatu yang mati dan tidak berguna. Lantaran itu, pelajar menganggap dan mengatakan bahawa pembelajaran Sejarah itu tiada nilai ekonomi, yakni selari dan bersangkut paut dengan konteks pemikiran mereka bahawa kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Sejarah tidak dapat dijadikan sebagai jaminan untuk mendapatkan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mendapatkan pekerjaan yang baik. Kebanyakan daripada pelajar menganggap bahawa mempelajari Sejarah di sekolah hanya sebagai satu syarat untuk menduduki peperiksaan bagi memenuhi syarat persijilan sahaja.

Selain pelajar, pandangan sesetengah guru juga berkait dengan situasi sedemikian apabila guru-guru pada ketika itu digalakkan mendapatkan pelajaran di universiti untuk menambahkan lagi bilangan guru yang berkelayakan. Menurut Menteri Pelajaran ketika itu, iaitu Inche Hussein Onn, kebanyakan daripada pemohon yang memohon untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dalam kalangan guru adalah untuk

kursus-kursus sastera, sedangkan mata pelajaran dalam kursus tersebut terhad bidangnya. Keadaan ini bertentangan pula apabila terdapat dalam kalangan guru yang dibenarkan dan dibuka peluang untuk mengambil kursus-kursus ijazah dalam mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab, tetapi kebanyakannya telah meninggalkan kementerian kerana tawaran-tawaran kerja yang lebih lumayan berdasarkan pengetahuan mereka dalam bidang sains dan ilmu hisab. Hal ini sesungguhnya berlawanan dengan kehendak masyarakat atau pemohon ketika itu yang mana bidang yang dipohon terhad pengambilannya, manakala bidang yang ditawarkan tetapi tidak mendapat sambutan, malah mereka yang telah sedia ada pula sanggup meninggalkan bidang tersebut. Ini menunjukkan bahawa pada ketika itu, mata pelajaran yang memberi nilai komersial mendapat kelebihan dalam bidang pekerjaan dan menjadi pilihan pelajar serta guru.<sup>20</sup> Pemikiran mereka ini mungkin dianggap boleh diterima kerana terdapat kajian yang dijalankan oleh Fox yang mengaitkan pasaran pekerjaan di Amerika Syarikat yang tidak memerlukan pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Sejarah, sehingga menyebabkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah semakin luntur dan berkurangan.<sup>21</sup>

Kownslar menjelaskan bahawa mata pelajaran Sejarah seperti yang diajar di sekolah-sekolah tidak mempunyai kaitan yang rapat dengan keperluan pelajar. Keadaan tersebut berlaku kerana masyarakat melihat fenomena pekerjaan masa kini yang lebih mengutamakan pengetahuan dan kemahiran berdasarkan sains dan teknologi yang tidak berkaitan dengan pelajaran Sejarah.<sup>22</sup> Selain itu, Mc Gee juga berpendapat tentang kurangnya kepentingan mata pelajaran Sejarah dalam pasaran buruh menyebabkan minat pelajar terhadap mata pelajaran ini semakin merosot.<sup>23</sup> Justeru, cabaran pemikiran pelajar berkait dengan sejarah yang dianggap tiada nilai ekonomi ini perlu diatasi dengan segera agar sikap negatif ini tidak berterusan dan menular ke generasi

<sup>20</sup> Hussein Onn, ‘Pelajaran di Malaysia’, Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Senator-Senator dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Lumpur, 18 Februari 1971, hlm. 6.

<sup>21</sup> D.J. Fox., & E. Gerovese., ‘The Crisis of Our Culture and the Teaching of History’, *History Teacher*, (13), 1979, hlm. 89-101.

<sup>22</sup> A.O. Kownslar., ‘The Status of History: Some Views and Suggestion’, *Social Education*, (40) Oktober 1976, hlm. 447- 449.

<sup>23</sup> R.T.Mc Gee., *Conference on the Teaching of History*, Denton Texas: North Texas State University, 1978, hlm.19.

berikutnya. Generasi baru perlu mengetahui bahawa dengan wujudnya semangat cintakan negara, wujudnya nilai jati diri serta perpaduan yang kukuh, secara tidak langsung membawa kepada pembangunan rohani dan sahsiah dalam bidang ekonomi. Tanpa pembangunan rohani dan sahsiah diri, kemajuan dalam bidang ekonomi tidak akan berjaya sepenuhnya. Hal ini kerana kesepakatan dan kesepadan hati antara satu sama lain membawa satu kerjasama yang erat dan boleh membangunkan sesebuah institusi kehidupan.

### ***Kandungan Kurikulum***

Faktor kandungan kurikulum Sejarah yang luas serta terlalu banyak perkara yang perlu diketahui oleh pelajar, menjadikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah tertumpu hanya untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang telah disusun sepanjang tahun. Sukatan pelajaran yang luas menyebabkan mata pelajaran Sejarah kurang menarik minat pelajar sama ada pelajar Melayu atau kaum-kaum lain. Pelajar gagal mengambil iktibar daripada sejarah. Kebanyakan pelajar menganggap bahawa sejarah merupakan suatu peristiwa yang telah mati. Maka dengan itu tafsiran pemikiran mereka bahawa mempelajari Sejarah bermakna mereka hanya perlu mengetahui peristiwa, mengingat tarikh, mengingat nama-nama tempat atau tokoh sahaja.

Ini merupakan suatu cabaran yang melibatkan pelajar apabila mereka sendiri gagal mengambil iktibar daripada kejadian masa lampau untuk dijadikan panduan sebelum melakukan sesuatu tindakan. Kebanyakan pelajar mementingkan mata pelajaran Sains sehingga meminggirkan mata pelajaran Sejarah kerana sekiranya mereka gagal dalam mata pelajaran Sains akan memberi kesan negatif kepada kehidupan mereka jika dibandingkan dengan mata pelajaran Sejarah yang hanya mata pelajaran wajib diambil tetapi jika gagal tidak memberi implikasi kepada mereka kerana mata pelajaran ini tidak menjaskankan pemberian sijil kepada mereka. Justeru itu, mata pelajaran lain seperti Sains lebih mendapat tumpuan pelajar apabila dalam tahun-

tahun awal 1970-an iaitu sebelum semakan kurikulum baru tahun 1978, pelajar-pelajar sekolah sangat fasih mengingati nama-nama tokoh dalam penciptaan alatan sains seperti Marie Curie, Alexander Graham Bell, Newton, Ford dan sebagainya.<sup>24</sup>

Sehubungan dengan itu juga menurut Fines, Sukatan Pelajaran Sejarah terlalu membebankan iaitu terlalu banyak bab atau tajuk-tajuk untuk dipelajari dan pelajar-pelajar pula terpaksa menghafal fakta-fakta tanpa pemahaman.<sup>25</sup> Dalam hal ini Newmann juga turut menyatakan bahawa pelajaran Sejarah dan Sains Sosial lebih menekankan aspek keluasan kursus daripada mendalami sesuatu aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan sedemikian juga merupakan salah satu punca dan faktor penghalang mata pelajaran Sejarah kurang diminati dan dianggap menjemukan bagi sesetengah pelajar.<sup>26</sup> Demikian juga menurut J.W.Hunter yang mengatakan Sukatan Pelajaran Sejarah mengandungi banyak fakta yang tidak dapat dikurangkan kepada satu sistem pengajaran. Maka dengan itu, salah satu kesukaran dalam mata pelajaran Sejarah adalah maklumat yang sangat membebankan pelajar.<sup>27</sup>

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa suatu aspek penting pelajar adalah sikap kerana sikap yang positif dapat mempengaruhi minat terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Malahan aspek ini turut mempunyai hubung kait dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Justeru itu, cabaran dan halangan berkaitan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah mencakupi beberapa aspek utama yang dikenal pasti iaitu pelajar kurang berminat yang mencakupi aspek pengajaran guru, tanggapan pelajar itu sendiri berkaitan pelajaran Sejarah, istilah yang sukar untuk mereka fahami dan sukatan pelajaran yang luas. Faktor ini antara yang menjadi cabaran dan halangan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada peringkat persekolahan yang dikatakan tidak berkesan sehingga pihak berwajib sering melakukan perubahan dan

<sup>24</sup> Kesatuan Guru Melayu Semenanjung, *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah*, Seminar Sejarah Malaysia 1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 16.

<sup>25</sup> J. Fines (ed.), ‘History of Education, An Educationalist in the Age Keate’, *Leading Historical Journals*, London, vol. 9, no.4. 1969, hlm. 438-454.

<sup>26</sup> F.M. Newmann., *Can Depth Replace Coverage in the High School Curriculum?*, Phi Delta Kappan, 1988, hlm. 345-348.

<sup>27</sup> J.W.Hunt., ‘Textbooks and their Uses’ dalam W.H. Burston & C.W. Green (eds), *Hand Book History Teachers*, London, 1962, hlm. 256.

penambahbaikan. Perubahan yang dilakukan termasuk dari aspek dasar, sukatan mahupun pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

### **Cabaran dan Halangan Berkaitan Buku Teks**

Buku teks merupakan sumber utama dalam menyalurkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang baik sama ada di sekolah atau di rumah. Buku teks diterbitkan dengan tujuan membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Jika ditinjau dari aspek sejarah, penggunaan buku teks bermula sekitar tahun 1750. Menurut *Oxford English Dictionary*, buku teks dikenali sebagai ‘school book’. Pada penghujung abad ke-19, penerbitan buku teks telah menjadi tunjang kepada industri penerbitan British.<sup>28</sup> Sepanjang arus perubahan tersebut, buku teks terus menjadi bahan pengajaran yang sering digunakan pada semua peringkat dan merupakan satu-satunya bahan yang digunakan oleh guru, termasuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Menurut Estiko Suparjono, buku teks Sejarah memainkan peranan penting bila mana rencana ini merupakan susunan ilmu pendidikan yang sangat berpengaruh terhadap isi dan bentuk pendidikan di sekolah di samping untuk mengembangkan kesedaran sejarah dan kesedaran nasional sesebuah negara.<sup>29</sup> Hal ini turut dijelaskan oleh Altbach, Arboledo dan Gopinathan seperti berikut:

*The provision of books is crucial to education, to the development and maintenance of literacy, to the growth of a national culture, to the production and distribution of knowledge relevant to the nation and to a sense of intellectual community.*

Beliau turut menyatakan bahan teks menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran penting di peringkat sekolah dan memberi sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian matlamat pendidikan.<sup>30</sup> Justeru itu, penulisan buku-buku teks adalah

---

<sup>28</sup> C. Stray., ‘Paradigms Regained: Towards a Historical Sociology of the Textbook’, *Journal of Curriculum Studies*, vol. 261, 1994, hlm.1-29.

<sup>29</sup> Estiko Suparjono, ‘Sistim Pendidikan Nasional Pantjasila’, *KAGAMA*, Djl. Bidaratiina III/29, Bhratara Djakarta, 1966, hlm.102.

<sup>30</sup> P.G. Altabach., Arboledo., A.&S. Gopinathan., *Publishing in the Third World: Knowledge and Development*, New Hampshire: Heinemann Books, 1985, hlm. 2.

berdasarkan kepada tujuan-tujuan tertentu berlandaskan tujuan pendidikan yang hendak dicapai. Bahan-bahan yang disajikan disesuaikan dengan sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang digagaskan, manakala kaedah penulisan buku-buku teks yang bermutu sering menghitungkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa mengulang kaji buku-buku teks tersebut.<sup>31</sup>

Menurut Hicks, buku teks dapat memainkan peranan dalam pembinaan negara seperti *bias arises both from omission and commission and much needs to be changed.*<sup>32</sup> Harber pula mengatakan, buku teks menyebarkan nilai sosiopolitik secara terbuka atau nilai tersembunyi dalam kritikan atau tugas yang perlu dibuat oleh pelajar. Oleh yang demikian, buku teks harus mengandungi nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam masyarakat ke arah pembinaan negara sebagaimana kenyataan beliau iaitu *all children require education for citizenship in a multiracial society.*<sup>33</sup>

Demikian juga dari aspek kandungan yang perlu diperbaiki, ditambah dan diubahsuai mengikut kesesuaian semasa sebagaimana buku-buku teks Sejarah yang dikeluarkan dalam tahun-tahun akhir sebelum merdeka yakni ketika itu bayang-bayang sejarah Malaya mula sedikit kelihatan pada buku *A Short History of Malaya* tulisan G.P. Dartford iaitu Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu yang dikeluarkan untuk kegunaan pelajar di sekolah-sekolah menengah Inggeris.<sup>34</sup> Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa kandungan teks-teks tersebut masih lagi menjurus kepada negara barat amnya sama ada sebelum merdeka dan selepas merdeka 1957. Hal ini memberi cabaran kepada guru-guru Sejarah dalam menyampaikan ilmu untuk menyematkan semangat jati diri dan sayangkan negara walaupun negara telah bebas merdeka. Ini berikutan jiwa pelajar masih dijajah secara tidak langsung melalui buku-buku yang digunakan pada ketika itu.

<sup>31</sup> Sulaiman Masri, ‘Masalah Penulisan Buku-Buku Pelajaran’, *Dewan Masyarakat*, Jilid.3, Bil.6, Jun 1975, hlm. 88.

<sup>32</sup> D. Hicks., ‘Bias in School Books: Messages from the Ethnocentric Curriculum’ dalam A. James & R. Jeffcoate (ed), *The School in the Multicultural Society*, London: Harper & Raw Publisher, 1986, hlm.171.

<sup>33</sup> C. Harber., *Politics in African Education*, London: Macmillan Publisher, 1989, hlm. 234.

<sup>34</sup> Surat dari G.P. Dartford kepada Guru Besar Government English School, Segamat. Lihat Fail Department of Education. No. 1033/4.

Walau bagaimanapun, buku-buku teks yang digunakan selepas merdeka terutama dalam tahun-tahun 1960-an telah mengalami banyak perubahan dan penambahbaikan daripada sebelumnya sama ada dari aspek luaran dan juga dalaman. Tajuk-tajuk yang difokuskan kebanyakannya telah menjurus kepada sejarah Tanah Melayu. Namun, walaupun tajuknya menjurus kepada sejarah Tanah Melayu, tetapi kandungannya adalah daripada kaca mata Inggeris. Secara keseluruhannya ia lebih membincangkan kedudukan Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada sejarah kekuasaan barat. Berkaitan aspek ini, menurut Lim Say Hup dalam artikelnya ialah:

*Then there are books by the so-called lesser lights like Morgan, Dartford and Morries. Such books are not based on the results of original research. In fact, they are nothing more than simplified summaries of existing books and they are meant as the authors had intended them to be, for use in schools.<sup>35</sup>*

Berbalik kepada penulisan mengenai sejarah Malaysia, keadaan yang tidak mementingkan sejarah negara ini jelas kelihatan berterusan sehingga kemerdekaan negara Malaysia. Buku N.J. Ryan iaitu *The Making of Modern Malaya* yang dikeluarkan untuk memenuhi sukanan pelajaran pada tahun 1957 masih menunjukkan keadaan tersebut. Antara lain, kandungan dalam buku ini ialah sejarah awal Melaka, kesultanan Melaka, Portugis di Asia Tenggara, Melaka di bawah Portugis, Melaka di bawah Belanda, Negeri Selat, Malaya di abad ke-19, dasar campur tangan Inggeris, sistem residen sehingga selepas Perang Dunia Kedua.<sup>36</sup> Sebagaimana menurut Teuku Ibrahim Alfian, ini seolah-olah membayangkan bahawa sejarah Tanah Melayu adalah sepenuhnya dikuasai oleh kuasa-kuasa tersebut walaupun sebenarnya mereka hanya menguasai tempat-tempat tertentu sahaja terutamanya Melaka.<sup>37</sup>

Antara buku-buku yang digunakan dalam dekad 1960-an untuk sekolah rendah ialah Pelajaran Tawarikh Darjah Tiga (1962) oleh Abdul Rahman Ahmad, *Primary History for Malayans Book One, Two, Three* (1963) oleh Seow Ban Yam, *Junior*

<sup>35</sup> Lim Say Hup, 'The Need for a Reinterpretation of Malayan History, *Malaya in History (MIH)*, vol.5, 2 November 1959, hlm. 41.

<sup>36</sup> Zainal Abidin Wahid.ed., *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973, hlm. 140-141.

<sup>37</sup> Teuku Ibrahim Alfian, 'Sejarah Lokal dalam Pengkajian Sejarah Malaysia', *Dewan Masyarakat*, Jilid.9, Bil.1, Januari 1971, hlm.25.

*Progressive Histories for Malayans Book One, Two, Three* (1965) oleh A. Peter, *Tawarikh Rendah Darjah Empat* (1968) dan *Tawarikh Rendah Darjah Lima* (1967) oleh Wan Yazid Abdul Rahman, *History for Malayan Primary Schools Book 2* untuk darjah V oleh Neoh Thean Chye, *History for Young Malaysian Book 1 Standard 4* (1966) oleh Joginder Singh Jessy dan *Junior Histories for Malaysia Book 1,2,3* (1967) oleh A.D. Baker dan Neoh Thean Chye. Bagi sekolah menengah pula, antara buku teks yang digunakan ialah *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959* (1964) oleh Joginder Singh Jessey, *Tawarikh Dunia Tingkatan 3*, *Tawarikh bagi Murid-Murid Malaysia* (1969), *Malaya dalam Tawarikh Dunia 1 dan 2* (1961) oleh Shamsul Baharin, *Sejarah Dunia untuk Sekolah Menengah* (1966) oleh N. Rajendra, *Malaysia in World History for Secondary Schools Book Two* (1964) oleh W. Williams, *Tawarikh Bagi Murid-murid Malaysia* (1969) oleh Md.Zain Shamsudin dan *Malaya in World History Book One* (1961) oleh Joginder Singh Jessy serta *Malaysia in World History* (1966) oleh Philip N. Nazareth.

Berdasarkan penggunaan buku-buku teks Sejarah dalam tahun-tahun 1960-an, didapati bahawa telah berlaku perubahan dari aspek isi kandungan buku teks Sejarah darjah IV pada tahun 1963, 1966 dan 1969. Pada tahun 1963, merujuk kepada buku teks *Primary History For Malaysian Book One*, isi kandungannya ialah *Man in the Stone Age, Man in the Metal Age, Egypt, Mesopotamia, Persia, Ancient China, Shih Huang Ti, The Han Dynasty, Ancient India, The Maurya Dynasty, The Story of Greece, Alexander the Great, The Story of Rome, Abraham, Moses, Gautama Buddha, Asoka, Socrates, Aristotle, Confucius, Lao-Tzu, Mencius, Mo Tzu, Jesus Christ* dan *Saint Paul*.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, pada tahun 1966, berlaku perubahan dalam kandungan buku teks berdasarkan buku *History for Young Malaysian Book 1 Standard 4*, yang mana isi kandungannya telah dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu

<sup>38</sup> M.A. Mallal & Seow Ban Yam, *Primary History for Malaysian Book One*, Singapore: Far Eastern Publishers, 1963, hlm. iv.

Bahagian 1: *Early Man, Mans Nomadic life, His Struggle to life, Man as a farmer, A settle way of life, Man Improved his living, Travel by land and water, Growth of village and towns*, Bahagian 2: *Early Civilized Communities, Sumeria, Babylon, Egypt*, Bahagian 3: *Stories of Malaysia, The Aborigines, Sang Nila Utama and Temasek, Parameswara and the founding of Malacca, Sino-Malay Relations, The Malacca Sultanate-Commercial Expansion, The Malacca Sultanate-Political Expansion, The end of the Malacca, Sultanate Mansur Shah; Mahmud Shah*, Bahagian 4: *The Great Teachers, Gautama, Confucius, Jesus Christ dan Muhammad.*<sup>39</sup>

Pada tahun 1969, lagi sekali berlaku perubahan terhadap kandungan buku teks darjah empat apabila buku teks *Tawarikh bagi Murid-murid Malaysia Buku 1* yang mana keseluruhan kandungannya telah berubah dan menggunakan bahasa Melayu. Antara isi kandungannya ialah Manusia Purba, Kaum-kaum yang Mula Bertamadun, Cerita-cerita dari Tanah Melayu dan Pengasas-pengasas Agama.<sup>40</sup> Berdasarkan perubahan yang berlaku dalam tahun-tahun tersebut, menunjukkan bahawa isi kandungan lebih terarah kepada sejarah Tanah Melayu. Malahan perubahan teks Sejarah untuk darjah empat sahaja bagi dekad 1960-an adalah sebanyak tiga kali. Berdasarkan kandungan yang banyak dan luas ini memberi suatu cabaran dan halangan kepada pelajar pada ketika itu untuk lebih memahami dan menguasai isi kandungan dan penyampaian oleh guru. Sementelahan pula, kandungan lebih berfokus kepada negara luar dan ketamadunan barat.

Kehangatan isu berkaitan isi kandungan yang tidak menjurus kepada sejarah Malaysia membawa kepada sesetengah pihak mendesak agar kandungan silibusnya dikaji semula. Hal ini termasuk menilai semula sejarah setiap bangsa di Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya sehingga membawa kepada perubahan kurikulum pada tahun 1968. Perubahan yang dilakukan ini menjelaskan bahawa pentingnya isi kandungan

<sup>39</sup> Joginder Singh Jessy & Khoo Kay Hock, *History for Young Malaysian Book 1 Standard 4*, Bishop Street Penang: Life Educational House, 1966, hlm. iv.

<sup>40</sup> William Jalleh, *Tawarikh bagi Murid-murid Malaysia Buku 1 untuk darjah 4*, Carnarvon Street, Penang: Life Educational House, 1969, hlm.iii.

dalam buku teks kerana ia menjadi titik tolak kepada pembentukan semangat dan jati diri penduduk negara ini. Malahan tidak dinafikan bahawa pihak kerajaan sentiasa memainkan peranan untuk mendapatkan input yang terbaik dalam melaksanakan pembelajaran Sejarah di sekolah. Justeru, perubahan demi perubahan dilakukan terhadap isi kandungan buku teks untuk mencapai matlamat dan objektif yang digagaskan. Dengan kesedaran beserta ketegasan terhadap perkara ini, maka pada tahun 1968, keadaan telah mula berubah. Muzaffar Tate telah menegaskan bahawa jikalau dahulu penulis-penulis buku teks dikehendaki mementingkan peranan pegawai British dalam pembentukan negara ini, tetapi selepas itu tumpuan telah diberikan kepada peranan yang dimainkan oleh orang-orang tempatan. Buku-buku teks Sejarah dikemas kini dan tidak hanya terisi dengan peristiwa-peristiwa politik sahaja, tetapi dimasukkan juga aspek ekonomi dan sosial.<sup>41</sup>

Perubahan yang berlaku berikutan keinginan pendidikan ke arah yang bercorak kebangsaan terutama aspek buku teks dan sukatan pelajaran. Ini berikutan pelajaran Sejarah pada masa sebelum merdeka mengutamakan sejarah penjajah dengan tokoh-tokoh pembangunannya. Hal yang diutamakan ialah segala perkara mengenai cerita-cerita dan peristiwa-peristiwa negara induk penjajah dan keadaan negara sendiri diajar hanya sedikit sahaja. Pada ketika ini pejuang-pejuang tanah air seperti Orang Kaya Semantan dan Dato' Dol Said semua dikira tidak berharga dalam pelajaran Sejarah negara ini. Justeru itu, pelajar dan buku teks perlu diubah berdasarkan pembangunan negara dimulai dengan sejarah tanah air sendiri.<sup>42</sup>

Maka, perubahan demi perubahan terus dilakukan terhadap buku teks terutama dalam dekad 1970-an walaupun kandungannya masih menghala ke arah negara barat. Misalnya buku teks *Sejarah Menengah Malaysia* tingkatan satu, hanya menyatakan bab satu dan bab dua sahaja berkaitan ketamadunan di Tanah Melayu dan kerajaan purba di rantau ini seperti Kedah Tua dan Langkasuka, manakala bab-bab lain

<sup>41</sup> Muzaffar Tate, ‘Penulisan Buku-Buku Teks Sejarah Malaysia’, dalam Seminar Penulisan Sejarah II, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1974, hlm. 3.

<sup>42</sup> Berita Harian, 28 Mac 1960, hlm.10.

menceritakan tentang kebesaran dan keagungan empayar Majapahit, India, China, Greek dan Rom.<sup>43</sup> Keadaan ini tentunya sangat mempengaruhi pelajar-pelajar dalam pelajaran Sejarah dan mereka keliru dengan kerajaan sendiri.

Demikian juga dengan Teks *Tawarikh Dunia Baru Buku Dua* yang hanya memfokuskan perbincangan kepada proses bagaimana James Brooke berjaya menguasai Sarawak. Perbincangan menunjukkan seolah-olah hanya Brooke yang telah berjaya membawa keamanan dan ketenteraman di Sarawak berbanding dengan sumbangan pemerintah-pemerintah tempatan sebelumnya. Selain itu, terdapat ketidakseimbangan dalam liputan tamadun iaitu tumpuannya adalah kepada satu aspek awal sejarah Malaysia sahaja. Hampir tidak ada kajian serius ke atas masyarakat orang Asli walaupun mereka adalah penduduk asal Malaysia. Lingkungan buku teks adalah sangat sempit dan memberi tumpuan semata-mata kepada Malaysia. Malahan buku teks ini dipersembahkan dengan cara yang membosankan. Fakta-fakta yang sering dikemukakan sama ada dalam bentuk titik ataupun tulisan dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang berlainan dan selalu dibentangkan dalam satu senarai. Ini menjadikan kandungan amat sukar untuk tujuan pembacaan serta sukar mengaitkan fakta-fakta tersebut dengan pelajaran secara keseluruhan. Bab dan bahagian teks seolah-olah berputus-putus, padahal fakta-fakta tersebut harus disepadukan dalam cerita keseluruhan tamadun. Kelemahan-kelemahan seperti skop isi kandungan yang terlalu sempit dan tidak seimbang, pemilihan isi kandungan sejarah yang berat sebelah serta pemberian tafsiran sejarah yang *bias cuba* diperbetulkan segera.<sup>44</sup>

Penyemakan semula buku teks dilakukan memandangkan sesetengah buku tidak begitu sesuai lagi dari segi fakta, bahasa dan ilustrasi. Malahan penukaran sesebuah buku teks termasuk teks Sejarah apabila bertukarnya sukatan pelajaran dan bertukarnya bahasa pengantar misalnya dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu pada

<sup>43</sup> Buku Sejarah Menengah Malaysia Tingkatan Satu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat, *Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah Rendah*, Seminar Sejarah Malaysia 1, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1973, hlm. 6.

<sup>44</sup> Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, ‘*Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah dan Menengah Rendah (Darjah 4 - Tingkatan III)*, Pusat Perkembangan Kurikulum, 1978, hlm. 10-25.

ketika itu. Perubahan dan ketidakseimbangan kandungan menyebabkan pelajar dan pembaca gagal untuk memahami wacana sebenar masa lampau Malaysia. Misalnya, topik penubuhan Persekutuan Malaysia juga didapati berat sebelah terhadap Semenanjung Malaysia, malahan sumbangan oleh pemimpin Sabah dan Sarawak tidak diiktiraf. Demikian halnya dengan proses rundingan antara pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang amat penting dan mencabar, namun tidak diteliti dan dibincangkan dengan secukupnya. Hal ini seolah-olah memberi gambaran palsu kepada pembaca sehingga pembentukan sebuah negara bangsa baru dianggap sesuatu yang mudah dan rundingan untuk membentuk Malaysia adalah senang.<sup>45</sup>

Justeru itu, maka pada tahun 1970-an, telah berlaku empat kali perubahan terhadap kandungan buku teks, antaranya melibatkan buku teks untuk tingkatan peralihan pada tahun 1971 dan pada tahun 1976. Pada tahun 1971, *Tawarikh Untuk Tingkatan Peralehan* mengandungi 29 topik utama iaitu Manusia Purba, Kesultanan Melaka, Empayar Melaka, Orang Portugis di Melaka, Orang Belanda di Melaka, Tuan Stamford Raffles dan Pengasasan Singapura, Francis Light dan Pengasasan Pulau Pinang, Penubuhan Negeri-negeri Selat, Tuan Frank Swettenham, Yap Ah Loy, Timah, Getah, Sultan Abu Bakar-Johor, Iskandar Zulkarnain, Julius Caesar, Joan of Arc, George Washington, Abraham Lincoln, Marco Polo, Vasco da Gama, David Livingstone, Albert Schweitzer, Gautama Buddha, Nabi Isa, Muhammad-Pesuruh Allah, Rekaan Agong- Jalan Raya dan Keretapi, Rekaan Agong-Motokar, Rekaan Agong-Talipon dan Wireless, Rekaan Agong-kapalterbang dan Satelit.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun, pada tahun 1976, buku teks ini telah berlaku sedikit perubahan dalam aspek isi kandungan di mana beberapa topik telah dibuang, ditambah dan dikemaskini dengan topik yang lain. Antara topik yang telah dikemaskini ialah ‘Tuan Stamford

<sup>45</sup> Ulasan Buku Teks Sejarah Malaysia-Perspektif Sabah dan Sarawak, Majlis Perjumpaan serta Mesyuarat Jawatankuasa KemSMS bersama Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah, 2011, Selasa, 9.00 pagi, hlm. 2-3. <http://klscnah.org.my/wp-content/uploads/2012/01/KemSMS-Lampiran-5- 191211-Andrew-EM.pdf>. (tarikh diakses 27 Disember 2011)

<sup>46</sup> *Tawarikh Untuk Tingkatan Peralehan*, Kuala Lumpur: Mc.Graw-Hill Far Eastern Publishers (M) Sdn.Bhd, 1971, hlm.iv.

Raffles dan Pengasasan Singapura' telah diubah kepada 'Stamford Raffles dan Pengasasan Singapura', 'Francis Light dan Pengasasan Pulau Pinang' diubah kepada 'Francis Light dan Pembukaan Pulau Pinang', 'Tuan Frank Swettenham' diubah kepada 'Sir Frank Swettenham', dan 'timah' diubah kepada 'bijih timah'. Topik yang dikeluarkan dari tahun 1971 dan tidak terdapat dalam teks pada tahun 1976 ialah 'Joan of Art'. Seterusnya topik yang ditambah dalam teks pada tahun 1976 ialah 'Kublai Khan' dan 'Gadis Orleans'.<sup>47</sup>

Selain itu, perubahan kandungan turut berlaku dalam buku teks Sejarah tingkatan satu iaitu *Sejarah Menengah Baru 1* dan *Sejarah Menengah Baru Buku 1* yang melibatkan tahun yang sama pada tahun 1977. Buku teks *Sejarah Menengah Baru Buku 1* mengandungi 14 bab iaitu Sejarah Awal Malaysia, Kerajaan-kerajaan Awal di Asia Tenggara, Perkembangan Sosial di Malaysia Prabarat, Sistem Ekonomi Tradisional Malaysia, Sistem Politik Tradisional Malaysia, Sistem Keadilan Tradisional, Agama Hindu dan Kesannya di Malaysia, Agama Buddha dan Warisannya di Malaysia, Kung Fu Tze dan Kebudayaan China, Tamadun Asia Barat, Greek, Rom dan Warisannya, Perkembangan Agama Kristian, Agama Islam dan Perkembangannya, Zaman Gemilang Tamadun Islam, Penyebaran Islam di Kepulauan Melayu dan Peranannya dalam Politik, Ekonomi dan Sosial.<sup>48</sup> Namun, dalam buku teks *Sejarah Menengah Baru 1*, telah berlaku pengurangan dan perubahan bab yakni mengandungi 10 bab sahaja, akan tetapi kandungannya lebih terperinci berkaitan aspek yang dibincangkan berbanding perubahan yang dibuat selepas itu iaitu lebih umum dan luas. Antara bab yang dibincangkan ialah Mengenali Dunia di Sekeliling Kita, Sejarah Malaysia dari Segi Penduduknya, Kemajuan Ekonomi : (1) Peladang, Nelayan dan Pelombong, Kemajuan Ekonomi : (2) Perdagangan, Pedagang dan Alat-alat Perdagangan, Sistem Politik Tradisional Sebelum Perhubungan dengan Barat, Perkembangan Awal Kebudayaan Malaysia, Pengaruh Agama ke Atas Sejarah

<sup>47</sup> Mohd Kashim Abdullah, *Tawarikh untuk Tingkatan Peralehan Edisi Baru*, Selangor: Lim Mok Hai, PFP International Sdn. Bhd, 1976, hlm.iii.

<sup>48</sup> Raja Mohammed Affandi, *Sejarah Menengah Baru Buku 1*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors , 1977, hlm.iii.

Malaysia, Sumbangan Tamadun-tamadun Awal Kebudayaan Malaysia, Jiran-jiran Kita di Asia Tenggara dan Asia Tenggara Sebelum Kedatangan Barat.<sup>49</sup>

Perubahan ini turut berlaku terhadap isi kandungan buku teks Sejarah tingkatan dua iaitu *Sejarah Menengah Baru 2* dan *Sejarah Menengah Baru Buku 2* yang melibatkan tahun yang sama pada tahun 1978. Buku teks *Sejarah Menengah Baru Buku 2* mengandungi 14 bab utama yang menyentuh berkaitan Kedatangan Barat dari Revolusi Perusahaan, Permulaan Kegiatan British di Malaysia, Perluasan Kuasa British, Perkembangan di Sarawak dan Sabah, Pembangunan Ekonomi di Malaysia, Kemajuan di Malaysia, Pertumbuhan Masyarakat Malaysia, Gerakan Nasionalisme di Tanah Melayu Tahap Pertama-Pengaruh Islam, Gerakan Nasionalisme di Tanah Melayu Tahap Kedua Aliran-Aliran Radikal dan Nasionalisme Sederhana, Nasionalisme di Asia Tenggara, Pemodenan di Negeri Jepun, Sejarah Moden China, Pembentukan India Moden dan Pendudukan Jepun di Malaysia.<sup>50</sup> Walau bagaimanapun, telah berlaku pengurangan bab apabila dalam buku teks *Sejarah Menengah Baru 2*, tidak terdapat aspek berkaitan Perkembangan di Sarawak dan Sabah, Pembangunan Ekonomi di Malaysia, Kemajuan di Malaysia, Sejarah Moden China dan Pemodenan di Negeri Jepun. Namun terdapat satu bab yang ditambah iaitu Pendudukan Jepun.<sup>51</sup> Secara keseluruhan, buku teks ini mengandungi 10 bab berbanding sebelumnya mengandungi 14 bab.

Perubahan seterusnya terhadap buku teks Sejarah tingkatan tiga iaitu *Sejarah Menengah Baru 3* dan *Sejarah Menengah Baru Buku 3* yang melibatkan tahun yang sama pada tahun 1979. Buku teks *Sejarah Menengah Baru Buku 3* mengandungi 10 bab utama iaitu Malaysia Selepas Perang Dunia Kedua (1945), Malayan Union 1946-1948, Darurat (1948-1960), Malaya Mencapai Kemerdekaan, Pembentukan Malaysia, Nasionalisme di Negara-negara Lain, Beberapa Bentuk Kerajaan, Asas-asas Penubuhan

<sup>49</sup> D.J.Tate Muzaffar & Ibrahim Ahmad Bajunid, *Sejarah Menengah Baru 1*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 1977, hlm.vii.

<sup>50</sup> Raja Mohammed Affandi, *Sejarah Menengah Baru Buku 2*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1978, hlm. iii-iv.

<sup>51</sup> D.J.Tate Muzaffar & Ibrahim Ahmad Bajunid, *Sejarah Menengah Baru 2*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 1978, hlm. iv-vi.

Malaysia, Pembentukan Masyarakat Moden serta Malaysia dan Dunia.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, telah berlaku penambahan bab apabila dalam buku teks *Sejarah Menengah Baru 3* terdapat sebanyak 14 bab. Terdapat empat bab yang dikekalkan iaitu Malayan Union, Darurat, Pembentukan Malaysia dan Malaysia dan Dunia. Lain-lain bab telah mengalami perubahan, antaranya ialah Perjanjian Persekutuan dan Permulaan Parti-Parti Politik, Perubahan-Perubahan Perlembagaan Menuju Kemerdekaan, Perkembangan Ke arah Kenegaraan Malaysia, Perkembangan Sistem Pelajaran, Rancangan Pembangunan Malaysia, Penyatuan Negeri Jerman, Perkembangan Demokrasi di Amerika, Amalan Demokrasi di Britain, Fasisme di Itali dan di Jerman serta Perkembangan Komunisme.<sup>53</sup> Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa dalam dekad 1970-an terdapat empat kali perubahan yang melibatkan buku teks tingkatan peralihan pada tahun 1971 dan 1976, buku teks tingkatan satu pada tahun 1977, buku teks tingkatan dua pada tahun 1978 dan buku teks tingkatan tiga pada tahun 1979.

Seterusnya dalam dekad 1980-an, perubahan terhadap kandungan buku teks turut berlaku sebagaimana pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Buku-buku teks pada tahun 1980-an menepati garis panduan Sukatan Pelajaran Sejarah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia 1980. Terdapat perubahan kandungan buku teks Sejarah tingkatan satu, dua dan tiga yang melibatkan tahun 1983 dan 1987. Pada tahun 1983, buku teks *Sejarah SRP* tingkatan satu mengandungi lapan bab iaitu Kerajaan Tua di Asia Tenggara, Sejarah Perkembangan Masyarakat Malaysia, Masyarakat Melayu Tradisi, Sejarah Perkembangan Ekonomi dalam Masyarakat Tradisi, Agama-agama di Dunia dan Warisannya di Malaysia, Agama Islam dan Nabi Muhammad S.A.W serta Tamadun di Asia Barat dan Mesir Purba.<sup>54</sup> Walau bagaimanapun, telah berlaku pengurangan bab dalam buku teks yang dikeluarkan pada

<sup>52</sup> Raja Mohammed Affandi, *Sejarah Menengah Baru Buku Tiga*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1979, hlm. iv-vi.

<sup>53</sup> D.J.Tate Muzaffar & Ibrahim Ahmad Bajunid, *Sejarah Menengah Baru 3 Selangor*: Penerbit Fajar Bakti, 1979, hlm. v-vii.

<sup>54</sup> Khoo Kay Kim & Kok Koun Chin, *Sejarah SRP Edisi Kedua Tingkatan 1*, Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1983, hlm. v.

tahun 1987 iaitu sebanyak tujuh bab sahaja. Terdapat empat bab yang dikeluarkan dan ditambah baru iaitu Sistem Politik Masyarakat Melayu Lama, Sistem Keadilan Masyarakat Melayu Lama, Kerajaan-kerajaan Lama Asia Tenggara dan Sumbangan-sumbangan Tamadun Asia Barat dan Gerco-Roman kepada kebudayaan Dunia.<sup>55</sup> Tiga bab yang masih dikekalkan antaranya ialah Perkembangan Sosial Masyarakat Melayu Tradisional, Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melayu Lama, dan Kemunculan Agama-agama dan Ajaran-ajaran.

Selain itu, perubahan terhadap kandungan buku teks *Sejarah SRP* tingkatan dua pada tahun 1987 yang mana mengalami banyak penggabungan aspek yang merujuk kepada 15 bab pada tahun 1983 kepada 10 bab sahaja pada tahun 1987. Berdasarkan kedua-dua tahun tersebut, terdapat enam bab yang sama dan masih dikekalkan, manakala bab-bab selebihnya telah dibuat perubahan dan penambahan baru. Penambahan bab baru pada tahun 1987 ialah Hubungan Inggeris dengan Kedah dan Johor, Perkembangan Ekonomi dan Sosial di Malaysia, Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara II dan Gerak Balas di India, China dan Jepun terhadap Barat.<sup>56</sup>

Berikutnya perubahan terhadap kandungan buku teks *Sejarah SRP* tingkatan tiga. Pada tahun 1983, terdapat 13 bab utama iaitu Ke arah Pembentukan Negara, Kemuncak Parti-parti Politik, Darurat 1948-1960, Tanah Melayu Mencapai Kemerdekaan, Sejarah Ringkas Perkembangan Politik di Sarawak dan Sabah, Pembentukan Malaysia, Perkembangan ke Arah Kenegaraan Malaysia, Bismarck dan Penyatuan Jerman, Sejarah Perkembangan dan Pengukuhan Amerika Syarikat, Dasar dan Hubungan Luar Negeri Malaysia, Ideologi Politik, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan ke Arah Tercapainya Kebudayaan Kebangsaan dan Rancangan Pembangunan.<sup>57</sup> Walau bagaimanapun, buku teks ini pada tahun 1987 telah mengalami perubahan isi kandungan dan mempunyai sembilan bab sahaja berbanding sebelumnya sebanyak 13

<sup>55</sup> *Sejarah SRP Tingkatan 1*, Petaling Jaya Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd, 1987, hlm. iv.

<sup>56</sup> *Sejarah SRP Tingkatan 2*, Petaling Jaya Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd, 1987, hlm. v-vi.

<sup>57</sup> Khoo Kay Kim & Kok Koun Chin, *Sejarah SRP Edisi Kedua Tingkatan 3*, Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1983, hlm. v.

bab. Antara kandungan yang dikeluarkan dan tidak terdapat dalam teks pada tahun 1987 ialah sebanyak enam bab, manakala aspek yang dikekalkan sebanyak tujuh bab dan dibuat perubahan sebanyak dua bab iaitu Perkembangan Politik di Malaysia Selepas Perang Dunia Kedua dan Ideologi Politik: Demokrasi, Fasisme dan Komunisme.<sup>58</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dari tahun 1957 sehingga 1989 telah berlaku perubahan sebanyak sembilan kali terhadap kandungan buku teks yang merangkumi tiga dekad iaitu pada tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1960-an, sebanyak tiga kali perubahan telah dilakukan terhadap kandungan buku teks darjah IV. Seterusnya dalam tahun 1970-an, perubahan berlaku sebanyak empat kali yang melibatkan kandungan buku teks tingkatan peralihan pada tahun 1971 dan 1976, buku teks Sejarah tingkatan satu pada tahun 1977, Sejarah tingkatan dua pada tahun 1978 dan buku teks Sejarah tingkatan tiga pada tahun 1979. Ketiga-tiga buku teks ini melibatkan perubahan dalam tahun yang sama. Berikutnya dalam tahun 1980-an melibatkan tiga kali perubahan *Sejarah SRP* tingkatan satu, dua dan tiga pada tahun 1983 dan 1987. Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa pada setiap dekad tersebut telah berlaku perubahan terhadap kandungan buku teks sama ada di peringkat rendah mahupun menengah.

Selain itu, cabaran berkaitan teks Sejarah ini juga berkait rapat dengan kesilapan dari segi pengemukaan fakta sejarah serta pertentangan fakta. Ini menimbulkan kesangsian atau keraguan pelbagai pihak terhadap pendirian penulis buku Sejarah pada ketika itu sama ada benar-benar mendukung kepada prinsip penulisan disiplin sejarah yang mementingkan ketepatan, kebenaran dan kesaksamaan atau sebaliknya. Kesilapan fakta memberi halangan kepada pelajar sebagai penerima untuk mendapatkan ilmu yang tepat dan guru sebagai penyampai maklumat dalam menerapkan unsur sejarah yang benar kepada pelajar. Meskipun guru mengetahui

<sup>58</sup> *Sejarah SRP Tingkatan 3*, Petaling Jaya Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd 1987, hlm. vi-ix.

kebenaran dalam setiap kesalahan fakta, namun menjadi satu halangan kepada guru tersebut kerana dalam teks telah tercatat maklumat sedemikian dan teks tersebut dianggap sebagai dokumen rasmi yang tidak patut dipertikaikan.<sup>59</sup>

Demikian juga hal yang dapat diperhatikan dalam isu fakta mengenai kedatangan Portugis seperti yang disajikan kepada pelajar tingkatan satu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tahun 1980-an berbanding dengan tahun 1960-an dan 70-an. Fakta yang diberikan dalam teks sering berubah menyebabkan timbul pertikaian pendapat, malahan buku teks dengan fakta teks sekolah tahun 1960-an dan 1970-an berbeza dengan tahun 1980-an. Antaranya ialah:

Kedatangan orang Portugis ke Timur dikaitkan dengan keinginan mereka meneruskan Perang Salib. Mereka ingin menghancurkan kerajaan Islam yang ada di Timur termasuk kerajaan Melaka yang merupakan pusat perkembangan dan penyebaran agama Islam. Pada masa yang sama, Portugis mahu menyebarkan agama Kristian.<sup>60</sup>

Berdasarkan kenyataan teks di atas mengatakan bahawa kedatangan Portugis untuk meneruskan Perang Salib dan menyebarkan agama Kristian. Ini bertentangan dengan kenyataan buku teks Sejarah tahun 1980-an yang mengatakan Portugis datang ke Timur untuk mendapatkan bekalan rempah-ratus serta untuk menguasai perdagangan dan meluaskan kuasa yang merujuk kepada konsep Gospel, Gold, Glory iaitu keagamaan, kekayaan dan kemegahan.<sup>61</sup> Hal yang sama turut disebut oleh Rohayani Daud dengan menyatakan bahawa pada tahun 1980-an, buku teks Sejarah membincangkan kedatangan Portugis ke Melaka untuk mendapatkan perdagangan rempah, akan tetapi terdapat sesetengah pihak seperti Ranjit Singh Malhi tampil menyampaikan hujahnya yang mengatakan Portugis datang untuk menyebarkan ajaran Kristian di Timur rentetan Perang Salib selain perdagangan rempah yang kemudiannya

<sup>59</sup> ‘Penambahbaikan Sukatan Pelajaran dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah’, Majlis Perjumpaan serta Mesyuarat Jawatankuasa KemSMS bersama Jawatankuasa Khas, Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah, Lampiran 3, Centre for Policy Initiatives, 27 Disember 2011, hlm. 3-7.

<sup>60</sup> *Tawarikh Darjah Peralihan Buku 1*, Edisi Ejaan Baru, Petaling Jaya, Pustaka Zaman Sdn. Bhd., 1979, hlm. 22.

<sup>61</sup> Uthaya Sankar, Manipulasi Fakta dalam Teks Sejarah’, Projek Dialog. <http://www.projekdialog.com/featured/manipulasi-fakta-dalam-buku-teks-sejarah/> (tarikh diakses 9 Julai 2015).

diangkat dan dijadikan tujuan utama dalam buku teks sekolah.<sup>62</sup> Hal ini memberikan kekeliruan kepada pelajar akan fakta sejarah yang sebenar dan sejauh mana kebenaran sejarah yang tertulis dalam buku teks.

Sekiranya perencanaan buku-buku teks yang digunakan tidak diawasi dengan lebih bijak dan cekap, prinsip ketepatan ini akan menguasai segala proses pengajaran dan pembelajaran di mana jawapan ‘betul’ atau ‘salah’ menjadi perkara terpenting bagi setiap persoalan dan masalah atau isu yang ditimbulkan dalam pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Perubahan yang dilakukan bergantung kepada pembaharuan, penciptaan dan dapatan-dapatan baru dalam bidang pengkajian di mana faktanya sentiasa berubah, misalnya nama-nama tempat, populasi dan sebagainya. Maksudnya, fakta sendiri boleh menjadi subjektif kerana kebenarannya boleh berubah mengikut masa, tempat, kerelevanan dan sebagainya. Aspek ini yang menjadi isu penting berkaitan dengan buku teks jika sesuatu pihak itu amat menekankan fakta untuk dimuatkan dalam kandungan kurikulum yang direka bentuk. Buku teks yang digunakan pada ketika itu sebahagian besarnya tidak berlandaskan kepada prinsip-prinsip pendidikan tertentu dalam proses penyediaannya. Bahkan untuk penulisan buku teks jauh sekali untuk menyelesaikan masalah pelajar-pelajar yang memerlukan pemulihan. Kebanyakannya mementingkan aspek fakta sahaja dan isinya kurang dikaitkan dengan aspek afektif agar dapat dihubungkaitkan dengan aplikasi nilai, sikap dan norma masyarakat persekitaran.<sup>63</sup>

Antaranya ialah kesalahan fakta yang terdapat dalam buku teks Sejarah tingkatan empat, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1975 yang mengatakan bahawa hulubalang-hulubalang Melaka lemah dari segi penggunaan senjata apabila hanya menggunakan senapang dan sumpitan beracun sahaja ketika menentang Portugis.<sup>64</sup> Hakikatnya masyarakat Melayu pada ketika itu telah kaya dengan senjata dan bilangan

<sup>62</sup> Rohayani Daud, ‘Penulisan Buku-buku Teks Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia Sejak Merdeka Sehingga Tahun 1980-an’, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1992, hlm. 89.

<sup>63</sup> Hussein Ahmad, ‘Pengubahan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Peranan Buku Teks dan Peperiksaan dalam KBSM’, *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Pusat pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia, 1985, Jilid.7, hlm. 6.

<sup>64</sup> Harun Bakar, *Tawarikh Sekolah Menengah Tingkatan Empat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 16.

tentera seramai 20 ribu orang.<sup>65</sup> Misalnya menurut Isabella Bird, telah tercatat bahawa orang-orang Melayu sememangnya kaya dengan penggunaan senjata, dan antara senjata-senjata utama orang-orang Melayu seperti keris, pedang, parang dan tombak-tombak bermata besi yang mengorbankan banyak nyawa ketika Perang Perak.<sup>66</sup> Maka dengan ini menunjukkan bahawa buku teks Sejarah masih banyak kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki agar generasi berikutnya memperoleh fakta dan ilmu yang sahih.

Seterusnya kedangkalan dalam penggunaan istilah yang terdapat dalam buku teks Sejarah turut memberi impak dan cabaran untuk memperkasa mata pelajaran ini. Istilah-istilah yang digunakan dalam buku teks antaranya tidak sesuai dan tidak sepatutnya digunakan, apatah lagi dalam usaha mewujudkan perpaduan antara kaum di negara ini. Misalnya buku teks *Tawarikh Darjah Peralihan Buku 1*, mengandungi istilah yang menyinggung perasaan kaum minoriti. Contohnya istilah ‘buruh kasar’ yang ditujukan hanya kepada orang-orang India yang datang ke Tanah Melayu, sebaliknya tidak termasuk orang-orang Cina yang turut sama berhijrah.<sup>67</sup> Selain itu, buku teks tingkatan empat, *Tawarikh Sekolah Menengah Malaysia* sering menggunakan istilah golongan ‘pendatang’ apabila merujuk kepada penghuni negara ini yang berbangsa India dan Cina.<sup>68</sup> Demikian juga terdapatnya istilah negatif yang sering digunakan seperti ‘Benggali Puteh’ yang merujuk kepada orang Portugis di Melaka seperti yang terdapat dalam buku teks *Kesah-Kesah Zaman Lampau* untuk kegunaan di sekolah-sekolah rendah di Malaysia.<sup>69</sup> Penggunaan ungkapan ini berterusan beberapa tahun berikutnya apabila ungkapan tersebut juga turut terdapat dalam buku *Tawarikh Darjah Peralihan Buku 1*.<sup>70</sup> Demikian juga dalam teks *Pelajaran Tawarikh Bagi Darjah III* iaitu penggunaan perkataan dan bahasa yang kesat

<sup>65</sup> N. Rajendra.et.al., *Tawarikh Dunia Baru Buku Dua*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd, 1978, hlm. 8.

<sup>66</sup> Isabella L.Bird., *The Golden Chersonese and the way Thither*, Cambridge Library Collection 1883, New York: Cambridge University Press, 2010, hlm. 294-295.

<sup>67</sup> *Tawarikh Darjah Peralihan Buku 1*, Edisi Ejaan Baru, Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sdn. Bhd, 1979, hlm. 61.

<sup>68</sup> Harun Bakar, *Tawarikh Sekolah Menengah Malaysia Tingkatan 4*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 139-148.

<sup>69</sup> *Kesah-Kesah Zaman Lampau*, Sejarah Rendah Federal Untuk Sekolah-Sekolah Di-Malaysia Buku 2, Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn. Bhd. 1970, hlm.1.

<sup>70</sup> *Tawarikh Darjah Peralihan Buku 1*, Edisi Ejaan Baru, Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sdn. Bhd, 1979, hlm. 23.

ketika menggambarkan kehidupan seorang manusia sebagaimana manusia diumpamakan seperti ‘bintang’ dan ‘liar’, Semang dan Sakai adalah suatu bangsa yang ‘bodoah dan penakut’.<sup>71</sup>

Penggunaan istilah dan bahasa yang kurang sesuai ini memberi suatu tanggapan negatif antara penduduk berbilang bangsa, apatah lagi negara dalam usaha menyatupadukan antara kaum selepas merdeka. Istilah yang menyentuh sensitiviti antara kaum ini semakin menjarakkan hubungan antara Melayu, Cina dan India. Maka tidak mustahil untuk mewujudkan jurang pemisah antara kaum begitu sukar. Hal ini turut memberi cabaran dan halangan untuk mencapai objektif dalam falsafah pendidikan negara dalam mewujudkan perpaduan yang cuba disalurkan melalui pendidikan sejarah. Menurut Connell, buku teks yang baik dapat memberikan hasil dan manfaat yang bermakna jika buku tersebut digunakan dengan penuh tujuan.<sup>72</sup> Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam buku teks Sejarah memberi cabaran terhadap fungsi buku teks itu sendiri apabila terdapatnya unsur-unsur perkauman dan juga penggunaan istilah dan bahasa yang kurang sesuai sehingga menyinggung kaum-kaum tertentu.

Penyampaian dan olahan dalam buku teks Sejarah tidak memberi pembaca pemahaman dan konsep yang jelas tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembangunan negara sehingga tidak menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca. Cara sejarah disampaikan tidak mencerminkan latar belakang sosial Malaysia yang kompleks. Kegagalan untuk mengambil kira konteks dan latar belakang sejarah sosial yang sebenar menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Ini merupakan suatu halangan kepada pelajar dalam memahami aspek sejarah yang sebenar.<sup>73</sup>

<sup>71</sup> Abdul Rahman Ahmad, *Pelajaran Tawarikh Bagi Darjah III*, Arthur Road: Singapore, 1962, hlm. 1,6,8.

<sup>72</sup> F. Connell., ‘Asas Pendidikan’, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981 dalam Roselin Amat Wajah, ‘Penggunaan Buku Teks Sejarah KBSM Tingkatan Empat di Kalangan Pelajar Berprestasi Rendah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2005, hlm. 4.

<sup>73</sup> Khoo Kay Kim, ‘Problems Relating to School Certificate Examination in History: A Teacher’s View’ dalam Zainal Abidin Abdul Wahid, (editor), *History Teaching: It’s Problem in Malaya*, Kuala Lumpur: History Department, Universiti Malaya, 1964, hlm. 33.

Selain itu, gaya penulisan dalam buku teks Sejarah sekolah menengah juga boleh dianggap mengecewakan kerana gagal menerangkan secara jelas sesuatu peristiwa secara terperinci. Misalnya dalam buku teks *Sejarah Menengah Baru Buku Dua* 1978 yang antara lain menceritakan mengenai peristiwa perjanjian Inggeris-Kedah membabitkan Francis Light dengan Sultan Kedah pada tahun 1786. Sejarah menunjukkan tiada sebarang persefahaman atau perjanjian ditandatangani berhubung perkara itu kerana ia dibantah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris ketika itu, manakala pendudukan Francis Light di Pulau Pinang dibuat secara paksaan. Selain itu, fakta yang menyatakan Negeri Selat hanya membabitkan tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura juga tidak tepat kerana Dinding turut pernah dijadikan Negeri Selat sebelum diserahkan kepada kerajaan Perak pada 1935.<sup>74</sup>

Selain itu, buku teks Sejarah Malaysia tidak memperuntukkan ruang yang seimbang dan mencukupi untuk perbincangan yang khusus atau lengkap tentang pengaruhnya terhadap masyarakat tempatan. Penelitian sejarah negara Malaysia tidak cukup terbuka, malah cuba mengelakkan penyampaian peristiwa sejarah yang terbaru kepada generasi baru, antaranya Peristiwa 13 Mei 1969, Peristiwa Hartal 1967, Peristiwa Hukuman Gantung 1968, Peristiwa Pemulauan Pilihan Raya 1969, Perarakan Mayat pada 9 Mei dan Perarakan Kemenangan oleh Parti-Parti Pembangkang pada 12 Mei 1969, Operasi Lalang, Krisis-krisis Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya.<sup>75</sup> Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan, 50 peratus (%) guru-guru mendakwa buku teks yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran tidak memberi panduan yang jelas bagaimana untuk memanfaatkannya secara efisien selain menyampaikan isi kandungan yang terdapat dalam buku teks tersebut.<sup>76</sup>

Hal ini menjadi halangan kepada guru untuk menyampaikan maklumat secara berkesan kepada pelajar. Maka tidak mustahil ketika proses pengajaran dan

<sup>74</sup> Raja Mohammed Affandi, *Sejarah Menengah Baru Buku Dua*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1978, hlm. 17.

<sup>75</sup> Tunku Abdul Rahman, *13 Mei Sebelum dan Selepas*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions, 2007, hlm. 83.

<sup>76</sup> Rosiah Salim, ‘Peranan Guru dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Bagi Memupuk Unsur Patriotisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 65.

pembelajaran berlangsung, guru memanfaatkan sepenuhnya isi kandungan tanpa memikirkan kaedah lain untuk menyalurkan maklumat kepada pelajar. Pengajaran guru Sejarah di sekolah kebanyakannya lebih bersifat ceramah, iaitu lebih memberi tumpuan kepada peranan guru menyampaikan dan menerangkan ilmu tanpa melibatkan pelajar secara aktif untuk mengembangkan potensi dan kemahiran pelajar dalam bidang yang dipelajari. Sikap guru yang terlampau bergantung kepada buku teks menjadikan pengetahuan sejarah begitu sempit dan tidak dapat membuka perspektif serta dimensi baru kepada pelajar.<sup>77</sup>

Selain itu, pelajar-pelajar sekolah menengah juga mengalami masalah bahasa kerana buku-buku teks Sejarah adalah dalam bahasa Inggeris. Menurut Aminuddin Baki, guru-guru sekolah Melayu tidak mempunyai buku-buku panduan untuk mengajar kerana kebanyakan buku-buku bertulis dalam bahasa Inggeris termasuk buku Sejarah. Ini antara punca kelemahan pelajar-pelajar Melayu yang dipersetujui oleh guru-guru Melayu terhadap kejatuhan pelajar-pelajar Melayu semasa menghadapi ujian atau peperiksaan.<sup>78</sup> Hal ini berlaku kerana terjemahan-terjemahan teks masih berkurangan. Tambahan pula, pelajaran yang dipelajari lebih menjurus kepada perkara-perkara di luar dari negara Malaysia. Dengan keadaan yang demikian, pelajar-pelajar sudah tentu akan menghadapi masalah dalam memahami pelajaran tersebut.<sup>79</sup>

Walau bagaimanapun dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru tetap memainkan peranan penting untuk menjadikan sesuatu mata pelajaran yang diajar itu hidup dan menarik terutamanya mata pelajaran Sejarah yang sering dilabelkan sebagai mati dan membosankan.<sup>80</sup> Guthrie juga menyatakan bahawa buku teks mempunyai pengaruh dalam membentuk sikap, nilai serta unsur-unsur sahsiah kepada pelajar.

<sup>77</sup> C. Cornbleth., ‘Knowledge for Teaching History, Competing Vision of Teacher Knowledge’, Proceedings from an NCRTE Seminar for Education Policymakers, Washington, D.C, 1989, hlm.173.

<sup>78</sup> Berita Harian, 11 Januari 1960, hlm. 4.

<sup>79</sup> Khoo Kay Kim, ‘Problems Relating to School Certificate Examination in History: A Teacher’s View’ dalam Zainal Abidin Abdul Wahid, (editor), *History Teaching: It’s Problem in Malaya*, Kuala Lumpur: History Department, Universiti Malaya, 1964, hlm. 33.

<sup>80</sup> Aini Hassan, ‘Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sekolah: Guru Sebagai Broker Ilmu’, *Majalah Pendidikan*, Jilid.21, 1998, hlm.109-120.

Buku teks berperanan sebagai sumber pengetahuan asas sesuatu pengajaran dan rujukan utama bagi menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajar.<sup>81</sup>

Pemilikan buku teks merupakan suatu halangan yang jelas dalam pembelajaran Sejarah selepas merdeka. Halangan ini adalah dari segi edaran buku teks Sejarah yang tidak mencukupi untuk sekolah-sekolah di Malaysia. Walaupun penyebaran buku-buku teks ini agak meluas, tetapi dalam dekad 1960-an, masalah buku teks di bilik darjah masih wujud. Pelajar masih menghadapi masalah dalam memilih buku-buku teks tersebut terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan sebahagian besar murid-murid tidak memiliki buku teks yang sepatutnya digunakan. Berdasarkan pemerhatian dan Laporan Jemaah Nazir yang diterima oleh Hj Hamdan Sheikh Tahir, beliau mendapati bahawa banyak sekolah kekurangan buku teks dan buku-buku bacaan tambahan. Hal ini berkaitan dengan sikap ibu bapa terutamanya orang-orang Melayu dengan mengatakan:

Murid-murid tidak mempunyai buku-buku tersebut dan nampaknya ibu bapa enggan membelikannya. Saya katakan enggan kerana kebanyakan ibu bapa kita sesungguhnya masih sanggup mengeluarkan belanja untuk keperluan lain.<sup>82</sup>

Soal kemiskinan ibu bapa yang tidak mampu membelikan buku-buku pelajaran kepada anak-anak mereka dikaitkan dengan harga buku-buku tersebut terlalu mahal. Zainab Adnan, Perwakilan Pergerakan Kaum Ibu UMNO menyatakan ramai bilangan anak-anak sekolah terpaksa diberhentikan kerana ibu bapa mereka tidak mampu membelikan buku-buku pelajaran mereka. Hal ini berikutan harga buku sama ada di sekolah Inggeris atau sekolah-sekolah kebangsaan terlalu mahal, sedangkan buku-buku pelajaran yang dikehendaki terlalu banyak meskipun tiada paksaan untuk membeli buku-buku tersebut.<sup>83</sup>

Justeru, kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam buku teks sama ada dari aspek isi kandungan, kesilapan dan pertentangan fakta, istilah negatif, konsep dalam

<sup>81</sup> J.T. Guthrie., ‘Learning Value from Textbooks’, *Journal of Reading*, 26(6), 1983, hlm. 574-576.

<sup>82</sup> Haji Hamdan Shikh Tahir, *Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 140.

<sup>83</sup> Berita Harian, 9 Mac 1963, hlm. 4.

buku teks dan sebagainya memberi suatu cabaran kepada pembelajaran mata pelajaran Sejarah untuk mencapai matlamat yang diusahakan selama ini terutamanya untuk membangkitkan semangat jati diri, perpaduan antara kaum dan semangat cintakan negara. Setiap permasalahan yang wujud, memberi halangan untuk meningkat dan memartabatkan mata pelajaran tersebut ke fasa seterusnya kerana keyakinan telah mulai pudar, termasuk keyakinan terhadap mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, cabaran yang dilalui merupakan suatu penguat untuk mata pelajaran ini melakukan perubahan dalam mempertahankan kedudukannya sebagai salah satu mata pelajaran untuk mewujudkan perpaduan bangsa.

### **Cabaran dan Halangan Berkaitan Guru**

Sekolah merupakan institusi sosial yang memainkan peranan yang amat penting dalam merubah kehidupan masyarakat. Sekolah adalah pengubah minda dan penentu kepada budaya dan pembangunan sesebuah negara. Negara tidak akan maju tanpa sistem pendidikan yang berkesan. Oleh yang demikian, untuk menzahirkan wawasan pendidikan negara, peranan guru antara tunggak pembangunan pendidikan. Guru bertanggungjawab menjalankan tugas dengan baik dan menerima tugas dengan penuh amanah dan ikhlas kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan individu yang berperanan bukan sahaja dalam memberikan semangat kepada pelajarnya, malah yang utamanya membantu dan mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan supaya pelajar dapat mengikuti pengajaran dengan sempurna.

Menurut Ketua Penasihat Pelajaran ketika itu, iaitu Aminuddin Baki, guru-guru harus mengubah cara berfikir. Bagi beliau, sistem pendidikan tidak akan menjamin kedudukan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik sesebuah negara

berbanding peranan yang dimainkan oleh guru-guru dan ahli pendidik.<sup>84</sup> Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran guru di bilik darjah memainkan peranan utama terutamanya berkaitan mata pelajaran Sejarah yang merupakan salah satu mata pelajaran penting dan diperakui dalam kurikulum sekolah.

Guru bertanggungjawab melaksanakan amanah yang diberikan dalam menyampaikan ilmu dan berusaha sedaya upaya agar ilmu yang disampaikan itu dapat memberi kesan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, situasi pelaksanaannya di bilik darjah menimbulkan pelbagai tanggapan dan kritikan apabila dilaporkan terdapat dalam kalangan guru yang tidak memperlihatkan usaha ke arah penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hal ini antara yang sering dibangkitkan mengapa mata pelajaran Sejarah sehingga kini masih belum mencapai matlamat yang digagaskan terutama selepas merdeka. Permasalahan yang sering dikaitkan dengan guru tidak pernah berhenti sejak dahulu sehingga kini dan kelemahan dalam kalangan guru ini antara penyebab mata pelajaran Sejarah semakin kurang diminati. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mohd Najib Tun Razak yang menyatakan bahawa tugas guru bukan terbatas kepada kehendak sukatan pelajaran semata-mata, tetapi meliputi tanggungjawab berlandaskan falsafah negara. Malahan menurut beliau juga, guru harus bertanggungjawab menyemai perasaan kasih dan cinta kepada negara dalam kalangan pelajar dan tempat yang paling sesuai untuk menyemai perasaan ini adalah di bilik darjah. Kekuatan dan keutuhan negara bergantung kepada sejauh mana asas cintakan negara yang disemai oleh para guru kepada pelajar agar mereka lebih berminat terhadap segala dasar kerajaan.<sup>85</sup>

Selain itu, kebanyakan guru dikatakan tidak kreatif untuk menggunakan kaedah yang sesuai bagi menarik minat pelajar ke sekolah. Hal ini berlaku kerana, guru dikatakan kurang membuat persediaan dan perancangan dalam pengajaran yang bakal berlangsung, terutamanya guru perempuan yang sudah berkeluarga, mereka

<sup>84</sup> Berita Harian, 5 Januari 1965, hlm. 5.

<sup>85</sup> Berita Harian, 6 Mei 1981, hlm.16.

sibuk dalam menguruskan hal rumah tangga sehingga tiada masa untuk memikirkan tentang kaedah pengajaran yang boleh dilakukan dalam kelas bagi membolehkan pelajar mudah untuk memahami apa yang ingin diajar. Terdapat juga segelintir daripada guru, terutamanya guru veteran, mereka tidak suka akan perubahan kerana bagi mereka kaedah menggunakan papan hitam ini merupakan kaedah yang terbaik yang boleh diguna pakai di bilik darjah tanpa memikirkan kesan kepada pelajar mereka. Aspek ini memang diakui terdapat guru yang tidak kreatif dalam menvariasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah di bilik darjah. Oleh itu, mereka akan mengambil jalan mudah dengan menggunakan papan hitam dan buku teks sahaja, tanpa perlu menyesakkan fikiran dalam mencari aktiviti-aktiviti yang berguna dan memudahkan pelajar untuk faham apa yang mereka belajar. Selain itu, masih terdapat dalam kalangan guru yang menganggap buku teks sahaja sudah memadai dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan tiada inisiatif untuk merujuk kepada buku rujukan atau bahan media yang lain, walaupun telah diakui bahawa buku teks itu sendiri mempunyai kelemahannya yang tertentu.<sup>86</sup>

Berikutnya dengan itu, maka masyarakat membuat penilaian terhadap kecekapan seseorang guru berdasarkan keputusan peperiksaan. Justeru, untuk mengeluarkan keputusan yang baik, adalah satu cabaran kepada tugas guru.<sup>87</sup> Sementelahan pula guru sering dikaitkan sebagai punca apabila melibatkan kelemahan pelajar-pelajar dalam penerimaan dan penghayatan pelajaran. Ini bermaksud bukan guru tidak bijak, tetapi tidak terdaya untuk mengajar terhadap sesuatu skop bidang yang luas. Di samping itu, sikap guru yang jujur dan terlalu berterus terang kepada pelajar dengan berkata ‘di universiti dahulu saya belajar dalam bidang sastera, tetapi sampai di sini, saya terpaksa mengajar Sejarah kerana tiada guru’. Kenyataan ini membuatkan pelajar akan berasa ragu-ragu terhadap keupayaan guru yang terpaksa

<sup>86</sup> R. Adams, ‘Masalah Guru di dalam Melaksanakan KBSR’, International Institut for Educational Planning, 1978, dalam Noraini Mohd Salleh & Rahimah Ahmad, ‘Pelaksanaan Kurikulum Baru: Masalah Guru dan Implikasi Kepada Latihan Guru’ Konvensyen Nasional Ke Empat Mengenai Pendidikan, Pendidikan dan Polisi Sosial, 6-8 Ogos 1984, hlm. 212.

<sup>87</sup> Berita Harian, 3 Januari 1986, hlm. 14.

mengajar mereka. Hal ini menghalang perkembangan minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar.<sup>88</sup> Keadaan ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Datuk Khalil Yaacob, Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu bahawa terdapat dalam kalangan guru bahawa kemasukan mereka dalam bidang perguruan hanya sebagai alternatif sahaja kerana bidang pekerjaan yang diminati tidak berjaya diperoleh.<sup>89</sup>

Rohana Zubir dan Sharma turut mengakui wujudnya keadaan di mana terdapatnya tanggapan negatif terhadap pengajaran guru.<sup>90</sup> Malahan berdasarkan kajian Abdul Rahim, turut menyatakan bahawa ramai guru tidak memahami dan tidak memberi pertimbangan tentang objektif serta prinsip-prinsip perancangan dan pengajaran Sejarah serta kurang memberi perhatian terhadap kaedah dan strategi pengajaran. Kritikan negatif ini menyebabkan guru semakin sukar untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara berkesan. Cabaran yang dihadapi guru menghadapi situasi sebegini menjadi penghalang dalam situasi pengajarannya, sehingga terdapat guru Sejarah sendiri telah mempersoalkan kebijaksanaan mengekalkan pengajaran Sejarah di sekolah.<sup>91</sup>

Hakikatnya, setiap guru memikul satu tanggungjawab besar kerana setiap apa yang disampaikan oleh guru akan memberikan kesan terhadap pelajar. Jika guru tersebut dapat melaksanakan tugasnya dengan baik dan cemerlang, maka pengaruh positif itu dapat meresap ke dalam jiwa pelajar. Jika guru melaksanakan tugasnya bagai melepaskan batuk di tangga, maka sebaliknya yang akan berlaku. Menurut Encik Salleh Khir Bahari, mantan Nazir Persekutuan menyatakan;

... jika ada seorang pelajar yang tidak dapat mengikuti pelajaran yang diajar serta tidak dapat memahami pelajarannya berikutnya tidak mempunyai peralatan pelajaran atau buku-buku teks, maka guru tidak harus berkata; ‘anak itu tidak boleh berbuat apa-apa lagi’.

<sup>88</sup> Berita Minggu, 5 Januari 1986, hlm. 11.

<sup>89</sup> Harian Nasional, 8 April 1984, hlm. 12.

<sup>90</sup> Abu Bakar bin Ismail, ‘Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Sejarah di Tingkatan Enam’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 35.

<sup>91</sup> Abdul Rahim Ahmad, ‘Tanggapan Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 73-75.

Ini adalah suatu cabaran kepada guru yang mesti mencari jalan dan ikhtiar bagi mengatasi kesulitan dan keadaan pelajar tersebut.<sup>92</sup> Aspek ini yang difokuskan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Kualiti pencapaian akademik pelajar sangat bergantung kepada pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Memperkasa pelajar dalam menguasai ilmu sejarah dapat dicapai melalui pengajaran guru Sejarah yang berkesan dan efektif. Walau bagaimanapun, realiti guru masih banyak kekurangan dan kelemahan dalam menyampaikan ilmu sejarah. Hal ini merupakan suatu cabaran kepada mata pelajaran Sejarah dalam memperluas dan mengembangkan ilmu sejarah untuk mencapai objektif pendidikan sejarah.

Cabaran dalam pendidikan sejarah terus berlaku apabila Timbalan Menteri Pendidikan, Encik Woon See Chin mengatakan bahawa pada peringkat awal 1980-an negara mengalami kekurangan guru terlatih bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sejarah. Kekurangan guru ini berikutan pandangan berkaitan aspek sijil yang diperoleh oleh lepasan Maktab Perguruan berbanding lulusan institusi lain seperti Institut Teknologi Mara yang memperoleh diploma. Keadaan ini yang menyebabkan ramai yang tidak berminat menjadi guru terutamanya calon guru lelaki untuk menceburi bidang perguruan.<sup>93</sup> Keadaan ini menyebabkan berlaku ketidaksepadanan dalam pengagihan guru mengikut opsyen masing-masing. Maka berlaku keadaan di mana kebanyakan guru yang mengajar di sekolah menjadi ‘bidan terjun’. Guru yang bukan opsyen terpaksa mengajar mata pelajaran kritikal seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris bagi memenuhi keperluan pelajar. Oleh hal demikian, disebabkan kurang pengalaman dan pengetahuan tentang subjek berkenaan maka gaya dan penyampaian guru tersebut tidak dapat difahami oleh para pelajar mereka termasuk pembelajaran Sejarah.<sup>94</sup>

Selain itu juga, kelemahan dan kekurangan pengalaman serta pengetahuan tentang subjek Sejarah maka gaya dan penyampaian guru tersebut tidak dapat difahami

<sup>92</sup> Berita Harian, 17 Mei 1960, hlm. 3.

<sup>93</sup> Berita Harian, 30 April 1985, hlm. 1.

<sup>94</sup> Utusan Malaysia, 14 November 1987, hlm. 2.

oleh para pelajar mereka. Sesungguhnya, guru yang mantap dengan ilmu yang diajar akan membuatkan pelajar yakin dengan guru tersebut dan seterusnya dapat menerima ilmu tersebut dengan baik, tetapi sebaliknya yang berlaku jika ilmu yang diberikan kepada pelajar oleh guru yang kurang berpengalaman, pastinya berlaku perbezaan dari aspek penerimaan. Malahan terdapat fakta yang dimanipulasi untuk menyampaikan propaganda, agenda dan dakyah yang membawa kemusnahan kepada perpaduan kaum yang dipupuk sejak dahulu.<sup>95</sup> Hal ini yang membawa kepada halangan dan cabaran dalam pembelajaran Sejarah untuk mencapai matlamat sebagaimana yang digagaskan dalam pendidikan sejarah.

Seterusnya cabaran kepada guru apabila gagal mengajar dengan sempurna sehingga pelajar-pelajar menjadi bosan dan suasana kelas hingar-bingar. Hal ini berlaku kerana sekiranya guru tiada pengalaman dan tidak bijak menyesuaikan diri, maka akan menjaskannya mutu pembelajaran. Sementelahan pula terdapat kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah turut terdiri daripada guru Pendidikan Agama Islam berikutnya guru-guru dianggap serba boleh. Keadaan ini disulitkan lagi apabila terdapat tekanan yang dihadapi oleh guru apabila mereka digelar ‘penajah’ terutamanya mereka yang mengajar di sekitar Sarawak yang dianggap telah merampas hak anak tempatan terutamanya kawasan pedalaman yang sebelumnya menempatkan guru sementara sebelum kehadiran guru tetap.<sup>96</sup> Walau bagaimanapun, menurut En. Azmi Junid iaitu Pengarah Pelajaran Sarawak dalam satu seminar menegaskan, guru perlu kuat dari aspek mental dan emosi sebagai seorang guru. Beliau turut mengatakan pendekatan psikologi amat sesuai digunakan sama ada untuk diri sendiri dan untuk membentuk jiwa pelajar dalam mewujudkan hubungan yang baik antara guru dan pelajar.<sup>97</sup>

<sup>95</sup> Uthya Sankar, ‘Manipulasi Fakta dalam Buku Teks Sejarah’, <http://www.projekdialog.com/featured/manipulasi-fakta-dalam-buku-teks-sejarah/> (tarikh diakses 9 Julai 2015).

<sup>96</sup> Berita Harian, 29 Januari 1986, hlm. 11.

<sup>97</sup> Berita Harian, 3 Januari 1986, hlm. 14.

Berdasarkan Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran 1977 telah menggalurkan guru-guru yang dicadangkan untuk mengajar mata pelajaran Sejarah. Bagi sekolah rendah, tiga kategori guru yang dibolehkan mengajar Sejarah ialah terlatih, telah mengikuti kursus mengajar Sejarah atau menjawat jawatan penting dalam bidang sejarah. Sementara bagi sekolah menengah rendah pula guru-guru yang dicadangkan boleh mengajar Sejarah perlu terlatih dan memilih Sejarah sebagai mata pelajaran pilihan, telah mengikuti kursus mengajar Sejarah atau telah menjadi kakitangan penting dalam bidang sejarah dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran Sejarah.<sup>98</sup> Melalui syarat-syarat ini, jelas menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah memerlukan guru-guru yang benar-benar terlatih dan berkelayakan. Namun begitu, dengan keadaan guru yang tidak mencukupi di sekolah-sekolah, maka terjadi keadaan di mana guru-guru yang tidak berkelayakan dalam bidang sejarah telah dikehendaki mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah. Guru-guru yang tidak mendapat pendidikan mengenai kaedah dan cara pengajaran Sejarah ini tentu memberi kesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di bilik darjah. Kebanyakan mereka ini tidak begitu meminati bidang sejarah dan mengalami kesulitan-kesulitan dalam mengajar mata pelajaran tersebut.<sup>99</sup>

Pendekatan pengajaran guru di dalam kelas seperti mana dihurst dalam bab empat masih lagi berada pada tahap rendah. Telah menjadi kelaziman dalam kalangan guru, mata pelajaran Sejarah diajarkan dengan satu kaedah mudah sama ada bercerita, ceramah, perbincangan, penerangan dan sebagainya. Tumpuan pembelajaran lebih berfokuskan kepada hasil iaitu pelajar dan mahasiswa sebagai objek dan produk semata-mata.<sup>100</sup> Menurut Dyah Kulamasari terdapat sekurang-kurangnya empat komponen yang saling berkait dan menjadi penyebab munculnya masalah dalam pembelajaran Sejarah. Antaranya tenaga pengajar Sejarah yang kebanyakannya miskin

<sup>98</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran (BS) 8586-2U(U), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pelajaran Malaysia 1968-1979, Bil. 12/1977, hlm. 221.

<sup>99</sup> Napsiah Mahfoz, ‘The Role of Key Teacher’s in the Implementation of a New History Curriculum in Malaysia’, Tesis Ph.D, University of British Columbia, Vancouver, 1983, hlm. 142.

<sup>100</sup> Khoo Kay Kim, ‘Perkembangan Pendidikan Sejarah’ dalam Omar Mohd Hashim, *Falsafah Pendidikan Sejarah, Sejarah dalam Pendidikan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 15.

wawasan kesejarahan yang berpunca daripada sifat tidak gemar untuk menggali dan mengkaji menggunakan sumber-sumber sejarah yang baru ditemui. Kredibiliti guru Sejarah yang rendah ini pastinya menghalang objektif pengajaran Sejarah daripada tercapai.<sup>101</sup>

Demikian halnya, turut terdapat beberapa isu yang timbul dalam pendekatan guru iaitu guru masih lagi mengajar menggunakan kaedah tradisional, guru kurang berilmu pengetahuan, bukan hanya dalam kandungan mata pelajaran yang diajar, malah juga kurang dari segi ilmu pengetahuan semasa. Selain itu, guru tidak dapat berinteraksi dengan baik di dalam kelas dan keadaan ini memberi kesan dan impak negatif kepada pelajar. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan hasil daripada kajian terdahulu menunjukkan matlamat utama guru adalah untuk mengajar fakta daripada buku teks untuk menghabiskan sukan pelajaran bagi menghadapi peperiksaan, namun ternyata kaedah ini didapati tidak berkesan. Walaupun kebanyakan guru mengetahui kaedah-kaedah yang lebih sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran Sejarah, tetapi disebabkan oleh terdapatnya kekurangan latihan dalam menggunakan dokumen menyebabkan mereka masih menggunakan kaedah tradisional.

Akibat daripada amalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang masih bersifat tradisional, maka nilai-nilai perpaduan antara kaum di negara ini kurang berkesan. Maka tidak mustahil apabila isu guru dikatakan suatu cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah berkesan di peringkat persekolahan. Namun, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa aspek ini berlaku kesan daripada halangan-halangan yang dilalui oleh guru, antaranya perlu menghabiskan sukan yang terlampau banyak dan luas, tugas-tugas luar guru selain mengajar dan tuntutan keputusan peperiksaan. Sesungguhnya terdapat pelbagai isu dankekangan dihadapi guru, terutamanya di peringkat pelaksanaannya di bilik darjah seperti kegagalan untuk melahirkan pelajar berilmu pengetahuan Sejarah yang tinggi dan mampu berfikir secara

<sup>101</sup> Dyah Kumalasari, ‘Sejarah dan Problematika Pendidikan’ dalam *Historia* Edisi Pertama, 2005, hlm. 7-22.

kreatif dan kritis serta kurangnya minat dan wujudnya persepsi negatif oleh pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Cabaran berikutnya kerana kaedah pembelajaran Sejarah pada umumnya kurang membentuk daya intelektual pelajar. Kebanyakan guru pada ketika itu lebih mementingkan ingatan terhadap tarikh dan fakta serta membuat rumusan tanpa melatih pelajar berfikir melalui taakulan sejarah. Guru perlu memahami bahawa sejarah sebenarnya berperanan membentuk daya intelektual pelajar yang mampu membezakan antara kebenaran, *bias*, muslihat dan pandangan yang sempit dengan pendapat yang matang. Sebagaimana menurut Soedjatmoko yang mengajak para pendidik Sejarah agar membuang cara-cara mengajar Sejarah yang mengutamakan fakta sejarah. Jika pembelajaran Sejarah terbatas pada pengetahuan fakta, maka ia akan mematikan segala minat terhadap pembelajaran Sejarah. Pandangan ini sangat penting diimplementasikan dalam pengajaran Sejarah.<sup>102</sup> Walau bagaimanapun, aspek ini memberi halangan kepada guru berdasarkan kaedah tersebut kerana guru terikat dengan peperiksaan yang mementingkan fakta yang terdapat dalam buku teks, maka tumpuan lebih diberikan kepada keutamaan peperiksaan.

Seterusnya cabaran berkaitan guru ini adalah berkenaan kekurangan ilmu pengetahuan yang mendalam sama ada ilmu sejarah atau isu-isu semasa. Peranan guru sebagai sumber belajar berkait rapat dengan penguasaan isi kandungan mata pelajaran. Baik tidaknya seorang guru itu dapat dinilai dari penguasaan isi kandungan mata pelajaran yang diajar dan juga peka dengan isu semasa. Abdul Halim el-Muhammady mengatakan selain memiliki sijil kelayakan kemahiran pendidikan yang diiktiraf, guru juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam banyak aspek, bukan sahaja mata pelajaran yang diajarnya. Beliau turut menegaskan bahawa guru merupakan agen kepada keberkesanan pendidikan. Sebaik manapun sesuatu

---

<sup>102</sup> Soedjatmoko, *Kesadaran Sejarah dalam Pembangunan*, Prisma, Edisi Ke Tujuh, Jakarta: LP3ES, 1976, hlm. 8.

sistem pendidikan, maksud yang ingin disampaikan tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya agen yang menyampaikan tidak efektif.

Kejayaan dan keberkesanan pendidikan adalah berhubung rapat dengan kesedaran para guru terhadap tanggungjawabnya, kelengkapan ilmu dan keluhuran peribadinya. Panduan antara kemahiran keilmuan dengan keluhuran peribadi merupakan kriteria peribadi pendidik yang tidak boleh dipisahkan malahan boleh dijadikan sebagai contoh yang berkesan. Malangnya kebanyakan guru bukan hanya kurang mantap dalam penguasaan isi kandungan mata pelajaran malah tidak langsung mengikuti perkembangan semasa.<sup>103</sup>

Justeru, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah, hakikatnya terdapat pro dan kontra mengapa permasalahan ini berlaku dan masih belum berpenghujung. Maka tidak mustahil apabila pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sering melakukan rombakan kurikulum mata pelajaran Sejarah, malahan turut melibatkan penyusunan dan penstrukturkan semula sukanan pelajaran.

Cabaran berikutnya berkaitan dengan masa yang diperuntukkan dalam mengajar mata pelajaran ini. Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati bahawa peruntukan masa selama 120 minit seminggu telah tidak dipatuhi. Kebanyakan sekolah hanya memperuntukkan masa hanya selama 80 minit sahaja dalam seminggu bagi mata pelajaran ini.<sup>104</sup> Sementara itu, bagi sekolah rendah pula, Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan masa kepada mata pelajaran ini selama 80 minit atau dua kali seminggu. Masa tersebut tidak mencukupi jika dibandingkan dengan tajuk-tajuk yang harus diselesaikan.<sup>105</sup> Sebelum 1978, sukanan pelajaran bagi darjah empat misalnya terdapat 31 buah tajuk, darjah lima sebanyak 39 tajuk, manakala untuk darjah enam sebanyak 37 tajuk. Berdasarkan pada banyaknya tajuk yang perlu dihabiskan, maka

<sup>103</sup> Abdul Halim el-Muhammady, ‘Displin dan Peranan Pendidik’, Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1991 dalam Mohd Musnizam Jaafar et.al, *Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan*, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 2012, hlm. 292.

<sup>104</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, ‘Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran’, November 1979, Pengerusi: YAB Dato’ Seri Dr. Mahathir Muhamad, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984, hlm.76.

<sup>105</sup> Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Semenanjung, *Sukanan Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah*, dalam Seminar Sejarah Malaysia 1, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm.14.

peruntukan masa selama 80 minit itu sebenarnya adalah terlalu singkat. Kesuntukan masa ini lebih terasa apabila ditinjau dari segi amalan pengajaran guru-guru Sejarah pada ketika itu. Kekurangan ini ternyata lebih ketara apabila dilihat dalam tempoh satu tahun. Justeru, untuk tempoh sebegini, kebiasaannya sekolah dibuka selama 120 hari sahaja iaitu hitung panjangnya selama 40 minggu.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa masa yang dikhurusukan untuk pelajaran Sejarah sebenarnya adalah lebih kurang 150 hari sahaja dalam setahun. Ini tidak termasuk cuti mengejut dan bencana alam selain kesulitan apabila guru-guru perlu menghabiskan sukanter terutamanya menjelang musim-musim peperiksaan.<sup>106</sup> Guru-guru sering kali tidak berkesempatan memberikan perhatian yang mendalam kerana banyak negeri dan peristiwa yang harus dikaji. Oleh itu, tidak mustahil apabila guru-guru lebih mementingkan peperiksaan dengan menekankan tajuk-tajuk yang dijangka keluar dalam peperiksaan sahaja.<sup>107</sup>

Seterusnya cabaran yang melibatkan faktor yang mempengaruhi penggunaan alat bantuan mengajar adalah sikap guru, kemahiran guru, latihan atau kursus dalam perkhidmatan dan pentadbir sekolah. Kajian luar negara berkaitan sikap guru terhadap penggunaan alat bantu mengajar ini telah dijalankan oleh Fatimah yang mendapati guru tidak menunjukkan sikap yang negatif terhadap penggunaan alat bantu mengajar, namun kerana kurangnya motivasi dan beban kerja yang terlalu banyak, maka bahan ini tidak digunakan.<sup>108</sup> Keadaan ini termasuk dalam kalangan guru Sejarah di negara ini.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mengatakan semua aspek ini berpunca daripada sikap malas guru kerana mereka mahu menghabiskan sukanter pelajaran. Beban kerja yang berlebih-lebihan mempengaruhi sikap guru dalam penggunaan alat bantuan mengajar ini. Beban kerja yang terlalu banyak menyebabkan

<sup>106</sup> Ibid., hlm 3.

<sup>107</sup> Siti Zainun Mat, ‘Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Semenanjung Malaysia 1948-1970-an: Satu Tinjauan’, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1988, hlm. 168.

<sup>108</sup> Fatimah Abu Bakar, ‘Education Media in Secondary Schools: An Examination of Existing Facilities and the Relationship between Selected Teacher Variable and Media Utilization’. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1980, hlm. 64.

masa guru terhad untuk menumpukan perhatian kepada pembinaan alat bantuan mengajar. Namun hakikatnya perkara ini terjadi berikutan terdapatnya halangan kepada guru itu sendiri, yakni dari aspek kemahiran yang dimiliki. Mohd Dahalan Mohamad Ramli mengatakan faktor penghalang penggunaan alat bantuan mengajar adalah kerana kurangnya kemahiran dalam penggunaan alat tersebut dalam kalangan guru. Malahan pentadbir juga menjadi antara faktor penghalang mengapa kurangnya guru-guru Sejarah menggunakan alat bantuan mengajar dalam pengajarannya.<sup>109</sup>

Akhbar *Berita Harian*, November 1988 melaporkan sikap dan peranan pengetua sebagai pentadbir terhadap galakan penggunaan media pengajaran di sekolah adalah seperti berikut:

Sesetengah sekolah tidak menggunakan alat bantuan mengajar dengan sepatutnya walaupun ianya ada disediakan di pusat sumber sekolah masing-masing kerana tidak adanya galakan daripada pengetua. Sesetengah pengetua bersikap negatif terhadap penggunaan peralatan ini kerana kemungkinan ia akan rosak dan untuk memperbaikinya memerlukan belanja yang banyak.<sup>110</sup>

Keadaan ini diburukkan lagi dengan kegagalan guru mempelbagaikan kaedah pengajarannya disebabkan kesuntukan masa. Aspek ini diakui oleh Adam dan Ismet yang melaporkan bahawa guru kurang menggunakan kaedah pengajaran berkesan termasuk penggunaan alat bantuan mengajar. Meskipun terdapat guru yang menggunakannya, namun kekerapan penggunaannya adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan penggunaan teks secara lisan. Aspek ini mempunyai kesamaan dengan kenyataan Ismail yang mengatakan bahawa koleksi alat bantu mengajar di sekolah menengah secara amnya mencukupi, tetapi yang menjadi masalah ialah kekurangan dari segi penggunaannya oleh guru-guru.<sup>111</sup>

Sehubungan dengan itu, tidak mustahil sekiranya dalam tahun 1970-an terutamanya, terdapat rungutan berkaitan sikap guru-guru Sejarah yang hanya mengajar

<sup>109</sup> Mohd Dahalan Mohd Ramli, *Masalah Penggunaan Alat dan Bahan Pengajaran Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 23.

<sup>110</sup> *Berita Harian*, 13 November 1988.

<sup>111</sup> Rosnee Abd. Rahman, ‘Hubungan Antara Penggunaan Alat Bantu Mengajar dan Minat Pelajar Bukan Melayu dalam Mata Pelajaran Sejarah’ Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 26.

bagai melepaskan tanggungjawab yang dituntut ke atas mereka untuk memenuhi ruang masa jadual waktu sekolah sahaja. Dalam hal ini, pada pengamatan Mohd Said Hj Mohd Razi, keadaan akan menjadi lebih buruk lagi apabila guru-guru Sejarah tersebut hilang kepercayaannya kepada mata pelajaran ini dan turut sama mengatakan pelajaran ini tidak seronok dan susah untuk menarik minat pelajar.<sup>112</sup> Keadaan ini menyebabkan pengajaran Sejarah di bilik darjah menjadi masalah yang besar kepada guru-guru terbabit. Hakikatnya telah diakui oleh ramai guru Sejarah bahawa pelajaran ini adalah antara mata pelajaran yang sukar diaplikasikan di bilik darjah. Tan Boon Lin menyatakan *History is not an easy subject to teach to children. I think it is the most difficult in the curriculum to put across in the class.*<sup>113</sup> Sebagai tenaga pengajar, cara pengajaran guru adalah aspek penting yang boleh menarik minat pelajar terhadap pelajaran ini. Ini merupakan antara cabaran dalam pendidikan sejarah dalam usaha memperkasakannya sebagai mata pelajaran untuk menyatukan bangsa negara ini dan menangani masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, fokus utama pembelajaran pada ketika itu adalah untuk menghasilkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Oleh sebab itu, kebanyakan guru mengabaikan nilai dan objektif sebenar mata pelajaran Sejarah yang diajar, tetapi lebih memfokuskan kepada matlamat untuk pelajar cemerlang dalam peperiksaan. Hakikatnya, pembelajaran yang mana pergantungan sepenuhnya kepada buku teks menyebabkan maklumat dan pengalaman pembelajaran yang ingin diterapkan kepada pelajar-pelajar menjadi terbatas dan kaku. Justeru, peranan guru bukan terhad sebagai penyampai pengetahuan tetapi lebih penting bertindak sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran. Guru-guru Sejarah perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam sebagai persediaan menghadapi lambakan maklumat daripada pelajar. Peranan guru juga amat penting dalam mengawal dan memilih fakta-fakta yang jelas dan tepat serta membincangkan peristiwa-peristiwa sejarah supaya tidak berlaku salah tafsir yang menggugat keutuhan perpaduan dalam

<sup>112</sup> Mohd Said Hj. Mohd Razi, ‘Pendidikan Rendah di Malaysia-Masalah dan Harapan’, *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, Jilid xxvii, keluaran 63, Jun 1982, hlm. 61.

<sup>113</sup> Tan Boon Lin, *Problems of Teaching History in Secondary Schools*, History Teaching: It’s Problems in Malaya, 1963, hlm. 12.

kalangan pelajar pelbagai latar belakang, bangsa dan budaya. Keadaan ini yang menyebabkan mata pelajaran Sejarah itu tidak terserap semangat jati diri dalam diri pelajar kerana tumpuan semata-mata terhadap buku teks.

### **Cabar dan Halangan Berkaitan Kurikulum**

Kurikulum merupakan suatu rancangan pendidikan yang mempunyai strategi untuk mencapai matlamat yang dirancang. Bagi mencapai matlamat tersebut, maka setiap aspek yang dirancang akan mengalami perubahan dan pembaharuan termasuk dalam mata pelajaran Sejarah. Sepanjang pengenalannya dari sebelum merdeka sehingga merdeka, perubahan demi perubahan telah dilakukan. Antaranya selepas sahaja negara mencapai kemerdekaan 1957, mata pelajaran Sejarah telah diletakkan di bawah mata pelajaran Ilmu Sosial di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah. Pada tahun 1960, suatu perubahan telah dilakukan apabila mata pelajaran ini dimasukkan dalam peperiksaan Sejarah darjah V. Pada ketika itu juga, berlakunya perubahan sukatan pelajaran yakni dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama, peruntukan masa yang seragam dan sistem peperiksaan yang sama telah diperkenalkan dan berkuatkuasa pada tahun 1957. Beberapa tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1960, hasil Laporan Rahman Talib, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyusun semula Sukatan Pelajaran Sejarah bagi darjah IV sehingga tingkatan tiga. Walau bagaimanapun, Sukatan Pelajaran Sejarah pada ketika itu iaitu pada tahun 1965 adalah dalam bahasa Inggeris. Namun, perjalanan masa telah membawa mata pelajaran Sejarah terus mengalami perubahan apabila pada tahun 1966, Sukatan Pelajaran Sejarah Baru telah diperkenalkan dan digunakan pada tahun 1967. Malahan pada tahun tersebut, mata pelajaran Sejarah buat pertama kalinya menggunakan sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh pihak KPM. Mata pelajaran ini kemudiannya diserapkan dalam Pengajian Hal Ehwal Tempatan untuk darjah 1 hingga III, manakala untuk darjah IV hingga VI ialah mata pelajaran Tawarikh dengan menggunakan buku teks *Tawarikh*.

*Bagi Murid-Murid Malaysia 1969.* Selepas itu, pada tahun 1968 Sukatan Pelajaran Sejarah telah diarahkan untuk digunakan dalam semua aliran di peringkat sekolah sama ada aliran sains, sastera, teknik dan sains pertanian.

Perkembangan terhadap mata pelajaran Sejarah semakin ketara apabila pada tahun 1973 sukanan pelajaran telah diubah dalam bahasa Melayu berbanding sebelumnya dalam bahasa Inggeris. Pada tahun ini juga, kajian semula ke atas mata pelajaran Sejarah apabila sukanan pelajarannya dianggap terlalu luas, meskipun pada tahun tersebut pendidikan sejarah lebih mendekati Tanah Melayu yang mana penekanan dibuat pada kandungan dan isi mata pelajaran Sejarah perlu sebagaimana yang termaktub dalam Rukun Negara. Maka pada tahun 1978 sukanan pelajaran baru dikeluarkan, berikutan pada tahun sebelumnya iaitu pada tahun 1977, semua pelajar perlu menggunakan bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 1979, mata pelajaran ini dipecahkan kepada tiga bidang utama yang dianggap berbentuk sejarah iaitu pendidikan Sivik, Sejarah dan Ilmu Alam di sekolah menengah, manakala sekolah rendah adalah mata pelajaran Hal Ehwal Tempatan. Namun, perubahan terus berlaku pada tahun 1983 terutamanya apabila mata pelajaran Sejarah di sekolah tidak lagi berasingan, tetapi telah disepadukan dalam mata pelajaran Alam dan Manusia. Perubahan berikutnya dapat dilihat apabila mata pelajaran Sejarah ini amat berkepentingan bagi mereka yang hendak menjadi guru dan memasuki maktab perguruan di mana calon perlu mendapatkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM. Aspek ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah begitu penting sehingga dijadikan prasyarat ke institut perguruan dan pada tahun 1989, mata pelajaran ini diangkat menjadi subjek teras yang wajib diikuti oleh semua pelajar di sekolah menengah. Perubahan-perubahan ini menjadi sejarah dalam perkembangan pendidikan negara yang membawa mata pelajaran Sejarah semakin berkembang. Namun setiap perubahan yang berlaku disusuli dengan cabaran dan halangan dalam mencapai matlamat yang disasarkan.

Cabaran dan halangan dalam melaksanakan pendidikan sejarah antaranya apabila perubahan kurikulum tidak mempunyai suatu model kitaran dalam setiap perkembangannya. Berikut dengan itu, maka pengesahan terhadap kelemahan kurikulum dapat dilakukan dan sebarang perubahan dan penambahbaikan akan dilaksanakan berdasarkan kesepakatan bersama demi kemajuan sebuah negara.

Kitaran perubahan kurikulum merupakan suatu jangka masa yang telah ditetapkan dalam sistem pendidikan di setiap negara. Namun berbeza konsep ini apabila di Malaysia, tidak terdapat sistem kitaran kurikulum yang tetap. Aspek ini menyebabkan berlaku cabaran dalam melaksanakan pendidikan Sejarah apabila perubahan kurikulum di Malaysia tidak mempunyai suatu model kitaran dalam sesuatu perkembangannya. Perubahan kurikulum di Malaysia berlaku tanpa sebarang tempoh, tetapi berpandukan kepada tumpuk pemerintah iaitu perubahan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, kajian di beberapa negara menunjukkan tempoh masa kitaran sesuatu kurikulum mengambil masa di antara lima hingga sepuluh tahun. Di negara Jepun misalnya, tempoh masa satu kitaran kurikulum yang digunakan ialah lima tahun sebelum dikaji semula.<sup>114</sup> Di Malaysia tidak terdapat satu jangka masa yang jelas dalam kitaran pengembangan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan persekolahan. Reformasi kurikulum secara sistematik melibatkan semua peringkat persekolahan hanya berlangsung apabila KBSR dilaksanakan pada tahun 1982 yakni memberi pengukuhan dan penegasan kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira khususnya bagi murid-murid darjah satu hingga tiga dan KBSM yang dilaksanakan pada tahun 1989. Malahan terdapat juga pembaharuan dan perubahan tersebut dilakukan secara mendadak tanpa mengikut prosedur proses perkembangan kurikulum dan pelaksanaan kurikulum berkenaan sehingga terdapat dalam kalangan guru dan ibu bapa yang bersungut berkaitan kurikulum yang sentiasa berubah. Menurut Menteri Pendidikan ketika itu, Encik Anwar Ibrahim, tujuan kementerian mengubah

<sup>114</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984.

kurikulum untuk membawa murid-murid sekolah yang masih ‘hidup’ dalam sistem pendidikan tahun-tahun 1950-an ke satu sistem kurikulum semasa.<sup>115</sup>

Cabarannya melibatkan kurikulum pendidikan sejarah juga berkait dengan pertindihan pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan. Misalnya terdapat beberapa tindan-tindih khususnya dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan aspek pemantauan, penyeliaan dan penilaian dalam melaksanakan sesebuah kurikulum. Sekiranya tidak dilaksanakan dengan baik, akan mengakibatkan pembaziran dari segi kewangan dan tenaga pegawai yang terlibat kerana hasil diperoleh mungkin mempunyai banyak persamaan. Malahan berkemungkinan akan berlaku kekeliruan dan salah faham dalam kalangan guru dan pentadbir sekolah sekiranya nasihat dan bimbingan yang diberi tidak selaras, malahan ada kalanya bercanggah.<sup>116</sup> Oleh kerana pendidikan itu sangat penting kepada semua, maka muncul tekanan untuk memasukkan banyak perkara dalam kurikulum yang kadang kala sukar untuk direalisasikan dalam bilik darjah.<sup>117</sup> Dalam membangunkan sesuatu kurikulum ia memerlukan kemahiran-kemahiran khusus dan minat yang tinggi. Kemahiran-kemahiran tersebut tidak semudah yang disangka. Pegawai-pegawai kurikulum perlu mempunyai banyak pengetahuan berhubung teori kurikulum, teori pembelajaran dan sentiasa peka dengan perkembangan terkini pendidikan seluruh dunia. Namun, tidak semua mereka yang terlibat dalam pembangunan dan penggubalan kurikulum mempunyai prasyarat tersebut.

Lantaran itu, timbul pelbagai persoalan dalam setiap rangka yang dibincangkan apabila sesebuah kurikulum baru hendak dibentuk. Sementelahan pula apabila terdapatnya kelemahan dalam amalan pemantauan terhadap pelaksanaan kurikulum Sejarah di bilik darjah oleh pihak pentadbir. Ini agak bertentangan dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1987 yang menjelaskan bahawa tanggungjawab pengetua

<sup>115</sup> Utusan Melayu, 22 September 1988.

<sup>116</sup> Sharifah Nor Puteh, ‘The Development and Implementation of the Integrated Curriculum for Secondary School (KBSM) in Malaysian Secondary Schools’, Tesis Ph.D., University of Sussex, United Kingdom, 1994, hlm. 334.

<sup>117</sup> Sharifah Nor Puteh, ‘Curriculum Development and Reform in Malaysia’, School-Based Curriculum Renewal for Knowledge Society, Developing Capacity for New Times: Conference Proceedings, Hong Kong Institute of Education, Hong Kong, 15-16 November 2002, hlm. 113-124.

adalah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah melalui penyeliaan dan pemantauan dalam bilik darjah.<sup>118</sup> Aspek ini juga turut ditegaskan oleh Namara dan Glass serta kajian oleh Hallinger & Murphy. Guru-guru Sejarah perlu didedahkan dengan pelbagai kursus pedagogi yang ‘*up to date*’. Hal ini bukan sahaja dapat memberi input baru kepada guru Sejarah, malah dapat menafikan kurikulum Sejarah sebagai ‘*the dead man of curriculum*’ dan dapat menghindarkan pemikiran guru-guru Sejarah daripada ‘*dead minded*’ atau ‘*burnout*’ terhadap kurikulum Sejarah.<sup>119</sup>

Berikutnya adalah permasalahan pada peringkat pelaksanaan di mana sesuatu kurikulum yang digubal secara berpusat mempunyai kekuatan, dasar dan keutamaan, namun keadaan sebenar di peringkat akar umbi amat berbeza dari segi kemudahan dan komunikasi. Justeru, masalah serius mungkin berlaku pada peringkat pelaksanaan di mana terdapat gelinciran dan lompong luas di antara bahagian perancangan dengan bahagian yang melaksana. Misalnya berkait dengan persekitaran sekolah yang berbeza akan menyebabkan kurikulum yang digubal secara berpusat tidak dapat memenuhi semua keperluan sekolah kerana setiap sekolah mempunyai perbezaan di antara satu sama lain sama ada dari segi kemudahan asas, kualiti guru, persekitaran sekolah serta latar belakang murid yang merupakan suatu cabaran dan juga halangan yang boleh menjelaskan pencapaian aspirasi kurikulum.

Seterusnya cabaran dan juga halangan yang melibatkan persoalan kurikulum adalah aspek kurikulum sama untuk semua yang terdapat dalam dasar Satu Sistem. Kurikulum sama yang disediakan untuk semua tidak dapat memenuhi kehendak dan pelajar dari pelbagai latar belakang.<sup>120</sup> Pelajar-pelajar sekolah yang datang dari kawasan pedalaman mempunyai pengalaman yang berbeza dengan pelajar-pelajar dari kalangan yang tinggal di bandar. Andaian-andaian dalam kandungan kurikulum tidak

<sup>118</sup> Surat Pekeliling Ikhtisas, ‘Penyeliaan-Pembelajaran di dalam Kelas oleh Pengetua/Guru Besar’, Bil.3/1987, KP (BS) 8591/Jilid.11 (77), 11 November 1987.

<sup>119</sup> P. Hallinger & Murphy., *Assessing and Developing Principal Instructional Leadership*, Educational Leadership, 1987, hlm. 56-61.

<sup>120</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

mengambil kira apa yang dibawa oleh pelajar ke dalam bilik darjah dari segi pengetahuan awal dan budaya mereka, sehingga terdapat anggapan kurikulum bersifat *bias*. Ini boleh menimbulkan ketidakselesaan pelajar dalam pembelajaran sehingga menyebabkan mereka hilang minat dan sesetengahnya pula berhenti awal dari persekolahan. Bantuan-bantuan yang diberi setakat ini semuanya bersifat luaran seperti penyediaan makanan tambahan, buku teks dan pakaian sekolah percuma. Hakikatnya dalam aspek ini, sokongan sangat diperlukan dalam menyesuaikan kurikulum dengan iklim dan dunia pelajar.<sup>121</sup>

Sementelah pula apabila kerajaan berhasrat untuk memimpin negara ini melangkah ke era maklumat. Pentadbiran berasaskan elektronik diwujudkan bagi menggembung maklumat, komunikasi dan teknologi multimedia bagi melicinkan pentadbiran kerajaan. Pengenalan sistem media yang mula diperluaskan pada tahun-tahun 1980-an telah memberi cabaran baru kepada pendidikan sejarah. Cabaran baru dunia ketika itu ialah melalui K-Ekonomi. Dalam hal ini, sebenarnya Malaysia telah bersedia dan bertindak lebih awal. Sejak awal 1980-an, ledakan teknologi telah bermula dan sekolah-sekolah telah mula memperkenalkan dan menggunakan peralatan komputer. Pada April 1986, sebanyak 20 buah sekolah di seluruh negara mengikuti kursus komputer untuk pembelajaran. Menurut Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah, Hj Jumaat Datuk Hj Mohd Noor mengatakan bahawa program yang dilancarkan ini bertujuan memberi pengetahuan berkesan kepada pelajar.<sup>122</sup>

Justeru, cabaran berkaitan kurikulum di sini adalah dari aspek ilmu sejarah yang diperoleh melalui ledakan teknologi, bukan lagi melalui penyelidikan nyata. Penekanan terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia dapat dilihat dari aspek pendedahan yang dijalankan dalam kursus-kursus yang dijalankan oleh institusi-institusi pendidikan guru seluruh negara

<sup>121</sup> Sharifah Nor Puteh, ‘Curriculum Development and Reform in Malaysia’, Proceeding: School-Based Curriculum Renewal for Knowledge Society, Developing Capacity for New Times, Conference Proceedings, Hong Kong Institute of Education, 15-16 November 2002, hlm. 78.

<sup>122</sup> Utusan Malaysia, 30 Januari 1986, hlm. 5.

selain menjadi sebahagian mata pelajaran teras kepada kursus asas perguruan di maktab-maktab perguruan. Pada dekad 1959 mencatatkan sejarah penggunaan teknologi maklumat pertama di sekolah dengan penggunaan perisian IBM 650, pada pertengahan 1970-an terdapat pergerakan yang menjurus ke arah *Computer-Based Instruction* (CBI) yang juga dikenali sebagai *Computer-Assisted Instruction* (CAI). Pengenalan bahasa komputer ‘coursewriter’ yang mengkhusus kepada pembinaan perisian kursus atau perisian pengajaran ialah untuk menyokong pembelajaran masteri melalui sistem *Computer-Managed Instruction* (CMI).

Pada tahun 1977 diperkenalkan komputer mikro pertama di sekolah. Sumber berasaskan komputer tidak lagi bergantung kepada bahan luar sekolah seperti pejabat pendidikan daerah dan syarikat swasta.<sup>123</sup> Guru berupaya menentukan apa yang mereka buat dengan komputer, justeru membolehkan pengurusan pendidikan berasaskan sekolah menjadi lebih mudah. Perisian komputer mikro diperkenalkan dekad 1980-an dan ini merupakan sebahagian daripada penggunaan teknologi maklumat serta pengenalan pembangunan alat pengarangan untuk pembangunan perisian kursus (courseware authoring tools).

Halangannya di sini adalah tentang betapa sukar bagi guru meluangkan masa menggunakan alat pengarangan untuk membangunkan perisian kursus menyebabkan kecenderungan terhadap pembangunan kursus menjadi semakin pudar menjelang akhir 1980-an meskipun dikatakan komputer sebagai alat untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Bagaimanapun, ketidakmahiran guru, masa yang diperuntukkan sangat sedikit berbanding dengan sukatan yang banyak menjadi halangan kepada guru, selain komputer yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah pada ketika itu tidak mencukupi telah menghalang hasrat tersebut terlaksana walaupun

<sup>123</sup> Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001.

media atau perisian komputer menjadi komponen terpenting dalam kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>124</sup>

## Kesimpulan

Sesungguhnya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, aspek cabaran dan halangan seiring dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku demi mendapatkan suatu input yang berkesan untuk kesejahteraan bangsa dan negara. Cabaran berkaitan sikap pelajar yang mencakupi pelbagai aspek memberi suatu gambaran bahawa pembelajaran Sejarah perlu perubahan dan kekuatan bagi menarik minat pelajar terhadap pelajaran Sejarah. Demikian juga dengan cabaran-cabaran lain termasuk buku teks, guru dan kurikulum. Kesemua cabaran ini saling berkait antara satu sama lain dan perlu perubahan yang setara agar objektif dalam pembelajaran Sejarah mencapai matlamat yang diinginkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap perubahan yang dilakukan akan beriringan dengan cabaran. Maka tidak mustahil, meskipun mata pelajaran ini telah dilaksanakan secara formal selepas negara mencapai kemerdekaan sehingga mata pelajaran ini diangkat menjadi subjek teras, namun mata pelajaran ini tidak lari daripada masalah dan sering dihimpit dengan pelbagai cabaran dan halangan yang belum mencapai noktahnya. Oleh itu, pelbagai pihak tampil dengan pelbagai isu dan pandangan agar mata pelajaran ini terus bertahan dalam membantu melahirkan kesedaran akan sejarah negara serta mewujudkan semangat jati diri dan sayangkan negara. Justeru itu, persoalan berkaitan dengan cabaran dan halangan perlu dilihat dan dirungkai agar matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah tercapai dan memenuhi objektif yang digagaskan.

<sup>124</sup> Nuruddin Jamin, *The Development of Educational Media Service in Malaysia 1957-1972*, United States: Southern Illinois University Carbondale, 1978, hlm. 17.

## BAB ENAM

### LANGKAH DAN STRATEGI MENANGANI MASALAH

#### PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH

##### Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi salah satu alat untuk membina dan memantapkan lagi kesinambungan perjuangan kebangsaan. Pembelajaran Sejarah menjadi teras kepada pendidikan kewarganegaraan.<sup>1</sup> Oleh itu, sejarah perlu dipelajari, difahami dan dihayati secara berkesan oleh setiap warganegara. Seseorang yang mempelajari Sejarah bukan sahaja untuk memperoleh ilmu pengetahuan tentang masa lampau, tetapi lebih penting lagi adalah untuk menyebar pengetahuan lampau itu untuk dijadikan pedoman pada generasi kini dan akan datang. Pendidikan sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu dikembangkan kepada hubungannya dengan keadaan semasa, meningkatkan pemahaman terhadap masalah semasa dan mengapresiasi warisan budaya dan tamadun manusia.<sup>2</sup> Justeru dalam konteks pendidikan, mata pelajaran Sejarah disifatkan sebagai mata pelajaran yang dapat membantu pelajar membuat sintesis antara peristiwa lampau dengan masa kini, menilai situasi semasa, berfikir secara kritikal, menghargai tamadun manusia serta mempelajari dan mengamalkan hak dan tanggungjawab diri.

Oleh itu, bab ini akan membincangkan tentang langkah dan strategi yang telah dilakukan dalam menangani masalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar untuk mengembangkan pemahaman mengenai pengetahuan sejarah serta memupuk minat belajar sejarah dalam tempoh kajian. Tanggapan mengenai Sejarah sebagai mata pelajaran '*dead past*' sudah tidak relevan dengan keadaan semasa dan langkah memartabatkan dan memperkasa mata pelajaran ini amat wajar dilaksanakan.

<sup>1</sup> J.G. Roucek. ed., *The Teaching of History*, New York: Philosophical Library Inc., 1967, hlm.113.

<sup>2</sup> J. Chaffer & L. Taylor, *History and History Teacher*, London: George Allen & Unwin Ltd, 1975, hlm. 48.

Hal ini berikutan sejarah sebagai ilmu yang mencakupi semua hal dan kejadian sama ada kejadian itu merupakan kumpulan kejadian ataupun kejadian berasingan.

Jelasnya sejarah berupa semua pengalaman, tingkah lalu, kejadian serta peristiwa dalam kehidupan individu, pemimpin sesebuah institusi, pertubuhan, negara maupun masyarakat yang tergolong dalam lingkungan masa-masa lalu.<sup>3</sup> Oleh yang demikian, maka adalah wajar mata pelajaran ini diberi perhatian dan keutamaan dalam meningkatkan dan memartabatkannya sebagai mata pelajaran yang amat berkepentingan dalam usaha menerapkan semangat patriotisme dan sayangkan negara yang dipayungi masyarakat pelbagai kaum dan ras di negara ini. Oleh itu, tidak mustahil apabila sepanjang pengenalannya sebagai pendidikan formal selepas merdeka sehingga dijadikan sebagai mata pelajaran teras, pelbagai usaha dan strategi telah dilakukan ke atas mata pelajaran ini dengan tujuan untuk meningkatkan dan memartabatkannya sebagai mata pelajaran untuk menyemat jati diri dan sayangkan negara. Hal ini jelas apabila pihak kerajaan mengambil pendekatan dengan mengkaji semula kurikulum dan buku teks Sejarah serta mempergiatkan pengambilan dan latihan guru Sejarah. Malahan bab ini turut mengupas berkaitan sumbangan dan usaha badan luar dalam pembelajaran Sejarah seperti peranan Arkib Negara dan Persatuan Sejarah Malaysia.

Justeru dalam menangani segala cabaran dan halangan dalam pembelajaran Sejarah, maka evolusi tiga dekad iaitu tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an berkaitan pelaksanaan program dan aktiviti pihak kerajaan, NGO dan Kementerian Pendidikan Malaysia dikenalpasti. Berdasarkan ketiga-tiga dekad tersebut, terdapat pelbagai langkah dan strategi serta perubahan yang telah dilakukan bagi memartabat dan memperkuuh mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah.

---

<sup>3</sup> R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Merican & Sn. Sdn Bhd, 1985, hlm. 13.

## **Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1960-an**

Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai langkah dan strategi telah diambil untuk memartabatkan pembelajaran Sejarah agar lebih sistematik dan beracuan sendiri. Hal ini berikutan mata pelajaran Sejarah sebelum merdeka lebih berkiblatkan negara England dan ketamadunan barat sahaja. Justeru itu, selepas negara mengorak langkah berkerajaan sendiri, maka pelbagai strategi dan langkah telah diambil berikutan mata pelajaran Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang berkepentingan untuk mewujudkan semangat jati diri dan perpaduan kaum.

### **Perencanaan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan peranan penting dalam usaha menyediakan sistem pendidikan terbaik di negara ini agar dapat melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersatu padu, berketerampilan, berilmu dan berakhhlak mulia termasuk dalam mata pelajaran Sejarah. Pelbagai strategi dan langkah telah diambil bagi menangani permasalahan yang berlingkaran dalam pembelajaran Sejarah terutama selepas negara mencapai kemerdekaan sehingga dijadikan sebagai mata pelajaran teras.

### ***Strategi Pengesahan dan Penilaian***

Strategi pengesahan dan penilaian penting dalam usaha memantau dan menilai perencanaan dan langkah yang telah dilaksanakan untuk menilai sejauh mana keberkesanan aktiviti yang dilakukan tercapai dan kelemahan yang perlu dikemas kini. Misalnya kenyataan oleh Inche Aminuddin Baki yang mengatakan sebuah Jawatankuasa Khas 1963 dibentuk bagi menyiasat kelemahan pelajar terutama di peringkat Senior Cambridge. Menurut beliau juga, rancangan ini adalah wajar agar dapat dijadikan landasan dan pedoman memperbaiki kelemahan-kelemahan dan mencari ikhtiar lebih tegas dan berkesan terhadap kelemahan yang terdapat dalam

setiap perancangan.<sup>4</sup> Pengesahan dan penilaian adalah aspek penting bagi semua jenis latihan termasuk mata pelajaran Sejarah. Aspek ini merangkumi sistem sokongan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kurikulum Sejarah dihasilkan oleh PPK (Pusat Perkembangan Kurikulum) selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat Kurikulum pada 1963, seterusnya disampaikan kepada semua bahagian profesional termasuk Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Guru yang dilatih kemudiannya dihantar ke bahagian sekolah-sekolah yang akan mengagihkan mereka kepada JPN mengikut keperluan negeri yang berkaitan. Seterusnya JPN yang akan menetapkan penempatan guru yang kemudiannya dikendalikan oleh PPD, termasuklah penempatan untuk guru mata pelajaran Sejarah.

### ***Aktiviti Kokurikulum dan Kurikulum***

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak hanya terhad dalam bidang sejarah dan akademik semata-mata dalam usaha untuk memartabatkannya di negara ini. Namun langkah dan strategi memartabatkan pembelajaran Sejarah adalah melalui peranan guru yakni melalui aktiviti kokurikulum yang perlu diterapkan sebagai salah satu program dalam pendidikan sejarah. Antara program yang dapat menerapkan semangat patriotisme secara berterusan adalah melalui perhimpunan mingguan yang melibatkan aktiviti perbarisan, menaikkan bendera, menyanyikan lagu kebangsaan dan lagu patriotik. Selain itu, acara kemuncak kegiatan penerapan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar adalah melalui Sambutan Bulan Kemerdekaan yakni sepanjang bulan tersebut diadakan pelbagai jenis aktiviti bahasa dan budaya bagi mengisi program tersebut. Misalnya bulan bahasa disambut secara besar-besaran tanpa mengira kaum, budaya, agama dan bangsa, namun yang jelas adalah usaha menyatukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terutamanya di peringkat sekolah. Pada bulan tersebut juga

<sup>4</sup> Berita Harian, 8 April 1963, hlm. 4.

turut diadakan peraduan-peraduan, pertandingan syarahan, berbahas, melukis poster dan karang-mengarang.<sup>5</sup>

### ***Perubahan Kurikulum Sejarah***

Kurikulum adalah aspek penting dalam sistem pendidikan dan sentiasa dirangka kerana sering mengalami perubahan mengikut konteks semasa. Perubahan kurikulum yang melibatkan mata pelajaran Sejarah terutamanya pada peringkat menengah adalah usaha melahirkan warganegara yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Menurut Menteri Pelajaran Encik Abdul Rahman Talib pada ketika itu telah memaklumkan untuk mengkaji semula seluruh dasar pelajaran di negara ini. Tujuannya untuk menyusun rancangan jangka panjang khususnya dari aspek perpaduan dan semangat cintakan negara yang melibatkan mata pelajaran Sejarah. Beliau turut menyatakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar dari semua bangsa untuk belajar dalam sebuah sekolah kebangsaan. Dasar ini dapat menjamin bagi membangun satu bangsa yang baru kerana sekolah adalah tempat terbaik untuk mengikis sikap prejudis antara kaum. Cara ini merupakan satu kesempatan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan kesepadan antara kaum di negara ini.<sup>6</sup>

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia sangat penting untuk membentuk identiti bangsa Malaysia. Sementelahan pula apabila menggunakan bahasa yang sama untuk semua bangsa. Maka tidak mustahil apabila dalam mata pelajaran Sejarah, menjelang tahun 1967 Kementerian Pelajaran telah memperoleh daya upaya untuk mula menukar sekolah-sekolah rendah Inggeris kepada sekolah-sekolah kebangsaan. Maka dari Januari 1968, pelajaran tempatan telah diajar menggunakan bahasa Malaysia di darjah satu hingga tiga dan mata pelajaran Tawarikh dan Ilmu Alam diajar mulai darjah empat dalam bahasa Malaysia.

<sup>5</sup> Warta Negara, 11 Mac 1963, hlm. 4.

<sup>6</sup> Berita Harian, 19 Januari 1960, hlm. 1.

Walau bagaimanapun, menurut Timbalan Menteri Pendidikan Encik Woon See Chin, kementerian tidak bercadang untuk mengajar ilmu Sejarah termasuk Hisab, Ilmu Alam dan Sains dalam bahasa Malaysia di sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. Perkara ini tidak dapat dilakukan kerana ia bertentangan dengan peruntukan yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961.<sup>7</sup> Menurut Menteri Pelajaran iaitu Encik Abdul Rahman Talib yang mengatakan bahawa mulai tahun 1967, tidak ada sekolah menengah kerajaan yang akan menggunakan bahasa pengantaranya selain bahasa Melayu.<sup>8</sup> Perubahan dari aspek bahasa dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah membawa mata pelajaran ini melangkah setapak ke hadapan dalam mengorak langkah mempertingkat kedudukannya sebagai salah satu alat penyatuan bangsa.

### ***Penyediaan Kursus Perkhidmatan***

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Kesatuan dan Persekutuan Guru-Guru Melayu juga telah merangka dan menyediakan lebih banyak kursus dalam perkhidmatan kepada guru Sejarah berhubung dengan kepentingan mata pelajaran Sejarah dalam memupuk integrasi kaum di negara ini. Menurut Encik Aminuddin Baki iaitu ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan pada ketika itu menyatakan guru-guru Melayu baik di Singapura maupun di Persekutuan telah sedar betapa pentingnya kaedah-kaedah mengajar yang diamalkan oleh mereka itu diperbaiki. Oleh yang demikian, maka guru-guru ini sering mengadakan kursus untuk mempelajari cara-cara atau kaedah-kaedah mengajar yang baik dengan keadaan semasa.<sup>9</sup> Malahan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia turut memberi penekanan kepada aspek psikologi dan motivasi dalam kalangan guru Sejarah agar mereka dapat bersaing dengan rakan-rakan daripada mata pelajaran yang lain. Malahan nilai dan kepentingan mata pelajaran ini dipertahankan agar mereka yang terpilih untuk mengajar mata pelajaran Sejarah dapat

<sup>7</sup> *Utusan Malaysia*, 15 Disember 1987, hlm. 7

<sup>8</sup> *Berita Harian*, 19 Mac 1960, hlm. 5

<sup>9</sup> *Berita Harian*, 11 Januari 1960, hlm. 4.

memahaminya secara lebih terperinci akan misi pelajaran yang hendak disampaikan. Latihan guru Sejarah juga disesuaikan dengan matlamat dan objektif kurikulum Sejarah itu sendiri yang meletakkan integrasi dan asas perpaduan sebagai matlamat yang hendak dicapai dalam pendidikan sejarah.

Selain itu, isi kandungan bagi latihan guru pra perkhidmatan juga telah diperkuuh dan dikemas kini. Isu-isu integrasi dimasukkan dalam kurikulum dan diserapkan secara profesional. Melalui cara ini, guru dapat memahami dan menyelami hasrat dan aspirasi yang ingin dicapai oleh kerajaan. Kurikulum Sejarah pula diubah agar dapat menerapkan semangat jati diri dalam kalangan pelajar, semangat patriotik untuk membina negara bangsa serta meningkatkan lagi unsur perpaduan kaum yang sedia terjalin. Melalui kefahaman dan usaha memperkasa elemen ini, maka matlamat untuk membantu hasrat kerajaan merealisasikan hasrat dan objektif dalam pendidikan sejarah terlaksana. Hakikatnya yang jelas, mata pelajaran Sejarah di sekolah dilihat sangat relevan untuk memupuk nilai-nilai kemasyarakatan, intelektual dan sosial dalam mencorakkan perkembangan personaliti yang lebih seimbang. Lewenstein turut membincangkan berkaitan sumbangannya pendidikan sejarah dan menekankan betapa pentingnya pendidikan ini untuk mengembangkan nilai dalam kalangan pelajar.<sup>10</sup> Oleh itu, kurikulum Sejarah yang dibentuk memberi penekanan kepada unsur nilai selari dengan hasrat untuk melahirkan generasi pelajar yang dapat memahami dan berinteraksi dengan lebih harmoni, khususnya dalam konteks masyarakat pelbagai etnik di negara ini.

### **Penubuhan Persatuan Sejarah Malaysia 1953**

Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) antara pertubuhan yang banyak menyumbang kepada peningkatan dan memartabatkan sejarah di Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia bermatlamat untuk menimbulkan minat yang luas dan berkekalan

---

<sup>10</sup> R. Morris Lewenstein., *Teaching Social Studies in Junior and Senior High School-An Ends and Means Approach*, Chicago: Rand McNally & Company, 1963, hlm. 12.

terhadap sejarah, kebudayaan dan adat resam penduduk Malaysia khususnya dan negara-negara yang berkaitan. Persatuan Sejarah Malaysia berperanan untuk memartabatkan sejarah, pendidikan sejarah dan warisan tanah air serta menggalakkan pemuliharaan artifak, monumen dan kawasan yang mempunyai kepentingan sejarah dan kebudayaan. Semenjak penubuhannya pada tahun 1953, pelbagai rekod disimpan dan pelbagai program telah dilaksanakan.

Demikian juga Persatuan Sejarah Malaysia adalah antara pelopor kegiatan kesejarahan yang utama untuk menarik minat rakyat terhadap kesedaran pentingnya sejarah sebagai cermin, panduan dan iktibar untuk membina masa depan negara dan bangsa, memupuk, merangsang dan menggiatkan minat terhadap kecintaan kepada sejarah sebagai persada warisan bangsa dan untuk menyemarakkan ilmu sejarah sebagai teras tamadun bangsa. Menerusi pelbagai program, Persatuan Sejarah Malaysia menggiatkan misi perjuangannya untuk memasyarakatkan sejarah ke dalam masyarakat awam, terutamanya membangkitkan kesedaran sejarah yang terdidik dalam kalangan warga di negara ini.<sup>11</sup>

Justeru, Persatuan Sejarah Malaysia adalah antara strategi untuk memacu dan memartabatkan pendidikan sejarah kepada generasi seterusnya meskipun matlamatnya tidak kurang sukarnya untuk dicapai iaitu bagaimana untuk mengembangkan minat mengenai sejarah, kebudayaan dan adat resam. Bukan sahaja sebagai satu bahan pengajian atau disiplin yang ilmiah, tetapi juga sebagai satu pengetahuan praktik untuk dijadikan bimbingan, pemikiran dan panduan untuk masa akan datang.

Persatuan Sejarah Malaysia turut menganjurkan pertandingan melukis dan pertunjukan lukisan yang menjadi aktiviti utama bagi memaparkan tokoh-tokoh sejarah negara ini. Misalnya pertunjukan lukisan yang diadakan di Dewan Tengku Abdul Rahman semasa persidangan guru-guru Australia dan Asia di Kuala Lumpur.<sup>12</sup> Ini juga

<sup>11</sup> Omar Mohd Hashim, *Sejarah dan Masyarakat, Mengimbau Masa Lalu Memacu Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013, hlm. xviii.

<sup>12</sup> Berita Harian, 6 April 1960, hlm. 5.

antara salah satu strategi untuk meluaskan bidang sejarah dan pendidikan sejarah negara ini agar ilmu sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tidak dilupakan dan akan terus diambil iktibar daripada sejarah lampau.

Selain itu, persatuan ini turut menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk strategi untuk mengatasi kekurangan guru Sejarah. Berikutan pada ketika itu mata pelajaran Sejarah menggunakan sukanan dalam bahasa Inggeris termasuk buku teks pada tahun-tahun 1960-an, maka pihak kerajaan mengambil alternatif mencari guru-guru luar yang mahir berbahasa Inggeris. Misalnya pihak pendidikan negeri Sarawak telah mengambil langkah memohon guru-guru dari luar negara bagi menampung kekurangan guru Sejarah yang kurang fasih berbahasa Inggeris. Hal ini berikutan mata pelajaran Sejarah diajar menggunakan bahasa Inggeris. Maka seorang guru telah dihantar ke Pejabat Pelajaran Sarawak iaitu Inche Graham Edward Saunders dari Australia untuk memegang jawatan guru Sejarah dalam bahasa Inggeris di sekolah Dragon untuk tempoh dua tahun. Hal ini telah dimaklumkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang kedudukan guru-guru yang diambil dari luar.<sup>13</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dalam tahun-tahun 1960-an, mendapati pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan beberapa strategi penting dalam usaha mengukuh dan memartabat mata pelajaran Sejarah walaupun tidak secara keseluruhannya memandangkan dalam tempoh ini, negara baru sahaja mengatur langkah selepas mencapai kemerdekaan 1957. Demikian juga dengan peranan yang dimainkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia dalam usaha membantu negara untuk menggapai matlamat dalam pendidikan Sejarah. Sesungguhnya kerjasama yang terjalin antara dua badan ini telah membawa kepada pembangunan dalam pendidikan sejarah apabila mata pelajaran ini berjaya menapak ke arah satu dekad lagi iaitu 1970-an.

---

<sup>13</sup> Fail Director of Education No. 53005/7, FO/665: Colombo Plan: Request for Two Graduate Teachers for Sarawak, surat dari pejabat Setia Usaha Persekutuan, Kuching Sarawak kepada Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, 27 Ogos 1965

## **Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1970-an**

Seterusnya setelah melepas fasa tahun 1960-an, perubahan demi perubahan telah dilakukan dalam tahun-tahun 1970-an untuk mengukuhkan dan memartabatkan mata pelajaran ini. Selepas negara merdeka, tidak dinafikan pelbagai usaha telah dilakukan terhadap mata pelajaran Sejarah sama ada melibatkan buku teks, guru dan juga kurikulum agar mata pelajaran ini terus utuh dan mendapat kedudukannya yang tersendiri. Oleh yang demikian, maka pelbagai kajian telah dilakukan untuk melihat sejauhmana keberkesanan usaha-usaha tersebut terhadap mata pelajaran Sejarah.

### **Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Pada tahun 1970-an, Kementerian Pendidikan Malaysia meneruskan program yang telah dilaksanakan dalam tahun-tahun 1960-an serta melaksanakan lain-lain strategi dan langkah yang sesuai dengan anjakan masa dan kehendak dalam sistem pendidikan Sejarah pada ketika itu. Justeru, tindakan yang lebih mantap telah dilakukan dalam tahun-tahun 1970-an agar mata pelajaran ini terus berkembang dan dapat mencapai matlamat dalam pendidikan sejarah sebagai suatu mata pelajaran untuk mewujudkan perpaduan bangsa.

### ***Kajian Semula Kurikulum dan Buku Teks 1970-an***

Pada tahun-tahun 1970-an kajian-kajian ilmiah berkaitan kurikulum dan buku teks telah dilakukan meskipun kajiannya adalah amat sedikit. Misalnya hanya terdapat dua kajian di Malaysia pada tahun 1970-an yang berkaitan buku teks dengan pencapaian pelajar. Kajian tersebut menunjukkan korelasi yang tinggi di antara pencapaian pelajar dengan buku teks yang terdapat padanya. Antaranya kajian keciciran<sup>14</sup> yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah

<sup>14</sup> Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam seminar ‘Penggubalan KBSM: Mencari Teras Pendidikan Umum di Malaysia’, Anjuran Kesatuan Kebangsaan Pengurusan Malaysia (NUTP), Kuala Lumpur: Wisma MCOBA, 29-31 Julai 1985,

memperlihatkan hubungan yang kuat dari segi korelasi di antara buku teks dengan keciran pelajar dari persekolahan.

Ini bermakna buku teks memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>15</sup> Justeru, sebagai tindakan kepada perakuan Laporan Murad, maka Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) telah dilaksanakan pada tahun 1975,<sup>16</sup> meskipun Biro Buku Teks telah ditubuhkan pada 15 Mei 1967 di bawah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran yang kemudiannya diletakkan di bahagian sekolah-sekolah pada tahun 1969. Matlamatnya agar semua pelajar memperoleh bantuan buku teks selain untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa yang kurang berkemampuan. Demikian juga dengan kajian yang dilakukan oleh Ishak Haron telah memperlihatkan kesan yang kuat mengenai buku teks terhadap pencapaian pelajar dalam peperiksaan darjah V.<sup>17</sup>

Strategi dan perubahan terus dilakukan ke atas kandungan buku teks apabila sebelum dekad 1970-an, buku teks Sejarah sekolah menengah telah memasukkan isi kandungan tentang sejarah tempatan dan sejarah luar dengan kadar yang agak seimbang. Misalnya dalam buku teks Sejarah peringkat sekolah menengah rendah terbitan tahun 1969, sebanyak 62 peratus (%) daripada tajuknya berkaitan dengan sejarah luar negara dan tajuk sejarah tempatan berjumlah 38 peratus (%). Berikutan dengan itu, maka Kementerian Pelajaran telah menyarankan agar sejarah tempatan dijadikan sebagai isi kandungan tunjang dalam sukatan pelajaran sejak dekad 1970-an.

Seterusnya isi kandungan sejarah di peringkat menengah tinggi pula memaparkan situasi sejarah dunia yang agak terhad dan kurang seimbang. Berdasarkan data kajian yang dikumpul, isi kandungan buku teks Sejarah terbitan 1969 dalam kelima-lima tingkatan, tajuk yang bertemakan tempatan berjumlah 39 peratus (%) dan bertemakan luar negara pula berjumlah 61 peratus (%). Menurut Sarjana Sejarah Wang

<sup>15</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, ‘Kajian Keciran (Dropout Study)’, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973, hlm.12.

<sup>16</sup> Ministry of Education Malaysia, Report of the Committee of Officials Appointed by the Cabinet to Examine the Recommendation of the DROPOUT STUDY. An unpublished document of the Education Ministry, 1974, hlm. 12-20.

<sup>17</sup> Hussein Ahmad, ‘Pengubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Peranan Buku Teks dan Peperiksaan dalam KBSM’, *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Jilid.7, 1985, hlm. 2.

Lee Lan, isi kandungan yang berkaitan dengan sejarah luar negara telah merosot dengan drastik apabila berdasarkan buku teks Sejarah terbitan 1964, bilangan tajuk luar negara mencatat 69 peratus (%) manakala dalam buku teks Sejarah terbitan 1977-1979, bilangan tajuk luar negara merosot kepada 29 peratus (%) di peringkat sekolah menengah.<sup>18</sup> Ini bertepatan dengan aspek bahasa apabila pelajar yang memasuki tingkatan satu dalam tahun 1973 akan menggunakan bahasa Malaysia untuk semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sejarah, kecuali Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris. Justeru, pada tahun 1977, semua pelajar menggunakan bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dengan tujuan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran nasional.<sup>19</sup>

Selain itu, strategi untuk menangani permasalahan dalam pembelajaran Sejarah juga adalah dengan pelaksanaan Biro Buku Teks (BBT) yang sentiasa mengadakan seminar bagi pengelola-pengelola buku teks Sejarah di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri pada setiap bulan Mac setiap tahun. Pada seminar ini, segala dasar dan polisi baru dijelaskan pada badan yang terlibat. Seminar ini dianggap penting kerana dalam perbincangan-perbincangan, biasanya banyak masalah boleh dipecahkan. Perbincangan bukan sahaja melibatkan buku teks, malah termasuk aspek kualiti buku teks tersebut, malahan terdapat juga seminar-seminar bercorak dalaman. Seminar ini biasanya dihadiri oleh pegawai-pegawai Biro Buku Teks. Tujuan seminar ini untuk merancang kerja-kerja bagi tahun muka dan menilai kembali kerja-kerja yang sudah dilaksanakan. Selain itu, seminar lainnya adalah bercorak seminar penulisan di mana peserta terdiri dari pakar-pakar penulisan, penerbit, wakil-wakil dari bahagian kementerian dan guru-guru sekolah. Tujuannya untuk mendapatkan pandangan bagi menghasilkan buku-buku

<sup>18</sup> Wang Lee Lan, ‘Penelitian Tentang Perkembangan Pendidikan Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia’ dalam Dong Zong. *Journal of Malaysian Chinese Education*, Terbitan 10, Kajang: United Chinese School Committeees, Association of Malasia, 2010, hlm. 51.

<sup>19</sup> Hussein Onn, ‘Pelajaran di Malaysia’, Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Senator-Senator dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Lumpur, 18 Februari 1971, hlm. 12-13.

teks yang lebih bermutu. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memartabatkan pendidikan sejarah yang berpegang pada kandungan dalam buku teks.<sup>20</sup>

Sesungguhnya perubahan dan penambahbaikan ini menunjukkan kesungguhan pihak kementerian dalam usaha mengkaji semula kurikulum dan buku teks. Sementelahan pula terdapat gesaan dari pelbagai pihak menyebabkan kurikulum perlu diubah. Kurikulum Sejarah perlu lebih menitikberatkan ke arah integrasi kaum dan memupuk patriotisme dan semangat jati diri. Pada tahun 1973, sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh guru-guru, penggubal kurikulum, pensyarah universiti dan tokoh-tokoh sejarah tanah air berusaha melahirkan Sukatan Pelajaran Sejarah yang baru. Perubahan ini merujuk kepada sekolah menengah rendah dan sekolah rendah untuk darjah empat hingga tingkatan tiga dan dimulakan pada tahun 1978. Sukatan pelajaran yang baru ini menampakkan beberapa kebaikan. Selain dari mencapai matlamat negara dan mengenal sejarah negara, sukatan yang berorientasikan sejarah tempatan ini juga telah memberi banyak kemudahan dan idea dalam membantu guru-guru mengajar Sejarah dengan lebih menarik.<sup>21</sup> Selain itu, banyak aktiviti yang telah disertai oleh pelajar dalam pembelajaran ini kerana perkara-perkara yang dikaji adalah fenomena di sekeliling mereka.

Perubahan terus berlaku melalui pengemaskinian buku-buku teks Sejarah pada tahun 1977 terutamanya melibatkan buku *Sejarah Baru Negara Malaysia* untuk tingkatan satu.<sup>22</sup> Pembahagian telah dibuat kepada tiga aspek yang besar iaitu pada ‘Bahagian Satu’ berkaitan tentang sejarah Asia Tenggara sepantas lalu yang mementingkan pengasasan, perkembangan pentadbiran dan perhubungan negara-negara Asia Tenggara dengan negeri-negeri Melayu. Sementara ‘Bahagian Kedua’ ialah bahagian yang menghuraikan tentang sistem sosial, ekonomi, politik dan undang-undang bumiputera sebelum kedatangan barat. ‘Bahagian Ketiga’ pula banyak

<sup>20</sup> Biro Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981, hlm. 1-6, 16-19. (Sumber: Arkib Negara Malaysia)

<sup>21</sup> Mohd Syed Hj. Mohd Razi, ‘Sukatan Pelajaran Sejarah Baru’ *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid xxvii, keluaran 63, Jun 1982, hlm. 63.

<sup>22</sup> Buku Sejarah Negara Baru Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

memaparkan tentang sejarah perkembangan kebudayaan dan pertalian serantau. Pengetahuan tentang agama juga ditekankan melalui penonjolan prinsip-prinsip tertentu agar para pelajar dapat membezakan pengaruh beberapa agama. Sementara ‘Bahagian Akhir’, dimasukkan juga sepintas lalu tentang ketamadunan awal dunia dari zaman Mesir, Yunani, Rom dan Eropah.

Demikian juga, buku teks ini banyak memuat naik ilustrasi, peta dan gambar yang berkaitan dengan perkara yang diceritakan. Di samping itu, soalan-soalan, gerak kerja dan tajuk-tajuk perbincangan telah disediakan untuk kemudahan guru dan pelajar-pelajar sekolah. Salah satu perkara yang menarik adalah tumpuan yang diberikan terhadap sistem sosial masyarakat Melayu dan bumiputera Malaysia. Antara yang ditekankan ialah bahasa Melayu lama dan baru yang digunakan, adat perpatih dan beberapa ciri yang ditonjolkan dalam masyarakat tempatan. Keadaan ini dikatakan lebih menarik minat pelajar-pelajar kerana secara psikologinya, manusia lebih gemar mengkaji sesuatu yang terjadi kebiasaannya atau perkara yang ada di persekitarannya.<sup>23</sup> Justeru, usaha dan strategi yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini tidak terlepas daripada aspek isi kandungan buku teks itu sendiri.

Seterusnya buku teks Sejarah untuk tingkatan dua dan tiga iaitu kedua-duanya tidak lagi mementingkan penjajahan dan perkembangan tema mengikut pengaruh barat. Tokoh-tokoh tempatan diketengahkan seperti Mat Kilau, Dato Bahaman, Mat Salleh dan sebagainya. Namun, penglibatan Inggeris di Tanah Melayu tidak ditolak seratus peratus. Terdapat tajuk dalam buku *Sejarah Menengah Baru Dua* mengenai kesan-kesan pendudukan Inggeris di Tanah Melayu dan penilaian terhadapnya. Selain itu, semangat nasionalisme dipentingkan, tidak hanya Malaysia tetapi negara-negara lain di Asia.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> V. Nandarajan, ‘Revolusi dalam Pengajaran Sejarah’, *Dewan Masyarakat*, Jilid II, Bil. 6, Jun 1973, hlm. 25.

<sup>24</sup> Muzaffar Tate & Ibrahim Ahmad Bajunid, *Sejarah Menengah Baru Dua*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1983, hlm. 115.

Berikutnya bagi teks Sejarah tingkatan tiga iaitu *Sejarah Menengah Baru Tiga* pula, penekanan diberikan kepada perkembangan negara Malaysia selepas Perang Dunia Kedua dengan melihat kepada asas pembentukan Malaysia. Buku ini juga memperlihatkan hubungan Malaysia dengan negara luar seperti ASEAN dan sebagainya.<sup>25</sup> Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa perubahan terhadap kurikulum dan buku teks Sejarah dalam tahun-tahun 1970-an ini adalah suatu tindakan yang wajar oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

### ***Latihan dan Kursus Guru Sejarah***

Selain pemilihan guru-guru baru, tugas yang paling mendesak pada tahun-tahun 1970-an ialah melatih semula sebahagian besar guru-guru yang telah sedia ada untuk membolehkan mereka mengajar dengan berkesan. Latihan semula guru-guru sekolah rendah telah bermula pada tahun 1970 dan selesai pada tahun 1973, manakala sekolah menengah dimulai pada tahun 1979.<sup>26</sup> Malahan turut dilakukan pemilihan calon-calon guru Sejarah berlatarbelakangkan kepada minat yang mendalam terhadap mata pelajaran ini. Hal ini penting agar mereka yang terpilih dan dilatih dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan sejarah yang tinggi. Kekurangan guru ini berikutan pandangan para guru berkaitan tahap sijil yang diperoleh mereka berbanding dengan institusi lain yang memperoleh diploma. Sementelahan pula pada ketika itu, guru-guru lelaki kurang berminat dalam bidang perguruan.<sup>27</sup> Justeru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha dengan lebih gigih untuk memberi latihan kepada para guru serta membuka peluang yang lebih meluas kepada mereka yang berminat dalam bidang perguruan pada ketika itu.

Seterusnya pihak kementerian turut menyediakan kursus dalam perkhidmatan terutamanya bagi guru Sejarah yang lama tidak mendapat latihan dalam bidang sejarah

<sup>25</sup> Muzaffar Tate & Ibrahim Ahmad Bajunid, *Sejarah Menengah Buku Tiga*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1982, hlm. 153.

<sup>26</sup> Hussein Onn, 'Pelajaran di Malaysia', Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Senator-Senator dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Lumpur, 18 Februari 1971, hlm.6.

<sup>27</sup> Berita Harian, 30 April 1985, hlm. 1.

agar mempunyai saluran untuk mempertingkatkan kepakaran mereka.<sup>28</sup> Hal ini berikutan, sejak tahun 1968 program latihan guru di pusat-pusat daerah diberhentikan kerana pada ketika itu keperluan guru sekolah menengah rendah telah mencukupi. Pengeluaran guru-guru terlatih pada tahun 1969 dikatakan meningkat. Kesannya sembilan buah pusat Latihan Harian terpaksa ditutup sekitar tahun 1969-1970. Manakala pada tahun 1969, Maktab Perguruan Persekutuan diambil alih oleh Universiti Sains Malaysia dan pada tahun 1970, Maktab Perguruan Lembah Pantai digunakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun, kursus dalam perkhidmatan sentiasa diadakan berselang-seli dengan kursus orientasi dalam konsep *train the trainer*. Kursus ini biasanya dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan dan Pejabat Pendidikan Daerah yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan tahap profesionalisme guru termasuk guru-guru Sejarah.<sup>29</sup>

### ***Membentuk Pusat Kegiatan Guru Sejarah***

Pusat kegiatan guru Sejarah ditubuhkan di setiap daerah dikelolakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah pada tahun 1978.<sup>30</sup> Pusat-pusat ini berfungsi sebagai satu platform untuk perkembangan profesional guru terutamanya guru Sejarah dan ia dijadikan sebagai satu rangkaian profesional untuk guru Sejarah bertemu dan berbincang. Guru-guru Sejarah akan mengunjungi pusat-pusat ini untuk mengadakan perbincangan yang bercorak profesional atau akademik. Justeru, dengan menubuhkan *Special Interest Groups* (SIGs), setiap kumpulan boleh mengenal pasti satu fokus dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Kajian dalam bidang tersebut dilakukan secara pakatan dan kerjasama. Aktiviti-aktiviti penyelidikan seperti penyelidikan tindakan (*Action Research*) boleh dikendalikan di sini. Seminar atau

<sup>28</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam ‘Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah’, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 50-51.

<sup>29</sup> Abdullah Sani Yahya, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003, hlm. 94.

<sup>30</sup> Pusat Kegiatan Guru Sejarah telah ditubuhkan pada tahun 1978 yang dikenali sebagai Pusat Sumber Tempatan, Pusat Media Daerah 1981 dan Pusat Sumber Pendidikan Daerah 1986.

persidangan juga turut diadakan di sini untuk membincangkan dan berkongsi dapatan kajian demi mempertingkat mutu pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada ketika itu.<sup>31</sup>

Namun tidak dinafikan bahawa terdapat banyak lagi pusat-pusat kemudahan guru yang lain dibina untuk kemajuan guru dalam pendidikan, namun yang cukup ketara pada ketika itu ialah Pusat Kegiatan Guru yang bukan sahaja untuk perbincangan berkaitan mata pelajaran Sejarah tetapi lain-lain mata pelajaran. Pembinaan Pusat Kegiatan Guru seperti ini menjadi tempat untuk guru-guru menjana idea dan berbincang bagi memantapkan dan memperkuuh pengajaran dan pembelajaran guru termasuk dalam mata pelajaran Sejarah.

### **Sumbangan Persatuan Sejarah Malaysia**

Semenjak tahun 1970-an, Persatuan Sejarah Malaysia telah merancang pelbagai program untuk meningkatkan dan memartabatkan pembelajaran Sejarah, misalnya pertandingan Menulis Sejarah Malaysia dan pernah menjadi sebahagian daripada aktiviti Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Sekolah.<sup>32</sup> Selain program dan aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan badan lain, persatuan ini juga meluaskan peranannya yang tersendiri. Aktiviti yang paling besar dan berkesan sehingga menyebabkan persatuan ini terkenal di dalam dan di luar negara ialah dalam bidang penerbitan. Bermula tahun 1954 jurnal sulung Persatuan Sejarah Malaysia iaitu *The Malayan Historical Journal* telah diterbitkan di bawah pengarangnya J.C. Bottoms. Tempat beliau kemudiannya diambil alih oleh Mubin Sheppard (Tan Sri) yang terus menghasilkan jurnal persatuan dengan nama baru *Malaya In History* dan meneruskan tugasnya sebagai pengarang selama 15 tahun iaitu sehingga April 1972. Selepas itu, tanggungjawab beliau diambil alih oleh Zainal Abidin Wahid iaitu seorang

<sup>31</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 50-51.

<sup>32</sup> <sup>32</sup> Portal Rasmi BTP, ‘Pertandingan Menulis Esei Sejarah Malaysia’, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://btp.moe.gov.my/btp/index.php/home/pengumuman/pemberitahuan/18>.

Profesor Sejarah yang mula menghasilkan jurnal persatuan dalam versi bahasa Melayu iaitu *Malaysia Dari Segi Sejarah*.<sup>33</sup>

Melalui penerbitan ini, Persatuan Sejarah Malaysia berjaya memperkenalkan sejarah dan kebudayaan Malaysia kepada khalayak yang lebih luas, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Penerbitan ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang awam, mahasiswa, pengkaji sejarah dan institusi pengajian tinggi. Kejayaan ini dapat ditafsirkan sebagai kejayaan dasar penulisan jurnal yang mengadunkan kepakaran dan kebolehan pakar sejarah dengan *amateur historian* dan ini telah berhasil untuk merangsang minat dalam kalangan orang yang bukan ahli. Penerbitan indeks penyumbang dan mauduk yang dimuat dalam jurnal ini antara tahun 1954 hingga 1979 telah diusahakan oleh J. Chandran yang juga seorang Profesor Sejarah pada tahun 1979 dan mengandungi maklumat yang amat penting untuk para pengkaji pada masa hadapan.<sup>34</sup>

Selain aktif berkaitan jurnal sejarah dalam usaha memartabatkan pembelajaran Sejarah, persatuan ini turut menghasilkan buku dan monograf. Antaranya yang penting ialah *Historia*, *Lembaran Akhbar Melayu*, *Changi The Lost Years*, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* serta *Sejarah dan Pembinaan Negara Bangsa*. Usaha ini bertepatan dengan dasar persatuan untuk menggalakkan penerbitan karya sejarah yang dihasilkan oleh individu ataupun pertubuhan untuk diterbitkan bagi bacaan umum. Penglibatan persatuan ini juga termasuk sebagai penganjur atau penganjur bersama dalam kongres, persidangan, seminar dan bengkel khususnya melibatkan isu sejarah dalam negara seperti Kongres Sejarah Malaysia pada tahun 1978.<sup>35</sup> Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa Persatuan Sejarah Malaysia sebagai badan luar banyak memberi sumbangan

<sup>33</sup> Jurnal *Malaysia Dari Segi Sejarah* yang diterbitkan dalam versi bahasa Melayu pada tahun 1973 sehingga kini, yakni melangkaui 40 tahun lalu sudah mencapai kelebih bilangan 100.

<sup>34</sup> Imbasan Sejarah, ‘Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia’, Persatuan Sejarah Malaysia, Anjung Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, Malaysia <http://www.psm.org.my/index.php/aktiviti/penerbitan/penerbitan-psm>.

<sup>35</sup> Aktiviti, ‘Kongres, Seminar, Persidangan dan Bengkel’, Persatuan Sejarah Malaysia, Anjung Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, Malaysia <http://www.psm.org.my/index.php/aktiviti/kongres-persidangan-seminar-bengkel>.

dalam pelbagai aspek sama ada dalam konteks pendekatan, langkah dan strategi terbaik untuk memupuk minat pelajar terhadap sejarah.

### **Penubuhan Bahagian Khas Sekolah**

Kementerian Pelajaran adalah badan pertama yang disusun semula untuk memenuhi keperluan-keperluan dasar baru setelah menerima syor-syor Jawatankuasa Razak 1956. Sementelahan pula ia berkait dengan faktor sejarah, maka sudah tentu pada peringkat awalnya adalah dengan mengambil langkah-langkah untuk tujuan-tujuan tertentu. Setelah kakitangan mencukupi dan menunjukkan kemampuan dalam melaksanakan tujuan, maka jabatan-jabatan khas yang berasingan telah ditubuhkan di Kementerian pada tahun 1957.

Oleh itu, Kementerian Pelajaran telah memiliki bahagian ikhtisas, Bahagian Sekolah, Bahagian Latihan Guru, Lembaga Peperiksaan, Jemaah Nazir, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran dan Pusat Pelajaran Sains. Dalam meninjau aspek pendidikan khususnya berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah, didapati bahawa kedudukannya ternyata semakin kukuh apabila tertubuhnya beberapa badan tersebut sebagaimana yang dibahaskan dan diluluskan dalam syor-syor Penyata Razak dan telah dijadikan undang-undang iaitu Ordinan Pelajaran 1957. Dua badan utama ini iaitu Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jemaah Nazir Sekolah akan sentiasa menguji dan menyemak segala permasalahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran, termasuk mata pelajaran Sejarah. Seterusnya Bahagian Sekolah pula bertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan-keputusan kementerian mengenai antara lain bidang pelajaran, jadual-jadual waktu, dasar bahasa kebangsaan, kursus-kursus pengajian, alat-alat bantu mengajar, menyediakan kakitangan serta mengendalikan sekolah-sekolah.<sup>36</sup>

Penubuhan bahagian-bahagian khas sekolah ini dapat membantu dalam usaha untuk meningkatkan dan memartabatkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di

<sup>36</sup> Hussein Onn, ‘Pelajaran di Malaysia’, Menteri Pelajaran , Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Senator-Senator dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Lumpur, 18 Februari 1971, hlm. 2-5.

sekolah meskipun dalam surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1971, pelajaran Sejarah telah dimasukkan dalam senarai mata pelajaran yang perlu diajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan prauniversiti. Namun begitu, ia hanya diwajibkan bagi aliran sastera, perdagangan dan sains rumah tangga. Manakala bagi pelajar aliran sains, teknik dan sains pertanian tidak diwajibkan mengambil mata pelajaran ini di tingkatan empat dan lima.<sup>37</sup> Sungguhpun demikian, mata pelajaran ini terus mengalami perubahan demi perubahan dalam usaha untuk memartabatkannya sebagai mata pelajaran untuk menyemat jati diri dan sayangkan negara.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dalam tahun-tahun 1970-an ini, terdapat pelbagai usaha dan strategi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun badan luar dalam usaha mengukuhkan dan memartabatkan mata pelajaran Sejarah dan berusaha menangani setiap masalah yang membenggal dalam mata pelajaran Sejarah ketika itu. Sesungguhnya pada tahun 1970-an, penampakkan yang lebih ketara perubahan dan strategi yang dilakukan berbanding tahun-tahun 1960-an. Tujuannya agar mata pelajaran ini terus berdiri kukuh sebagai salah satu alat untuk menyemat semangat jati diri dan perpaduan kaum.

### **Langkah dan Strategi Pembelajaran Sejarah 1980-an**

Negara terus mengorak langkah dalam mengatur pelbagai strategi untuk menangani segala kemelut yang berlingkar dalam pembelajaran Sejarah. Justeru, dalam tahun-tahun 1980-an, perancangan yang lebih sistematik dan teratur telah dilakukan dalam usaha untuk meningkat dan memartabatkan pembelajaran Sejarah di Malaysia. Peranan oleh Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terus kekal dalam usaha memartabatkan mata pelajaran ini di samping peranan pihak lain dalam menggembung usaha

---

<sup>37</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 247.

menjadikan mata pelajaran Sejarah terus utuh sebagai salah satu mata pelajaran penting untuk mewujudkan perpaduan bangsa.

### **Program Kementerian Pendidikan Malaysia**

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program sama ada dalam bidang kurikulum dan kurikulum berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah dalam usaha untuk mewujudkan perpaduan bangsa. Setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan perlu melibatkan semua pelajar dari pelbagai kaum, bangsa dan budaya. Menurut Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim ketika itu mengatakan semua kegiatan kurikulum di sekolah-sekolah perlu ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang dapat menggalakkan semangat perpaduan antara kaum. Malah beliau turut menyatakan bahawa hanya aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum sahaja diutamakan. Bagi sekolah yang hanya terdapat satu kaum sahaja, akan diadakan pertandingan antara sekolah di mana semua pelajar pelbagai kaum akan terlibat. Kegiatan kurikulum seperti sukan, olahraga dan kebudayaan dapat mempertingkatkan semangat setia kawan di antara para peserta.<sup>38</sup> Pada ketika itu kepentingan perpaduan dan perdamaian masyarakat pelbagai kaum di negara ini dirasai dan semangat cintakan negara lahir tanpa disedari.

### ***Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan***

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan program yang telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada tahun 1986 ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran Malaysia. Pada peringkat awal, pelaksanaan RIMUP tertumpu pada peringkat sekolah rendah dan merangkumi pelaksanaan aktiviti kurikulum dan sukan secara bersama oleh pelajar pelbagai kaum. RIMUP merupakan program yang diperkenalkan untuk mewujudkan sebuah

<sup>38</sup> Utusan Malaysia, 17 November 1987, hlm. 5.

persekitaran perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini bermula sejak di bangku sekolah rendah lagi. Kefahaman terhadap konsep serta perancangan aktiviti diberi penekanan secara menyeluruh pada peringkat negeri, daerah dan sekolah. Selain itu juga, program ini adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme melalui Kempen Cintakan Warisan Bangsa dan Negara dengan tujuan menanam semangat hormat menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum.<sup>39</sup> Tujuan setiap aktiviti yang dilaksanakan agar rakyat sesebuah negara mengetahui dan memahami proses kemajuan mereka, menghargai peristiwa dan situasi-situasi yang telah membawa kepada keadaan hari ini dan memahami proses yang telah menghasilkan identiti kebangsaan, membina jati diri serta menerapkan budi bahasa dan adab dalam kalangan pelajar. Hal ini berikutan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia adalah menyokong hasrat negara untuk membina sebuah negara bangsa Malaysia bagi memperkuatkan perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara.<sup>40</sup>

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Sejarah merupakan suatu mata pelajaran penting dalam sistem pendidikan agar setiap warganegara ini menghargai peristiwa dan kehidupan masa lalu yang telah membawa kepada situasi kehidupan hari ini. Malahan, subjek ini bukan setakat mata pelajaran teras dalam peperiksaan, tetapi satu mata pelajaran yang menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan, kefahaman tentang pembentukan negara dan sebagainya. Ini sejajar dengan hujah Wang Gung Wu bahawa kita perlu menggunakan sejarah secara bijak dan bertanggungjawab dalam usaha pembinaan negara.<sup>41</sup> Menurut beliau juga, seseorang perlu percaya bahawa pembinaan negara hanya boleh dicapai dengan mengetahui sejarah negara. Melalui mata pelajaran Sejarah, usaha pembinaan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial dapat dijelaskan kepada pelajar. Sementara itu pula, dari segi politik pelajar dapat mengetahui cara

<sup>39</sup> Auni Zabirah, ‘Ilmu Pendidikan-Integrasi Nasional’, hlm. 8. [https://www.academia.edu/16025810/ilmu\\_pendidikan\\_integrasi\\_nasional](https://www.academia.edu/16025810/ilmu_pendidikan_integrasi_nasional). (tarikh diakses 26 Disember 2013).

<sup>40</sup> Buku Panduan, *Dasar Pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986, hlm. 2.

<sup>41</sup> Wang Gung Wu, *The Use of History*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1968, hlm.14.

Kesultanan Melayu diasaskan, zaman penjajahan serta usaha penentangan penjajahan. Mereka juga dapat menghayati usaha-usaha kemerdekaan, tokoh-tokoh yang memulakan semangat nasionalisme seperti Datuk Onn Jaafar dan juga tokoh-tokoh yang telah menerajui negara ke arah pembangunan seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussin Onn.

Maka tidak mustahil mata pelajaran ini amat sesuai bagi menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan dan perpaduan dalam masyarakat khususnya untuk menentukan kestabilan negara dan kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, pemantapan kurikulum Sejarah yang menekankan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum di negara ini antara langkah dan strategi menangani permasalahan dalam pembelajaran Sejarah. Aspek ini boleh dicapai melalui ciri-ciri afektif individu seperti perasaan, emosi, sentimen, sikap dan nilai-nilai. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979,

*Malaysia perlu mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu yang berpandukan rukun negara. Dalam masyarakat yang bersatu padu, setiap individu wajib mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia yang sanggup mengetepikan unsur-unsur perkauman, keturunan dan kedaerahan yang biasanya boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat.*<sup>42</sup>

Maka Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memperakui kepentingan pendidikan sejarah dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia seperti berikut:

*Pendidikan sejarah adalah penting untuk membolehkan murid-murid memahami latar belakang sejarah negara daripada beberapa aspek seperti aspek politik, aspek ekonomi dan aspek sosial. Dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, kesedaran terhadap sejarah masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia hari ini dapat menolong murid-murid untuk memahami peri mustahaknya perpaduan di negara ini.*<sup>43</sup>

Hal ini menjelaskan bahawa mata pelajaran Sejarah digunakan sebagai alat dalam usaha menerapkan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini ketika melaksanakan

<sup>42</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, para 117.

<sup>43</sup> Ibid. para 137.

proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Aspek ini dipersetujui oleh Haris yang menyatakan bahawa sejarah diandaikan dapat membekalkan murid dengan pengetahuan yang diperlukan sebagai seorang warganegara.<sup>44</sup>

### ***Pemantauan dan Penilaian***

Jemaah Nasir Sekolah Persekutuan (JNSP) merancang dan melaksanakan NAZIRAH (Nazir Ziarah) ke atas guru Sejarah serta pelaksanaan mata pelajaran Sejarah di sekolah mulai tahun 1980. Pengesahan dan penilaian dilihat secara menyeluruh dalam konteks pendidikan perguruan antaranya melibatkan guru Sejarah. Program ini merupakan antara strategi dan langkah yang membawa kepada penyelarasan segala aktiviti penilaian dan pengesahan berkaitan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.<sup>45</sup> Malahan program ini merupakan antara langkah yang dilakukan untuk memantapkan kredibiliti guru berdasarkan kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dalam kalangan pelajar dalam usaha meningkatkan dan memartabatkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah.

### ***Kajian Semula Kurikulum dan Buku Teks 1980-an***

Menurut Menteri Pelajaran Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, sukanan pelajaran di sekolah sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan keperluan proses pengajaran dan pembelajaran ketika itu.<sup>46</sup> Demikian juga menurut Timbalan Menteri Pelajaran Dr. Tan Tiong Heng pada ketika itu telah mengatakan, kementerian sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan taraf pendidikan di negara ini dengan pelbagai kemudahan fizikal termasuk memperbaiki kurikulum berdasarkan keperluan negara.<sup>47</sup> Usaha yang pelbagai ini adalah antara strategi dan

<sup>44</sup> Haris Md Jadi, ‘Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaannya’, *Jurnal Pendidikan II*, 1993, hlm. 4.

<sup>45</sup> Bengkel Penyelarasian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Melaka, 18-23 Oktober 1992 dalam Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1991, hlm. 52.

<sup>46</sup> Berita Minggu, 9 Februari 1986, hlm. 6.

<sup>47</sup> Berita Harian, 11 September 1982, hlm. 9.

langkah dalam usaha menangani masalah dalam pembelajaran Sejarah. Sementelah pula, kurikulum mata pelajaran Sejarah harus berpaksikan kepada perlembagaan dan Rukun Negara serta relevan memandangkan usaha menanam semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar menerusi mata pelajaran Sejarah masih belum mencukupi. Kurikulum baru yang dibina lebih memberi penekanan kepada pemahaman dan penghayatan perjalanan pembentukan sebuah negara Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam hal ini pemahaman itu tidak boleh lari dari Sejarah Kesultanan Melayu, manakala peranan kaum lain dalam perjuangan juga tidak diketepikan. Maka dengan itu, kurikulum harus sentiasa digubal agar dapat merangsang pelajar untuk berfikir dan bertindak secara rasional, bukan sekadar hafalan semata-mata untuk lulus peperiksaan sahaja.<sup>48</sup>

Oleh yang demikian, perubahan demi perubahan dilakukan demi mendapatkan pendekatan, sukanan pelajaran dan kurikulum terbaik dalam pendidikan sejarah terutamanya melibatkan buku teks. Justeru, pelbagai langkah dan strategi telah dilakukan dari aspek penulisan buku teks Sejarah apabila Malaysia menghantar sejarawan-sejarawan ke Indonesia bagi mengkaji secara mendalam aspek-aspek sejarah seluruh gagasan kepulauan Melayu untuk menulis semula buku mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia. Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Wira Abdul Rahman Haji Rashid berkata:

Penulisan semula berkaitan mata pelajaran Sejarah itu adalah dalam rangka menggubal mata pelajaran baru sebelum memulakan KBSM. Buku-buku mata pelajaran Sejarah yang digunakan sekarang adalah hasil penulisan penulis-penulis barat yang tidak menonjolkan pensejarahan Melayu yang sebenarnya.<sup>49</sup>

Justeru, beliau menemui sejarawan-sejarawan Indonesia dan Kementerian Pendidikan untuk membincangkan langkah awal pengumpulan data berkaitan sejarah Melayu. Selain itu, turut dilakukan pertukaran pensyarah antara universiti agar matlamat yang

<sup>48</sup> *Sinar Harian*, 7 September 2012.

<sup>49</sup> Ucapan Perasmian Pembukaan Sek. Keb Muhibbahraya, Tawau oleh Datuk Wira Abdul Rahman Hj. Arshad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, 24 September 1987.

digagaskan menemui titik noktah yang baik. Oleh itu Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Pendidikan telah mengadakan perbincangan bagi mengekalkan usaha yang dibuat pada tahun 1985 itu.<sup>50</sup> Berikut dengan itu maka telah banyak perubahan dalam aspek penulisan buku teks dan ini menunjukkan mata pelajaran Sejarah dipandang serius dalam sistem pendidikan negara meskipun lahir kritikan-kritikan yang tidak hanya menyelar buku-buku teks, tetapi juga melibatkan Sukatan Pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, usaha ke arah memantapkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini tidak hanya melibatkan buku teks sahaja, malahan perubahan juga turut dilakukan dalam aspek dasar apabila pada tahun 1989 mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah-sekolah menengah di Malaysia, manakala sejarah asing dilihat melalui tingkap-tingkap sejarah Malaysia. Oleh itu, dalam dekad 1980-an ini mata pelajaran Sejarah lebih menjurus ke arah integrasi kaum dan memupuk semangat cintakan negara sebagai warganegara sejati.

#### (a)Kurikulum Sejarah Ke Arah Integrasi Kaum

Peranan kurikulum Sejarah dalam mengeratkan integrasi kaum dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini masih tetap relevan. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dan masalah, namun masih terdapat ruang yang luas untuk diperbaiki. Kurikulum yang ditampilkan diubah agar lebih bersifat futuristik dan berdaya saing. Keseimbangan dari aspek teori dan amali diberi perhatian, malahan penekanan kepada fakta dan tahun diminimumkan. Ilustrasi yang menarik dalam kandungan kurikulum dapat menarik perhatian pelajar mengikutinya. Maka dengan itu, kurikulum Sejarah pada abad ini semakin seimbang, progresif dan dinamik.

Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Megat Junid Megat Ayub ketika itu menyarankan agar pelajar-pelajar ditanam dengan semangat satu bangsa bagi

<sup>50</sup> Utusan Malaysia, 28 Disember 1987, hlm. 6

menjamin perpaduan dan kerjasama antara kaum. Beliau turut berharap agar pelaksanaan KBSR dan KBSM benar-benar dapat mewujudkan satu rupa bangsa yang mempunyai semangat nasionalisme walaupun dari kaum yang berbeza. Hal ini kerana tujuan pelaksanaan KBSR dan KBSM adalah untuk memperseimbangkan masyarakat dari aspek rohani dan jasmani. Malahan beliau menyeru agar semua kaum memberi komitmen terhadap dasar yang dilaksanakan bagi mengelak kegagalan.<sup>51</sup> Dalam konteks ini kurikulum yang dihasilkan adalah berpusatkan pelajar, realistik serta praktikal dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Isi kandungan kurikulum Sejarah sebelum pelaksanaan KBSM dilihat agar sumbangan semua kaum di negara ini dapat dihargai seperti sumbangan kaum Melayu, Cina dan India dalam proses negara mencapai kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan. Hal ini untuk mengelak tafsiran sejarah yang dipelajari lebih menjurus kepada sejarah orang Melayu atau ‘Melayu Centric’ sahaja.

Perubahan dalam kurikulum Sejarah dapat merangsang pelajar-pelajar untuk menghayati sejarah yang dipelajari itu adalah milik mereka bersama. Perkara ini penting agar setiap kaum dapat memahami sejarah bagi setiap kaum yang lain. Kurikulum sebegini dapat menarik minat pelajar daripada semua kaum dalam menilai sumbangan kaum mereka terhadap sejarah pembangunan negara. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan perpaduan dalam kalangan mereka. Tema-tema yang dipilih dalam kurikulum Sejarah pada ketika itu juga telah menjurus kepada tema yang dapat meningkatkan tahap integrasi kaum di negara ini. Misalnya tema yang berkaitan dengan peranan dan sumbangan setiap kaum dari aspek politik, ekonomi dan sosial seperti peranan Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan dalam menuntut kemerdekaan negara dikupas dan diperhalus daripada perspektif perpaduan dan integrasi kaum di negara ini. Perkara ini dapat dijadikan model integrasi terbaik generasi terdahulu dalam membentuk konsep integrasi kaum sebenar. Pelajar

<sup>51</sup> Utusan Malaysia, 9 November 1987, hlm. 4.

akan dapat menghayati dan mendalami peristiwa sejarah yang berlaku di negara ini dan seterusnya memberi kesedaran kepada mereka tentang proses integrasi yang telah wujud sejak pra kemerdekaan lagi.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang bersifat interaktif diberi perhatian kerana ini dapat menarik perhatian pelajar mengikut proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Malahan penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan ini secara tidak langsung menarik pelajar untuk meminati pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kemampuan seseorang guru dalam menyampaikan pengajarannya adalah bergantung kepada kreativiti yang dimiliki. Dengan adanya kreativiti atau kepelbagaiannya dalam teknik mengajar, sudah pasti dapat menarik perhatian para pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti akhbar, *Overhead Projector* (OHP), gambar dan sebagainya selain buku teks membantu pelajar untuk lebih memahami pengajaran yang diajar.<sup>52</sup> Sebagai contoh, dalam melakukan ulang kaji mata pelajaran Sejarah, pembelajaran aktif memerlukan pelajar membuat sesuatu seperti menyediakan nota sendiri, bukan dengan hanya membaca buku teks semata-mata. Justeru, apabila minat berjaya dipupuk, maka akan mewujudkan suatu perasaan cinta terhadap ilmu yang dipelajari dan secara tidak langsung integrasi antara kaum dapat disemai berdasarkan pembelajaran Sejarah.

#### (b) Kurikulum Sejarah Memupuk Jati Diri

Dalam usaha kurikulum Sejarah memupuk semangat jati diri dan sayangkan negara, patriotisme berkaitan dengan unsur-unsur ekonomi dan perkembangan dunia semasa juga dilihat secara seiring agar masalah dan cabaran yang dilalui dengan mudah dapat ditangani. Justeru, aspek penerapan unsur patriotisme tidak lain dan tidak bukan dilaksanakan di sekolah oleh guru di bilik darjah berdasarkan sukatan pelajaran, khususnya melibatkan mata pelajaran Sejarah. Oleh yang demikian, kurikulum mata

<sup>52</sup> Kamaruddin Husin, *Panduan Latihan Mengajar*, Kuala Lumpur: Heinemann, 1986, hlm. 25.

pelajaran Sejarah di peringkat sekolah menengah yang dirangka perubahannya bertujuan untuk penerapan semangat pembinaan jati diri sebagai asas perpaduan kepada pembinaan sebuah negara. Usaha ke arah perubahan itu berpandukan kepada perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah pada tahun 1982 yakni sebelum pelaksanaan KBSR sepenuhnya pada tahun 1983.

Perubahan dalam kurikulum Sejarah termasuk juga dalam aspek pertukaran bahasa apabila mata pelajaran Sejarah semasa pemerintahan British dan selepas merdeka yang menggunakan bahasa Inggeris kepada penggunaan bahasa Malaysia. Tujuannya agar negara ini mempunyai identiti yang tersendiri walaupun warganya terdiri dari pelbagai bangsa, agama, budaya dan adat resam. Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamed, Mantan Perdana Menteri sewaktu merasmikan Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan pada 1 Ogos 1988 menegaskan;

Masyarakat yang mempunyai satu negara, satu bahasa yang sama atau ‘common language’, dan satu kebudayaan tidak dapat tidak akan mempunyai identiti yang sama yang akan diiktirafkan sebagai satu bangsa. Di mana juga kita pergi, pengiktirafan ini akan menjadi nyata. Kita tidak akan dikelirukan dengan bangsa-bangsa lain, khususnya bangsa daripada negara asal kita. Jika kita pula berbangga dengan pengiktirafan ini, maka ketika itu wujudlah bangsa Malaysia yang sebenar.<sup>53</sup>

### ***Pergiat Pengambilan dan Latihan Guru Sejarah***

Pada tahun 1980-an, banyak pengambilan guru-guru baru bertujuan untuk memberi latihan perguruan yang lengkap dalam usaha memenuhi keperluan kekurangan tenaga pengajar terlatih yang dialami oleh Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara. Kursus ini berlangsung selama tiga tahun dan diikuti dengan kursus sepenuh masa selama satu semester melibatkan kursus Sejarah dan lain-lain mata pelajaran.<sup>54</sup> Malahan menurut Timbalan

<sup>53</sup> Kenyataan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed, Mantan Perdana Menteri sewaktu merasmikan Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan pada 1 Ogos 1988 dalam Abdul Latif Abu Bakar et.al, *Jati Diri dan Patriotisme Peradaban Malaysia*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012, hlm. 122.

<sup>54</sup> Berita Harian, 15 Februari 1986, hlm. 1.

Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaacob matlamat pendidikan negara bukan hanya untuk menyediakan pelajar akan peperiksaan sahaja, tetapi menjadikan mereka warganegara berpengetahuan, berdisiplin, berharmoni, berpekerti mulia, taat kepada negara dan tahu menghormati undang-undang. Justeru, guru mesti sentiasa berusaha mengemas kini kepakaran keguruan demi memastikan mereka menjadi golongan profesional dan pendidik sejati.<sup>55</sup>

Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil langkah melatih lebih ramai guru Sejarah yang berminat untuk mengajar Sejarah dan pemilihan guru ditapis agar mereka yang dipilih bukan mereka yang terdiri daripada mereka yang mementingkan diri sendiri. Penekanan diberikan kepada kemampuan guru untuk mengajar.<sup>56</sup> Demikian juga pihak kementerian mencadangkan agar calon-calon guru yang banyak membaca lebih dari tiga judul buku selain buku teks diberi keutamaan memasuki maktab perguruan mulai tahun 1988. Langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menghidupkan dan membudayakan tradisi membaca. Hal ini diumumkan oleh Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim melalui rakaman perkhidmatan sebaran pendidikan (televisyen pendidikan). Dengan cara ini, kira-kira 20 ribu hingga 30 ribu lepasan SPM yang ingin menjadi guru akan membaca sekurang-kurangnya tiga buah buku. Malahan kerajaan menyarankan membina kawasan khas untuk galakan membaca sama ada di sekolah, maktab dan universiti.<sup>57</sup>

Walau bagaimanapun, bilangan kekurangan guru Sejarah bagi sekolah menengah pada tahun 1987 hanya seramai 24 orang. Kekurangan ini ditampung buat sementara oleh guru-guru sandaran serta guru terlatih yang berlebihan dari mata pelajaran lain. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian mengambil dua langkah utama iaitu langkah sementara dengan menukarkan guru C1 yang mengajar di sekolah rendah ke sekolah menengah di samping mengesan guru-guru sekolah

<sup>55</sup> Berita Minggu, 31 Oktober 1982, hlm. 4.

<sup>56</sup> Utusan Malaysia, 19 Disember 1987, hlm. 14.

<sup>57</sup> Utusan Malaysia, 24 Disember 1987, hlm. 1.

menengah yang layak mengajar mata pelajaran yang kekurangan guru dan langkah jangka panjang iaitu dengan menghantar guru-guru pelatih untuk mendapatkan latihan di maktab-maktab pada tahun 1987.<sup>58</sup>

Selain itu juga, guru-guru pada ketika itu digalakkan mendapatkan pelajaran di universiti untuk menambahkan lagi bilangan guru yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, usaha Kementerian mempergiat pengambilan guru dan kemasukan guru ke universiti dalam bidang-bidang yang ditentukan menunjukkan strategi dan usaha dari pihak kerajaan untuk mempertingkat keupayaan guru dalam memantapkan dan memartabatkan pendidikan di negara ini khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.<sup>59</sup>

### ***Kursus Kecekapan Pengendalian Bahan Sumber***

Kementerian Pelajaran Malaysia menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai suatu mata pelajaran yang tersendiri di peringkat sekolah menengah. Justeru, guru-guru diberi kursus kaedah mengajar mata pelajaran Sejarah dari semasa ke semasa.<sup>60</sup> Tujuannya agar guru-guru dapat mempertingkat segala kebolehan, kemahiran dan strategi dalam usaha memantapkan mata pelajaran Sejarah terutamanya pada peringkat sekolah. Hal ini berikutan sekolah memainkan peranan awal membentuk pelajar sebelum mereka melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud ketika itu menyatakan aspek-aspek kecekapan ditekankan agar guru-guru tidak menjadi guru yang statik, beku dan tidak berkemajuan.<sup>61</sup>

#### **(a) Kursus Penggunaan Komputer**

Kursus penggunaan komputer dilancarkan pada 28 Januari sehingga 2 Februari 1989 anjuran Institut Aminudin Baki dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri. Tujuannya

<sup>58</sup> *Utusan Malaysia*, 14 November 1987, hlm. 2.

<sup>59</sup> Hussein Onn, ‘Pelajaran di Malaysia’, Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Senator-Senator dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Lumpur, 18 Februari 1971, hlm. 6.

<sup>60</sup> *Mingguan Malaysia*, 19 April 1981, hlm. 3.

<sup>61</sup> *Berita Harian*, 3 September 1982, hlm. 5.

untuk mempertingkatkan keupayaan guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer. Guru-guru didedahkan kepada penggunaan perisian yang berkaitan dengan cara-cara dan kaedah-kaedah tertentu dalam teknologi penggunaan komputer dan pengurusan maklumat agar dapat dipelbagaikan dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ketika ucapan perasmian penutup, Timbalan Pengarah Pendidikan Tuan Hj Mohd Zain Ishak menggesa guru-guru supaya segala ilmu pengetahuan yang dipelajari digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan lebih berkesan terutama sebagai bahan bantu mengajar bagi mata pelajaran yang kurang mendapat perhatian pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, antara fokus mata pelajaran yang kurang mendapat perhatian pelajar antaranya ialah mata pelajaran Sejarah. Justeru, penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah amat bertepatan dan digalakkan dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar.<sup>62</sup>

(b) Kursus Pengurusan dan Penggunaan Siaran TV dan Radio Pendidikan

Unit Teknologi Pendidikan, Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) menganjurkan kursus intensif mengenai penggunaan siaran radio dan televisyen pendidikan kepada guru-guru. Kursus ini diadakan pada 21 Januari 1989 sehingga 28 Januari 1989. Dalam kursus tersebut, para guru diterangkan mengenai penggunaan siaran televisyen dan radio pendidikan. Kursus ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai PSPN dan kakitangan sumber, malahan pada ketika itu seramai 438 orang guru Sejarah telah menghadiri kursus tersebut.<sup>63</sup> Tujuannya untuk memberi pendedahan kepada guru-guru berkaitan kaedah penggunaan televisyen dan radio pendidikan agar dapat digunakan secara berkesan khususnya kepada guru Sejarah supaya dapat membuat

<sup>62</sup> Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Pasir Mas/Tumpat, ‘Kursus Komputer dalam Pendidikan’, *Pendidik Kelantan*, Buletin Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Bil.6, April 1989, hlm. 4-5.

<sup>63</sup> Unit Sumber PSPN, ‘Kursus Pengurusan dan Penggunaan Siaran Tv dan Radio Pendidikan’, *Pendidik Kelantan*, Buletin Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Bil.6, April 1989, hlm. 7.

penyeliaan dan bimbingan untuk mencapai pendidikan yang bermutu. Sesungguhnya program pendidikan melalui siaran radio pendidikan terutamanya terhadap mata pelajaran Sejarah bermula dalam tahun-tahun 1970-an lagi, namun tidak dimanfaatkan sepenuhnya pada ketika itu. Rancangan Radio Malaya berkaitan pembelajaran Sejarah meliputi masa siaran sebanyak tiga kali seminggu<sup>64</sup> dan rancangan ini masih lagi diteruskan walaupun mata pelajaran ini menjadi mata pelajaran teras pada tahun 1989. Misalnya siaran radio bagi mata pelajaran Sejarah adalah pada hari Isnin pada jam 9.30 pagi dan 2.30 petang bertajuk ‘Cerita Sejarah’ untuk darjah lima dan enam, pada hari Selasa pada jam 11.30 pagi dan 4.30 petang untuk tingkatan enam yang bertajuk ‘Kuliah Sejarah’, pada hari Khamis pada jam 11.00 pagi dan 4.00 petang yang bertajuk ‘Bimbingan Sejarah’ untuk tingkatan lima. Pada hari-hari lain tiada siaran untuk mata pelajaran Sejarah.<sup>65</sup> Melalui program ini, kelemahan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah sejak sebelum merdeka sehingga merdeka sekurang-kurangnya dapat membantu melancarkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah.

### **Peranan Pusat Perkembangan Kurikulum**

Pusat Perkembangan Kurikulum atau Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran bertanggungjawab memperbaiki mutu dan meningkatkan taraf pendidikan melalui penggubalan dan pembangunan kurikulum yang relevan dan bermutu untuk semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Sebagaimana bahagian-bahagian lain dalam Kementerian, bahagian ini adalah hasil daripada saranan Jawatankuasa Razak 1956. Selain itu, turut berfungsi untuk menggubal dan membangunkan kurikulum persekolahan, menyebar dan melaksanakan kurikulum, mengesan dan memantau pelaksanaan kurikulum,

<sup>64</sup> Malaya Federation, *Annual Report on Education for 1948*, hlm. 45.

<sup>65</sup> Buletin Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka: KPM, Bil.2, Jilid.2, April 1974, hlm. 6-7.

menjalankan penyelidikan untuk pembangunan, menyediakan bahan sokongan kurikulum dan menjalankan penilaian untuk pembangunan kurikulum termasuk kurikulum Sejarah. Aspek ini dilihat memandangkan misi utama badan ini adalah untuk membina dan mengembangkan kurikulum sekolah ke arah peningkatan kualiti pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sementelahan pula Malaysia mengamalkan sistem pendidikan berpusat atau *centralized system of education*. Ini bermaksud segala urusan pentadbiran pendidikan adalah di bawah kelolaan sebuah badan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi sekolah rendah dan menengah dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi semua institusi pendidikan tinggi. Dalam konteks untuk memartabatkan pembelajaran Sejarah, Pusat Perkembangan Kurikulum memainkan peranan yang tersendiri. Pusat Perkembangan Kurikulum atau *Curriculum Development Centre* (CDC) bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum sekolah termasuk mata pelajaran Sejarah. Maka dengan itu, kurikulum yang digunakan di semua sekolah adalah seragam.

Hal ini kerana kurikulum dan sukatan pelajaran telah disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dan tanggungjawab guru adalah menjalankan tugas pengajaran dengan berpandukan kepada kurikulum dan silibus yang telah disediakan oleh pusat ini. Pelaksanaan kurikulum sebegini adalah penting kerana bilangan sekolah yang banyak dan murid yang begitu ramai dan pada masa yang sama memastikan falsafah dan matlamat pendidikan negara tercapai.<sup>66</sup> Dalam hal ini juga, peranan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) adalah penting terutama dari aspek perubahan Sukatan Pelajaran Sejarah berkaitan kajian sejarah negara sendiri. Selain dari menyiapkan Sukatan Pelajaran Sejarah, PPK juga mengambil langkah bekerjasama dengan penerbit dan pengeluar buku-buku teks Sejarah. Pusat berkenaan juga bertindak menyediakan matlamat, kandungan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang

<sup>66</sup> Bahagian Perkembangan Kurikulum, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putra Jaya, <http://www.moe.gov.my/my/profil-jabatan?div=52>.

diharapkan.<sup>67</sup> Oleh itu, para penerbit dan wakil guru merupakan jambatan yang menghubungkan antara Pusat Perkembangan Kurikulum dengan pelajar-pelajar untuk melaksanakan sukanan pelajaran di peringkat sekolah.

Justeru itu, pelaksanaan sesebuah badan yang berkesan merupakan antara langkah dan strategi untuk memastabatkan pembelajaran Sejarah, sebagaimana Pusat Perkembangan Kurikulum yang akan memastikan bahawa kurikulum yang disampaikan kepada para pelajar adalah kurikulum yang sahih dan sebenar yang dibentuk oleh jawatankuasa pembentukan kurikulum. Selain itu juga, badan ini akan mengawasi bahawa tiada usaha mengubahsuai aspek-aspek kurikulum yang telah dibentuk. Demikian juga badan ini berperanan dalam menentukan kurikulum yang telah dibentuk oleh Jawatankuasa Pembentukan Kurikulum itu sampai kepada sekolah dan pengajar dalam masa yang telah ditetapkan dan seterusnya memastikan kurikulum yang telah dibentuk diterima oleh pengajar dan pihak luar seperti ibu bapa dan masyarakat amnya. Peranan yang dimainkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ini dapat membantu dalam usaha memperjuangkan mata pelajaran Sejarah ke arah memastabatkannya sebagai mata pelajaran yang tidak harus dipandang sepi oleh segelintir pelajar dan masyarakat serta sebagai mata pelajaran yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan kepada mereka. Pandangan ini perlu dihapuskan dalam pemikiran pelajar dan masyarakat, maka usaha berterusan pihak-pihak tertentu adalah suatu langkah padu dan bijak agar mata pelajaran ini mendapat kedudukan yang sewajarnya dalam pemikiran warganegara ini.

### **Peranan NGO dan Usaha Badan Luar dalam Pembelajaran Sejarah**

Hubungan kerjasama antara Jabatan Arkib Negara, Persatuan Sejarah Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia berterusan sejak sekian lama dan hubungan

<sup>67</sup> Selain dari itu, Pusat Perkembangan Kurikulum juga menjalankan aktiviti penyelidikan dengan sistematik yang menggunakan dua cara penyelidikan iaitu secara teori yang dibuat misalnya di USM pada tahun 1977 dan juga secara praktikal atau dipanggil ‘action-oriented’, iaitu percubaan dibuat selama dua atau tiga tahun dibeberapa buah sekolah sama ada di desa atau di kota. Lihat Asiah Abu Samah, ‘Orientasi Baru dalam Kurikulum Kita’, *Dewan Masyarakat*, Jilid.15, Bil.4, April 1977, hlm.11.

yang terjalin ini memberi banyak manfaat untuk mata pelajaran Sejarah. Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Arkib Negara, Persatuan Sejarah Malaysia dan lain-lain badan NGO dapat membantu dalam usaha mempertingkat dan memartabatkan pendidikan sejarah di negara ini sebagai salah satu mata pelajaran untuk mewujudkan perpaduan kaum dan meningkatkan peradaban bangsa.

### ***Jabatan Arkib Negara***

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati pencapaian pelajar dalam peperiksaan mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM pada tahun 1978-1988 adalah merosot. Kemerosotan ini jelas berlaku secara menyeluruh sehingga tiada perbezaan antara sekolah di bandar maupun luar bandar. Tinjauan yang dilakukan oleh pihak kementerian mendapati terdapat kelemahan dalam perancangan pengajaran pembelajaran guru. Pengajaran masih menekankan kandungan tanpa memberi penekanan kepada perspektif dan pemikiran sejarah yang sewajarnya. Dalam hal ini, peranan badan-badan seperti Arkib Negara Malaysia, Muzium Negara, Perpustakaan Negara, Persatuan-Persatuan Sejarah, tokoh-tokoh serta warga tua dianggap amat penting dan wajar dimanfaatkan. Menurut Dato' Zakiah Hanum Abd Hamid iaitu Mantan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia mengatakan kebanyakan pelajar-pelajar sejarah hanya mengetahui skop sejarah yang dipelajarinya sahaja.<sup>68</sup>

Hakikatnya sejak dari dahulu, Arkib Negara Malaysia<sup>69</sup> terbuka kepada setiap pelajar dan orang awam untuk membuat penyelidikan dan pengkajian bahan yang terkandung di dalamnya. Arkib menggalakkan pelajar-pelajar sekolah menggunakan

<sup>68</sup> Nur Hafizah Md. Hamzah, ‘Peranan dan Sumbangan Arkib Negara Malaysia (ANM): 1957-2007’, Program Sejarah Pusat Pengajaran Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 1.

<sup>69</sup> Arkib Negara Malaysia dahulunya dikenali sebagai Pejabat Rekod Kerajaan telah ditubuhkan pada 1 Disember 1957 melalui Surat Pekeling Despatch 1948 dalam bulan Mac oleh Setiausaha Negara Britain. Namun begitu, pada tahun 1963, jabatan ini telah ditukar nama menjadi Arkib Negara Malaysia. Jabatan ini diberi tanggungjawab untuk memulakan perkhidmatan perpustakaan yang menjadi teras kepada Perpustakaan Negara. Arkib Negara mempunyai beberapa tugas utama iaitu meliputi aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan penerbitan-penerbitan Malaysia yang telah diselaraskan di bawah undang-undang pemeliharaan buku-buku. Walau bagaimanapun, pada bulan Jun 1977, kerajaan telah memutuskan untuk mengasingkan Perpustakaan Negara dengan Arkib Negara kerana melihat kemajuan dan perkembangannya selepas ditubuhkan pada tahun 1971. Maka, sejak daripada tarikh itu, Arkib Negara hanya berperanan sepenuhnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan rekod-rekod awam dan arkib di negara ini. Sungguhpun demikian, Arkib Negara Malaysia tetap memberi dan menyalurkan sumbangan dalam bidang sejarah termasuk bidang pendidikan apabila banyak menyimpan rekod-rekod dan fail-fail zaman British sebelum merdeka.

bahan-bahan Arkib dalam pembelajaran Sejarah dan ini menepati hasrat Jabatan Arkib Negara untuk mewujudkan masyarakat yang sentiasa pentingkan penyelidikan untuk memperoleh fakta dan maklumat tulen.<sup>70</sup>

### ***Kerjasama PSM dengan JPN dan KPM***

Sebagai sebuah persatuan yang berperanan untuk meningkatkan dan memartabatkan mata pelajaran Sejarah, badan ini tidak bergerak sendiri, tetapi turut menjalin hubungan dan kerjasama dengan pihak lain khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri kerana program yang dijalankan melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Antara program yang dilaksanakan ialah peraduan mengarang sejarah, melukis poster sejarah, pertandingan kuiz sejarah dan patriotisme, pertandingan galeri sejarah, pertandingan menulis novel sejarah dan pertandingan menulis sejarah Malaysia. Malahan sesuai dengan kehendak perlombagaan, persatuan ini turut bergerak dalam pelbagai aktiviti dari semasa ke semasa seperti mengelolakan dan menganjur bersama pihak lain seperti universiti, seminar dan persidangan, karangan atau esei dan perdebatan, kuiz, pameran untuk belia dan dewasa, mengadakan lawatan dan kajian di dalam dan di luar negara, memperakukan peninggalan bangunan yang berunsur sejarah dan sebagainya. Persatuan ini turut menukuhkan Tabung Warisan Sejarah yang dikendalikan oleh satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada Persatuan Sejarah Malaysia, Muzium Negara dan Arkib Negara Malaysia. Tabung ini dilancarkan pada tahun 1983 dalam satu majlis rasmi sempena sambutan 30 tahun Persatuan Sejarah Malaysia.<sup>71</sup>

Pada akhir tahun 1980-an, Persatuan Sejarah Malaysia telah diberi peruntukan khusus oleh Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan pertandingan kuiz yang terpaksa dihentikan berikutan masalah kewangan yang mana sebelum ini dijalankan

<sup>70</sup> Zakiah Hanum, *Sumbangan Arkib Negara dalam Pembelajaran Sejarah*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 17 Oktober 1992, hlm. 15-16

<sup>71</sup> Laporan Tahunan, ‘Persatuan Sejarah Malaysia’, Mesyuarat Tahunan Majlis ke-29, 12 April 1983, hlm. 12.

pada setiap tahun. Maka dengan itu, terlaksananya aktiviti penganjuran kuiz sejarah yang diadakan di setiap negeri bagi mencari wakil untuk ke peringkat akhir. Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, persatuan ini menguruskan pertandingan dengan menghantar terus brosur pertandingan ke sekolah-sekolah, menerima hasil karya dan menguruskan pemeriksaan serta menyediakan laporan berkaitan pertandingan tersebut. Kebiasaannya brosur-brosur pertandingan akan diedar pada awal bulan April setiap tahun. Malahan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan pihak sekolah pemenang dari seluruh negara dijemput hadir menerima hadiah yang disampaikan dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia.<sup>72</sup>

Berdasarkan keputusan pertandingan, pada tahun 1980 kuiz tersebut dimenangi oleh Sekolah Menengah Jerantut Pahang, seterusnya pada tahun 1981 dimenangi oleh Sekolah Menengah Batu Anam Segamat Johor. Pada tahun 1982, kuiz ini dimenangi pula oleh Sekolah Menengah Serian Sarawak dan pada tahun 1986, kuiz tersebut dimenangi oleh Sekolah Menengah Victoria Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1987 kuiz ini tidak lagi diadakan kerana kekurangan peruntukan dan penaja yang sanggup membiayai kos penganjuran. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa negeri masih meneruskan penganjuran kuiz di peringkat negeri masing-masing. Kali terakhir piala ini dipertandingkan ialah pada tahun 1995 yang dimenangi oleh SMK Ungku Aziz, Sabak Bernam, Selangor.<sup>73</sup> Seterusnya turut diadakan juga pertandingan kuiz sejarah Malaysia bagi merebut Piala Kenangan Aminuddin Baki yang dianjurkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 1978. Pada tahun 1980, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu menjadi Menteri Pendidikan telah menyumbangkan piala ini sebagai kenangan kepada tokoh pendidik iaitu Aminuddin Baki.<sup>74</sup>

<sup>72</sup> Portal Rasmi BTP, ‘Pertandingan Menulis Esei Sejarah Malaysia’, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://btp.moe.gov.my/btp/index.php/home/pengumuman/pemberitahuan/18>.

<sup>73</sup> Pertandingan Sejarah ‘Kuiz Sejarah dan Patriotisme’, Persatuan Sejarah Malaysia, Anjung Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, Malaysia. <http://www.psm.org.my/index.php/aktiviti/pertandingan-sejarah/pertandingan-kuiz-sejarah>.

<sup>74</sup> Ibid.

Pada tahun 1982, dalam suatu ucapan oleh Encik Sulaiman Daud iaitu Menteri Pelajaran Malaysia mengatakan kuiz sejarah adalah suatu pendekatan untuk memupuk minat terhadap sejarah. Aspek ini merupakan galakan terus menerus yang bertujuan membimbing generasi muda memahami peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan negara. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan merupakan salah satu usaha untuk memupuk semangat pelajar dan membentuk pemikiran pelajar terhadap sesuatu perkara.<sup>75</sup>

Malahan, bukan setakat pertandingan kuiz menjadi aktiviti utama, namun terdapat strategi dengan mewujudkan imaginasi sejarah dalam bentuk lukisan dan gambar serta potret menerusi buku *The History Book* yang kemudiannya dialihbahasakan *Buku Sejarah Dunia Moden* oleh Carol Baum Schmorleitz pada tahun 1985. Menerusi lukisan dan lakaran, seseorang itu cuba menyelami setakat mana pengajaran di sekolah berdasarkan sukatan pelajaran telah mempengaruhi dan meresap ke dalam imaginasi serta pemikiran pelajar sehingga menjelmakan kembali pemahaman mereka dalam bentuk lukisan lakaran.<sup>76</sup>

Seterusnya peraduan gambar, lukisan dan potret ini turut dijalankan di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan sepanjang tahun. Peraduan yang dikenali sebagai Peraduan Mengarang dan Melukis Sejarah Malaysia anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri menunjukkan sambutan yang diberi amat menggalakkan dan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Misalnya peraduan yang diadakan pada Disember 1980 yang mana jawatankuasa pusat telah menerima sebanyak 50 keping lukisan yang bermutu tinggi dan wujud nilai estetika yang cantik. Menurut Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Dato' Musa Hitam menyatakan

<sup>75</sup> YB Datuk Dr. Sulaiman Daud, ‘Ucapan Pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Akhir Kuiz Sejarah’, Menteri Pelajaran Malaysia merangkap Naib Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia, Johor: Johor Bharu, 19 Jun 1982.

<sup>76</sup> Carol Baum Schmorleitz, *Buku Sejarah Dunia Moden*, Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial, 1985.

bahawa usaha ini dapat membantu Kementerian Pendidikan dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah.<sup>77</sup>

Peraduan ini turut diadakan pada Februari 1982 sehingga 26 November 1982.

Sebanyak 87 buah karangan dari semua peringkat diterima, manakala dari bahagian lukisan pula sebanyak 200 buah lukisan telah diterima dari seluruh negara dan lukisan-lukisan ini telah dipamerkan. Daripada laporan hakim, mutu pertandingan baik karangan mahupun lukisan adalah sangat baik dan tidak mengecewakan. Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan Sejarah sebagai salah satu kurikulum di sekolah adalah memuaskan. Berdasarkan kenyataan oleh Prof. Khoo Kay Kim yang menjadi ketua hakim pada kedua-dua tahun peraduan tersebut mengatakan esei-esei bagi sekolah menengah atas dan maktab memperlihatkan beberapa ciri yang sangat menarik dan memperlihatkan mutu yang tinggi. Peraduan ini telah berjaya menanam sikap wajar kepada para peserta dan menunjukkan para peserta memberi komitmen yang tinggi dalam pertandingan tersebut.<sup>78</sup>

Seterusnya antara program lain yang dilaksanakan ialah Bengkel Sejarah Tempatan yang diadakan pada 22 dan 23 Mac 1983 di bilik Mesyuarat Pusat Perkembangan Kurikulum. Program ini disertai oleh lebih 30 orang peserta yang terdiri dari Sekolah, Arkib Negara, Persatuan Sejarah Malaysia dan universiti. Program ini dilaksanakan bagi memupuk perasaan kekitaan dan bangga terhadap sejarah negara sendiri serta menggalakkan kajian sejarah tempatan secara lebih sistematik dan berkesan. Keberkesanan program ini dapat dilihat apabila pengajian tentang sejarah tempatan telah mula mendapat tempat dalam kurikulum sekolah, maktab perguruan dan institut pengajian tinggi.<sup>79</sup>

Jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha yang telah dilakukan oleh badan-badan ini memberi sumbangan yang sangat besar kepada pelajar dan guru dalam

<sup>77</sup> YB Dato' Musa Hitam, 'Ucapan pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Mengarang Sejarah Malaysia', Menteri Pelajaran Malaysia, 3 Disember 1980.

<sup>78</sup> Berita Minggu, 24 Oktober 1982, hlm. 17.

<sup>79</sup> Laporan Tahunan, 'Persatuan Sejarah Malaysia', Mesyuarat Tahunan Majlis ke-29, 12 April 1983, hlm. 28-33.

meningkatkan dan memartabatkan pendidikan sejarah. Malahan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah adalah satu usaha padu ke arah memartabatkan pembelajaran Sejarah pada peringkat sekolah. Kerjasama ini sekurang-kurangnya dapat membantu pihak sekolah dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Malahan kerjasama yang dimainkan oleh badan-badan induk pendidikan ini juga antara strategi yang digunakan untuk meningkat dan memartabatkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bersesuaian dengan matlamatnya sebagai salah satu alat penyatuan bangsa.

Pada tahun 1985, Arkib Negara Malaysia pula dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah menganjurkan pertandingan Kuiz Perdana Sekolah-Sekolah. Kuiz Perdana yang mula dilaksanakan pada tahun 1985 ini merupakan projek perintis kepada pertandingan yang dinaikkan tarafnya ke peringkat kebangsaan mulai tahun 1986 di Lembah Klang melibatkan 69 buah sekolah. Menurut Encik Sulaiman Haji Daud iaitu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kuiz yang dilaksanakan ini dapat menanam semangat cintakan negara dan kewarganegaraan terutamanya melalui pemahaman pelajar-pelajar terhadap sumbangan dan jasa-jasa tokoh-tokoh negara. Melalui usaha ini juga, dapat menggalakkan pelajar-pelajar sekolah untuk mengkaji bahan-bahan mengenai tokoh-tokoh dan peristiwa bersejarah yang tersimpan di Arkib Negara untuk menjalankan kajian dan rujukan kepada *primary sources* mengenai sejarah Malaysia.<sup>80</sup>

Aspek ini turut diakui oleh Hj. Murad Mohd Noor selaku Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia bahawa pertandingan Kuiz Perdana ini lebih mendekatkan lagi pelajar-pelajar dengan bahan-bahan sejarah yang terdapat di Arkib Negara Malaysia selain pengetahuan sejarah yang terdapat dalam buku teks. Malahan pertandingan sebegini bukan sahaja memberi peluang pelajar-pelajar

<sup>80</sup> Noorzahidah Mohd Zain et.al, Arkib Negara Malaysia: Sejarah Penubuhan dan Cabaran Masa Kini, *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil 1 (1) 2013, hlm. 44-58.

meluaskan lagi pengetahuan sejarah, tetapi yang lebih pentingnya dapat membentuk nilai dan semangat jati diri. Sikap ini dapat membantu melahirkan warganegara yang cintakan negara dan sedia berkorban untuk membangunkan negara.<sup>81</sup>

Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa pengetahuan tentang sejarah negara memungkinkan masyarakat dapat berfikir dan membuat perhitungan yang waras bagi menyelesaikan masalah-masalah masa kini dan masa depan. Apa yang dinilai sebagai baik dijadikan pedoman dan yang buruk pula dijadikan sempadan. Mereka yang tidak belajar dari sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan berkali-kali.

Beliau turut berkata:

Jika sejarah menjadi panduan kita maka apa yang perlu kita buat sekarang ialah mengukuhkan perpaduan, mengurus pemerintahan dengan baik, merancang pembangunan, melaksanakan rancangan ini dengan penuh minat dan dedikasi dan seterusnya jika ada apa-apa yang terkurang maka tindakan mestilah diambil untuk mengisi kekurangan ini. Jika kita kurang ilmu, maka hendaklah kita berusaha mempelajari dan mengumpul ilmu-ilmu ini. Jika kita kekurangan kecekapan maka hendaklah kita latihkan diri sehingga kita cekap. Jika kita miskin maka hendaklah kita berusaha untuk mendapatkan kekayaan.

Justeru, ini pelajaran-pelajaran yang boleh diperoleh dari sejarah. Sesungguhnya dengan mempelajari sejarah sebagai bahan akademik dan sebagai satu daripada bidang kemanusiaan adalah terlalu sempit dan cetek. Sejarah mesti dipelajari bagi mendapatkan panduan daripadanya untuk mengelak daripada segala malapetaka dan dari dimusnahkan oleh masa. Ini peranan sejarah dan ini gunanya yang sebenar.<sup>82</sup>

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa pelbagai langkah dan strategi telah dilakukan dalam usaha menangani masalah dalam pembelajaran Sejarah sama ada di peringkat sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Arkib Negara Malaysia mahupun Persatuan Sejarah Malaysia. Tujuannya agar pendidikan sejarah dapat dimartabatkan dan terus segar serta berkembang dengan baik

<sup>81</sup> Kata-Kata Aluan, Datuk Dr. Sulaiman Daud dan Haji Murad Mohd Noor, dalam Perasmian Pertandingan Awal Kuiz Perdana Sekolah-Sekolah, Anjuran Arkib Negara Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Auditorium Arkib Negara Malaysia, 16 Mac 1985, hlm. i - ii.

<sup>82</sup> Mahathir Mohamad, 'Koleksi Arkib Ucapan', Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Mengarang dan Melukis Sejarah Malaysia, Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 11 Februari 1984, hlm. 1-2.

untuk generasi kini dan akan datang selain memberi dan menyalurkan maklumat-maklumat baru mengenai sejarah kepada pendidik atau pelajar dalam segenap peringkat.

### **Kredibiliti Guru Sejarah**

Peranan insan bergelar guru adalah amat penting dalam usaha merintis dan menerajui perubahan demi melonjakkan institusi pendidikan dan melahirkan insan yang memberi sumbangan kepada kemakmuran negara. Seseorang yang digelar sebagai pendidik mempunyai peranan profesional bukan sahaja untuk mengajar tetapi juga merupakan pemimpin. Kepimpinan adalah keupayaan seseorang individu untuk mempengaruhi, memotivasi dan membolehkan orang lain menyumbang ke arah keberkesanan dan kejayaan sebuah organisasi. Kejayaan yang dicapai ini melambangkan kredibiliti guru dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan untuk digunakan pada masa kini dan juga masa hadapan.

Oleh yang demikian, Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk Dr. Sulaiman Daud telah mengingatkan guru-guru tentang peranan mereka dalam menanam semangat cintakan negara dan menghargai kemerdekaan dalam kalangan pelajar.<sup>83</sup> Malahan permasalahan yang melibatkan pembelajaran Sejarah juga dikaitkan dengan guru, maka beberapa pendekatan dilakukan dalam membaiki dan menangani masalah yang berlaku terutamanya melibatkan kredibiliti guru Sejarah. Perancangan yang teliti dan kaedah yang digunakan oleh guru adalah untuk memahamkan pelajar tentang pelajaran yang diajar. Justeru, kredibiliti dan keupayaan seseorang guru bergantung kepada perancangan dan gerak kerja yang dilakukan. Maka, suatu pendekatan sistematik perlu dilakukan oleh guru dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan melalui pengkaedahan yang sesuai bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan di bilik darjah. Apa yang nyata di sini kredibiliti guru adalah cara guru menggunakan pelbagai

---

<sup>83</sup> Berita Harian, 3 September 1982, hlm. 5.

model, pendekatan dan strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya melibatkan mata pelajaran Sejarah.

Pendekatan yang dilakukan untuk membaiki dan menangani kemelut permasalahan dalam mata pelajaran Sejarah antaranya dengan menggunakan Teori Pemprosesan Maklumat Gagne yang telah diperkenalkan sejak tahun 1916. Sebagaimana sedia maklum bahawa mata pelajaran Sejarah perlu kepada banyak pembacaan dan penghafalan, maka pendekatan teori ini adalah amat bertepatan di mana teori ini mengkaji cara seseorang menerima dan memproses maklumat yang diterima melalui deria. Maklumat yang dihasilkan digunakan untuk bertindak dengan persekitaran atau disimpan dalam memori jangka panjang. Langkah awal yang disarankan adalah, guru akan memberi motivasi kepada pelajar, aktiviti pemerhatian dan pemilihan rangsangan yang tepat, merekodkan fakta dan penyimpanan fakta sehingga aspek peneguhan. Fasa motivasi ini adalah tindakan yang menimbulkan motif untuk belajar. Di sini guru Sejarah memainkan peranan untuk memotivasi dan memupuk minat pelajar untuk membaca kerana mata pelajaran Sejarah memerlukan banyak pembacaan. Dalam konteks pembelajaran Sejarah, pendekatan yang digunakan ini perlu diulang-ulang.<sup>84</sup>

Pendekatan berikutnya berkait dengan psikologi pelajar dari segi teori yang dikemukakan oleh Woolfolk menunjukkan bahawa para pelajar tidak gemarkan dendaan yang dikenakan terhadap mereka. Peneguhan negatif seperti dendaan menyebabkan pelajar tidak selesa. Justeru, pendekatan yang digunakan oleh seseorang guru adalah berhati-hati apabila memberikan peneguhan negatif kepada pelajar kerana aspek tersebut mungkin dianggap sebagai hukuman dan pelajar akan berasa rendah diri apabila dihukum. Hal ini menyebabkan tarikan minat pelajar untuk belajar telah berkurangan, sementelahan pula membabitkan mata pelajaran yang kurang

---

<sup>84</sup> Tor Geok Hwa, 'Kajian Tindakan: Masalah Pembelajaran Sejarah', Sintok Kedah: Universiti Utara Malaysia, 2004, hlm. 17.

memberangsangkan mereka.<sup>85</sup> Oleh yang demikian, guru-guru diperkenalkan dengan teknik-teknik pengajaran yang berkesan serta menarik minat pelajar, misalnya teknik menggunakan akhbar dalam bilik darjah (ADD). Dengan cara ini, para pelajar berasa seronok, bertambah minat, faham, menghayati bahan yang diajar, meningkatkan kemahiran dan aspek kognitif serta manipulasi mereka dan dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan proses pengajaran yang telah dijalani.<sup>86</sup>

Selain itu, guru-guru digalakkan menggunakan pelbagai teknik tersendiri bagi membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah menggunakan alat bantu mengajar yang menarik. Penggunaan alat bantu mengajar seperti carta, gambar dapat menjelaskan lagi sesuatu konsep yang disampaikan oleh guru. Demikian juga guru perlu berfikiran positif dalam menyediakan peluang pembelajaran dengan mengambil kira gaya pembelajaran yang disarankan. Misalnya gaya pembelajaran oleh Dunn.R dan Dunn.K atau gaya pembelajaran Kolb dan McCarthy.<sup>87</sup> Berdasarkan kajian yang bertajuk ‘Survey of Research on Learning Styles’ oleh Rita Dunn telah membuktikan bahawa pelajar yang berjaya belajar dengan lebih berkesan serta berupaya mengekalkan apa yang dipelajari dengan lebih lama apabila pelajar tersebut diajar berdasarkan kekuatan pengamatan dan suasana pengajaran yang mengambil kira cara-cara dan gaya pelajar belajar.<sup>88</sup> Malahan, guru perlu bijak mengambil peluang untuk meningkatkan diri dengan menerima lebih banyak pendedahan kepada perkembangan semasa dalam bidang pendidikan melalui latihan supaya maklumat yang diperoleh boleh disampaikan kepada lebih ramai guru yang lain. Hal ini kerana tanggungjawab sebagai seorang guru adalah kompleks, iaitu guru bukan sahaja perlu mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar, tetapi juga perlu menaikkan dan memartabatkan pendidikan, khususnya terhadap bidang yang dikuasai.

<sup>85</sup> A.E. Woolfolk, *Educational Psychology*, 3<sup>rd</sup>, New Jersey: Prentice Hall Inc, 1979, hlm. 23.

<sup>86</sup> Berita Harian, 4 Februari 1986, hlm.11.

<sup>87</sup> Muhammad Aziz Shah Mohamad Arif et.al, ‘Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif’, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016, hlm. 23.

<sup>88</sup> Rita Dunn, Jeffrey Beaudry & Angela Klaves, ‘Survey of Research on Learning Styles’, *Education Leadership*, Vol. 46, no. 6 March, 1989, hlm. 50-53.

Seterusnya pendekatan yang dilakukan dalam menangani permasalahan dalam mata pelajaran Sejarah adalah dengan pelaksanaan pendekatan proses, yang mana tujuan utama pembelajaran adalah mengembangkan kemampuan pelajar dalam keterampilan proses seperti mengamati, merencanakan, mentafsirkan dan mengkomunikasikan. Pendekatan keterampilan proses digunakan dan dikembangkan sejak kurikulum 1984. Penggunaan pendekatan proses menuntut keterlibatan langsung pelajar dalam proses pembelajaran terutamanya melibatkan mata pelajaran Sejarah. Pelajar-pelajar digalakkan untuk mengeluarkan pendapat dan idea sendiri.<sup>89</sup> Hal ini diketengahkan terutamanya dalam tahun-tahun 1980-an ketika pelaksanaan KBSR dan KBSM.

### ***Lawatan ke Tempat Bersejarah***

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979, Rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh negara mulai tahun 1983 yang menjurus kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Matlamat utama kurikulum baru ini adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh. Bagi mencapai matlamat tersebut, maka pendidikan di peringkat rendah bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami, meminati, menikmati dan menyertai aktiviti-aktiviti amal, kesenian dan rekreasi dalam lingkungan kebudayaan nasional.

Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyarankan dan berusaha gigih memastikan pelajar-pelajar mendapat manfaat maksimum dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini. Langkah pewajiban sedemikian sesungguhnya telah lama dipelopori dan

---

<sup>89</sup> Budhi Citra Wati, ‘Pendekatan Pembelajaran’, <https://bubudcitra.wordpress.com/1pm/macam-macam-pendekatan-pembelajaran/> (tarikh diakses 14 Mac 1990).

diamalkan oleh negara-negara maju seperti Jerman, Perancis, Amerika Syarikat dan Jepun. Justeru itu, kaedah ini diterapkan dalam pembelajaran di negara ini khususnya untuk mata pelajaran Sejarah. Pembelajaran di luar bilik darjah seperti Kerja Kursus Sejarah yang melibatkan lawatan ke tempat-tempat bersejarah telah menjadi komponen teras di United Kingdom seawal tahun 1932.<sup>90</sup> Demikian juga dengan peranan guru yang menggunakan pelbagai kemahiran dan kepakaran yang ada pada diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Aspek ini antara yang telah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di negara ini. Hal ini berikutan pembelajaran di luar bilik darjah merupakan antara langkah dan strategi yang digunakan oleh guru terhadap mata pelajaran yang diajar. Kaedah ini juga merupakan antara kredibiliti guru untuk menarik minat pelajar kerana pada ketika itu pelajar dideakah dengan persekitaran baru dan sebenar terutamanya ketika mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah.

Pelajar-pelajar dideakah dengan bermacam-macam fakta, bukti artifak dan peristiwa-peristiwa perjuangan pelbagai lapisan rakyat yang berganding bahu dengan pahlawan dan pemimpin bagi memartabatkan negara di persada merdeka, berwibawa dan berdaulat. Terbukti dengan jelas bahawa pelajar-pelajar akan memperoleh lebih pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan penghayatan apabila melawat ke tempat-tempat bersejarah terutama yang terdapat dalam buku teks.

Malahan kaedah ini memberi pendedahan kepada pelajar dan secara tidak langsung menarik minat pelajar terhadap Sejarah. Minat akan membahukan dan menghasilkan suatu mekanisme dalam diri pelajar untuk menyemat semangat jati diri dan semangat ingin tahu berkaitan negara. Melawat tempat bersejarah bukan sahaja berkesan kepada pelajar-pelajar, malah kaedah ini turut memberi idea kepada pejuang-pejuang atau warga tua dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah. Ini yang dilakukan oleh syarikat Utusan Malaysia Berhad dan The New Straits Times dengan

---

<sup>90</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, November 1979, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984.

membawa 460 orang pejuang tanah air yang menentang pembentukan Malayan Union dengan melawat ke tempat-tempat bersejarah.<sup>91</sup> Hal ini selaras dengan konsep pendidikan yang tidak terhad kepada pembelajaran di bilik darjah tetapi meliputi seluruh gerak laku individu di luar sekolah termasuk di bandar, luar bandar, pedalaman, hutan, pergunungan dan kepulauan. Pelajar-pelajar dapat membina sosialisasi dengan rakan-rakan dan berinteraksi dengan alam persekitaran.<sup>92</sup> Jelas bahawa pelaksanaan kaedah lawatan ke tempat sejarah mempunyai nilai jangka pendek dan jangka panjang untuk kebaikan pelajar.

Malahan menurut Syarifah Alwiyah Alsagof, sebagai seorang guru yang berkesan dalam proses pengajaran, ia perlu menguasai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan pelajarnya. Guru bukan semata-mata perlu memiliki ilmu pengetahuan terkini malah lebih daripada itu guru-guru perlu memahami dan menyelami kehendak pelajar termasuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Maka dengan ini segala tugas guru boleh dilaksanakan dengan lebih mudah dan berkesan.<sup>93</sup> Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa peranan guru bukan sekadar untuk menyampaikan maklumat semata-mata dengan menggunakan teknik yang sama, tetapi guru juga telah menggunakan pelbagai usaha mempelbagaikan kaedah pengajaran agar pelajar tidak mudah bosan dengan penyampaian isi kandungan sesebuah mata pelajaran yang diajar terutamanya melibatkan mata pelajaran Sejarah.

### ***Komik, Akhbar dan Lukisan***

Sejak awal tahun 1940-an lagi, ramai pendidik di Amerika Syarikat seperti W.W.D. Sones dan yang lainnya menjalankan satu siri kajian dengan menggunakan buku komik dalam pendidikan yang memberikan data untuk kegunaan mereka sendiri. Komik merupakan kurikulum sokongan yang muncul ketika Jurnal Pendidikan

<sup>91</sup> Utusan Malaysia, 29 Ogos 1983, hlm. 2.

<sup>92</sup> Abdul Razaq and Isjoni, *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*, Penerbitan bersama Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia, 2009, hlm. 127.

<sup>93</sup> Sharifah Alwiyah Alsagof, *Psikologi Pendidikan II*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd, 1987, hlm. 34.

Sosiologi menjadi tumpuan dalam tahun 1994 dalam volume 18, iaitu isu ke-4 mengikut judul. Akan tetapi, pada tahun 1954, F. Wertham menganggap komik berbahaya bagi pelajar tahap literasi, dan lama kelamaan dorongan kepada pendidik pro-komik telah dihentikan. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1970-an guru mula berani untuk menggunakan buku-buku komik lagi seperti RW Campbell dan R. Schoof.<sup>94</sup> Demikian halnya dalam pendidikan sejarah di Malaysia apabila terdapat juga dalam kalangan guru menggunakan buku komik bagi menarik perhatian pelajar. Misalnya buku *Kartun Sejarah Dunia Moden* yang diterbitkan oleh Institut Analisa Sosial pada tahun 1985 secara keseluruhannya menggunakan lakaran dan komik bergambar bagi menceritakan setiap isi kandungan yang terdapat dalam teks tersebut.<sup>95</sup>

Lakaran komik berserta penerangan yang terdapat dalam buku tersebut menarik minat pelajar untuk membaca dan memahami peristiwa sejarah yang hendak disampaikan. Unsur komik antara salah satu cara membimbing pelajar agar sukakan mata pelajaran Sejarah dan terus berminat untuk mendalami mata pelajaran ini. Komik dikatakan mampu menjadikan gaya pembelajaran di bilik darjah menjadi lebih santai dan secara tidak langsung boleh menjana pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar untuk berkarya atau berimaginasi. Pembelajaran menggunakan komik merupakan antara pedagogi guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang mampu memenuhi gaya pembelajaran pelajar melalui pembelajaran santai. Lakaran kartun atau komik memberi satu tarikan dan cara tersendiri menghasilkan input positif daripada pelajar untuk mendalami ilmu sejarah yang disampaikan melalui lakaran yang dilihat. Guru mempunyai pilihan untuk menggunakan kaedah kreatif ini supaya pelajar terhibur dan menyeronokkan sebagaimana buku *Kartun Sejarah Dunia Moden* pada 1985. Komik atau kartun ialah sebuah teknik penerbitan melalui gambar lukisan yang jelas

<sup>94</sup> Gene Yang, 'History of Comic in Education', Comic in Education dalam K.Koenke, *The Careful use of Comic Books*, Reading Teacher, no.34, 1981, hlm. 592-595. <http://www.humblecomics.com/comicsedu/history.html>.

<sup>95</sup> Buku Sejarah Dunia Moden, *Buku Kartun*, Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial, 1985.

dan menarik. Melalui buku kartun ini, maklumat dan fakta sejarah dikuasai oleh pelajar dalam gaya pembelajaran yang santai.

Sememangnya pengenalan pelbagai langkah, strategi, teknik dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah suatu usaha dan harapan agar pelajar dan guru bersama-sama menikmati arus pemodenan demi kemajuan pelajar. Misalnya kaedah penggunaan Akhbar Dalam Darjah (ADD) yang telah diketengahkan. Hal ini merupakan suatu strategi dalam memartabatkan pengajaran dan pembelajaran khususnya melibatkan pelajaran Sejarah.<sup>96</sup> Ruangan ‘Komik Hujung Minggu’ dalam akhbar *Berita Harian* yang memaparkan kisah Hang Tuah serta bahagian yang memaparkan kisah Tun Fatimah dapat menarik minat pelajar terhadap kisah sejarah terutamanya mata pelajaran Sejarah.<sup>97</sup> Komik dengan ilustrasi gambar yang menarik dapat memberi tarikan kepada pelajar untuk membaca dan mengikuti kisah selanjutnya. Hal ini tidak dapat dinafikan bahawa sejarah yang ditonjolkan dalam bentuk komik menarik perhatian pelajar untuk membaca dan mengikutinya.

Selain itu juga terdapatnya ruangan bimbingan SRP bagi mata pelajaran Sejarah yang dimuatkan dalam *Berita Harian*. Bimbingan SRP bagi mata pelajaran Sejarah ini disiarkan pada setiap hari Jumaat hasil daripada sumbangan guru-guru dan pemeriksa yang berpengalaman.<sup>98</sup> Oleh yang demikian, ruangan ini boleh diaplikasikan dalam bilik darjah untuk meningkatkan pembelajaran Sejarah yang lebih baik.

Jelas menunjukkan bahawa untuk memudahkan pembinaan pengetahuan dan kefahaman terhadap maklumat baru yang diterima semasa proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar memerlukan pendekatan pembelajaran yang merangsang mereka melalui teknik-teknik pembelajaran yang aktif. Justeru, selain aspek-aspek dan strategi di atas, guru Sejarah juga telah menjadikan pengajaran Sejarah lebih menarik dan berkesan dengan membincangkan isu semasa, permasalahan yang relevan dengan tajuk

<sup>96</sup> *Berita Harian*, 4 Februari 1986, hlm.11.

<sup>97</sup> *Berita Harian*, 1 Oktober 1982, hlm.15.

<sup>98</sup> *Berita Harian*, 20 September 1982, hlm.1.

yang dibincangkan dan melihat sejauh mana permasalahan itu berlaku sepanjang abad.<sup>99</sup>

Sementelahan pula pengajaran Sejarah telah menggariskan peraturan khusus untuk membina soalan bagi menilai prestasi pelajar. Menurut Gray, proses penilaian ialah satu proses yang sistematik untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang ditetapkan itu tercapai atau tidak. Hal ini seterusnya membolehkan guru membuat pertimbangan atau membuat keputusan yang tepat berhubung pengajaran dan pembelajaran mereka, terutama dalam usaha memartabatkan pembelajaran Sejarah dan mengurangkan masalah yang berlegar dalam mata pelajaran tersebut.<sup>100</sup>

Justeru dapat dirumuskan bahawa pelbagai usaha, langkah dan strategi telah dilakukan untuk menangani masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam tahun-tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan prihatin tentang kemelut yang membelenggu dalam mata pelajaran Sejarah sehingga pada tahun 1989, mata pelajaran ini dijadikan subjek teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah menengah. Langkah mengangkat mata pelajaran ini sebagai subjek teras kerana sepanjang tempoh tersebut, mata pelajaran ini sering mengalami pasang surut perkembangan, malah juga hampir luput daripada kurikulum sekolah menengah pada awal tahun 1980-an. Hal ini berikutan pada ketika itu, banyak sumber dan usaha ditumpukan terhadap penggubalan Kurikulum Bersepadu Kajian Kemasyarakatan bagi sekolah menengah dan menjelang awal tahun 1986, satu draf sukatan pelajaran telah disiapkan untuk menggantikan mata pelajaran ini. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1986, berlaku perubahan menteri pendidikan dan telah memutuskan agar mata pelajaran ini kekal sebagai satu mata pelajaran dan dijadikan mata pelajaran wajib untuk pelajar sekolah menengah. Oleh itu, asal-usul idea

<sup>99</sup> H.W. Marsh., B.M. Byrne., and S.Y. Yeung., ‘Causal Ordering of Academic Self-Concept and Achievement: Reanalysis of a Pioneering Study and Revised Recommendations’, *Educational Psychologist*, 34(3), 1999, hlm.155-167.

<sup>100</sup> Lee Shock Mee., *Pengujian dan Penilaian dalam Pendidikan*, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd, 1989, hlm. 3.

mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai subjek teras adalah keputusan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Encik Anwar Ibrahim. Malahan kedudukan mata pelajaran ini sebagai satu mata pelajaran di sekolah terjamin apabila ia dijadikan satu daripada mata pelajaran teras di bawah KBSM.<sup>101</sup>

## Kesimpulan

Setelah melalui tempoh masa yang agak panjang, mata pelajaran Sejarah yang melalui pelbagai cabaran dan halangan tidak terus dibiarkan dalam kemerluat permasalahan. Pelbagai pihak tampil memainkan peranan dalam usaha memperkuuh mata pelajaran ini dengan pelbagai langkah dan strategi baik dari aspek pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, badan-badan kerajaan dan peranan yang dimainkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia itu sendiri. Strategi utama dalam usaha memartabatkan pengajaran dan pembelajaran difokuskan kepada golongan pelaksana di peringkat sekolah. Guru merupakan perancang utama membentuk hala tuju pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kejayaan dan kegagalan menyampaikan wadah ini memberi impak kepada pelajar pada masa panjang. Perancangan pengajaran yang berkesan sentiasa dikedepankan agar dapat menghasilkan input yang berkualiti. Kaedah-kaedah pengajaran dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar, sekali gus memberi kesan positif terhadap ilmu yang disampaikan. Malahan juga, pihak kementerian sentiasa melakukan perubahan dan penambahbaikan terhadap kurikulum dan buku teks yang merupakan induk dalam sistem pendidikan di negara ini. Perbincangan, mesyuarat dan seminar-seminar sering dilakukan bagi mencapai suatu kesepakatan dan kesepadan idea yang perlu ditambah baik sama ada dalam kurikulum maupun buku teks. Demikian juga peranan yang disumbangkan oleh badan-badan kerajaan dan jabatan-

---

<sup>101</sup> Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris, *Perjuangan Memperkasa Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2008, hlm. 434-435.

jabatan pendidikan untuk memastikan mata pelajaran ini terus berkembang. Justeru, hubungan kerjasama pelbagai pihak dalam usaha memantapkan dan memartabatkan mata pelajaran Sejarah telah membawa perubahan besar terhadap mata pelajaran ini apabila pada tahun 1989 diangkat menjadi subjek teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah menengah.

## **BAB TUJUH**

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada keseluruhan bab, aspek penting kajian dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah telah merangkumi tempoh kajian yang telah diperjelaskan secara terperinci. Skop kajian dimulai selepas negara merdeka pada tahun 1957, namun begitu bagi mendapatkan gambaran keseluruhan berkaitan pengenalan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah, maka pada peringkat awal kajian turut merungkai sejarah pengenalannya dari peringkat akar umbi yakni sebelum negara merdeka. Tujuannya agar kajian ini dapat difahami secara jelas kedudukannya selepas merdeka sehingga mata pelajaran Sejarah diangkat menjadi mata pelajaran teras pada tahun 1989.

Pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia telah muncul semenjak wujudnya institusi pendidikan yang kemudiannya disesuaikan dari segi kaedah mahupun kepentingan mengikut perubahan masa dan keadaan. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, perkara yang paling ketara dalam pengajaran dan pembelajaran ialah tiadanya satu landasan atau falsafah yang khusus untuk mata pelajaran ini. Hakikatnya yang jelas pada ketika itu, pendidikan di Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran Inggeris, maka pembelajaran Sejarah juga selari dengan sistem pendidikan yang terdapat pada ketika itu.

Pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris hanya tertumpu kepada sejarah bangsa dan negara masing-masing. Malahan tiada peraturan khusus yang ditetapkan untuk melaksanakan sistem pembelajaran Sejarah. Selain daripada tidak mempunyai suatu landasan yang khusus, mata pelajaran Sejarah pada ketika itu juga mengalami pelbagai masalah dan kekangannya yang begitu ketara. Misalnya dari aspek kekurangan buku teks sama ada dari segi kuantiti atau kesesuaian kandungan terutamanya di sekolah-sekolah Melayu.

Demikian halnya dengan sekolah-sekolah vernakular lain yang perlu berusaha dan berdiri sendiri untuk pendidikan bangsa dan kaum mereka apabila buku-buku pendidikan mereka diimport dari negara asal serta sukanan pelajaran yang tidak selaras antara sebab yang membawa kepada kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah pada ketika itu. Selain kekurangan buku teks Sejarah, masalah lain pada ketika itu juga ialah tiadanya penerbitan dan penulisan sejarah secara akademik berkaitan Tanah Melayu dan Alam Melayu yang menyebabkan sumber atau rujukan banyak menjurus kepada bahan-bahan dan tulisan orang-orang Barat. Kesannya pendidikan sejarah pada ketika itu banyak mempelajari dan memfokuskan kepada kemajuan dan ketamadunan barat sehingga mengakibatkan pemahaman dan penilaian sejarah masyarakat tempatan terhadap negara ini menjadi was-was dan keliru.

Walau bagaimanapun, selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, berlaku perubahan dalam aspek dasar kerajaan yang telah menyebabkan sistem pendidikan di Malaysia turut berubah. Perubahan ini turut memberi kesan terhadap mata pelajaran Sejarah. Hal ini dapat dilihat secara jelas berdasarkan perubahan dan perkembangan secara berperingkat dalam Kurikulum Pelajaran Sejarah itu sendiri. Fokus kepada sejarah negara barat tidak lagi diberi keutamaan apabila buat pertama kalinya pada tahun 1967 iaitu selepas 10 tahun negara merdeka, mata pelajaran Sejarah telah diajar menggunakan sukanan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Malahan pelbagai dasar dalam pembelajaran Sejarah telah diperkenalkan agar pelajaran ini tidak terus terikat dengan pembelajaran Sejarah semasa pentadbiran British. Pengenalan pelbagai dasar ini telah mengubah pelajaran Sejarah ke arah pendidikan yang lebih menjurus kepada sejarah Malaysia dan matlamat pembelajaran Sejarah. Dasar-dasar yang diperkenalkan dalam pembelajaran Sejarah bertujuan untuk terus menghidupkan mata pelajaran itu dalam jiwa warganegara ini agar semangat sayangkan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan terus utuh dan kukuh antara semua kaum. Pelaksanaan Dasar Satu Sistem 1956, Dasar

Kesejagatan sehingga Dasar Sejarah Sebagai Subjek Teras pada tahun 1989 merupakan kemuncak dasar bagi meletakkan mata pelajaran Sejarah pada kedudukannya yang tersendiri setelah didapati mata pelajaran ini semakin terpinggir. Sesungguhnya, ketika itu telah wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat apabila terdapat gesaan agar kandungan dalam pembelajaran Sejarah diubah bagi mengembalikan identiti masyarakat dan sejarah negara ini supaya tidak lagi menjurus kepada pendidikan barat.

Pembelajaran Sejarah seterusnya melangkah dan bertapak sehingga tahun 1960-an, namun pelajaran ini masih lagi dalam lingkungan pendidikan Inggeris walaupun negara telah merdeka, malahan masih terkapai-kapai mencari suatu dasar yang kukuh agar tidak sekadar sebagai salah satu daripada cabang ilmu pendidikan sosial yang lain. Walau bagaimanapun, dalam tempoh tersebut, penubuhan sekolah rendah dan sekolah menengah kebangsaan berserta pengenalan Sukatan Pelajaran Sejarah merupakan suatu perkembangan yang agak baik dalam sistem pendidikan sejarah di negara ini. Akan tetapi, perubahan dan perkembangan ini masih berasaskan kepada sukanan dan pentadbiran sekolah Inggeris. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa Sukatan Pelajaran Sejarah pada tahun-tahun 1960-an masih tampak tiada perubahan besar jika dibandingkan dengan sukanan pelajaran pada zaman kolonial. Sesungguhnya usaha memperkuuh pelajaran Sejarah tidak pernah berhenti, malah sentiasa dibuat pengubahsuaihan dan pengemaskinian yang melibatkan aspek kurikulum sehingga berlaku perubahan besar dalam tahun-tahun 1970-an.

Perubahan besar yang berlaku dalam tahun-tahun 1970-an ini bukan disebabkan konsep sejarah telah diperluaskan, tetapi kerana kesedaran masyarakat di Tanah Melayu tentang kepentingan dan matlamat pelajaran Sejarah dalam membentuk masyarakat yang diperlukan oleh negara. Sementelahan pula masyarakat di Tanah Melayu yang diwakili oleh masyarakat pelbagai kaum, maka hubungan perpaduan dan kesepakatan perlu diwujudkan bagi membentuk sebuah negara yang harmoni. Apatah

lagi dengan detik hitam Peristiwa 13 Mei 1969 telah menjadi titik tolak kepada kesedaran tentang kemajmukan yang wujud dalam masyarakat di Malaysia. Kejahilan masyarakat terhadap sejarah negara sendiri mulai terasa. Kesilapan dalam pendidikan sejarah sebagai ilmu pendidikan sosial yang tidak mementingkan sejarah negara ini mula disedari. Malahan pada ketika itu juga iaitu di sekitar awal tahun-tahun 1970-an timbulnya kritikan-kritikan dan cadangan yang bertubi-tubi serta seminar-seminar telah membangkitkan lagi semangat dan menyemarakkan lagi keadaan. Oleh yang demikian, maka bermula usaha-usaha untuk mengkaji sejarah dan berusaha menempatkan sejarah Malaysia ke suatu kedudukannya yang tersendiri. Tumpuan utama pengkajian pada ketika itu dipusatkan kepada pengkajian dan penulisan sejarah Malaysia dari sudut kaca mata tempatan dan bukan lagi sejarah kolonial atau keagungan empayarnya. Dengan erti kata, kajian lebih ditumpukan dan dihalakan kepada aspek-aspek sejarah tempatan dan perkembangan yang berkaitan dengan Sejarah Malaysia. Walau bagaimanapun, sehingga pada tahun 1978, sekali lagi berlaku perubahan terhadap mata pelajaran Sejarah setelah Sukatan Pelajaran Sejarah yang baru diperkenalkan. Sukatan pelajaran ini telah menggariskan dengan jelas tentang falsafah pendidikan sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia yang menjurus kepada perpaduan kaum serta pemahaman latar belakang sejarah negara.

Selain itu, turut dilihat dalam konteks pelaksanaan kaedah pengajaran, strategi, langkah dan pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa sepanjang pelaksanaannya di peringkat sekolah, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah menggunakan pelbagai pendekatan tradisional dan masih terikat dengan kaedah pengajaran sewaktu zaman penjajah terutamanya pada awal tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Kaedah yang digunakan antaranya berbentuk perbincangan, ceramah, penceritaan, penerangan dan penggunaan buku teks. Semua kaedah ini adalah berpusatkan kepada guru sepenuhnya dan berorientasikan peperiksaan. Kaedah-kaedah yang digunakan ini jelas

menunjukkan kelemahannya yang ketara sehingga gagal menarik minat pelajar terhadap pembelajaran Sejarah dan berlaku kemerosotan dalam statistik keputusan peperiksaan Sejarah SPM tahun 1978 sehingga 1988. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga kalangan pelajar yang berminat terhadap pembelajaran ini, tetapi sekiranya mata pelajaran itu gagal menarik sebahagian besar pelajar, maka akan menjaskan keseluruhan matlamat yang hendak dicapai serta turut memberi impak kepada pencapaian dalam mata pelajaran tersebut secara keseluruhannya.

